




UNIVERSITI  
M A L A Y A

# LAPORAN TAHUNAN

2 0 2 0





### RASIONAL KULIT BUKU

Pohon hebat ini ditemui di Rimba Ilmu Universiti Malaya. Terasnya yang teguh melambangkan kekuatan dan tradisi Universiti, dahan-dahannya pula mewakili kepelbagaian kepentingan dan disiplin ilmu di Universiti ini.



# Kandungan

Latar Belakang .....	v
Maklumat Korporat .....	xii
01. Laporan Naib Canselor .....	1
02. Akademik dan Antarabangsa .....	23
03. Penyelidikan dan Inovasi .....	67
04. Hal Ehwal Pelajar .....	99
05. Pembangunan Sumber Manusia .....	133
06. Pembangunan Infrastruktur .....	145
07. Pembangunan Koleksi .....	183
08. Pusat Perubatan Universiti Malaya .....	189
09. Kewangan .....	227



# LATAR BELAKANG

Visi	vi
Misi	vi
Nilai - Nilai Teras	vi
Polisi Kualiti	vi
Piagam Pelanggan	vi
Matlamat Pendidikan	vi
Selayang Pandang	vii

## Visi

Untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

## Misi

Untuk memajukan ilmu pengetahuan dan pembelajaran melalui penyelidikan dan pendidikan berkualiti untuk negara dan kemanusiaan.

## Nilai-Nilai Teras

- Integriti
- Hormat
- Kebebasan Akademik
- Berfikiran Terbuka
- Keber tanggungjawaban
- Profesionalisme
- Meritokrasi
- Semangat Kerja Berpasukan
- Kreativiti
- Tanggungjawab Sosial

## Polisi Kualiti

Universiti Malaya beriltizam untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dan perkhidmatan yang berkualiti, menjana ilmu pengetahuan dan meningkatkan keilmuan melalui usaha penambahbaikan berterusan untuk manfaat semua pelanggan, khususnya pelajar Universiti Malaya.

## Piagam Pelanggan

Kami komited untuk:

- Menghasilkan graduan berkualiti melalui pengalaman pembelajaran yang transformatif dan kondusif.
- Menerajui pengetahuan termaju melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundingan.
- Menyediakan sumber tercanggih untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran dan penyelidikan.
- Memupuk dan mengurus bakat untuk keperluan negara.
- Terlibat secara aktif dalam usaha-usaha pembangunan negara dan masyarakat setempat.
- Menyediakan penyelesaian dan kapasiti pengetahuan kepada pihak industri dan organisasi.
- Mengantara bangsakan universiti untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

## Matlamat Pendidikan

Siswazah Universiti Malaya akan berkeupayaan untuk:

- Menunjukkan bahawa mereka berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengajian mereka, penyelidikan dan amalan profesional serta proses pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.
- Menggunakan kaedah yang berkesan termasuk teknologi semasa untuk mengurus maklumat, untuk mencapai kepelbagaiannya matlamat profesional selaras dengan piawaian profesional serta membuat keputusan berdasarkan maklumat dan hasil penyelidikan.
- Melibatkan diri dalam pembangunan kendiri dan pembangunan profesional secara berterusan, menyokong pembangunan profesional orang lain dan menunjukkan sikap kepimpinan dan profesional yang positif serta berbudi pekerti bagi amalan yang berkesan.
- Berkommunikasi secara berkesan dengan ahli profesional yang lain, masyarakat dan mempamerkan wawasan jelas terhadap tanggungjawab sosial.
- Menghayati dan sentiasa berpandukan nilai-nilai teras Universiti Malaya iaitu integriti, hormat, kebebasan akademik, berfikiran terbuka, keber tanggungjawaban, profesionalisme, meritokrasi, semangat kerja berpasukan, kreativiti dan tanggungjawab sosial.



## Selayang Pandang

Universiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama yang ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) dengan penggabungan King Edward VII College of Medicine (ditubuhkan pada 1905) dan Raffles College (ditubuhkan pada 1928) pada 8 Oktober 1949.

Penubuhannya menjadi pamacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan yang memiliki autonomi sendiri di Kuala Lumpur dan Singapura pada tahun 1959. Bagi memperkuatkan pendidikan tinggi di kedua-dua negara, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti awam. Dengan lulusnya Akta Universiti Malaya pada tahun 1961 oleh Parlimen, UM telah diiktiraf sebagai universiti awam di Malaysia.

UM yang dikenali pada hari ini secara rasminya diiktiraf sebagai universiti awam untuk Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Januari 1962. Matlamat awalnya untuk menyediakan pendidikan tinggi kepada penduduk Tanah Melayu telah berjaya melahirkan pemimpin dan intelektual dalam pelbagai bidang. Ketika Malaysia melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan, UM terus melipatgandakan usahanya bagi menjayakan

visi untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.


Dalam menjayakan wawasan murni ini, UM ditunjang oleh 2 akademi, 13 fakulti, 3 institut dan 3 pusat akademik yang merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi, sains sosial serta sains kemasyarakatan. UM juga mempunyai hospital pengajaran yang pertama dan terbesar di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Selain daripada itu, dalam usahanya memangkin penemuan dan perkembangan ilmu, Kluster Penyelidikan telah diwujudkan. Penubuhan kluster ini menawarkan penemuan terbaru dan penyelesaian terkini dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkuatkan dengan penubuhan pusat-pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajaran. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi

dan komersialisasi menjadi tonggak usaha UM dalam menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Berpegang utuh pada aspirasi nasional, UM terus memantapkan dan memperkuatkan kedudukannya dalam dunia akademik, baik di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa. UM berjaya menempatkan dirinya dalam kalangan 60 universiti terbaik dunia apabila berada pada kedudukan ke-59 dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2020/2021. Bagi QS Asia University Rankings 2020/2021 pula, UM berada di kedudukan ke-9. Selain itu, tiga subjek di UM turut tersenarai

dalam kelompok 50 terbaik dunia oleh QS World University Rankings by Subject 2020, iaitu *Library & Information Management, Development Studies* dan *Electrical & Electronic Engineering*. Dalam QS Graduate Employability Rankings 2020, UM berada dalam kelompok 141-150 di dunia. UM juga kekal sebagai institusi bertaraf 5 Bintang berdasarkan QS Stars University Rating System.

Tidak pernah alpa dengan segala pencapaian yang ada, UM terus memperkuatkan kedudukannya dengan meraih pelbagai pengiktirafan antarabangsa, antaranya:




Kesemua pencapaian dan pengiktirafan yang diterima jelas menobatkan UM sebagai universiti terbaik di Malaysia dan antara terbaik di pentas dunia.

Sejak penubuhannya pada tahun 1949, UM telah berjaya melahirkan lebih daripada 208,000 modal insan di negara ini. Antara pemimpin dan ikon yang dilahirkan oleh UM adalah YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin (Perdana Menteri), YAB Tun Dr. Mahathir Mohammad (Mantan Perdana Menteri), YBhg. Tun Abdullah

Haji Ahmad Badawi (Mantan Perdana Menteri), YB Dato' Seri Anwar Ibrahim (Mantan Timbalan Perdana Menteri), YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Hj Bakar (Mantan Ketua Setiausaha Negara), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Mantan Gabenor Bank Negara Malaysia), YBhg. Tan Sri Dr. Lim Wee Chai (Pengerusi Eksekutif Top Glove Corporation Bhd.), YBhg. Tan Sri Dato' Sri Liew Kee Sin, (Pengarah Eksekutif Eco World Development Group Bhd.), YBhg. Datuk Profesor Dr. Looi Lai Meng, YBhg. Datuk Profesor Dr. Harith Ahmad

(Profesor Ulung Negara), YBrs. Profesor Dr. Ng Kwan Hoong (Penerima Anugerah Merdeka 2020), mendiang Tan Sri Profesor Emeritus Khoo Kay Kim (Sejarawan Negara), Allahyarham Datuk Sudirman Hj. Arshad (Seniman Negara), YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah (pakar motivasi), YBhg. Datuk Aznil Haji Nawawi (personaliti televisyen), Cheryl Samad (personaliti televisyen), Pandelela Rinong Anak Pamg (atlet terjun Negara dan pemenang Olimpik), Shalin Zulkifli (bekas jaguh boling Negara) dan ramai lagi tokoh tersohor negara.

Selaras dengan usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam merealisasikan sistem pendidikan tinggi negara menuju ke arah pengantarabangsaan, UM komited dan terus cemerlang dalam menjalankan usahasama dengan institut penyelidikan dan universiti terkemuka dunia di 74 buah negara. Antara institusi ternama antarabangsa yang menjalankan kerjasama secara aktif dengan UM adalah:



Bagi memastikan kurikulum akademiknya menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, UM telah berjaya memperoleh akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Di peringkat nasional, kesemua program akademik di UM memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan profesional tempatan. Di peringkat antarabangsa pula, antara institusi dan badan profesional yang memberikan

akreditasi kepada UM adalah Washington Accord, Institution of Chemical Engineers, Royal Institution of Chartered Surveyors, Association of Building Engineers, Royal Institute of British Architects, Association of Chartered Certified Accountants, Chartered Institute of Management Accountants, Institute of Chartered Accountants England and Wales, Certified Practicing Accountants of Australia, SMBG-Eduniversal France, Royal College of Surgeons of England, Institute of Physics and

Engineering in Medicine, Association of MBAs, Association to Advance Collegiate Schools of Business, Royal Society of Chemistry dan banyak lagi. Pengiktirafan yang diterima ini membuktikan bahawa program akademik yang ditawarkan di UM bukan sahaja relevan dalam negara malah turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2018, UM turut menerima pengiktirafan serantau melalui penilaian institusi oleh ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA). Ini merupakan testimoni penting dan jaminan kualiti UM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berprestij dan bereputasi cemerlang di peringkat antarabangsa.

Sebagai universiti terulung di negara ini, UM akan terus meningkatkan usaha agar berada pada takuk yang lebih tinggi di peringkat tempatan mahupun antarabangsa sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang diiktiraf, dihormati dan disegani dunia.

# MAKLUMAT KORPORAT

Canselor .....	xii
Pro-Canselor .....	xiii
Lembaga Pengarah Universiti .....	xiv
Pengurusan Universiti .....	xv
Penolong Naib Canselor .....	xvi
Pegawai Utama Pusat Tanggungjawab Akademik .....	xvii
Carta Organisasi .....	xviii
Lembaga Pengurus PPUM .....	xx

# Canselor



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan  
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah  
ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

## Pro-Canselor



Toh Puan Dato' Seri  
Hajjah Dr. Aishah Ong



Tan Sri Dato' Seri  
DiRaja Ramli Ngah Talib



Tan Sri Dato' Seri  
Siti Norma Yaakob

# Lembaga Pengarah Universiti



- 1 PENGERUSI**  
YM Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim
- 2 NAIB CANSELOR**  
YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor
- 3 YBrs. Ar. Saifuddin Ahmad**
- 4 Profesor Dr. Rofina Yasmin Othman**
- 5 YBrs. Dr. Sivabalasingam a/l Veerasingam**
- 6 YBhg. Tan Sri Zarinah Anwar**
- 7 YBhg. Datuk Profesor Madya Dr. Rozaidah Talib**
- 8 YBhg. Datuk Rosnah Hj. Abd Rashid Shirlin**
- 9 YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff**
- 10 YBhg. Tan Sri Dato' Dr. R. Palan**
- 11 YBhg. Tan Sri Abd Rahim Mohamad**
- 12 PEMANGKU PENDAFTAR / SETIAUSAHA**  
YBrs. Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman

(Dikemas kini sehingga  
31 Disember 2020)

# Pengurusan Universiti



**1 NAIB CANSELOR**  
YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr.  
Mohd Hamdi Abd Shukor

**2 TIMBALAN NAIB  
CANSELOR (AKADEMIK &  
ANTARABANGSA)**  
YBrs. Profesor Dr.  
Kamila Ghazali

**3 TIMBALAN NAIB  
CANSELOR  
(PENYELIDIKAN & INOVASI)**  
YBrs. Profesor Dr.  
Noorsaadah Abd. Rahman

**4 TIMBALAN NAIB  
CANSELOR  
(PEMBANGUNAN) &  
MENJALANKAN FUNGSI  
SEBAGAI TIMBALAN NAIB  
CANSELOR (HAL EHWAL  
PELAJAR)**  
YBrs. Profesor Ir. Dr.  
Abdul Aziz Abdul Raman

**5 BENDAHARI**  
YBrs. Encik  
Wan Mohd Sofi  
Wan Mustapha

**6 KETUA PUSTAKAWAN**  
YBrs. Dr. Khasiah Zakaria

**7 PENGARAH PUSAT  
PERUBATAN UNIVERSITI  
MALAYA**  
YBrs. Profesor Dr.  
Nazirah Hasnan

**8 PEMANGKU PENDAFTAR**  
YBrs. Profesor Ir. Dr.  
Noor Azuan Abu Osman

# Penolong Naib Canselor



- 1 PENOLONG NAIB CANSELOR (ANTARABANGSA)  
Profesor Madya Dr. Yong Zulina Zubairi
- 2 PENOLONG NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)  
Profesor Dr. Rofina Yasmin Othman
- 3 PENOLONG NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)  
Profesor Dr. Shaliza Ibrahim

# Pegawai Utama Pusat Tanggungjawab Akademik

## Akademi Pengajian Islam

YBhg. Datin Profesor Dr. Raihanah Hj. Abdullah Pengarah

## Akademi Pengajian Melayu

YBrs. Profesor Madya Dr. Salinah Ja'afar Pengarah

## Fakulti Alam Bina

YBrs. Profesor Madya Dr. Sr. Anuar Alias Dekan

## Fakulti Bahasa dan Linguistik

YBrs. Profesor Madya Dr. Surinderpal Kaur Chanan Singh Dekan

## Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran

YBrs. Profesor Dr. Edmund Terence Eric Boniface Gomez Dekan

## Fakulti Farmasi

YBrs. Profesor Madya Dr. Hasniza Zaman Huri Dekan

## Fakulti Kejuruteraan

YBrs. Profesor Dr. Saad Mekhilef Dekan

## Fakulti Pendidikan

YBrs. Profesor Dr. Rohaida Mohd Saat Dekan

## Fakulti Pergigian

YBrs. Profesor Dr. Sabri Musa Dekan

## Fakulti Perniagaan dan Perakaunan

YBrs. Profesor Dr. Che Ruhana Isa Dekan

## Fakulti Perubatan

YBrs. Profesor Dr. April Camilla Roslani Dekan

## Fakulti Sains

YBrs. Profesor Dr. Ismail Yusoff Dekan

## Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

YBhg. Datin Profesor Dr. Sameem Abdul Kareem Dekan

## Fakulti Sastera dan Sains Sosial

YBhg. Datuk Profesor Dr. Danny Wong Tze Ken Dekan

## Fakulti Undang-Undang

YBhg. Dato' Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin Hj. Sabaruddin Dekan

## Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan

YBrs. Profesor Dr. Shakila Parween Yacob Pengarah Eksekutif

## Institut Asia-Eropah

YBrs. Profesor Madya Dr. Jatswan Singh Harnam Singh Pengarah Eksekutif

## Institut Pengajian Termaju

YBrs. Profesor Dr. Zulqarnain Mohamed Dekan

## Pusat Asasi Sains

YBrs. Profesor Dr. Ibrahim Mohamed Pengarah

## Pusat Kebudayaan

YBrs. Profesor Madya Dr. Mohd Nasir Hashim Pengarah


## Pusat Sukan dan Sains Eksesais


YBrs. Profesor Madya Dr. Abdul Halim Mokhtar Pemangku Pengarah

## Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya

YBrs. Dr. Amirrudin Kamsin Pemangku Pengarah

# Carta Organisasi





# Lembaga Pengurus PPUM



1



2



3



4



5



6



7



8

- 1 PENGURUSI  
YBrs. Ar. Saifuddin Ahmad  
Ahli Lembaga Pengarah  
Universiti Malaya

## AHLLI-AHLLI

- 2 NAIB CANSELOR,  
UNIVERSITI MALAYA  
YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr.  
Mohd Hamdi Abd Shukor
- 3 KETUA SETIAUSAHA,  
KEMENTERIAN PENGAJIAN  
TINGGI  
Datuk Seri Dr. Mazlan bin  
Yusoff
- 4 WAKIL, KETUA PENGAJAH  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
Dr. Ahmad Razid bin Salleh
- 5 WAKIL, KETUA  
SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN  
KEWANGAN  
Cik Rosanizi binti Ahmad
- 6 DEKAN, FAKULTI  
PERUBATAN UNIVERSITI  
MALAYA  
Profesor Dr. April Camilla  
Roslani
- 7 PENGARAH PUSAT  
PERUBATAN UNIVERSITI  
MALAYA  
YBrs. Profesor Dr.  
Nazirah Hasnan

## SETIAUSAHA LEMBAGA PENGURUS

- 8 Timbalan Pengarah  
(Pengurusan)  
Pusat Perubatan Universiti  
Malaya  
Encik Iskandar bin Ahmad

Dikemas kini sehingga  
31 Disember 2020

# 01 LAPORAN NAIB CANSELOR

1.1 PENGENALAN .....

3

1.2 LAKARAN PENCAPAIAN 2020 .....

3





## 1.1 PENDAHULUAN

Pelbagai kisah dan peristiwa telah dirakamkan oleh Universiti Malaya sepanjang tahun 2020 yang sungguh mencabar. Namun, atas rasa kecintaan dan tanggungjawab terhadap negara, Universiti Malaya melalui jerih perih usaha yang tidak berbelah bahagi seluruh warganya terus gagah mengharungi cabaran yang tiba.

Segala yang dirancang dan dicapai sepanjang 2020 merupakan bukti kesungguhan dan iltizam Universiti Malaya dalam memartabatkan ilmu sebagai sebuah institusi menara gading terulung di Malaysia dan di persada antarabangsa. Sokongan dan dorongan dari pelbagai pihak berkepentingan seperti Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia, Lembaga Pengarah Universiti serta pihak industri dan majikan turut memainkan peranan dalam perancangan Universiti Malaya melakar pencapaian cemerlangnya.

Dalam usaha meneruskan prestasi terbaik dan meningkatkan kecemerlangannya, segala perancangan yang dilaksanakan oleh Universiti Malaya sentiasa berlandaskan kepada pelan strategik universiti 2016-2020 yang telah dibentuk melalui perancangan yang teliti mengambil kira

pandangan dan buah fikiran pelbagai lapisan pemegang taruh Universiti. Segala aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan akan dipastikan hasilnya mampu memberikan impak yang positif bukan sahaja kepada Universiti malahan juga masyarakat umum dan negara.

## 1.2 LAKARAN PENCAPAIAN 2020

### 1.2.1 Pengiktirafan Kecemerlangan

Meneruskan prestasi cemerlang di persada antarabangsa, tahun 2020 telah menyaksikan kejayaan Universiti Malaya diiktiraf sebagai salah satu Universiti terbaik di dunia oleh pelbagai badan penarafan universiti antarabangsa. Peningkatan

ketara dikecapi oleh Universiti Malaya apabila QS World University Rankings mengumumkan kedudukan Universiti Malaya ditangga ke-59 universiti terbaik dunia yang memperbaiki kedudukan di tangga ke-70 pada tahun 2019. Peningkatan sebanyak 11 anak tangga sekali gus membuktikan bahawa segala perancangan dan strategi yang dilaksanakan oleh Universiti Malaya adalah pada landasan yang ditetapkan. Usaha berterusan dan sokongan padu warga universiti akan diteruskan bagi mencapai aspirasi menempatkan Universiti Malaya dalam kalangan 50 universiti terbaik dunia.

Di peringkat Asia, keunggulan Universiti Malaya memang tidak dapat disangkal lagi apabila kedudukannya melonjak ke tangga ke-9 universiti terbaik Asia dalam penarafan QS University Rankings Asia berbanding kedudukan di tangga ke-13 pada tahun 2019. Kecemerlangan ini diperkuuhkan lagi melalui penyetaraan lima bintang dalam QS Stars Rating serta pengiktirafan dalam QS World University Rankings by Subject. Daripada 48 subjek, 34 subjek telah berjaya dinilai (ranked), dengan 17 subjek dikelompokkan dalam 100 terbaik dunia, manakala 3 subjek berada dalam kelompok 50 terbaik dunia iaitu Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat; Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik; dan Pengajian Pembangunan.

Selain penarafan oleh pihak QS, Universiti Malaya juga turut dinilai melalui sistem penarafan oleh THE World University Rankings yang mana Universiti Malaya berjaya mengekalkan kedudukannya dalam kelompok 301-350 universiti terbaik dunia daripada lebih 1,500 universiti dari 93 buah negara yang dinilai. Selain itu, Universiti Malaya turut menyertai penarafan THE Impact Rankings apabila Universiti Malaya telah dinobatkan berada di tangga ke-80 sebagai universiti yang memiliki kemampuan dan kelestarian yang cemerlang. Penilaian penarafan ini adalah berdasarkan kepada United Nations' Sustainable

Development Goals (SDGs) dalam empat aspek utama iaitu penyelidikan, jangkauan (*outreach*), pengawasan (*stewardship*) dan pengajaran.

Kemanisan pencapaian cemerlang bagi tahun 2020 ditambah lagi apabila Universiti Malaya berjaya mengekalkan kedudukan sebagai universiti pertama dalam kategori Asia's Most Sustainable University in City-Centre Setup (bagi empat tahun berturut-turut sejak tahun 2017), tangga kelima Asia's Most Sustainable University dan meningkatkan prestasi di tangga ke-32 World's Most Sustainable University berbanding tangga ke-34 pada tahun 2019.

Di peringkat dalam negara, jenama Universiti Malaya tidak perlu diperkenalkan lagi apabila terus berada di kedudukan teratas dalam kalangan Universiti Awam dalam negara. Melalui sistem penyetaraan Malaysia Research Assessment atau MyRA 2020 Universiti Malaya sekali lagi telah diiktiraf dengan penarafan 6 bintang (*outstanding*) berdasarkan pencapaian cemerlang dalam aktiviti penyelidikan.

Universiti Malaya kekal memberikan komitmen yang tinggi untuk terus berada dalam sistem penarafan

khususnya di peringkat dunia bagi memastikan UM kekal sebagai destinasi pilihan bagi calon pelajar berpotensi dan rakan institusi dalam dan luar negara untuk mengembangkan bidang kepakaran masing-masing melalui aktiviti penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.

Pencapaian yang diraih menggambarkan sesungguhnya usaha dan kerja keras yang telah dilakukan selama ini memberikan hasil yang positif kepada Universiti Malaya. Dengan kepelbagaiannya sistem penarafan universiti yang diperkenalkan, Universiti Malaya tetap berjaya menerobos kedudukannya di dalam kelompok tertinggi universiti terbaik di dalam negara maupun di peringkat global.

### **QS World University Rankings mengumumkan kedudukan Universiti Malaya di tangga ke-59 universiti terbaik dunia yang memperbaiki kedudukan di tangga ke-70 pada tahun 2019.**

## **1.2.2 Akademik dan Pengantarabangsaan**

Berikut situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak awal tahun 2020 hingga kini, UM turut berdepan dengan pelbagai cabaran yang telah memberi impak yang sangat besar ke atas aktiviti akademik dan pengantarabangsaan yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, ia tidak mematahkan semangat UM untuk terus meningkatkan usaha dan komitmen dalam mengenal pasti pelbagai bentuk tindakan strategik bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pengantarabangsaannya dapat terus dilaksanakan dengan baik. Dengan mengambil kira perkembangan situasi semasa pandemik COVID-19, Pengurusan UM telah memutuskan agar mod pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (eLearning) diaktifkan sepenuhnya bermula Mac hingga Disember 2020 dan dilanjutkan sehingga tamat Semester II, Sesi Akademik 2020/2021 pada bulan Februari 2021.

Sepanjang tempoh pelaksanaan eLearning ini, Universiti Malaya telah mempertingkatkan pelbagai usaha dan inisiatif bagi membantu pelajar dan staf UM menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lancar dan jayanya. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah dengan mengendalikan beberapa siri kajian dalam kalangan pelajar UM mengenai tahap kebolehcapaian internet di lokasi kediaman masing-masing dalam melaksanakan aktiviti eLearning ini. Hasil daripada dapatan kajian yang dijalankan, pihak Pengurusan UM juga telah menjalin beberapa kolaborasi dengan syarikat korporat dan individu perseorangan bagi membekalkan pakej langganan data kepada pelajar yang telah dikenal pasti menghadapi masalah kebolehcapaian internet dan penggunaan peranti bersesuaian yang diperlukan oleh pelajar berkeperluan dalam meneruskan aktiviti eLearning ini.

Pelbagai dokumen rasmi mengenai panduan dan tatacara bagi mengendalikan aktiviti eLearning juga telah diterbitkan oleh pihak UM bagi memastikan semua proses yang terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran eLearning ini dapat diikuti dengan baik dan berkesan oleh semua

pihak yang terlibat terutamanya pelajar UM tanpa menjelaskan kualiti akademik yang dilaksanakan.

UM turut mengorak langkah dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif lain kepada para akademiknya dan berjaya menarik minat lebih 1,000 penyertaan daripada kalangan staf akademik dalam kursus-kursus penambahbaikan akademik dan pembangunan kepimpinan staf akademik yang dijalankan oleh Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC) bagi menangani cabaran COVID-19 dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Sambutan yang amat menggalakkan ini sekali gus membuktikan kesungguhan dan komitmen jitu warga akademik UM untuk memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran sentiasa pada tahap yang tinggi dan amat baik serta menepati keperluan teknologi semasa ketika berdepan cabaran yang hebat ini.

Dokumen rujukan mengenai aktiviti eLearning sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini telah dimuat naik pada laman web rasmi *Academic & International* yang boleh dicapai melalui pautan <https://umacademic.um.edu.my/announcement> bagi memudahkan rujukan dibuat oleh semua pihak dari semasa ke semasa.

Di samping itu, pihak UM turut menjalankan sesi libat urus dengan semua Dekan dan Pengarah PTJ Akademik serta wakil pelajar yang terdiri daripada Kesatuan Mahasiswa UM (UMSU) dan *UM International Student Association* (UMISA) bagi memberikan sumbangan idea serta cadangan penambahbaikan dalam membantu pihak Pengurusan UM meningkatkan lagi kualiti dan penyampaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran (TnL) dan pengantarabangsaan yang dilaksanakan pada Sesi Akademik 2020/2021. Hasil daripada dapatan sesi libat urus berkenaan, terdapat enam (6) bidang utama yang perlu dipertingkatkan dan ditambah baik termasuk reka bentuk dan kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran (TnL), kaedah penilaian dan peperiksaan, penambahbaikan kepada platform TnL sedia ada iaitu *Learning Management System (LMS)*: *SPeCTRUM*, aktiviti pemasaran dan pengambilan serta pengantarabangsaan.

Pengenalan kepada penawaran kursus-kursus bersifat *micro-credential* (MC) yang dikenali sebagai

*Microcredentials@UM* pula merupakan salah satu inisiatif lain yang turut diambil pendekatan oleh pihak UM bagi memenuhi trend semasa dan keperluan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dewasa ini dalam menangani isu penyediaan tenaga mahir dalam bidang tertentu. Pelajar dan orang awam boleh mengikuti mana-mana kursus-kursus MC yang ditawarkan oleh UM mengikut kesesuaian dan keperluan kemahiran yang diperlukan. Sepanjang tahun 2020, Universiti Malaya telah membangunkan beberapa kursus bersifat *micro-credential* yang dijangka akan mula ditawarkan sepenuhnya pada 2021. Antaranya adalah *Effective Communication Skills for Engineers, Chemometrics in Air Pollution, Speak Thai Like Local* dan *Let's Learn Portuguese!* manakala dua (2) kursus lain iaitu *Calligraphy: An Introduction to the Art of Handwriting* dan *Introduction to Malay Language* telah sedia ditawarkan sejak tahun 2017.

Pelbagai aktiviti pembangunan kurikulum dan perancangan strategik akademik turut dilaksanakan pada tahun 2020, antaranya adalah saringan awal bagi tujuh (7) permohonan program akademik baharu di peringkat Diploma dan Sarjana UM berbanding lima (5) permohonan program akademik baharu di peringkat Diploma, Sarjana dan Kedoktoran pada tahun 2019. Di samping itu juga, eksesais semakan kurikulum program akademik giat dilaksanakan sepanjang 2020 yang melibatkan aktiviti komprehensif merangkumi penilaian keberkesanan pelaksanaan program dan pencapaian hasil pembelajaran secara menyeluruh. Penambahbaikan Kualiti Berterusan (*Continual Quality Improvement (CQI)*) adalah perkara utama dalam pemantauan dan semakan program akademik bagi mengenal pasti perkara-perkara yang perlu diambil kira bagi penambahbaikan pada masa akan datang.

Selain itu juga, UM turut memperkenalkan konsep baharu kursus Elektif Universiti bagi program akademik peringkat Ijazah Dasar yang dikenali sebagai *Student Holistic Empowerment*

(SHE). Kursus SHE merupakan asas pembinaan UM-DNA untuk menghasilkan ciri-ciri graduan (*Graduate Student Attributes*) yang akan memenuhi keperluan semasa dan dibahagikan kepada empat (4) tema utama iaitu (i) *Thinking Matters: Mind and Intellect*; (ii) *Emotional, Physical and Spiritual Intelligence: Heart, Body and Soul*; (iii) *Technology / Artificial Intelligence and Data Analytics: i-Techie*; dan (iv) *Global Issues and Community Sustainability: Making the World a Better Place*. Kursus SHE ini akan mula ditawarkan bagi semua program akademik Ijazah Dasar yang telah diluluskan eksesais semakan kurikulum atau penawaran program akademik baharu mulai Sesi Akademik 2021/2022.

UM juga berjaya menganjurkan program *UM Virtual Internship Day* yang pertama seumpamanya pada 13 Julai 2020 dengan penglibatan aktif hampir

1,800 pelajar secara dalam talian (*e-meeting*) bersama pihak majikan dan industri yang berpotensi melalui platform disediakan oleh GenYouth yang merupakan rakan kerjasama industri UM. Melalui kejayaan program ini, UM telah meraih pengiktirafan daripada pihak Malaysian Books of Records (MBR) bagi “*The Most Number of Student-Employer E-Meeting in a Virtual Career Fair*”

yang dikategorikan di bawah kategori *Human Achievements*. UM turut menganjurkan *UM Virtual Internship Day* - Siri Kedua 9 Disember 2020 dengan penyertaan seramai lebih 500 pelajar manakala hampir 200 penempatan latihan industri telah ditawarkan kepada pelajar UM secara dalam talian oleh 50 syarikat yang mengambil bahagian dalam program kali ini.

Jumlah kemasukan pelajar dalam pelbagai bidang pengajaran bagi tahun 2020 adalah seramai 7,126 orang dengan 4,330 pelajar di peringkat Ijazah Dasar manakala 2,796 orang pelajar di peringkat Ijazah Tinggi. UM telah merekodkan peningkatan sebanyak 15% bilangan enrolmen pelajar antarabangsa Ijazah Sarjana Muda pada tahun 2020 (1,052 pelajar) berbanding 2019 (898

**Jumlah kemasukan pelajar dalam pelbagai bidang pengajaran bagi tahun 2020 adalah seramai 7,126 orang dengan 4,330 pelajar di peringkat Ijazah Dasar manakala 2,796 orang pelajar di peringkat Ijazah Tinggi.**

pelajar) manakala di peringkat Ijazah Tinggi pula, UM merekodkan peningkatan enrolmen calon antarabangsa sebanyak 4% pada tahun 2020 bersamaan 2,776 berbanding 2,666 calon pada tahun 2019.

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 turut tidak menghalang usaha pengantarabangsaan di UM. Aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan telah berjaya disesuaikan dengan situasi norma baharu seperti penggunaan tandatangan secara digital untuk kedua-dua dokumen perjanjian iaitu *Memorandum of Understanding* (MoU) dan *Memorandum of Agreement* (MoA). Amalan baharu ini sekali gus memberi impak yang besar ke atas penjimatan kos operasi dan masa yang diperlukan bagi pengendalian dan penyediaan dokumen-dokumen perjanjian dengan institusi yang terlibat berbanding kaedah konvensional yang telah diamalkan sebelum ini. UM turut berjaya mencapai jaringan kolaborasi yang signifikan dengan pihak luar walaupun terdapat penurunan sebanyak 20% pada tahun 2020 berbanding 2019.

UM juga terlibat secara aktif sebagai hos bagi aktiviti pengantarabangsaan antaranya termasuk penganjuran *UM International Webinar Series*, *UM International Week* dan pengendalian beberapa bengkel dan forum dengan rakan strategik di China melalui Institut Kong Zi di bawah naungan *Confucious Institute* (CI). Penglibatan aktif staf UM sebagai penceramah bagi pelbagai siri webinar yang dianjurkan di peringkat antarabangsa sepanjang 2020 bukan sahaja berjaya menarik minat ramai peserta di pelbagai peringkat dan negara di dunia umumnya malahan juga telah berjaya meningkatkan visibiliti UM di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhan, pencapaian di bawah program mobiliti pada tahun 2020 adalah rendah berbanding 2019 apabila UM merekodkan penurunan sebanyak 30.5% iaitu seramai 1,823 pelajar berbanding 2,622 pelajar pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh penarikan diri pelajar termasuk pembatalan

program mobiliti outbound oleh institusi di mana pelajar berdaftar, kebimbangan ibu bapa pelajar, perbezaan zon masa yang ketara serta kesediaan pelajar yang kurang baik bagi mengikuti program mobiliti secara dalam talian berikut pandemik COVID-19. Rekod penurunan sebanyak 81% turut dicatatkan bagi program mobiliti outbound dengan hanya 453 pelajar UM sahaja berjaya mengikuti program mobiliti outbound pada tahun 2020 berbanding 2,423 pada tahun 2019.

Antara faktor yang menyumbang ke arah penurunan bilangan pelajar UM di bawah program mobiliti outbound ini adalah ketidaksediaan rakan institusi luar negara untuk menerima pelajar UM secara fizikal di institusi masing-masing dan pembekuan semua penyertaan pelajar UM bagi program outbound secara fizikal ke luar negara sehingga 31 Disember 2020. Dengan mengambil kira penurunan angka penyertaan pelajar di bawah program mobiliti ini sepanjang 2020, pihak UM giat menjalankan pelbagai bentuk program dan penjanaan idea kreatif dengan rakan strategik antarabangsa bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan aktif terutamanya dalam kalangan pelajar antarabangsa menyertai program mobiliti secara digital yang dianjurkan secara bersama oleh UM sebagai kaedah alternatif dalam mendepani isu COVID-19.

### 1.2.3 Penyelidikan dan Inovasi

Menggalas tanggungjawab sebagai salah satu Universiti Awam berstatus Universiti Penyelidikan bukanlah suatu tugas yang mudah. Namun begitu, berbekal semangat juang dan iltizam yang tinggi dalam memperkasakan ilmu, Universiti Malaya

terus mengukir nama dalam bidang penyelidikan. Sebagai sebuah universiti komprehensif, kepelbagaiaan bidang dan kepakaran yang dimiliki menjadi satu kelebihan buat UM untuk terus meneroka pelbagai bidang ilmu dari bidang asas hingga bidang termaju. Ini terbukti melalui prestasi yang dikecapai sepanjang 2020 yang menyaksikan peningkatan

**2883 geran diterima pada tahun 2020 dengan nilai sebanyak RM 320 juta berbanding tahun 2019 yang mencatatkan bilangan geran sebanyak 3325 dengan nilai RM 408 juta.**

prestasi yang signifikan di pentas nasional dan antarabangsa walaupun dalam situasi dan sumber yang terhad.

Natijah daripada pandemik COVID-19, kebanyakannya tawaran geran yang dibuka adalah terhad kepada bidang tertentu sahaja dan proses penilaian oleh pihak pemberi dana mengambil tempoh yang lebih lama. Ini memberi sedikit kesan kepada bilangan geran iaitu, 2883 geran diterima pada tahun 2020 dengan nilai sebanyak RM 320 juta berbanding tahun 2019 yang mencatatkan bilangan geran sebanyak 3325 dengan nilai RM 408 juta. Nilai geran penyelidikan mengalami penurunan sebanyak 21.2% berbanding tahun 2019. Geran ini merangkumi dana daripada industri dan antarabangsa selain geran daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, bagi geran penyelidikan antarabangsa ia mencatat prestasi yang amat membanggakan dengan peningkatan sebanyak 15.8% dari tahun sebelumnya melibatkan jumlah dana sebanyak RM80 juta. Perkembangan positif membuktikan bahawa keupayaan dan kepakaran yang dimiliki UM semakin diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Melalui budaya aktiviti penyelidikan yang konsisten dan aktif oleh penyelidik Universiti Malaya, ia telah memberikan impak positif melalui penemuan penyelidikan yang dihasilkan. Penerbitan dalam jurnal berwacan secara keseluruhan meningkat sebanyak 6.7% dari tahun 2019 mencatatkan sejumlah 5859 artikel diterbitkan di dalam jurnal bertaraf SCOPUS dan ISI. Daripada jumlah tersebut, 68.1% artikel diterbitkan dalam jurnal Q1 dan Q2. Kualiti penerbitan yang terhasil turut dibuktikan melalui peningkatan dalam jumlah sitasi terhadap artikel yang berjaya diterbitkan oleh para penyelidik Universiti Malaya. Peningkatan sitasi antara 16% hingga 19% dicatatkan sepanjang 2020 melalui penerbitan dalam SCOPUS dan ISI. Selain itu, aktiviti penyelidikan di Universiti Malaya turut diperkuuhkan lagi dengan kemasukan seramai 129

Felo Penyelidik Pasca Doktoral dan 23 orang Felo Penyelidik serta seramai 872 calon Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang sepanjang tahun 2020.

## 1.2.4 Jalinan Industri dan Masyarakat

Libat sama Universiti-Industri merupakan perkongsian strategik yang bertumpu kepada pelaksanaan projek-projek secara terancang dan secara kebiasaan memerlukan interaksi rapat antara pihak yang agak terjejas semasa tahun 2020 akibat pelaksanaan PKP dan PKPP. Namun begitu gejala pandemik COVID-19 ini tidak melunturkan semangat kerjasama antara Universiti Malaya dan rakan-rakan industrinya. Sepanjang tahun 2020, Universiti Malaya mampu menjalankan 1042 aktiviti libat sama bersama pemegang taruh berbanding dengan 696 aktiviti pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 49.7%. Hal ini didorong oleh penerimaan norma baharu dan disokong dengan kemudahan infrastruktur yang mantap melalui kaedah penyampaian secara webinar, Dialog Akademia-Industri, kursus dan bengkel hingga ke penglibatan staf dalam panel, juri, lantikan jawatankuasa atau khidmat nasihat bersama pihak industri mengukuhkan kerjasama antara universiti dengan industri. Pandemik ini juga telah merekodkan ratusan aktiviti kedermawanan oleh pihak industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu untuk menyokong aktiviti barisan hadapan di Pusat Perubatan UM serta kebajikan pelajar di kampus.

Reputasi global Universiti Malaya juga terus meyakinkan pihak industri terhadap kemampuan dan kepakaran yang dimiliki oleh Universiti Malaya dan sebanyak 88 projek penyelidikan aktif bersama industri telah dilaporkan pada tahun 2020 melibatkan 75 industri daripada pelbagai sektor. Manakala pada tahun yang sama, pensyarah dan penyelidik Universiti Malaya telah menjalankan 132 kajian khidmat perundingan dengan kos keseluruhan kajian bernali

**132 kajian khidmat perundingan dengan kos keseluruhan kajian bernali RM16,496,184, dalam pelbagai sektor termasuk kejuruteraan/teknologi (33.13%), sektor sains sosial (20.27%), perubatan (18.05%), sains (22.87%) dan perniagaan/ekonomi (5.68%).**

RM16,496,184, dalam pelbagai sektor termasuk kejuruteraan/teknologi (33.13%), sektor sains sosial (20.27%), perubatan (18.05%), sains (22.87%) dan perniagaan/ekonomi (5.68%).

Untuk memastikan hasil penyelidikan UM mencapai impak sepenuhnya, penekanan terus diberi kepada kesinambungan rantaian inovasi termasuk penjanaan harta intelek, pembinaan ekosistem keusahawanan dan proses pengkomersilan yang berimpak. Pada tahun 2020 sebanyak 80 paten Universiti Malaya telah diiktiraf (*granted*) melalui MyIPO, dan 37 inovasi baru telah difail untuk dipaten. Melalui Belanjawan negara 2020, Universiti Malaya juga menerima sebanyak RM5 juta untuk membina struktur sistem pemindahan teknologi setempat yang mampu menjadi contoh amalan terbaik. Program yang diberi nama InnovateUM mensasarkan sekurang-kurangnya 20 pemindahan teknologi berimpak tinggi dari Universiti Malaya ke industri, pelengkapan proses pembinaan 10 syarikat terbitan hasil teknologi Universiti Malaya dan kelangsungan program latihan dan sokongan keusahawanan *technoprenuer*.

Tidak ketinggalan adalah aktiviti pemindahan ilmu dan hasil penyelidikan terus kepada komuniti melalui Pusat Komuniti dan Kelestarian UM (UMCares) selaras dengan misi dan hasrat Universiti Malaya untuk mendekati dan membantu masyarakat, serta menyokong inisiatif “University 4 Society” anjuran Jabatan Pengajian Tinggi. Terkesan dengan kekangan yang diharungi masyarakat semasa pandemik COVID-19 ini, Universiti Malaya telah memperuntukkan sebanyak RM 168,800.00 untuk 16 projek memperkasakan komuniti merangkumi bidang Kesihatan dan Kesejahteraan, Ekonomi dan Kewangan, serta Pendidikan dan Pembelajaran. Projek-projek ini turut melibatkan kerjasama dengan pihak luar yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pembudayaan norma baharu termasuk penggunaan platform dalam talian dan media sosial telah diguna dengan semaksimum mungkin untuk menyampaikan informasi di samping melatih komuniti secara maya, memastikan kelangsungan projek dan hubungan bersama komuniti dapat diteruskan.

Kerjasama erat Universiti Malaya dengan pemegang taruh komuniti juga menarik tajaan dan sokongan dana luar daripada kementerian dan agensi kerajaan serta rakan industri seperti Mr. DIY Trading Sdn Bhd, Johnson & Johnson Sdn Bhd dan Unilever (Malaysia) Holdings Sdn. Bhd. Antara program jangka panjang dan berimpak daripada UMCares adalah program berprofil tinggi “UM-Nadi Lembah Pantai” yang merupakan inisiatif Universiti Malaya untuk mendekati dan memanfaatkan masyarakat melalui pemindahan ilmu dan hasil penyelidikan secara holistik dan mapan, di kawasan sekitar Universiti Malaya.

Program ini antara lain bertujuan untuk menghubungkan Universiti Malaya dengan komuniti setempat, di samping sebagai platform untuk jalinan kerjasama jangka masa panjang antara Universiti Malaya dan pihak luar khususnya kerajaan, industri dan masyarakat setempat atau lebih dikenali sebagai perkongsian *quadruple-helix*. Program yang memberikan keutamaan kepada tiga (3) bidang iaitu kesihatan, pendidikan dan alam sekitar pada tahun ini melibatkan sebanyak 14 projek komuniti. Sebagai usaha bagi mempromosikan dan mendapatkan kerjasama daripada rakan industri, UMCares telah bekerjasama dengan Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat dalam siri *townhall* yang diadakan secara dalam talian. Projek ini adalah perintis bagi inisiatif yang dirancang untuk diteruskan di pusat pengajian luar kampus Universiti Malaya termasuk di GlemiLemi, Jelebu, di Bachok dan di Kota Tinggi.

Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) turut diberikan penekanan khusus melalui platform projek penyelidikan bersifat “action research” yang diperkenalkan oleh Universiti Malaya iaitu Program Geran *Living Labs* Universiti Malaya (UM Living Labs Grant Programme/UMLL) yang menggabungkan elemen penyelidikan dan pembangunan serta operasi. UMLL merupakan projek multi-dan-transnasional merentas pelbagai bidang yang membudayakan konsep *co-creation* dan elemen inovasi dalam mempromosi pelaksanaan solusi bersifat praktikal dan lestari untuk manfaat warga kampus UM sekali gus menggalakkan kerjasama strategik bersama rakan kerjasama luar.

Bagi sesi 2019/2020, sebanyak 14 projek UMLL menjadi nadi penggerak inisiatif kelestarian kampus Universiti Malaya. Kesemua projek ini majoritinya menyumbang kepada sasaran *SDG11 Sustainable Cities and Communities*, *SDG13 Climate Action*, *SDG12 Responsible Consumption & Production*, *SDG15 Life on Land*, *SDG7 Affordable & Clean Energy*, *SDG3 Good Health & Well-being*, *SDG9 Industry, Innovation & Infrastructure*, *SDG4 Quality Education*, *SDG6 Clean Water & Sanitation*, dan *SDG14 Life Below Water*. Aspirasi utama projek UMLL digerakkan adalah dengan bermatlamatkan kepada *SDG17 Partnership for the Goals* – usahasama kolektif warga kampus UM, pihak berkepentingan dan rakan kerjasama luar termasuk agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan, agensi antarabangsa dan komuniti setempat. Sumbangan kolektif UMLL pada 2019/2020 ini turut merekodkan sejumlah 2,000,000 kilogram CO<sub>2</sub>-eq karbon dioksida yang berjaya dielakkan hasil intervensi pelaksanaan projek kelestarian ini.

## 1.2.5 Hal Ehwal Pelajar

Secara amnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau singkatannya BHEP adalah berperanan untuk melahirkan graduan yang mampu menangani cabaran global dalam usaha membentuk graduan holistik sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 -2025. Dalam konteks ini, holistik tidak hanya terbatas pada penguasaan pelbagai bidang ilmu dan kemahiran semata-mata malahan turut merangkumi aspek pembangunan minda, spiritual, sahsiah dan etika. Kesemua aspek ini jika digabungkan menjadi elemen penting dalam pembangunan jati diri seseorang graduan yang boleh diperoleh melalui aktiviti/program yang dianjurkan serta perkhidmatan yang disediakan dari segi infrastruktur, kemudahan, bantuan kewangan dan kebajikan pelajar.

Keberkesanan dan keberhasilan sesebuah pelan pembangunan pelajar dapat diukur berdasarkan kadar kebolehpasaran graduan dan tahap keupayaan pelajar menembusi pasaran yang semakin kompetitif. Bagi menggalas amanah ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 untuk dimanfaatkan oleh para pelajar

meskipun negara berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19. Segala perancangan yang dilakukan adalah berteraskan empat asas utama iaitu Pemerksaan Pelajar, Pembangunan Pelajar, Perkhidmatan Pelajar dan Kebajikan Pelajar.

Agenda pemerksaan pelajar beridentiti Universiti Malaya yang telah dihasratkan pada tahun 2019 masih diteruskan pada tahun 2020. Sepanjang tahun 2020, 96.9% pelajar ijazah dasar telah terlibat secara langsung dalam pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh universiti. Selain itu, keterlibatan pelajar ijazah dasar juga dapat dilihat melalui 106 projek luar yang melibatkan komuniti luar kampus. Antaranya program UM@ Komuniti bagi Program Sekolahku Universitiku dan Mentor Mentee STEM. Ini merupakan suatu pengalaman dan pendedahan yang sangat berharga dan tidak ternilai kepada pelajar-pelajar terlibat. Hasrat melahirkan pelajar yang profesional dan berfikiran strategik telah membuka peluang pelajar untuk melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan di dalam dan luar negara. Ini dapat memberikan pengalaman dan pendedahan yang baik kepada pelajar-pelajar. Untuk tahun 2020, pengiktirafan pelajar dapat dilihat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (johan dan naib johan) melalui anugerah Ujian pemilihan kebangsaan Olimpiad Matematik Imonst 2020, The Rhodes Scolar-Elect 2021 (Malaysia): The Rhodes Scholarship University of Oxford, IPSF Online Inter-Regional Industry Skills Event, Anugerah Ikon Siswa Johor 2020 dan Monstar Awards 2020 - top 50 Malaysia Young Talent Awards. Selain daripada itu, tujuh (7) orang pelajar UM telah dipilih untuk terlibat dalam Program Felo Perdana yang mana pelajar akan didedahkan dengan tadbir urus kerajaan.

Melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan 1 (SKPG1) yang dijalankan pada tahun 2020, kadar kebolehpasaran graduan bagi program pengajian peringkat ijazah Sarjana Muda adalah 78%. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kadar kebolehpasaran graduan dan tahap keupayaan pelajar menembusi pasaran yang semakin komprehensif, penganjuran lebih daripada 20 program telah diadakan untuk tahun 2020 bersama Rakan Industri yang dilantik sebelum ini.

Untuk memastikan setiap pelajar menikmati pengalaman pembelajaran yang terbaik

sepanjang pengajian mereka di Universiti Malaya, perkhidmatan yang disediakan oleh universiti perlu diambil kira. Menyedari hakikat peningkatan kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar, adalah menjadi aspirasi Universiti Malaya untuk menyediakan penginapan yang mampu menampung kesemua pelajar. Justeru, penyusunan semula penempatan kolej kediaman juga dilakukan untuk tahun 2020 kesan daripada penjarakan sosial pelajar di kolej kediaman disebabkan pandemik COVID-19 seperti berikut:



Walaupun penyusunan semula penempatan pelajar dilaksanakan, namun dengan keperluan pematuhan SOP COVID-19, masih terdapat sekitar 2800 pelajar yang terpaksa menginap di luar kampus. Adalah diharapkan masalah ini dapat ditangani apabila Kolej Kediaman Ke-13 yang mampu menyediakan penginapan untuk 3000 orang pelajar siap sepenuhnya pada bulan Jun 2021 kelak. Dalam usaha memberikan keselesaan kepada para pelajar, peruntukan sebanyak RM7 juta disediakan bagi menampung kos penyelenggaraan dan penambahbaikan kolej-kolej kediaman sedia ada.

Tahun 2020 melakar peristiwa penting bagi Kampus Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan. Perpindahan kampus ke Kompleks Madinatul Ilmi, Bachok berlaku dengan

penjenamaan semula kampus kepada Pusat Pendidikan Universiti Malaya Bachok, Kelantan. Selain itu, pengurusan Luar Kampus turut ditambah baik. Bagi tujuan menjelaki keberadaan pelajar luar kampus, satu pangkalan data pelajar luar kampus dan laman sesawang khas telah dibangunkan. BHEP juga turut menyediakan ruang pejabat untuk urusan operasi pelajar luar kampus yang dikendalikan oleh pelajar sendiri.

Kebajikan dan kesejahteraan pelajar terus menjadi fokus utama Universiti Malaya, khususnya pelajar yang datang dari latar belakang keluarga dalam kategori B40. BHEP sentiasa meneroka dan mengkaji pendekatan serta kaedah baharu untuk memastikan tiada pelajar tercicir daripada mendapat faedah kebajikan yang disediakan apabila menyalurkan bantuan kepada pelajar. Bagi tahun 2020 dalam kancah berdepan dengan pandemik COVID-19, ramai pelajar terkesan dan memerlukan bantuan. Justeru, sebanyak RM1.4 juta dana zakat telah diagihkan kepada 1, 438 orang pelajar selain kemudahan bantuan lain seperti Program Khas Pelajar B40 melalui program UM Meals Scholarships dan UM Lodging Scholarship dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sebanyak RM2 juta kepada 1, 837 orang pelajar dan bantuan khas tiga puluh (30) unit komputer riba daripada UOB Malaysia.

Usaha menjaga kebajikan pelajar turut dilaksanakan melalui Foodbank Siswa UM. Inisiatif ini adalah melalui penyaluran bantuan makanan kering dan keperluan peribadi pelajar. Semua barang adalah hasil daripada sumbangan pihak luar. Sehingga 10 November 2020, jumlah pelajar yang mendapat manfaat daripada inisiatif ini ialah seramai 4,068 orang.

## 1.2.6 Tadbir Urus dan Modal Insan

Tidak dinafikan bahawa tadbir urus dan pengoperasian yang baik dalam sesebuah organisasi merupakan tulang belakang kepada kejayaan organisasi untuk mencapai setiap sasaran yang ditetapkan. Kecemerlangan organisasi turut dilengkapkan lagi dengan adanya sumber manusia yang cekap, berkeupayaan dan berprestasi tinggi. Tahun 2020 menyaksikan anjakan dalam pengurusan sumber manusia yang drastik apabila

seluruh dunia dilanda pandemik COVID-19 di mana Universiti Malaya juga menerima kesannya. Cabaran meneruskan aktiviti Universiti dengan norma baharu telah membawa kepada pelaksanaan beberapa inisiatif khusus bagi memastikan lagi tadbir urus, operasi dan kecekapan pengurusan sumber manusia dapat diteruskan di Universiti Malaya.

Sebagai mendukung usaha berterusan pihak pengurusan Universiti mendepani cabaran tersebut, beberapa inisiatif telah dilaksanakan dalam aspek tadbir urus dan pengurusan modal insan antaranya:

- 

Memperkenalkan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) untuk staf pentadbiran iaitu staf diberikan fleksibiliti untuk masa masuk pejabat dari jam 7.30 pagi hingga 9.00 pagi. Fleksibiliti yang diberikan ini memberi kelonggaran serta mewujudkan *work life balance* kepada staf. Pelaksanaan WBF di Universiti Malaya adalah mulai 1 Januari 2020.
- 

Memperkenalkan aplikasi *UM Touch* dan QR Code Attendance kepada warga kampus bagi mempermudah sistem kehadiran dan pengurusan keberadaan staf khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- 

Mewujudkan Dasar Bekerja Dari Rumah berpandukan arahan Majlis Keselamatan Negara dari semasa ke semasa;
- 

Memperkenalkan sistem log kerja bagi memudahkan Ketua Jabatan memantau tugas staf yang terpaksa Bekerja Dari Rumah;
- 

Mengemas kini manual hadkuasa bagi menggariskan skop dan tanggungjawab Pegawai-Pegawai Universiti dengan lebih jelas bagi tujuan pematuhan kepada peraturan-peraturan berkenaan.

Pelbagai aktiviti berkaitan kebajikan, kesejahteraan dan pembangunan staf juga telah dilaksanakan di Universiti Malaya pada tahun 2020 antaranya:

- 1 Menjalankan Program Kesedaran Kesihatan Mental 2020** bertemakan *Year of The Nurse* bersempena menghargai pasukan hadapan pandemik COVID-19 telah diadakan Sesi Perkongsian Jururawat yang terlibat secara langsung dengan pesakit COVID-19, beberapa perkongsian daripada Pegawai Kaunseling KKM mengenai Norma dan Gaya Hidup Baharu.
- 2 Program Total Debt Solution (TDS)** iaitu bagi memberi bantuan dan panduan kepada staf yang mempunyai masalah pengurusan kewangan seperti isu keber hutang.
- 3 Meskipun berdepan dengan pandemik COVID-19 yang memerlukan pematuhan kepada SOP, sebanyak 93 kursus/latihan atau 77.5% berjaya dilaksanakan pada tahun 2020 daripada 120 program yang dirancang. Daripada jumlah tersebut 24 kursus adalah secara bersemuka (diadakan sebelum PKP) manakala 69 atau 74.2% dibuat secara dalam talian. Secara keseluruhannya seramai 4438 orang staf mendapat manfaat daripada kursus yang dihadiri.**

Dalam usaha pihak universiti memperkasakan lagi pengurusan sumber manusia, pencapaian membanggakan yang telah dikecapi oleh staf universiti sepanjang 2020 membuktikan bahawa sokongan yang diberikan oleh universiti selama ini mampu menyerlahkan bakat dan kepakaran yang dimiliki oleh segenap lapisan warga universiti. Antara pengiktirafan yang diraih adalah:

- Merdeka Award yang diterima oleh Prof. Dr. Ng Kwan Hoong daripada Fakulti Perubatan;
- Pelantikan Dato' Prof. Madya Dr. Johan Shamsuddin Hj Sabaruddin daripada Fakulti Undang-undang sebagai Ahli Majlis Peguam
- Pelantikan Datuk Dr. Luqman Haji Abdullah daripada Akademi Pengajian Islam sebagai Mufti Wilayah Persekutuan
- Penerima Honorary Fellowship In The American College Of Surgeons yang diterima oleh Prof. Dr. April Camilla Roslani daripada Fakulti Perubatan
- Pemenang THE ASEAN-U.S. SCIENCE PRIZE FOR WOMEN 2020 iaitu Prof. Madya Dr. Chan Yoke Fun daripada Fakulti Perubatan
- Penerima Anugerah Young Investigator Award dalam Asia Pacific Academic Consortium for Public Health APACPH 2020, Encik Alexander Lourdes Samy daripada Institut Asia Eropah

### **1.2.7 Infrastruktur dan Kemudahan**

Selaras dengan visi dan misi Universiti Malaya untuk mengekalkan prestasi dan kedudukan sebagai universiti ternama negara dan antarabangsa, maka Universiti Malaya sentiasa mengambil langkah produktif dalam merancang dan melaksanakan strategi pembangunan bagi mewujudkan sistem yang holistik dalam aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sahsiah pelajar. Justeru, bagi memastikan kesemua rancangan pembangunan Universiti dapat dicapai dan direalisasikan, pelbagai strategi telah dilaksanakan dengan memfokuskan usaha menaik taraf dan menambah baik infrastruktur dan kemudahan di dalam kampus secara berterusan.

Sebagaimana sedia maklum, kerajaan dalam persiapan untuk pelaksanaan projek RMKe-12 bagi tahun 2021-2025. Oleh yang demikian, 2020 adalah tahun penutup atau berakhirnya tempoh RMKe-11 yang bermula dari tahun 2015.


Siling peruntukan yang telah diluluskan bagi membiayai keseluruhan projek RMK-11 kepada Universiti Malaya adalah sebanyak RM99.8 juta. Sebahagiannya, bagi tahun 2020, Universiti Malaya telah menerima peruntukan sebanyak RM4.2 juta melalui *Rolling Plan Keempat (RP4) 2020 Sedia Ada*, dan RM1 juta melalui *Rolling Plan Keempat (RP4) 2020 Baharu* dengan prestasi perbelanjaan sebanyak RM3.3 juta bersamaan 63.46%.

Melalui peruntukan ini, kerja-kerja pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur kampus yang telah dilaksanakan adalah:


Bil.	Nama Projek/Program	Peruntukan 2020 (RM)
1	UM - Mengganti Dan Menaik Taraf Kemudahan Infrastruktur Awam, Sistem Mekanikal Dan Elektrikal Dan Penggunaan Teknologi Lestari Di Seluruh Kampus Universiti Malaya	4,200,000.00
2	UM - Menaik Taraf Sistem Perkakasan Sistem Voltan Tinggi Di Pencawang Pembahagi Utama 33KV Dan Pencawang Elektrik 11KV, Sistem Janakuasa Tunggu Sedia Dan Sistem / Peranti Perlindungan Elektrik Di Kampus Utama	1,000,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>5,200,000.00</b>

Berdasarkan Laporan Bulanan Prestasi perbelanjaan mengikut projek sehingga 31 Disember 2020, bagi jumlah perbelanjaan RMKe-11 (RP1, RP2, RP3 dan RP4 – Sedia Ada & Baharu) adalah sebanyak RM75 juta bersamaan 75.15% daripada keseluruhan peruntukan.

**Perbelanjaan Keseluruhan RMKe-11 sebanyak RM75 Juta**



**Perbelanjaan RMKe-11 RP4 Sedia Ada & Baharu 2020 sebanyak RM3.3 Juta**



Selain itu, penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan ICT di dalam kampus sepanjang tahun 2020 turut dilaksanakan dengan memberi penumpuan kepada dua aspek utama seperti berikut:

**(1) Penambahbaikan Infrastruktur**

Menghasilkan 4 pembangunan strategik bagi perkara berikut:

- Penggantian dan penaiktarafan infrastruktur dan fasiliti bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Projek penambahbaikan telah dilaksanakan di Perpustakaan Za'ba, Perpustakaan Perubatan dan Dewan Kuliah Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

(b) Penyediaan fasiliti dan akses penuh bagi golongan kurang upaya (OKU). Perhentian bas bagi golongan OKU telah dibina di Kolej Kediaman Ketiga, Kolej Kediaman Keempat dan Kolej Kediaman Ketujuh.

(c) Melaksanakan projek penaiktarafan infrastruktur di Tapak Semaian JPPHB sebagai inisiatif mewujudkan lokasi tarikan pelawat di dalam kampus Universiti Malaya.

**(2) Penambahbaikan Kemudahan ICT**

(a) Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian melalui platform *SPeCTRUM* dengan purata pengguna seramai 18,000 orang sehari dan jumlah transaksi sebanyak 1.5 juta semasa tempoh kuliah bagi sesi akademik 2020/2021, Semester 1.

(b) Kampus Pintar

(i) Rangkaian dan Pelayan 2020

- Menaik taraf jalur lebar Internet dalam kampus kepada 18 Gbps bermula pada bulan April 2020, berbanding 16Gbps pada tahun 2019.
- Penambahan bilangan kamera litar tertutup di dalam kampus bagi meningkatkan tahap pemantauan keselamatan.
- Penambahan jumlah pelayan *Virtual Machine* dari 193 kepada 313 bagi menyokong pelaksanaan sistem pembelajaran secara dalam talian.
- Pelancaran aplikasi MAYA sebagai sistem maklumat pelajar.
- Mencapai Waktu Henti Sifar (*Zero Downtime*) bagi ruang simpanan berpusat (34TB).

(ii) Sistem Aplikasi Dalam Talian 2020

- Sebanyak 50 kategori utama bagi Sistem Aplikasi Dalam Talian berserta lebih 680 modul telah dibangunkan bagi menyokong pelbagai proses dalam talian dengan fungsi yang pelbagai.

(iii) Peningkatan Keselamatan ICT 2020

- Melalui pemantauan yang berterusan, jumlah serangan keselamatan siber ke atas rangkaian telah berkurang kepada 8 juta pada tahun 2020, berbanding 2.7 bilion pada tahun 2015.

(iv) Pembangunan Aplikasi *UMTouch*

- Digunakan bagi tujuan pengisytiharan status kesihatan dan pemantauan pergerakan staf, pelajar dan kontraktor melalui *Point of Entry*.

## 1.2.8 Kewangan

Universiti Malaya (UM) secara langsung terkesan dengan penularan Virus COVID-19 disusuli dengan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan. Namun ia tidak melunturkan semangat pengurusan universiti dalam merangka strategi bagi memastikan kemampuan kedudukan kewangan Universiti diteruskan. Justeru, unjuran pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2020 telah dikaji semula dengan mengambil ikira implikasi kewangan akibat daripada pandemik COVID-19.

Dalam keterbatasan pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang, UM masih mampu mengekalkan prestasi cemerlang dalam pengurusan kewangan. Antara pencapaian yang diraih adalah seperti berikut:

- Penganugerahan Sijil Audit Bersih bagi penyata kewangan tahun 2019 oleh Ketua Audit Negara.
- Mempelbagaikan punca pendapatan dalam usaha kemampuan kewangan dan penciptaan pendapatan melalui pembangunan laman sesawang bidaan nombor plat (HEBAT) menggunakan kepakaran dalaman. Penjualan nombor plat UM ini mampu meningkatkan dana bagi penyelidikan, pembangunan dan kebajikan pelajar dengan sasaran janaan pendapatan melebihi RM10 juta.

- Sepanjang tahun 2020, portal terimaan tanpa tunai (*cash/less*) iaitu E-Pay@UM telah menjadi semakin penting serta menjadi nadi utama kepada kesinambungan pengurusan terimaan Universiti terutamanya sepanjang tempoh kawalan pergerakan.

Bagi menambah baik kecekapan Portal E-Pay, modul e-Resit telah dibangunkan dan digunakan bermula pada 1 Oktober 2020 khusus untuk memenuhi keperluan di kaunter-kaunter terimaan Universiti. Kini, Portal E-Pay telah digunakan secara menyeluruh dan menyelesaikan isu-isu audit yang sering dibangkitkan mengenai kecekapan pengurusan terimaan Universiti.

- Terimaan zakat sebanyak RM1 juta yang merangkumi wakalah daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pusat Pungutan Zakat MAIWP, sumbangan korporat dan komisen sebagai ejen kutipan zakat MAIWP. Terimaan zakat ini kemudiannya disalurkan semula kepada asnaf di UM melalui beberapa siri bantuan yang dibuka dan berjaya mengurangkan beban penerima terutamanya dalam situasi pandemik COVID-19.
- UM diberikan status Mutawalli daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai perkenan bagi membentuk urusan waqaf dengan dana terkumpul sehingga kini direkodkan berjumlah RM176 ribu. Waqaf yang terbahagi kepada dua kategori iaitu wakaf am dan wakaf khas kini giat menjalankan usaha untuk meningkatkan jumlah dana bagi membolehkan beberapa projek waqaf khas direalisasikan seperti waqaf bas, ambulans dan van OKU yang akan memberi sepenuh manfaat kepada warga UM terutamanya golongan pelajar.
- Terimaan dividen daripada anak syarikat UM berjumlah RM3.6 juta.
- UM juga telah memberi Bantuan Pelajaran Bagi Anak-Anak Sekolah Menengah untuk seramai 59 orang kakitangan kumpulan pelaksana Universiti Malaya berjumlah RM12,150.

## 1.2.9 Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan

Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan Universiti Malaya bagi tahun 2020 berdasarkan *Ministry Key Performance Indicators* (MKPI) adalah seperti berikut:

Perkara	Penunjuk Kecekapan		Penunjuk Keberkesanan (Keseluruhan) (%)
	Tahun Sebelum (2019)	Tahun Semasa (2020)	
KPI 1:  Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvokesyen.  Nota: Berdasarkan Tracer Study	78.90%	80.3%	96.7%
KPI 2:  Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti	1.4	1.92	91.4%
KPI 3:  Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	95 [termasuk self-citation; data penerbitan SCO (2014-2018), data pada 31 Disember 2018]	101 [termasuk self-citation (2016-2020), data MyRA, 31 Disember 2020]	155.4%
KPI 4:  Kedudukan Universiti Awam di bawah penarafan Qs Global Ranking			
(i) Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 50 teratas berdasarkan <i>QS World University Rankings by Subject</i> .	3	3	
(ii) Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 51 – 200 teratas berdasarkan <i>QS World University Rankings by Subject</i> .	31	30	
KPI 5:  Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan operasi keseluruhan (%)	34.95%	41.13%	137.1%
KPI 6:  Kadar keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di Universiti Awam:			
(a) Sarjana Muda	12%	8.2%	85.4%
(b) Sarjana	25%	19.8%	90.9%
(c) PhD	27%	24.3%	78.2%

Perkara	Penunjuk Kecekapan		Penunjuk Keberkesan (Keseluruhan) (%)	
	Tahun Sebelum (2019)	Tahun Semasa (2020)		
<b>KPI 7:</b>				
Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT)				
(a) Sarjana Muda	88%	83.9%	98.7%	
(b) Sarjana	32%	25.2%	50.4%	
(c) PhD	37%	24.2%	60.5%	
<b>KPI 8:</b>				
Menjuarai Sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa				
Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	5,229	3828	85.1%	
Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pascasiswazah	2,665	2776	79.3%	

## 1.2.10 Sistem Pengurusan Kualiti

### (1) Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)

#### 1.1 Audit Kualiti Dalaman

Sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan Sistem Pengurusan Kualiti berteraskan MS ISO 9001:2015, Universiti Malaya menjalankan Audit Kualiti Dalaman sebagai kaedah pemantauan dan kawalan dalam terhadap proses dan kegiatan utamanya. Audit Kualiti Dalaman dirancang dan dilaksanakan selaras dengan keperluan piawai MS ISO 9001:2015 khususnya Fasal 9.2 : Audit Dalaman.

Pada tahun 2020, Audit Kualiti Dalaman UM Bil.21/2020 telah dilaksanakan secara jauh dalam talian (*Remote Audit*). Audit dilaksanakan secara pensampelan terhadap 46 PTj / Pusat / Jabatan / Bahagian / Unit di kampus Induk UM.

Secara keseluruhan, penemuan audit mendapati bahawa SPK Universiti Malaya (UM) patuh kepada MS ISO 9001:2015. Peluang bagi penambahbaikan (*Opportunities for Improvement*) dikenal pasti melalui ketakakuran dan pemerhatian yang ditemui. Terdapat juga amalan positif yang boleh dijadikan contoh kepada PTj lain. Ketakakuran yang ditemui berbentuk

*minor*, yang tidak menjaskan sistem yang telah diwujudkan. Kesemua ketakakuran ditangani dengan Rancangan Tindakan Pembetulan (RTP) yang berkesan.

#### 1.2 Audit oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. – MS ISO 9001:2015

(i) Audit Pensijilan Semula Universiti Malaya oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 14 – 18 Disember 2020 telah berlangsung dengan jayanya secara *Remote Audit*. UM telah menerima Pensijilan Semula dari tempoh 27 Disember 2020 sehingga 23 Disember 2023.

#### 1.3 Pengendalian Maklum Balas Pelanggan dan Penambahbaikan Kualiti

Pengurusan maklum balas telah dilaksanakan di Universiti Malaya sejak Julai 2002 dan telah mendapat sambutan yang baik daripada pelanggan (pelajar, staf Universiti dan pelanggan luar). Pemprosesan maklum balas pelanggan dilaksanakan mengikut prosedur kualiti Pengurusan Maklum Balas Pelanggan (UM-PT00-PK08). Terdapat tiga (3) cara rasmi menyalurkan maklum balas:

(i) Melalui Borang Maklum Balas Pelanggan (UM-PT00-PK08-

BR001-S07) yang boleh didapati dari Peti Maklum Balas yang ditempatkan di 46 lokasi di Universiti Malaya.

- (ii) Melalui pautan Maklum Balas Pelanggan di laman web QMEC <http://qmec.um.edu.my> dan melalui laman MyUM – Portal Pelajar. Pelanggan perlu mengisi borang elektronik di laman web dan dikehendaki mengesahkan maklum balas secara e-mel sebelum ia dihantar kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) untuk disiasat dan diambil tindakan.
- (iii) Melalui Aplikasi Mobile iaitu UMTouch di ruangan *E-Feedback*.

Pada tahun 2020, jumlah maklum balas ialah sebanyak 23 (proses/sistem); 11 (infrastruktur) 1 (kaunter) dan 2 (manusia). Selain itu, QMEC telah menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan yang bertajuk “Tahap Pencapaian Matlamat Pendidikan Universiti Malaya”. Objektif kajian adalah untuk meninjau tahap pencapaian Matlamat Pendidikan Universiti Malaya berdasarkan persepsi alumni dan industri. Secara keseluruhan, alumni mendapat kelima-lima matlamat Pendidikan UM dicapai pada tahap yang tinggi.

Dapatan dari persepsi industri pula menunjukkan secara keseluruhannya, semua nilai teras berada pada tahap pencapaian yang tinggi dengan peratusan pencapaian lebih 90% kecuali kreativiti dan tanggungjawab sosial. Kreativiti diukur dengan empat soalan dan menurut laporan soalan “Examines Critically long-heal beliefs and habits” dilaporkan 14.6% responden tidak setuju bahawa siswazah lepasan UM menghayati nilai teras tersebut. Begitu juga dengan tanggungjawab sosial, sebanyak 22.9% responden berpendapat bahawa siswazah lepasan UM tidak menghayati penglibatan perkhidmatan komuniti. Kesimpulan daripada kajian ini adalah:

- (i) Pembentukan Objektif Pendidikan Program (PEO) yang diselaraskan oleh Hasil Pembelajaran Program (PLO)

dan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) perlu mengambil kira sasaran Matlamat Pendidikan UM.

- (ii) Pengukuran pencapaian PEO wajib dijalankan bagi setiap program akademik UM bagi menentukan kualiti pencapaian.
- (iii) Pengukuran pencapaian Matlamat Pendidikan perlu dijalankan di peringkat universiti secara berkala.
- (iv) Penglibatan industri dan alumni dalam memberi maklum balas amat diperlukan dalam pembangunan program.

## **(2) Jaminan Kualiti Akademik**

Unit Jaminan Kualiti Akademik (JKA) dan Unit Akreditasi Program Akademik (APA) bertanggungjawab terhadap urusan penjaminan kualiti akademik khususnya kepatuhan dan keakuruan program yang ditawarkan oleh Universiti Malaya (UM) terhadap keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) serta Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UM.

Pengakreditasian program akademik merupakan salah satu kaedah penjaminan kualiti program dilakukan. Ini bertujuan untuk memastikan program yang ditawarkan di UM adalah mematuhi standard yang ditetapkan dan merupakan sebahagian daripada proses penambahbaikan berterusan. UM juga telah mewujudkan mekanisme untuk menjamin kualiti sesuatu program dengan menerapkan indikator kualitinya yang tersendiri berpandukan *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* serta standard lain, khususnya standard program mengikut disiplin. Kawalan kualiti terhadap suatu program dilaksanakan di semua peringkat; iaitu semasa penawaran program baharu, pemantauan semasa pelaksanaan program sebelum pelajar kohort pertama bergraduat serta secara berkala bagi program yang telah diakreditasi. Proses pengakreditasian melibatkan tiga peringkat:

- (i) Pengakreditasian sementara untuk permohonan program baharu
- (ii) Pengakreditasian penuh bagi program yang telah diberi status akreditasi sementara.

- (iii) Pengakreditasian semula bagi program sedia ada bukan profesional yang telah memperoleh status akreditasi penuh.

## 2.1. Akreditasi Sementara

Bagi tahun 2020, sebanyak satu (1) program telah didaftarkan di Perakuan Akreditasi Sementara MQA dan tiga (3) program telah dianugerah Akreditasi Sementara oleh Senat.

**Jadual 1.1: Senarai Status Permohonan Akreditasi Sementara**

Bil	Nama Program	Pemilik Program	Mesyuarat Penyelarasan Dapatan Panel Penilai	Kelulusan Senat
1	Sarjana Pengajian Cina	Fakulti Sastera dan Sains Sosial	18 April 2019	22 Ogos 2019
2	Sarjana Parasitologi dan Entomologi Perubatan	Fakulti Perubatan	8 Januari 2020	23 Julai 2020
3	Sarjana Epidemiologi	Fakulti Perubatan	22 Julai 2020	26 November 2020
4	Sarjana Pentadbiran dan Kepimpinan Sukan	Pusat Sukan dan Sains Eksesais	23 September 2020	17 Disember 2020

## 2.2. Akreditasi Penuh

Kesemua program baharu yang memperoleh status akreditasi sementara dan ditawarkan perlulah memohon status akreditasi penuh. Proses ini adalah perlu sebagai kawalan kualiti semasa pelaksanaan program dan sebelum pelajar kohort pertama graduat.

Senarai dan status permohonan akreditasi penuh bagi lapan (8) program bagi tahun 2020 digambarkan dalam Jadual 1.2. Dapat dilihat satu (1) program telah didaftar dalam laman web MQA, tiga (3) program sedang dalam permohonan sijil perakuan akreditasi dari MQA. Manakala empat (4) program telah selesai proses penilaian dan sedang mendapatkan tindakan penambahbaikan program daripada pemilik program.

**Jadual 1.2: Senarai Status Permohonan Akreditasi Penuh**

Bil	Nama Program	Pemilik Program	Lawatan Tapak	Kelulusan Senat
1	Sarjana Pemasaran	Fakulti Perniagaan dan Perakaunan	18 September 2019	23 Januari 2020
2	Sarjana Perakaunan (Penyelidikan Perakaunan dan Polisi)	Fakulti Perniagaan dan Perakaunan	26 September 2019	28 Februari 2020
3	Sarjana Kekuatan dan Suaian Fizikal	Pusat Sukan dan Sains Eksesais	13 November 2019	26 November 2020
4	Sarjana Sains Perubatan (Perubatan Regeneratif)	Fakulti Perubatan	4 Mac 2020	17 Disember 2020
5	Diploma Pascasiswazah Pendidikan	Fakulti Pendidikan	19 dan 20 Disember 2019	Dalam proses
6	Sarjana Etika Penyelidikan Kesihatan	Fakulti Perubatan	12 Ogos 2020	Dalam proses

Bil	Nama Program	Pemilik Program	Lawatan Tapak	Kelulusan Senat
7	Diploma Eksekutif Pengajian Usuluddin	Pusat Pendidikan Berterusan (UMCCed)	20 Oktober 2020	Dalam proses
8	Diploma Eksekutif Pengajian Syariah	Pusat Pendidikan Berterusan (UMCCed)	21 Oktober 2020	Dalam proses

### 2.3. Akreditasi Semula

Salah satu syarat penganugerahan status swaakreditasi adalah UM dikehendaki menjalankan proses penilaian semula yang komprehensif terhadap program yang telah diakredat dari semasa ke semasa untuk memastikan kualiti program ini dapat dipertingkatkan. Sehubungan itu, UM telah menetapkan bahawa kesemua program sedia ada bukan profesional yang telah diakredat akan melalui proses pengakreditasian semula yang dijalankan sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun.

Penjaminan kualiti berkaitan akademik di UM juga turut melibatkan pihak luar berkepentingan termasuk pemegang taruh. Ini bagi memastikan kualiti UM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa. QMEC selaku badan yang menjamin kualiti bertindak sebagai penyelaras bagi penilaian dan audit oleh badan penjaminan kualiti lain seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Asean University Network-Quality Assurance (AUN-QA) dan badan-badan profesional bagi program akademik profesional.

### 2.4. Latihan dan Pembangunan Pakar

#### Jaminan Kualiti

QMEC sentiasa berusaha membangunkan modal insan dalam penjaminan kualiti dengan menyediakan pelbagai latihan kepada warga UM. Latihan ini adalah selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa. Latihan yang dijalankan kadangkala turut melibatkan PTj berkepentingan lain seperti Pusat Perancangan Strategik Akademik (ASPC) dan Pusat Pentadbiran dan Perkhidmatan Akademik (AASC). Bagi tahun 2020,

sebanyak dua (2) sesi latihan telah dikendalikan melalui bengkel kepada kumpulan tertentu di UM. Q-Clinic yang dijadualkan 2 kali setiap bulan juga memberi ruang kepada QMEC untuk bertemu dengan warga UM dalam kumpulan yang lebih kecil.

### Cabar dan Kesimpulan


Perkembangan keadaan semasa dan dengan pandemik COVID-19 di Malaysia turut memberi impak kepada SPK dan JKA yang dijalankan di UM. Pendekatan SPK dan akreditasi yang kebiasaannya melibatkan perbincangan, audit dan lawatan tapak secara bersemuka telah diubah secara dalam talian. Walaupun perubahan ini memerlukan usaha yang lebih di pihak QMEC, para auditor, panel penilai dan pemilik program, didapati aktiviti SPK dan JKA masih dapat dijalankan dengan baik. Usaha ini sering dilihat semula dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

### 1.2.11 Mengorak Langkah ke Hadapan

Walaupun pencapaian cemerlang masih terus diraih sepanjang tahun 2020 di sebalik tekanan dan kesan langsung dari pandemik COVID-19 yang melanda, ini tidak bermakna Universiti Malaya boleh leka dan mendabik dada tanpa terus berusaha dengan lebih gigih lagi untuk meningkatkan prestasi cemerlang dan mengukuhkan kedudukannya di mata dunia. Pelbagai perancangan telah pun direncanakan dalam mengharungi cabaran yang mendarat.

Pelan Strategik Universiti Malaya 2021-2025 telah pun tersedia dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah Universiti Malaya. Dengan pengenalan kepada Visi, Misi dan Nilai Teras yang ditambah baik, pelan strategik baharu ini memperkenalkan pelbagai inisiatif di bawah lima tunjang utama melalui manifestasi *UM House of Excellence*.

# UM STRATEGIC PLAN 2021 - 2025



Dengan aspirasi dan iltizam baharu ini, setiap warga Universiti Malaya haruslah peka dengan aliran semasa dalam pengajian tinggi serta cabaran yang bakal dihadapi untuk terus menjadi yang terbaik. Semua faktor ini perlu dilihat pada sisi positif yang mampu menciptakan peluang untuk diterokai dalam pelbagai aspek selaras dengan teras utama Universiti Malaya seperti yang dinyatakan sebelum ini.



# 02 AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

2.1 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	25
2.2 PENGURUSAN AKADEMIK	36
2.3 PENGANTARABANGSAAN DAN JALINAN GLOBAL	38





## 2.1 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pandemik COVID-19 yang terjadi hampir di seluruh dunia sepanjang tahun 2020 telah memberikan impak yang sangat besar dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan pengajian tinggi. Pendidikan pengajian tinggi adalah antara sektor yang menerima kesan signifikan daripada pandemik COVID-19 ini dan telah mendorong komuniti dalam sektor ini melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) sepenuhnya dalam talian.

Malah, COVID-19 dilihat sebagai agen transformasi dan pemangkin kepada pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran virtual secara radikal. Penangguhan kelas dan kuliah secara bersemuka tidak sama sekali mengganggu proses PdP kerana ia boleh digantikan sepenuhnya dengan pembelajaran secara maya atau virtual. Aktiviti PdP secara virtual atau eLearning merupakan kaedah yang diguna pakai secara meluas berdasarkan perkembangan teknologi media digital yang sedang berkembang pesat ketika ini dan merupakan medium yang paling berkesan dan cekap untuk melakukan aktiviti PdP di sebalik kerumitan pandemik COVID-19 yang dihadapi ketika ini.

Selari dengan situasi semasa ini, Universiti Malaya telah mengambil pelbagai inisiatif dan mengorak langkah ke hadapan dalam mengendalikan proses dan perubahan serta sokongan teknikal yang baik dan lancar bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan mod eLearning termasuk melakukan penilaian alternatif bagi menggantikan peperiksaan tradisional sejak pandemik COVID-19 melanda. Walaupun berdepan cabaran getir ini, Pelan Strategik Akademik Universiti Malaya 2016-2020 masih lagi dijadikan panduan asas dalam mengerakkan transformasi sekali gus memacu kejayaan meliputi aspek pemantapan tadbir urus akademik dan pembangunan akademik bagi tahun 2020.

Dalam memastikan wawasan UM untuk menjadi universiti pilihan staf dan pelajar, empat (4) matlamat dan lapan (8) strategi utama dalam mencapai matlamat yang dikenal pasti digariskan di dalam pelan ini seperti berikut:



## 2.1.1 Pembangunan Kurikulum dan Program Akademik

Universiti Malaya telah mempertimbangkan tujuh (7) permohonan saringan awal program akademik baharu yang terdiri daripada program di peringkat Diploma dan Sarjana seperti berikut:

Bil	Program	Peringkat Pengajian
1	Diploma Sains Komputer	Diploma
2	Sarjana Sains (Sains Marin)	Sarjana
3	Sarjana Sains (Nanoteknologi)	Sarjana
4	Sarjana Perundangan dan Kawalan Regulatori Industri Farmasi	Sarjana
5	Sarjana Penemuan dan Pembangunan Drug	Sarjana
6	Sarjana Pengajian Gender	Sarjana
7	Sarjana Keselamatan Siber	Sarjana

Pertimbangan permohonan saringan awal program akademik baharu ini dijangka dapat memenuhi keperluan tenaga kerja pada masa hadapan dalam bidang yang berkaitan serta menyokong hasrat pembelajaran sepanjang hayat.

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga telah meluluskan penawaran lapan (8) program akademik baharu mulai Sesi Akademik 2020/2021 dan Sesi Akademik 2021/2022 seperti yang disenaraikan.

Bil	Program	Sesi Penawaran
1	Sarjana Sains Oral	Sesi Akademik 2020/2021
2	Sarjana Parasitologi dan Entomologi Perubatan	Sesi Akademik 2021/2022
3	Doktor Ortodontik	
4	Doktor Prostodontik	
5	Doktor Periodontologi	
6	Doktor Pergigian Penjagaan Khas	
7	Doktor Patologi Maksilofasial Mulut dan Perubatan Mulut	
8	Doktor Pergigian Pediatrik	

Selaras dengan eksesais semakan kurikulum, UM turut memperkenalkan kursus peningkatan atribut pelajar atau dikenali sebagai *Student Holistic Empowerment (SHE)* bagi program peringkat Ijazah Dasar. Kursus SHE merupakan kursus elektif universiti dan setiap program akademik Ijazah Dasar (kecuali Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan serta Sarjana Muda Pergigian) di UM perlu menetapkan antara 6-8 kredit kursus SHE.

Kursus SHE ini akan mula ditawarkan bagi semua program akademik Ijazah Dasar yang telah diluluskan eksesais semakan kurikulum atau penawaran program akademik baharu mulai Sesi Akademik 2021/2022 yang akan dibahagikan kepada 4 tema berikut:

Bil	Tema
1	<i>Thinking Matters: Mind and Intellect</i>
2	<i>Emotional, Physical and Spiritual Intelligence: Heart, Body and Soul</i>
3	<i>Technology / Artificial Intelligence and Data Analytics: i-Techie</i>
4	<i>Global Issues and Community Sustainability: Making the World a Better Place</i>

Semakan kurikulum program akademik melibatkan aktiviti yang komprehensif merangkumi penilaian keberkesanan pelaksanaan program dan pencapaian hasil pembelajaran secara menyeluruh. Penambahbaikan Kualiti Berterusan (*Continual Quality Improvement (CQI)*) adalah perkara utama dalam pemantauan dan penyemakan program akademik bagi mengenal pasti sebarang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan dalam eksesais ini.

Tahun 2020 juga merekodkan pelaksanaan eksesais semakan kurikulum bagi program akademik Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi. Beberapa siri mesyuarat, sesi maklum balas bersama pemilik program telah dilaksanakan bagi memastikan pemilik program mendapat maklumat yang tepat untuk menjalankan eksesais semakan kurikulum agar selaras dengan keperluan Kementerian Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia, Universiti Malaya dan badan profesional berkaitan.

Eksesais semakan kurikulum yang dijalankan pada tahun 2020 melibatkan semua program akademik di peringkat Ijazah Dasar yang telah mencapai tempoh matang pada Sesi Akademik 2019/2020 dan Sesi Akademik sebelumnya.

Eksesais semakan kurikulum bagi program akademik Ijazah Tinggi (mod kerja kursus dan mod campuran) hanya akan dilaksanakan tahun 2021 manakala bagi program Ijazah Tinggi (mod penyelidikan) pula akan dilaksanakan pada tahun 2022 bagi memberi keutamaan kepada eksesais akreditasi semula program akademik. Walau bagaimanapun, terdapat semakan kurikulum bagi program akademik Ijazah Tinggi yang telah diluluskan dan akan mula ditawarkan pada Sesi Akademik 2021/2022. Bilangan program akademik yang telah mendapat kelulusan semakan kurikulum untuk penawaran bermula Sesi Akademik 2021/2022 adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Ijazah Dasar	Ijazah Tinggi
1	Jumlah Program Akademik	96	156
2	Bilangan program yang telah capai tempoh kitaran semakan kurikulum 2019/2020 dan sebelumnya (tidak termasuk penyelidikan)	88	115
3	Bilangan program yang telah selesai semakan kurikulum (mendapat kelulusan peringkat Senat/JKPT) sehingga 31 Disember 2020	37	32

Hasil daripada eksesais semakan kurikulum program akademik berkenaan, Universiti Malaya memutuskan untuk mengkonsolidasikan penawaran sembilan (9) program akademik asal kepada program baharu seperti yang dinyatakan berikut bertujuan untuk menawarkan program akademik yang lebih umum:

Bil	Nama Program Asal	Nama Program Baharu
1	Sarjana Muda Sosio-Budaya Melayu	Sarjana Muda Pengajian Melayu
	Sarjana Muda Kesenian Melayu	

Bil	Nama Program Asal	Nama Program Baharu
2	Sarjana Muda Sains Matematik	Sarjana Muda Sains Matematik
	Sarjana Muda Sains Matematik Gunaan	
3	Sarjana Muda Sains Mikrobiologi	Sarjana Muda Sains Mikrobiologi dan Genetik Molekul
	Sarjana Muda Sains Genetik	
4	Sarjana Muda Sains Kimia	Sarjana Muda Sains Kimia
5	Sarjana Muda Sains Kimia Gunaan	
6	Sarjana Muda Sains Geologi Gunaan	Sarjana Muda Sains Geologi Gunaan
7	Sarjana Muda Sains Geologi	
8	Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul)	Sarjana Muda Syariah
	Sarjana Muda Syariah (Syariah dan Ekonomi)	
	Sarjana Muda Syariah (Sains Politik Islam)	
	Sarjana Muda Syariah (Astronomi Islam)	
9	Sarjana Muda Usuluddin (Akidah dan Pemikiran Islam)	Sarjana Muda Usuluddin
	Sarjana Muda Usuluddin (Dakwah dan Pembangunan Insan)	
	Sarjana Muda Usuluddin (Sejarah dan Tamadun Islam)	

Selaras dengan eksesais semakan kurikulum ini juga, beberapa program akademik telah dijumudkan berikutan beberapa faktor seperti kebolehpasaran graduan, perubahan semasa dalam bidang berkaitan dan populariti yang amat rendah. Kandungan program akademik bagi program yang dijumudkan akan diserapkan ke dalam program akademik yang masih aktif. Sebanyak 30 program akademik telah dijumudkan seperti berikut:

Bil	Program
1	Sarjana Sains Maklumat (Sains Perpustakaan)

<b>Bil</b>	<b>Program</b>
2	Sarjana Kejuruteraan Bahan
3	Sarjana Kejuruteraan Mekatronik
4	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan
5	Sarjana Kejuruteraan Telekomunikasi
6	Sarjana Sains Perubatan Dalam Patologi Klinikal
7	Sarjana Sains Perubatan Dalam Patologi Klinikal (Hematologi)
8	Sarjana Sains Perubatan Dalam Patologi Klinikal (Histopatologi)
9	Sarjana Sains Perubatan Dalam Patologi Klinikal (Mikrobiologi Perubatan)
10	Sarjana Sains Perubatan Dalam Patologi Klinikal (Patologi Forensik)
11	Sarjana Sains Perubatan Dalam Patologi Klinikal (Patologi Kimia)
12	Sarjana Muda Sosio-Budaya Melayu
13	Sarjana Muda Kesenian Melayu
14	Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul)
15	Sarjana Muda Syariah (Syariah dan Ekonomi)
16	Sarjana Muda Syariah (Sains Politik Islam)
17	Sarjana Muda Syariah (Astronomi Islam)
18	Sarjana Muda Usuluddin (Akidah dan Pemikiran Islam)
19	Sarjana Muda Usuluddin (Dakwah dan Pembangunan Insan)
20	Sarjana Muda Usuluddin (Sejarah dan Tamadun Islam)
21	Sarjana Muda Pengajian Islam dan Teknologi Maklumat
22	Sarjana Muda Sains Bioinformatik
23	Sarjana Muda Sains (Sains Bahan)
24	Sarjana Muda Sains Kimia Gunaan
25	Sarjana Muda Sains Geologi
26	Sarjana Muda Sains Biokesihatan
27	Sarjana Muda Sains Matematik Gunaan
28	Sarjana Muda Sains Genetik
29	Sarjana Muda Sains Mikrobiologi
30	Sarjana Muda Sains Pengajian Sains dan Teknologi

Selain itu, Senat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah meluluskan pengemaskinan Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya tahun 2020 bagi empat (4) tahap pengajian berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Nama Dokumen</b>	<b>Tarikh Kelulusan Senat</b>	<b>Tarikh Kelulusan LPU</b>
1.	Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Asasi) 2020	28 Februari 2020	18 Jun 2020
2.	Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya [Program Rancangan Persediaan Khas (Jepun)] 2020	28 Februari 2020	18 Jun 2020
3.	Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Diploma Eksekutif) 2020	30 April 2020	18 Jun 2020
4.	Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah) 2020	28 Ogos 2020	10 September 2020

Senat turut meluluskan lapan (8) Garis Panduan tahun 2020 yang merangkumi perkara-perkara berikut:


<b>Bil.</b>	<b>Nama Garis Panduan</b>	<b>Tarikh Kelulusan Senat</b>
1.	Polisi Penyeliaan Calon Ijazah Tinggi Universiti Malaya	28 Februari 2020
2.	Garis Panduan Kemasukan Secara Terus / Fast Track (Accelerated Admission) ke Program Doktor Falsafah Secara Penyelidikan Universiti Malaya	25 Jun 2020
3.	Garis Panduan Pengendalian Kes Plagiat	25 Jun 2020

Bil.	Nama Garis Panduan	Tarikh Kelulusan Senat
4.	Garis Panduan Pengurusan Peperiksaan Lisan (viva voce) Program Ijazah Tinggi Universiti Malaya	23 Julai 2020
5.	Garis Panduan dan Terma Rujukan Penilai Luar Program	27 Ogos 2020
6.	Garis Panduan dan Terma Rujukan Pemeriksa Luar Program	27 Ogos 2020
7.	Garis Panduan Pengurusan Permohonan Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus	26 November 2020
8.	Garis Panduan Pelaksanaan Program Kerjasama Akademik Universiti Malaya	26 November 2020

### Garis Panduan – Online Teaching and Learning & Microcredentials@UM

UM juga telah menerbitkan dua (2) garis panduan bagi membantu staf akademik UM dalam pengendalian PdP masing-masing. Garis panduan ini juga boleh didapati di laman sesawang AdeC di pautan <https://adec.um.edu.my/umteachonline-guideline-books-and-other-resources>


Bil.	Nama Garis Panduan	Tarikh Pelaksanaan
1	<i>Microcredentials@UM Guideline @ First Edition</i>	2 Oktober 2020
2	<i>Online Teaching and Learning Guideline by Universiti Malaya @ Second Edition</i>	25 September 2020
3	<i>Online Teaching and Learning Guideline During COVID-19 Pandemic by Universiti Malaya @ First Edition</i>	2 April 2020



Online Teaching and Learning Guideline by Universiti Malaya @ First Edition, April 2020



Online Teaching and Learning Guideline by Universiti Malaya @ Second Edition, September 2020




Microcredentials@UM Guideline @ First Edition, 2 Oktober 2020


Dalam mengkaji strategi yang terbaik bagi menetapkan sasaran graduan program Kedoktoran, analisis telah dilaksanakan untuk mengenal pasti trend tempoh lazim tamat pengajian program tersebut bagi setiap PTj Akademik. Data yang digunakan bagi analisis berkenaan adalah data kemasukan graduan Sesi Akademik 2010/2011 hingga Sesi Akademik 2017/2018. Analisis tersebut telah membantu pihak Pengurusan Universiti menetapkan sasaran calon Kedoktoran yang dijangka bergraduat pada Sesi Akademik 2021/2022. Analisis

Graduate on Time (GOT) dan Penyeliaan bagi Program Ijazah Tinggi juga telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 4 Ogos 2020. Ringkasan analisis diberikan mengikut bidang seperti dalam rajah berikut:


**Trend tempoh lazim tamat pengajian PhD untuk PTj Akademik bidang sastera (data mengikut % kadar purata)**



**Trend tempoh lazim tamat pengajian PhD untuk PTj Akademik bidang sains (data mengikut % kadar purata)**



Trend tempoh lazim tamat pengajian PhD untuk PTj Akademik bidang hibrid (data mengikut % kadar purata)



Sistem Pengurusan Program Akademik (iPAcS) juga dibangunkan bagi menggantikan *Student Knowledge Management System* (SKMS) bertujuan memastikan maklumat berkaitan kurikulum program dan borang-borang MQF direkodkan secara berpusat. Sistem ini juga akan diperkuuhkan melalui integrasi data dengan Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu (UMSiTS) dalam menganalisis pencapaian hasil pembelajaran program. Antara cadangan penambahbaikan lain bagi sistem ini adalah pelaporan yang strategik dan rekod pencapaian pelajar yang holistik. Pembangunan sistem ini telah dimulakan pada Disember 2020 dan Fasa 1 dan 2 dijangka akan disempurnakan untuk diguna pakai mulai Sesi Akademik 2021/2022. Fasa 3 bagi sistem ini dijangka akan siap sepenuhnya untuk pelaksanaan pada Semester 1, Sesi Akademik 2022/2023.

## 2.1.2 Pemerksaan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan Staf Akademik

UM melalui Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC) telah memperkasakan program latihan staf akademik

melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020. ADeC menerima lebih daripada 1,000 penyertaan daripada kalangan staf akademik untuk 135 kursus penambahbaikan akademik dan pembangunan kepimpinan staf akademik yang dijalankan sepanjang tahun 2020 seperti ringkasan berikut:

Bil.	Kategori Kursus	Bilangan Kursus
1.	<i>Teaching and Learning</i>	79
2.	<i>Research and Supervision</i>	22
3.	<i>E-Learning</i>	17
4.	<i>Leadership and Wellbeing</i>	17
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>135</b>

Sebanyak 20 klinik SPeCTRUM turut diadakan dengan staf akademik dan pakar eLearning bagi mendapatkan panduan dan bantuan berkaitan SPeCTRUM, Microsoft Teams, Google Suite dan elemen Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) lain yang berkaitan. Kursus *Emerald Teaching and Learning* berjaya dijalankan sebanyak empat (4) kali dengan satu kursus dijalankan secara fizikal dan tiga (3) lagi dijalankan secara dalam talian menggunakan platform Microsoft Teams.



**2 UNIVERSITI MALAYA WEBINAR**

### SIMPLIFIED E-LEARNING SERIES

**1 Simplified e-Learning Content Design**  
21 April 2020 (Tuesday) 10.30am - 12.30pm

**2 Simplified e-Learning Content Development Using PowerPoint**  
21 April 2020 (Tuesday) 10.30am - 12.30pm

**Trainer:** Mr. Zaid Ali Alsagoff  
Learning Innovation Specialist

**DETAILS**

**3 Work Life Balance in Academician**  
25 September 2020 (Friday) 10.00am - 12.00pm

**4 DEVELOPING HIGHER ORDER TEST AND EXAM QUESTIONS**  
4 November 2020 | 10am - 12pm

**Work Life Balance in Academician**

**Balance in Academician**  
25 September 2020 (Friday) 10.00am - 12.00pm

**SPEAKER**

**Organizer:** Dr. Nor Bahati Mohd  
Faculty of Electrical Engineering

**IN COLLABORATION WITH:** UNIVERSITI MALAYA, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**LINK TO JOIN:** [bit.ly/ZVJtf](https://bit.ly/ZVJtf) [bit.ly/ZMwqg](https://bit.ly/ZMwqg)

**DEVELOPING HIGHER ORDER TEST AND EXAM QUESTIONS**  
4 November 2020 | 10am - 12pm

**SPEAKER**

**PROFESSOR DR. MR. ARIFUZZEIN RAHMAN**  
Institute for Chemical & Nuclear Sciences (ICNS), Faculty of Chemical Engineering, Faculty of Engineering

**DETAILS**

**LINK TO JOIN:** [bit.ly/2FP4X3P](https://bit.ly/2FP4X3P)

**5 MAGNETIC Academic Discourse**

### Teaching & Learning Delivery in COVID-19 Pandemic: Insights from Malaysian Public Universities

11 November 2020 | 10am - 12pm

**PANELISTS**

**MODERATOR**

**DETAILS**

**LINK TO STREAM:** [bit.ly/MAGNETIC\\_AD1](https://bit.ly/MAGNETIC_AD1)

**ORGANISERS:** MAGNETIC, UNIVERSITI MALAYA, UTM, UMK, UNIMAS, CONTACT US

- ① **Kursus Emerald Teaching and Learning**
- ② **Simplified eLearning Series 1: Content Design [20 April 2020]**
- ③ **Work Life Balance in Academician [25 September 2020]**
- ④ **Webinar: Developing Higher Order Test and Exam Questions [4 November 2020]**
- ⑤ **Teaching & Learning Delivery in COVID-19 Pandemic Insights from Malaysian Public Universities [11 November 2020]**

Maklumat lanjut berkaitan siri webinar yang dianjurkan UM sepanjang tahun 2020 boleh diakses melalui <https://adec.um.edu.my/2020-programs>.

## Kempen #UMTeachOnline

Berikutan pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020, sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Universiti Malaya turut terkesan dengan semua aktiviti PdP ini telah dijalankan sepenuhnya secara dalam talian (eLearning), satu kempen kesedaran mengenai #UMTeachOnline dilancarkan bagi menggalak, menyokong dan membantu staf akademik UM mengendalikan aktiviti PdP secara dalam talian. Butiran mengenai kempen ini boleh diakses melalui laman web rasmi ADeC di pautan <https://adec.um.edu.my/umteachonline>.

## **Learning Improvement and Teaching Enhancement Conference (LITEC) 2020**

Buat pertama kali, ADeC menjalankan persidangan sepenuhnya dalam talian. LITEC 2020 adalah persidangan antarabangsa bertermakan “Personalised Learning” yang dijalankan pada 25 hingga 27 Ogos 2020 dengan menggunakan platform Microsoft Teams. Sebanyak 29 kertas kerja dibentangkan dalam persidangan ini. LITEC 2020 dianjurkan bersama MAGNETIC (Majlis Kerjasama Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran IPTA Malaysia).



Maklumat lanjut mengenai program ini boleh diakses melalui <https://umevent.um.edu.my/LITEC2020>.

## Microcredentials @UM

Universiti Malaya turut mempergiatkan usaha untuk membangunkan lebih banyak kursus berbentuk Microcredentials (MC) yang dikenali sebagai Microcredentials @UM. MC @UM pula merupakan salah satu inisiatif lain yang turut diambil pendekatan oleh pihak UM bagi memenuhi trend semasa dan keperluan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dewasa ini dalam menangani isu penyediaan tenaga mahir dalam bidang tertentu. Pelajar dan orang awam boleh mengikuti mana-mana kursus-kursus MC yang ditawarkan oleh UM mengikut kesesuaian dan keperluan kemahiran yang diperlukan. MC merupakan trend terkini dalam pendidikan tinggi yang bertindak sebagai salah satu responbuntuk menangani keperluan sesuatu kemahiran dalam pekerjaan di masa hadapan. Pelajar dan orang awam boleh mengikuti MC mengikut kesesuaian dan keperluan, dan kursus-kursus yang telah diambil boleh diambil kira sebagai kredit dalam pembelajaran, selagi ia memenuhi kriteria sijil yang berkaitan. Microcredentials (MC) mengikut takrifan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) adalah seperti berikut:

***Microcredentials (MC) is defined as “digital certification of assessed knowledge, skills and competencies in a specific area or field which can be a component of accredited programme or stand-alone courses supporting the professional, technical, academic and personal development of the learners” (MQA, May 2020).***

ADeC bertanggungjawab sepenuhnya dalam membantu staf akademik UM membangunkan kursus dalam talian masing-masing. Bermula Julai 2020, lebih daripada 50 kursus berpotensi untuk dibangunkan sebagai MC atau kursus dalam talian. Sepanjang tahun 2020, Universiti Malaya telah membangunkan beberapa kursus bersifat microcredential yang dijangka akan mula ditawarkan sepenuhnya pada tahun 2021. Antaranya adalah *Effective Communication Skills for Engineers*, *Chemometrics in Air Pollution*, *Speak Thai Like Local* dan *Let's Learn Portuguese!* manakala dua (2) kursus lain iaitu *Calligraphy: An Introduction to the Art of Handwriting* dan *Introduction to Malay Language* telah sedia ditawarkan sejak tahun 2017.

The new FutureLearn courses by Universiti Malaya boleh diakses melalui <https://www.futurelearn.com/partners/universiti-malaya>

The new FutureLearn courses by Universiti Malaya  
Enroll now for free at  
[bit.ly/FL\\_UniversitiMalaya](https://bit.ly/FL_UniversitiMalaya)

Future Learn

### Pertandingan e-SULAM Innovate 2021: e-SULAM Ideation, Invention and Innovation Challenge

SULAM adalah singkatan bagi **Service Learning Malaysia – University for Society**. SULAM merupakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang menggabungkan hasil pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti dengan nilai kredit dan jam pelaksanaan khidmat komuniti itu dikira dalam jumlah jam pelajar belajar bagi kursus yang berkaitan di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

e-SULAM merupakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berdasarkan SULAM yang dijalankan secara dalam talian sama ada:

- Hanya aspek PdP sahaja dijalankan secara dalam talian; atau
- Hanya aspek khidmat komuniti sahaja dijalankan secara dalam talian; atau
- Kedua-dua aspek PdP dan khidmat komuniti dijalankan secara dalam talian.

UM telah dipertanggungjawabkan dalam menjalankan pertandingan e-SULAM INNOVATE 2021. Pertandingan ini dianjurkan bersama Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pendidikan Tinggi. Pertandingan bermula pada 22 Disember 2020 dan akan berakhir dengan

penyampaian hadiah pada 27 Mei 2021. Majlis Pelancaran Sinergi eSULAM telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pada 22 Disember 2020.



Poster e-SULAM INNOVATE 2021

## 2.2 PENGURUSAN AKADEMIK

### 2.2.1 Populasi Pelajar Universiti Malaya

Walaupun dunia masih berdepan dengan pandemik COVID-19, secara keseluruhannya kemasukan pelajar dalam pelbagai bidang pengajian bagi tahun 2020 di UM tidak terjejas dan menunjukkan peningkatan sebanyak 6% (7,126 pelajar pada tahun 2020 berbanding 6,731 pada tahun 2019). Daripada jumlah tersebut, seramai 4,330 pelajar mengikuti kursus di peringkat Ijazah Dasar

dan 2,796 pelajar di peringkat Ijazah Tinggi. Perbandingan jumlah kemasukan pelajar bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian	2019	2020
Ijazah Dasar	4,473	4,330
Ijazah Tinggi	2,258	2,796
Jumlah	<b>6,731</b>	<b>7,126</b>

Jumlah keseluruhan enrolmen pelajar bagi tahun 2020 pula adalah seramai 28,573 yang terdiri daripada 19,164 pelajar Ijazah Dasar (67.07%) dan 9,409 pelajar Ijazah Tinggi (32.92%). Perbandingan jumlah enrolmen pelajar bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Kategori Pelajar	2019		2020	
	Ijazah Dasar	Ijazah Tinggi	Ijazah Dasar	Ijazah Tinggi
Warganegara	15,536 (94.54%)	7,547 (73.9%)	18,112 (94.51%)	6,633 (70.50%)
Bukan Warganegara (Antarabangsa)	898 (5.46%)	2,666 (26.1%)	1,052 (5.49%)	2,776 (29.50%)
Jumlah	<b>16,434</b>	<b>10,213</b>	<b>19,164</b>	<b>9,409</b>

### 2.2.2 Graduan

Jumlah graduan pada tahun 2020 adalah seramai 5,276 orang (467 graduan Ijazah Kedoktoran, 1,581 graduan Ijazah Sarjana, dan 3,228 graduan Ijazah Sarjana Muda). Perbandingan jumlah graduan bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Graduan	2019	2020
Ijazah Kedoktoran	477	467
Ijazah Sarjana	1,759	1,581
Diploma Pascasiswazah	267	Tiada
Ijazah Sarjana Muda	2,965	3,228
Jumlah	<b>5,468</b>	<b>5,276</b>

Walaupun Majlis Istiadat Konvokesyen ke-60 tidak dapat dilaksanakan berikutan situasi pandemik COVID-19 yang masih belum reda pada tahun 2020, UM bersetuju menganugerahkan penerima berikut mengikut kategori yang dinyatakan:

- Penerima Ijazah Kehormat - Tiada penerima
- Penerima Gelaran Profesor Emeritus - Profesor Dr. Jomo Kwame Sundaram

- Anugerah Pelajaran DiRaja yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Malaysia telah dianugerahkan kepada dua (2) pelajar cemerlang berikut:

- Saudara Chan Shien Zhi (Ijazah Sarjana Muda Ekonomi)
- Saudari Siti Nurainin Nabillah Mohd Azman (Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua)

Graduan Ijazah Kedoktoran melalui program kerjasama Dual Doktor Falsafah (PhD) adalah seperti berikut:

Nama Graduan	Fakulti	Nama Rakan Kerjasama Institusi
Mohamed Nashrudin Bin Naharudin	Pusat Sukan dan Sains Eksais	Loughborough University, United Kingdom
Leong Chin Neng	Fakulti Kejuruteraan	University of New South Wales, Australia

Nama Graduan	Fakulti	Nama Rakan Kerjasama Institusi
Lim Pooi Khoon	Fakulti Kejuruteraan	University of New South Wales, Australia
Hijaz Kamal Bin Hasnan	Fakulti Sains	The Australian National University, Australia

### 2.2.3 Biasiswa dan Tajaan

Ringkasan pemberian biasiswa kepada calon aktif di bawah Program Zamalah Ijazah Tinggi pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

Bil	Program Zamalah Ijazah Tinggi	Bilangan Penerima
1.	Universiti Malaya Student Financial Aid	578
2.	Skim Pengurangan Yuran Bagi Calon Kurang Upaya (OKU) & Warga Emas	8
3.	Bantuan Kewangan Program Dual Kedoktoran	1
<b>Jumlah keseluruhan penerima</b>		<b>587</b>

Ringkasan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang menerima tajaan daripada agensi luar pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

Bil	Program Zamalah Ijazah Sarjana Muda	Bilangan Penerima
1	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	6,184
2	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	1,765
3	Biasiswa Yayasan Negeri-Negeri	279
4	Majlis Agama Islam Negeri-Negeri	73
5	Biasiswa Yayasan Kuok	70
6	Biasiswa Tun Tan Cheng Lock	33
7	PIDM Scholarship	33
8	Bantuan Tunku Abdul Rahman (BPTAR)	30
9	Biasiswa Yayasan Telekom	18

Bil	Program Zamalah Ijazah Sarjana Muda	Bilangan Penerima
10	Sheikh Thani Bin Abdullah Foundation RAF	17
11	AEON Scholarship Excellence Award	14
12	Biasiswa Gamuda	13
13	Biasiswa Overseas Chinese Banking Corporation	13
14	Loke Yew Scholarship Trust Fund	8
15	Yayasan KLK	7
16	Huawei Scholarship	6
17	Malaysian Rubber Export Promo	6
18	Biasiswa Permodalan Nasional Berhad	5
19	Biasiswa PAUM	4
20	Biasiswa Tabung Haji	4
21	Yayasan Bursa Malaysia	4
22	Alliance Precast Industries Sdn Bhd	3
23	Enquest Petroleum	3
24	The Amjad & Suha Bseisu Foundation	3
25	Jardine Cycle And Carriage	1
26	Queen Elizabeth Commonwealth Scholarships	1
<b>Jumlah keseluruhan penerima</b>		<b>8,597</b>

### 2.2.4 Pelajar Antarabangsa

UM telah merekodkan bilangan enrolmen pelajar antarabangsa Ijazah Sarjana Muda sepenuh masa pada tahun 2020 seramai 1,057 pelajar dengan peningkatan sebanyak 17% berbanding tahun 2019 (898 pelajar). Pelajar antarabangsa yang mengikuti pelbagai program di peringkat Ijazah Sarjana Muda ini berasal lebih daripada 55 buah negara. Bagi enrolmen pelajar antarabangsa Ijazah Tinggi pula, terdapat peningkatan sebanyak 4% iaitu seramai 2,776 pelajar pada tahun 2020 berbanding 2,666 pelajar pada tahun 2019. Perbandingan bilangan pelajar antarabangsa bagi Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Tinggi mengikut negara bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Ijazah Dasar		Ijazah Tinggi	
Negara	Bilangan Pelajar	Negara	Bilangan Pelajar
China	392	China	1,094
Indonesia	146	Indonesia	201
Bangladesh	101	Bangladesh	185
Singapura	62	Pakistan	179
Yaman	47	Nigeria	116
Mesir	47	Iran	114
Pakistan	29	India	82
Iran	21	Arab Saudi	76
Syria	20	Palestine	69
India	17	Libya	65
Palestine	16	Yaman	62
Arab Saudi	14	Iraq	61
Thailand	13	Oman	50
Sudan	11	Mesir	37
Jordan	10	Sudan	27
Japan	8	Syria	26
Iraq	6	Jordan	23
Sri Lanka	6	Maldives	21
Perancis	5	Thailand	20
Jerman	5	Sri Lanka	20
Korea Selatan	5	Kuwait	20
Libya	5	Algeria	18
Maldives	5	Singapura	16
Lain-lain (dari 33 negara)	61	Lain-lain (dari 57 negara)	194
<b>Jumlah</b>	<b>1,052</b>	<b>Jumlah</b>	<b>2,776</b>

## 2.3 PENGANTARABANGSAAN DAN JALINAN GLOBAL

COVID-19 juga turut memberi kesan signifikan ke atas agenda pengantarabangsaan di serata dunia. Dalam menghadapi situasi ketidaktentuan ini, banyak aktiviti pengantarabangsaan yang biasanya dilakukan dalam skala besar tidak lagi dapat diperaktikkan dan memerlukan lebih banyak masa serta usaha untuk mengekalkannya mengikut momentum biasa. Berdepan situasi ini, UM telah mengorak langkah dengan memperkenalkan pelbagai insiatif baharu bagi menangani cabaran pengantarabangsaan ini. Biarpun berdepan cabaran, Pelan Strategik Antarabangsa Universiti Malaya 2016-2020 terus dijadikan sebagai landasan dan wawasan untuk menjadikan UM sebagai universiti pilihan dalam kalangan pelajar dan rakan strategik melalui lima (5) matlamat utama dan enam (6) strategi utama yang telah digariskan:

## Objektif Utama



## Strategi



### **2.3.1 Jaringan Kolaborasi dan Hubungan Luar**

Dalam usaha meningkatkan visibiliti UM di peringkat antarabangsa berdepan situasi getir ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa melalui Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) serta lain-lain dokumen perjanjian.

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini tidak langsung menghalang usaha pengantarabangsaan di UM. Aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan telah disesuaikan dengan norma baharu seperti penggunaan tandatangan secara elektronik untuk MoU dan MoA dengan rakan institusi yang terlibat. Amalan baharu ini sekali gus turut memberi impak besar terhadap penjimatan perbelanjaan kepada Universiti iaitu dari segi kos perkhidmatan kurier. Selain itu, penjimatan

masa untuk memeterai sesuatu perjanjian antara kedua-dua belah pihak juga dapat dilihat dengan jelas jika dibandingkan dengan cara konvensional yang dipraktikkan sebelum ini.

Secara perbandingan, walaupun dunia berhadapan dengan situasi sukar yang ketika ini, namun ia langsung tidak menghalang UM untuk terus mengukuhkan jaringan kolaborasi dengan pihak luar. Walaupun angka menunjukkan penurunan kecil dalam usaha pengukuhan jaringan kolaborasi di peringkat tempatan maupun antarabangsa melalui perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 2020 berbanding 2019, ia tidak mematahkan semangat untuk meneruskan usaha dalam mengadaptasi norma baharu ini.


Ringkasan perjanjian yang telah ditandatangani dengan pelbagai institusi dan industri di peringkat tempatan dan antarabangsa pada tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Kategori Dokumen	2019		2020	
	Tempatan	Antarabangsa	Tempatan	Antarabangsa
Memorandum Persefahaman (MoU)	40 (44.0%)	121 (55.3%)	29 (44.6%)	76 (42.0%)
Memorandum Perjanjian (MoA)	34 (37.3%)	92 (42.0%)	35 (53.8%)	105 (58.0%)
Lain-lain	17 (18.7%)	6 (2.7%)	1 (4.5%)	0 (0)
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>91 (29.4%)</b>	<b>219 (70.6%)</b>	<b>65 (27.0%)</b>	<b>181 (74%)</b>

Daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2020, sebahagian majlis menandatangani MoU dan MoA telah berjaya diatur dengan rakan institusi dan pihak industri sebelum dan selepas pandemik COVID-19 seperti berikut:

**Majlis Menandatangani MoU antara UM dan Sri Balaji Vidyapeeth (SBV), India [20 Januari 2020]**





① Majlis Menandatangani MoU antara UM dan Petrolium Nasional Berhad (Petronas), Malaysia [6 Februari 2020]

② Majlis Menandatangani MoA antara UM dan FLO Sciences Malaysia [7 September 2020]

③ Majlis Menandatangani MoU antara UM dan Taipei Economic and Cultural Office in Malaysia, Republic of China (Taiwan) [11 November 2020]

④ Majlis Penyerahan Perjanjian Kerjasama Split-site PhD antara UM dan Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia secara dalam talian [14 November 2020]

### **2.3.2 Adaptasi Norma Baharu**

Global pandemik ini turut mengubah cara pengendalian urusan lawatan dan perjumpaan di antara pihak UM dengan pihak luar. Sebahagian besar perbincangan dan perjumpaan dengan rakan institusi dan industri hanya diadakan secara virtual melalui pelbagai platform digital sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini.

Sebanyak 73 lawatan serta mesyuarat secara virtual dengan delegasi luar telah direkodkan sepanjang tahun 2020. Daripada jumlah ini, sebanyak lima (5) adalah daripada industri dan institusi tempatan manakala 68 adalah dengan pihak institusi antarabangsa manakala 15 majlis menandatangani dokumen kerjasama (MoU/MoA) secara bersemuka dengan delegasi luar yang terdiri daripada organisasi korporat dan wakil kedutaan luar negara di Malaysia dan majlis virtual telah berjaya diatur dengan rakan institusi luar negara.

Ringkasan lawatan secara bersemuka (sehingga Februari 2020) dan mesyuarat secara virtual bersama delegasi antarabangsa dengan UM seperti berikut:

Rantau	Bilangan Lawatan/ Mesyuarat Secara Virtual	Bilangan Majlis Menandatangani MoU/MoA Secara Bersemuka atau Virtual
Eropah	17	-
Asia Selatan	14	-
Asia Tenggara (termasuk Malaysia*)	13	24
Lain-lain	12	-
Asia Timur	5	-
Timur Tengah	4	-
Asia Tengah	3	-
Oceania	2	-
Amerika Selatan	2	-
Amerika	1	-
Afrika	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>73</b>	<b>24</b>

\*Nota: 5 daripada 13 lawatan/mesyuarat secara virtual dan 15 daripada 24 majlis menandatangani MoU/MoA telah diadakan dengan institusi tempatan dan industri di Malaysia.



- ① Lawatan daripada Presiden Athlone Institute of Technology, Ireland [14 Januari 2020]
- ② Lawatan daripada Taipei Economic and Cultural Office in Malaysia [20 Januari 2020]

- ③ Lawatan daripada UCSI University Kuala Lumpur, Malaysia [5 Februari 2020]
- ④ Mesyuarat secara virtual dengan The Australian National University [28 Julai 2020]

- ⑤ Mesyuarat secara virtual dengan University of Oregon, USA [28 Ogos 2020]
- ⑥ Mesyuarat secara virtual dengan Pimpri-Chinchwad College of Engineering, India [22 Oktober 2020]

### **2.3.3 Penglibatan UM dalam pertubuhan di peringkat global**

Mengambil kira pintu sempadan di semua negara masih ditutup sehingga penghujung tahun 2020, kesemua penglibatan dan penyertaan UM dalam aktiviti jaringan dan kolaborasi di peringkat global dijalankan secara mod virtual bersesuaian mengikut keperluan semasa sepanjang pandemik COVID-19. Adaptasi kepada norma baharu ini telah mendorong UM melaksanakan pelbagai pendekatan yang praktikal termasuk penggunaan webinar yang telah menjadi salah satu cara dan kaedah yang komprehensif untuk semua pihak terus kekal berhubung dengan rakan-rakan kerjasama di seluruh dunia. Sepanjang tahun 2020, wakil UM yang terdiri daripada ahli Pengurusan Tertinggi UM dan lain-lain staf UM di pelbagai kategori jawatan telah menyertai pelbagai urusan rasmi secara virtual dalam mesyuarat, bengkel, latihan, penceramah dan sebagainya yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi dan pertubuhan sama ada dari dalam dan luar negara.

#### **AUA+ Online Learning Knowledge-Sharing Webinar oleh Asian Universities Alliance (AUA) [30 Mac 2020]**



Seramai empat (4) orang wakil daripada UM telah menyertai webinar AUA+ *Online Learning Knowledge-Sharing* anjuran Tsinghua University di bawah kesatuan yang dianggotai oleh UM iaitu *Asian Universities Alliance* (AUA). Dalam webinar ini, peserta yang terdiri daripada 11 universiti telah berkongsi amalan terbaik mengenai pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian yang dipraktikkan di institusi masing-masing. Sesi webinar ini membincangkan mengenai polisi dan pelaksanaan PdP dalam talian, serta cabaran yang dihadapi.

#### **Special Dialogue: Online Education in the COVID-19 Response & Beyond [24 April 2020]**



Mantan Naib Canselor UM, YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam program *Special Dialogue: Online Education in the COVID-19 Response & Beyond* anjuran bersama Tsinghua University dan UNESCO. Seramai 30 ahli panel termasuk Presiden, Naib Presiden dan Profesor universiti bersama sekumpulan pengajian tinggi antarabangsa UNESCO telah menyertai sesi dialog ini dan ditonton oleh para penasihat polisi pendidikan, ahli akademik, dan pelajar. YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim telah membentangkan mengenai amalan baik dan cabaran yang dihadapi dalam memastikan kesinambungan Pengajaran dan Pembelajaran semasa pandemik COVID-19.

## **Asia Pacific Rim Universities (APRU) Annual Presidents' Meeting 2020 [22 Jun 2020]**



Mantan Naib Canselor UM, YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim juga menyertai hampir 150 delegasi dalam APRU Annual Presidents' Meeting 2020 yang diadakan secara virtual buat kali pertama pada 22 Jun 2020. Beliau turut menjadi salah seorang ahli panel bagi salah sesi bertajuk "Presidential Forum on COVID-19 Challenges and University Leadership"

## **Cohesive and Responsive ASEAN 2020 anjuran Commission on Higher Education (CHED), Republik Filipina [12 Ogos 2020]**



Mantan Naib Canselor UM, YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim turut dijemput menjadi salah seorang panel dalam sesi webinar ini yang menghimpunkan pimpinan tertinggi universiti dari negara serantau iaitu Indonesia, Brunei Darussalam dan juga Laos. Topik yang dibincangkan "AUN Academic Response During the Global Pandemic" dan beliau telah berkongsi amalan baik dan khidmat sokongan yang telah disalurkan kepada warga UM semasa berdepan pandemik COVID-19 awal tahun 2020.

## **IAU The Future of HE Webinar Series - Digital Dimension - Exploring the Different Modes of Learning [15 September 2020]**



Profesor Dr. Kamila Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UM telah dijemput untuk menjadi ahli panel dalam webinar anjuran *International Association of Universities* (IAU). Pengajuran webinar ini adalah bertujuan membincangkan mengenai pengalaman pengajaran dan pembelajaran secara jarak jauh dari perspektif tiga (3) institusi pengajian tinggi yang berbeza. Selain itu, perkara lain yang dibincangkan adalah mengenai peluang yang diperoleh daripada pengalaman ini dalam konteks COVID-19 serta bagaimana ia dapat menyumbang kepada inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

## **National Cheng Kung University (NCKU) Overseas Week [16 November 2020]**



Naib Canselor UM yang baharu, YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd. Shukor menyertai NCKU Overseas Week secara dalam talian. Beliau turut menyampaikan ucapan semasa majlis perasmian dan menjadi salah seorang ahli panel bagi forum secara dalam talian bertajuk "*The Impact of the COVID-19 Pandemic on Higher Education*".

## QS APPLE 2020 [25-27 November 2020]

The screenshot shows the conference agenda with two main tracks:

**Track 2: Building Resilience**  
Breakout Session 2: The need to be prepared, and risk planning measures provide a chance to impact the unexpected. Building a resilient approach to higher education, across factors such as research funding and output, and student recruitment could help universities mitigate risks. How can institutions react to these? What case examples are there of universities anticipating a challenge before it occurs? What role does technology play in predicting barriers? Can partnerships support risk and make it more manageable?

**Speakers:**

- Prof. Dr. Yvonne Teo Phua Penggih (Chair of the Academic, Scientific and International Affairs Committee)
- Dr. Rizal Ramsean (Head of Legal Department, Universiti Brunei Darussalam)
- Mr. Mohd Zaini Dato' (Senior Associate Professor, USM University)
- Mr. Taikee Wong (Marketing and Recruitment Executive, Universiti Malaya)
- Mrs. Lim Siew Yean (Dean of Office of Global Engagement, Taylor's Institute)

**Track 5: Mission-Led Leadership in All Seasons**  
Breakout Session 5: An issue of concern and uncertainty, related to and the community, how the higher education providers to guide them forward. What role will the role of an institution's mission and how does that steer their leadership? How can an institution's research be developed as it is reflect to makes substantial global changes and is not affected by continuous disruption? Why should a university review mission and leadership?

**Speakers:**

- Dr. Meenoo Chittenden (Vice-Chancellor, Oxford University)
- Dr. Azman A. Chittenden (Chairperson, Universiti Teknologi PETRONAS)
- Prof. Yvonne Au-Lian Lim (Deputy, International Relations Office, Universiti Malaya)
- Dr. Padma Chittenden (Dean, UTM Nida University)
- Mrs. Kavita Bhagat (Senior Manager, USM Brunei University)
- Prof. Nelson Ong (Vice-Chancellor, Universiti Sains Islam Terengganu)

Profesor Dr. Yvonne Lim Ai Lian, Pengarah Pejabat Hubungan Antarabangsa (IRO) bersama Encik Collins Chong Yew Keat, Penolong Pendaftar Pusat Pemasaran dan Pengambilan (MRC) telah menyertai persidangan QS APPLE 2020 yang julung kali dianjurkan secara dalam talian. Kedua-dua wakil tersebut membentangkan mengenai contoh kajian kes Universiti Malaya dalam *Breakout Session* di bawah *Track 5 – Mission-Led Leadership in All Seasons* dan *Track 2 - Building Resilience* masing-masing.

### Presidents' Forum of Southeast and South Asia and Taiwan Universities (SATU) Presidents' Forum Steering Committee Meeting [26 November 2020]



Profesor Dr. Noorsaadah Abd. Rahman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) menghadiri *Virtual SATU Presidents' Forum Steering Committee*. Beliau turut menyampaikan ucaptama bertajuk "*The New Landscape of International Academic Cooperation*".

### Asian Universities Alliance (AUA) Presidents Forum 2020 [26 November 2020]



AUA Presidents Forum 2020 yang dihoskan secara dalam talian oleh Universiti Nazarbayev, Presiden Eksekutif AUA untuk tahun 2020-2021. Presiden dan pemimpin kanan dari universiti anggota AUA, termasuk Naib Canselor Universiti Malaya yang baharu, YBhg. Profesor Dato' Ir. Mohd. Hamdi Abd. Shukor, mengambil bahagian dalam sesi panel pada program yang bertemakan "*Knowledge is Power: The Resilience of Asian Universities in a VUCA World.*"

## 2.3.4 UM International Webinar Series [24 Jun - 26 November 2020]

UM melalui Pejabat Hubungan Antarabangsa (IRO) turut mengambil inisiatif menganjurkan siri webinar antarabangsa dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab (PT) lain di UM yang julung-julung kali diadakan bersama rakan institusi dan industri sama ada dalam dan luar negara. Penganjuran webinar seperti ini secara tidak langsung membantu UM dalam meningkatkan usaha pengantarabangsaan dalam menghadapi situasi pandemik ini. Maklumat terperinci mengenai siri webinar ini boleh diakses melalui <https://international.um.edu.my/webinar>.

The image displays six promotional banners for the UM International Webinar Series, arranged in two rows of three. Each banner features the Universiti Malaysia logo at the top and provides details about a specific webinar.

- Leadership - Rising From Zero to Hero**  
Date: 08 JULY 2020  
Time: 4 - 5 PM (GMT+8)  
Speakers:
  - Moderator: Dr. Pennmar Alagappar (Universiti Malaysia Terengganu)
  - Speaker: Mr. Raj Kumar Paramanathan (Tata Consultancy Services Asia Malaysia/Thailand)
- Post COVID-19: New Opportunities in The Supply Chain World**  
Date: 24 JUNE 2020  
Time: 4 - 5 PM (GMT+8)  
Speakers:
  - Moderator: Dr. Wendy Tee Mei Tien (Universiti Malaysia Terengganu)
  - Speaker: Mr. RS Basikaran (Global Sales Director US, Tiger Global Logistics, USA)
- Research into Action**  
Date: 26 AUG 2020  
Time: 4 PM - 5 PM (GMT+8)  
Speakers:
  - Moderator: Dr. Pennmar Alagappar (Universiti Malaysia Terengganu)
  - Speaker: Dr. Manohar Menon (Head, Innovation & Delivery Capability, Enterprise Business Unit, CELCOM Axiata Berhad)
- Fostering Bilateral Relations for Sustainable Partnerships in Higher Education**  
Date: 28 OCT 2020  
Time: 3.30 PM - 4.45 PM (GMT+8)  
Speakers:
  - PANELLIST: Dr. Angelina Wong Siew (Universiti Malaysia Terengganu)
  - PANELLIST: Ms. Fiona Morris (The University of Western Ontario)
  - PANELLIST: Ms. Amelia Villegas (Universidad de los Andes)
  - PANELLIST: Mr. Ashokan Samani (University of Colombo)
  - MODERATOR: Dr. Patricia Marrs Rigney (The University of Western Ontario)
- New Directions and Roles of International University Associations**  
Date: 23 SEPT 2020  
Time: 3.30 PM - 4.30 PM (GMT+8)  
Speakers:
  - PANELLIST: Dr. Chaitra Dharshini (APRU)
  - PANELLIST: Dr. Christopher Threinen (University of Wyoming)
  - PANELLIST: Dr. Zhang Chuanfei (Peking University)
  - Moderator: Prof. Dr. Yvonne Lim Ai Lian (Universiti Malaysia Terengganu)
- New Modalities for Mobilities**  
Date: 15 JULY 2020  
Time: 3.30 PM - 5 PM (GMT+8)  
Speakers:
  - PANELLIST: Mr. Bernd Schaefer (Wittenborg University)
  - PANELLIST: Dr. Radhika Wilmanns (Universität Regensburg)
  - PANELLIST: Ms. Jan Brune (University of Applied Sciences)
  - Moderator: Prof. Dr. Yung Zulna Sulisti (Universiti Malaysia Terengganu)

### **2.3.5 Program Mobiliti**

Program mobiliti merupakan inisiatif pengantarabangsaan yang giat dijalankan oleh Universiti Malaya dalam usaha memperluaskan hubungan antarabangsa melalui pertukaran idea dan pengalaman pelajar-pelajar tempatan atau luar negara.

#### **Program Inbound**

Program Inbound ini disertai oleh pelajar antarabangsa yang mengikuti program mobiliti di Universiti Malaya yang merangkumi program mobiliti jangka panjang, jangka pendek, penempatan penyelidikan, lawatan sambil belajar dan sebagainya. Secara keseluruhannya, terdapat penurunan bilangan pelajar yang menyertai Program Inbound bagi tahun 2020, iaitu seramai 1,823 pelajar telah menyertai program ini berbanding dengan 2,622 pelajar pada tahun 2019. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 30.47% disebabkan penarikan diri pelajar berikutan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Ringkasan pelajar yang mengikuti program mobiliti inbound mengikut negara pada tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Tahun 2019		Tahun 2020	
Negara	Bilangan Pelajar	Negara	Bilangan Pelajar
China	781	Indonesia	508
Indonesia	366	China	404
Jepun	358	Jepun	241
Korea	234	Korea	164
Thailand	166	Malaysia*	83
Malaysia*	106	Thailand	69
United Kingdom	97	Jerman	49
Taiwan	77	India	41
Jerman	59	Filipina	34
India	55	Brunei Darussalam	28
Brunei Darussalam	36	United Kingdom	21
Perancis	30	Taiwan	20
Australia	23	Australia	20
Turki	21	Vietnam	16
Filipina	20	Perancis	15
Morocco	17	Pakistan	9
Republik Czech	14	Republik Czech	9
Belgium	14	Algeria	9
Ireland	13	Netherlands	7
Denmark	11	Mexico	7
Sri Lanka	10	Denmark	7
Mexico	10	Austria	7
Uzbekistan	9	Rusia	5
United States of America	8	Belgium	5
Pakistan	8	Turki	4
Vietnam	7	Sepanyol	4
Oman	7	Myanmar	4

Tahun 2019		Tahun 2020	
Negara	Bilangan Pelajar	Negara	Bilangan Pelajar
Netherlands	7	Kazakhstan	4
Switzerland	6	Switzerland	3
New Zealand	6	Bangladesh	3
Lain-Lain <6 pelajar dari 17 negara	46	Lain-Lain <3 pelajar dari 16 negara	23
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2,622</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,823</b>

Perbandingan pelajar mobiliti Inbound mengikut kategori program pada tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan Pelajar		Kadar Penurunan (%)
	2019	2020	
Program Mobiliti Jangka Pendek	955	945	(1.26)
Program Mobiliti Jangka Panjang (Satu Semester)	1,272	780	(38.68)
Penempatan Elektif	286	62	(78.32)
Latihan Industri	60	23	(61.67)
Program Sangkutan Penyelidikan	46	12	(73.91)
Penempatan Klinikal	3	1	(66.67)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2,622</b>	<b>1,823</b>	<b>(30.47)</b>

Berdasarkan statistik di atas, terdapat kadar penurunan bagi semua kategori program mobiliti inbound yang turut terkesan akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. UM telah menyediakan pelbagai pelan intervensi bagi memastikan proses pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan dalam tempoh berkenaan dengan mengaktifkan mod pengajaran secara dalam talian termasuk program mobiliti jangka pendek. Di samping itu, faktor lain yang menyumbang kepada penarikan diri pelajar dari program mobiliti ini adalah termasuk pembatalan program mobiliti outbound dari institusi asal pelajar, kebimbangan ibu bapa pelajar, perbezaan zon masa yang ketara serta kesediaan pelajar untuk mengikuti program dalam talian yang rendah selain sekatan sempadan negara kepada pelajar antarabangsa untuk memasuki Malaysia. Bagi program seperti penempatan elektif dan klinikal, latihan industri dan program sangkutan penyelidikan, penurunan ini adalah disebabkan program-program tersebut memerlukan keberadaan pelajar di dalam kampus universiti, klinik serta hospital universiti untuk menjalankan program sangkutan dan menggunakan peralatan-

peralatan khas yang terdapat di dalam makmal universiti yang tidak dapat dilaksanakan secara dalam talian.

## Program Outbound

Program Outbound yang disertai oleh pelajar UM merangkumi program mobiliti jangka panjang, jangka pendek, latihan industri, penempatan elektif/klinikal. Lawatan sambil belajar, program kepimpinan dan sebagainya. Secara keseluruhannya, terdapat penurunan bilangan pelajar yang menyertai Program Outbound bagi tahun 2020, iaitu seramai 453 pelajar berbanding dengan 2,423 pelajar pada tahun 2019. Penurunan sebanyak 82.3% disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk penutupan sempadan, pembatalan pelaksanaan program oleh hos Universiti dan keputusan universiti untuk tidak membenarkan pelajar mengikuti program mobiliti outbound secara fizikal. Ringkasan pelajar yang mengikuti program mobiliti outbound mengikut negara pada tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Tahun 2019		Tahun 2020	
Negara	Bilangan Pelajar	Negara	Bilangan Pelajar
Indonesia	674	Indonesia	143
Thailand	363	Thailand	61
China	231	Jepun	58
Korea	203	Australia	37
Jepun	161	Korea	31
United Kingdom	122	Turki	21
Vietnam	99	Filipina	16
Cambodia	91	Taiwan	11
Turki	89	Sepanyol	10
Taiwan	88	Rwanda	9
Singapura	69	United Kingdom	7
Mesir	25	United States of America	7
Jerman	23	Singapura	6
United States of America	23	China	5
Australia	19	Jerman	5
Brunei	15	Itali	5
Sepanyol	15	New Zealand	4
Kanada	13	Austria	3
New Zealand	13	Brunei	2
Perancis	10	Kanada	2
India	10	India	2
Netherland	8	Switzerland	2
Austria	7	Perancis	1
Hong Kong	7	Mauritius	1
Itali	5	Netherlands	1
Laos	5	Qatar	1
Sri Lanka	5	Arab Saudi	1
Bangladesh	3	UAE	1
Filipina	3	-	
Lain-lain (<3 pelajar dari 16 negara)	24	-	
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>2,423</b>	<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>453</b>

Perbandingan pelajar mobiliti outbound mengikut kategori program pada tahun 2019 dan 2020

Kategori	Bilangan Pelajar		Kadar Penurunan (%)
	2019	2020	
Program mobiliti jangka panjang 1 semester	324	102	(68.52)
Program mobiliti jangka pendek	921	306	(66.78)
Program Sangkutan Penyelidikan	5	0	(100.00)
Penempatan Elektif atau Klinikal	17	24	41.18
Lain-lain (latihan industri, persidangan, kursus, program sangkutan, lawatan sambal belajar dan lain-lain)	1,294	21	(98.38)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2,561</b>	<b>453</b>	<b>(82.31)</b>

Ringkasan penerima tajaan bagi Program Outbound 2020

Penaja	Bilangan Penerima
POSCO TJ Park Foundation	15
Penginapan percuma oleh rakan institusi	12
ERASMUS+	7
Al-Maktoum Scholarship	5
AIMS	3
Canada ASEAN SEED Program	1
Heyning-Roelli Foundation	1
JASSO	1
ITS Scholarship	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>51</b>

### Program Inbound Jangka Pendek: AUA-UM Appreciating Diverse Communities Through Art [15 – 21 Januari 2020]

Program *AUA – UM Appreciating Diverse Communities Through Art* ini adalah satu program yang dibentuk khas di bawah kerjasama antara UM dan jaringan *Asian Universities Alliance* (AUA). UM telah merancang dan menganjurkan program ini sebagai salah satu program Mobiliti Jangka Pendek di UM.

Program *AUA-UM Appreciating Diverse Communities Through Art* yang berlangsung selama seminggu ini memfokuskan kepada kepelbagaian budaya dan kesenian yang ada di Malaysia. Para peserta turut didedahkan dengan setiap kepelbagaian, keunikan dan perbezaan masyarakat di Malaysia dari pelbagai aspek seperti kesenian dan kebudayaan. Para peserta juga diberi peluang untuk melibatkan diri bersama komuniti dan sedikit sebanyak mempelajari dan memahami bagaimana keamanan dan keharmonian dapat diterapkan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan berlainan agama. Di samping itu, para peserta juga dapat melihat bagaimana kepelbagaian bangsa dan agama di negara Malaysia ini mempengaruhi aspek budaya, kesenian dan masakan masyarakat di Malaysia.

Pelbagai aktiviti turut dijalankan bersama para peserta sepanjang program ini berlangsung. Antaranya adalah bengkel mencanting batik dan membuat tanglung, bengkel melukis inai atau henna dan membuat kollam serta beberapa lawatan ke tempat bersejarah seperti muzium dan bandar Melaka yang merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO. Program ini telah disertai oleh 26 orang pelajar dari beberapa negara iaitu Thailand, China, Jepun, Indonesia, Korea dan Myanmar.

Sebahagian aktiviti yang dijalankan di bawah AUA-UM Appreciating Diverse Communities Through Art 2020



## **ASEAN in Today's World (AsTW) [21 Feb-6 Mac 2020]**

*ASEAN in Today's World* atau lebih dikenali sebagai AsTW merupakan satu program Mobiliti Jangka Pendek bersiri selama tiga tahun yang dianjurkan oleh Universiti Malaya (UM) sejak tahun 2018 dan ditaja sepenuhnya oleh Kyushu University (KU), Jepun.

Program ini dijalankan selama dua minggu dan terbuka kepada semua pelajar dari pelbagai negara dan universiti sama ada rakan universiti ataupun bukan rakan universiti. Pembentukan program ini merangkumi dua komponen utama iaitu akademik dan bukan akademik. Komponen akademik merujuk kepada perkara-perkara ilmiah dan pembentukan beberapa buah kursus yang perlu diambil oleh para peserta sepanjang program ini berlangsung. Manakala komponen bukan akademik pula memfokuskan kepada aktiviti lapangan dan aktiviti luar kelas yang memberi pengalaman serta pendedahan kepada nilai-nilai tambah kepada para peserta. Antaranya adalah seperti aktiviti berkayak, bina pasukan, lawatan tapak bersejarah, aktiviti kesenian dan kebudayaan dan pendedahan kepada budaya dan kesenian masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

AsTW 2020 merupakan program siri terakhir yang dianjurkan oleh UM menerusi ISC. Mulai tahun 2021 untuk tiga tahun akan datang, program AsTW ini akan dihos oleh Chulalongkorn University, Thailand. Antara rakan universiti yang terlibat bagi program AsTW ini Ateneo Manila University, Mahidol University, Vietnam National University, dan Fukuoka Women's University, Jepun.



## **Pelaksanaan Program di bawah norma baharu (secara virtual)**


Berikutan isu pandemik COVID-19 yang melanda negara dan dunia, pihak Universiti turut menerima kesannya. Antaranya ialah kemasukan pelajar antarabangsa ke universiti terpaksa ditangguhkan sehingga hari ini. Bagaimanapun, sebagai satu inisiatif, pihak UM telah mengambil langkah baharu iaitu dengan membangunkan program interaktif secara maya yang membolehkan para pelajar antarabangsa ini untuk terus mengambil bahagian di dalam Program Mobiliti yang dianjurkan. Selain itu, inisiatif ini juga bagi memastikan Program Mobiliti di Universiti Malaya dapat terus dilaksanakan tanpa sebarang kekangan dengan sebaiknya walaupun secara dalam talian dengan menggunakan pelbagai platform digital.

Transisi perubahan ini membawa program mobiliti secara virtual, secara tidak langsung membantu mempromosi UM secara amnya dan

khususnya menjadikan UM sebagai Universiti rujukan dari rakan universiti di luar negara dalam menggalakkan pengalaman pembelajaran pengantarabangsa secara maya dan digital.

### **Online Orientation [8 Oktober 2020]**

UM telah menjalankan satu sesi orientasi secara dalam talian melalui platform digital untuk pelajar program mobiliti inbound jangka panjang bagi Semester 2, Sesi 2020/2021. Orientasi ini juga dikenali sebagai UM-WOW Exchange. Program ini menerima sambutan dan maklum balas yang amat positif daripada pelajar mobiliti. Seramai 28 orang pelajar telah menyertai sesi ini bersama dengan sekumpulan pemudahcara dalam kalangan mahasiswa UM yang dikenali sebagai *International Student Centre Global Buddies* (ISCGB) bagi melancarkan pelaksanaan program ini secara dalam talian.



### **Chat Session [15 Mei 2020]**

UM juga telah menjalankan satu sesi bual bicara bersama pelajar mobiliti yang mengikuti Program Mobiliti Jangka Panjang bagi Semester 2, Sesi 2019/2020. Tujuan program ini adalah untuk mewujudkan satu platform penyaluran maklumat yang penting dan berkaitan dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia. Antara topik bual bicara berkenaan adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi semester semasa, perkara mengenai urusan pas pelajar mobiliti, SOP bagi pelajar yang ingin pulang ke negara asal serta hal-hal lain yang dikongsi oleh pelajar semasa sesi bual bicara yang berlangsung. *Chat Session* ini telah memanfaatkan pelajar terutamanya bagi pelajar mobiliti Inbound yang berada di Malaysia semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkenaan.



### **Exploring Asia In The Safest Way From Home! [20-24 Julai 2020]**

UM telah menganjurkan Program *Exploring Asia in the Safest Way From Home!* secara virtual dan telah disertai hampir 600 peserta. Peserta program ini datangnya daripada 94 universiti rakan dan bukan rakan universiti dari 26 negara. Pelbagai topik menarik telah dikongsikan oleh staf akademik berpengalaman luas dalam bidang Asia dan Asia Tenggara. Peserta diberi peluang untuk bertanya soalan dan berkongsi pengetahuan dalam topik-topik yang dibincangkan.




**UNIVERSITI MALAYA**

**Exploring Asia in the safest way from home!**

20 - 24 July 2020

**Special Lecture**

20 July 2020	Exploring Malaysian Arts & Culture	(GMT+8)
21 July 2020	Cultural Heritage of Southeast Asia	3:30pm-05:30pm
22 July 2020	Current Affairs of ASEAN and East Asia	3:30pm-05:30pm
23 July 2020	Food and Environmental Issues in Asia	3:30pm-05:30pm
24 July 2020	Multiculturalism in Asia	3:30pm-05:30pm

Get your laptop ready and ensure your internet connection at its best!

\*E-Certificate & Buddies' engagement is provided.

**Book Your Slot NOW!**

OH YEAH! SIGN UP IS **FREE**

Kindly contact Mr. Aidi Yusran at [aidiyusran@um.edu.my](mailto:aidiyusran@um.edu.my) for more info. Stay tune and follow our Instagram @blazium for more updates.

## **2.3.6 UM International Week (UMiWeek) 2020 [23 - 27 November 2020]**

UMiWeek 2020 merupakan sebuah program virtual yang telah berlangsung semasa pandemik COVID-19. UMiWeek berjaya menarik penyertaan lebih 1,000 peserta dari dalam dan luar negara. Penganjuran ini julung kalinya diadakan secara dalam talian menggantikan penganjuran program tahunan iaitu UM *International Cultural and Food Festival* (UMICAFF) yang saban tahun diadakan secara fizikal dalam kampus UM. UMiWeek 2020 dianjurkan dengan kerjasama Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC), Pejabat Hubungan Antarabangsa (IRO), Pusat Pemasaran dan Pengambilan (MRC), Institut Kongzi dan dibantu oleh ISC Global Buddies (SCGB) dan Universiti Malaya International Student Association (UMISA).

Fokus pelaksanaan program ini bertunjang kepada tiga tonggak utama iaitu *Mobility Opportunities, Cultural Exchange dan Knowledge Sharing*.

*Mobility Opportunities* merupakan sesi *Virtual Education Exhibition* yang memfokuskan kepada sesi perkongsian peluang-peluang program mobiliti yang ditawarkan oleh rakan universiti di luar negara kepada pelajar UM dalam mengikuti program pertukaran pelajar. Sesi perkongsian ini mendapat kerjasama yang baik daripada rakan universiti di luar negara termasuk kesediaan mereka berbual bicara secara langsung dengan pelajar UM dan penganjuran pameran program yang menerusi laman sesawang yang disediakan.

*Cultural Exchange* pula lebih menumpukan kepada perkongsian pengalaman dan pembelajaran



dari aspek seni, budaya dan linguistik di Malaysia. Antara aktiviti yang dijalankan adalah *Malaysian Arts & Heritage, Ethic Heritage: The Peranakans, Chinese Painting Workshop, The Malaysian Dance Workshop, The Malaysian Recipes, Speak Their Language* (Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun dan Bahasa Korea) dan *International Cultural Exchange Series (Cultural Feast Flabours, Folktales Exchange, Cultural Podcasts & Script Classes)*.

Menerusi tonggak yang ketiga, *Knowledge Sharing* merupakan sesi perkongsian ilmu, pengalaman dan amalan baik dalam menghadapi pandemik COVID-19. Bengkel ini bertemakan *Managing Internationalisation, Becoming a Great Global Communicator: Building Ties Across Cultures at the International Office*, dan *International Students and SDG 3 (Good Health and Well-Being)* yang disertai oleh staf daripada Universiti Awam dan Universiti Swasta.

Sebahagian persediaan dan aktiviti belakang tabir di sebalik UM International Week (UMiWeek) 2020



### 2.3.7 POSCO Asia Fellowship


*Pohang Iron and Steel Company* (POSCO) merupakan pengeluar besi kedua terbesar di dunia dari Korea Selatan. POSCO telah meneruskan pemberian biasiswa kepada 15 pelajar Universiti Malaya (UM) pada tahun 2020 melalui organisasi POSCO TJ Park Foundation. Antara objektif utama organisasi ini adalah untuk mengembangkan jaringan akademik dan budaya antara universiti di Asia dan membimbing generasi muda untuk menjadi pemimpin masa depan. Universiti Malaya merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang diberi penghormatan serta peluang untuk menerima biasiswa daripada POSCO. Sebanyak USD1,000

diberikan sebagai biasiswa oleh POSCO TJ Park Foundation kepada pelajar daripada aliran sastera yang mencapai keputusan cemerlang. Antara penerima biasiswa POSCO bagi tahun 2020 adalah pelajar daripada Fakulti Sastera & Sains Sosial, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Fakulti Pendidikan, Akademi Pengajian Melayu, Pusat Sukan & Sains Eksesais dan Fakulti Seni Kreatif. Penerima biasiswa digalakkan menggunakan tajaan tersebut bagi program Mobiliti Outbound dengan mana-mana rakan universiti di Korea Selatan. Berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, majlis Penganugerahan Biasiswa POSCO TJ Park Foundation 2020 telah diadakan dengan jayanya pada 15 Disember 2020 secara dalam talian sepenuhnya melalui platform digital. Kesemua 15 penerima biasiswa ini telah menghadiri majlis yang diadakan. Turut sama menjayakan majlis ini adalah Encik Noh Sung-Rae, Pengarah Urusan

POSCO Malaysia, Profesor Dr. Yong Zulina Zubairi, Pendong Naib Canselor (Antarabangsa) dan wakil UM yang terlibat.

### 2.3.8 Aktiviti Pemasaran dan Pengambilan Pelajar

UM melalui Pusat Pemasaran dan Pengambilan Universiti Malaya (*Marketing and Recruitment Centre*) atau lebih dikenali sebagai MRC bertanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan aktiviti pemasaran dan promosi bagi pengambilan pelajar ke Universiti Malaya. Sepanjang tahun 2020, UM telah merangka pelbagai aktiviti untuk mencapai objektif dan misi pemasaran yang telah ditetapkan terutamanya dalam memperkuuhkan keterlihatan UM. Ia dicapai melalui penglibatan dalam pelbagai program



pemasaran untuk pengambilan pelajar dalam dan luar negara, penghasilkan bahan cetakan pemasaran yang terkini serta berkualiti dan sentiasa memastikan aktiviti pemasaran yang dilaksanakan adalah efektif dan berkesan. Pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia pada suku pertama tahun 2020 turut memberi kesan kepada aktiviti pemasaran secara fizikal yang telah dirancang oleh UM. Namun begitu, aktiviti promosi dan pemasaran bagi 2020 tetap diteruskan dengan mengambil kira suasana dan keperluan yang terkini. Antaranya adalah seperti berikut:

### Karnival Jom Masuk IPT

Karnival Jom Masuk IPT 2020 yang juga dulunya dikenali sebagai Karnival Pendidikan Tinggi Negara merupakan program anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat mendapatkan maklumat dan pelbagai informasi mengenai peluang-peluang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi seperti di Universiti Awam, Institut Pengajian Guru, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam. Program ini hanya dapat dianjurkan sehingga Zon keempat iaitu di Kota Kinabalu, Sabah sebelum pandemik COVID-19 melanda negara yang menyebabkan KPT terpaksa memberhentikan serta merta acara tersebut bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan orang awam. Karnival ini telah berjaya menarik seramai 100,000 pengunjung.



Jom Masuk IPT – Zon Sabah [6-9 Mac 2020]

## Pameran dan Program Pendidikan Antarabangsa

Dengan penularan wabak COVID-19, kesemua aktiviti pemasaran antarabangsa yang dirancang bagi 2020 telah dijalankan sepenuhnya secara virtual. Untuk tahun 2020, UM telah menghantar 24 penyertaan dalam program pemasaran dan berjaya menarik minat lebih 8,000 prospek pelajar.



① Platform Virtual YES2Malaysia Education Malaysia: Virtual Information Day 2020 – Kuwait-Egypt-Bahrain [26-27 Jun 2020]

② Booth Virtual UM di Q Study Virtual Education Fair in Bangladesh [7-8 Ogos 2020]

③ Booth virtual UM dalam FPP Education Fair in Africa [28 Oktober 2020]

④ Booth Virtual UM dalam Easyuni Middle East Virtual Education Fair [18-19 November 2020]

## UM Exclusive Webinar Series

UM Exclusive Webinar Series adalah salah satu usaha yang dijalankan dalam mendepani kekangan pandemik COVID-19. Bermula Julai 2020 selaras dengan arahan yang membenarkan untuk rakyat Malaysia keluar bekerja semula, UM telah mengambil peluang ini dengan melancarkan 10 episod *UM Exclusive Webinar Series* yang melibatkan beberapa fakulti dalam usaha untuk mempromosikan program-program akademik yang ditawarkan pada peringkat Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi kepada para calon dalam dan luar negara secara dalam talian.



**UM EXCLUSIVE WEBINAR SERIES**

**17th September 2020 (Thursday)**  
11:00 AM - 12:00 PM (GMT +8) Malaysia Time

**THINGS YOU NEED TO KNOW WHEN WRITING A RESEARCH PROPOSAL**

**MODERATOR**  
**MUHAMMAD IRSYAD BIN ZAINI**  
Marketing & Recruitment Executive  
University Malaya

**SPEAKER**  
**DR MOHAMAD ISMATH RAMZY**  
Senior Lecturer  
Faculty of Education  
University Malaya

**Scan here to register**

For further inquiries, kindly email to [study@um.edu.my](mailto:study@um.edu.my)

**UNIVERSITI MALAYA**

**UM EXCLUSIVE WEBINAR SERIES**

**10th September 2020 (Thursday)**  
10:00 AM - 11:00 AM (GMT +8) Malaysia Time

**EXCLUSIVE OPPORTUNITIES @ ASIA-EUROPE INSTITUTE**

**MODERATOR**  
**COLLES CHONG VIVI KEAT**  
Marketing & Recruitment Executive  
University Malaya

**SPEAKER**  
**ASSOC. PROF. DR. JATSWAN SINGH A/ HARNAM SINGH**  
Executive Director of  
Asia-Europe Institute  
University Malaya

**SPEAKER**  
**PROF. DR. LOW WAH YUN B/ KARIMAH LOW ABDULLAH**  
Deputy Executive Director of  
Asia-Europe Institute  
University Malaya

**Scan here to register**

For further inquiries, kindly email to [study@um.edu.my](mailto:study@um.edu.my)

**UNIVERSITI MALAYA**

**UM EXCLUSIVE WEBINAR SERIES**

**21st August 2020 (Friday)**  
10:00 AM - 11:00 AM (GMT +8) Malaysia Time

**THE ONLY PhD PROGRAMME BY COURSEWORK IN UM**

**MODERATOR**  
**MOHD MAHATHIR BIN SUCIA**  
Marketing & Recruitment Officer  
University Malaya

**SPEAKER**  
**ASSOC. PROF. DR. YUSNIZA KAMARULZAMAN**  
Deputy Dean (Postgraduate)  
Faculty of Business & Accountancy  
University Malaya

**Scan here to register**

For further inquiries, kindly email to [study@um.edu.my](mailto:study@um.edu.my)

**UNIVERSITI MALAYA**

## Siri Taklimat Jom Masuk Universiti Malaya

Siri Taklimat Jom Masuk Universiti Malaya merupakan salah sebuah inisiatif yang dilaksanakan oleh UM bagi menyebarluaskan lagi maklumat berkaitan program-program yang ditawarkan Universiti Malaya berserta maklumat permohonan yang sewajarnya diketahui oleh calon pelajar. Taklimat telah dijalankan secara dalam talian kepada pelajar SPM, STPM dan Kolej Matrikulasi seluruh Malaysia.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 13 taklimat bersama sekolah telah diadakan dengan penyertaan lebih 1,300 pelajar manakala 7 taklimat telah diadakan dengan Kolej Matrikulasi seluruh Malaysia dengan penyertaan seramai lebih daripada 24,000 pelajar.

**Infografik taklimat Jom Masuk UM 2020**



## Koleksi Penerbitan Video Pemasaran UM

Selain bergiat aktif dalam aktiviti pemasaran dan pengambilan secara virtual dengan pihak luar, UM juga telah menjalankan pelbagai promosi dalam lain yang melibatkan pembikinan video, siri temu bual bersama ikon UM yang terdiri daripada staf akademik yang telah menempa nama dalam pebagai bidang masing-masing, pelajar dan Alumni. UM telah menggunakan kepakaran dalam dalam penghasilan koleksi video ini.




## 2.3.9 Aktiviti Pemantapan Kemahiran dan Pembangunan Pelajar

### Program “UM Virtual Internship Day” [13 Julai 2020]

UM melalui Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik (CITrA) telah menganjurkan “UM Virtual Internship Day” yang pertama pada 13 Julai 2020 dengan penyertaan lebih 1,700 pelajar bersama majikan/industri di platform yang disediakan dengan kerjasama rakan industri CITrA iaitu GenYouth. “Virtual Internship Day” merupakan program yang pertama seumpamanya dijalankan di Malaysia dengan penglibatan pelajar paling ramai. Berikut kejayaan ini, UM telah memperoleh pengiktirafan daripada pihak Malaysian Books of Records (MBR) bagi “The Most number of Student-Employer E-Meeting in a Virtual Career Fair” yang dikategorikan di bawah “Human Achievements”. Susulan kejayaan ini, UM sekali lagi menganjurkan “UM Virtual Internship Day” Edisi ke-2 pada 9 Disember 2020 . Hampir 200 penempatan latihan industri ditawarkan secara dalam talian oleh 54 syarikat yang mengambil bahagian.

UM juga telah menganjurkan Bengkel Persediaan Latihan Industri yang dijalankan secara dalam talian pada bulan April-Mei dan November - Disember 2020. Lebih daripada 2,300 pelajar yang menjalani latihan industri dalam Semester 3, Sesi Akademik 2019/2020 dan Semester 1, Sesi Akademik 2020/2021 telah mengambil bahagian dalam 36 siri webinar ini. Melalui webinar ini, pelajar diberi pendedahan dari perspektif majikan dan industri berkenaan pentingnya kemahiran-kemahiran insaniah yang diperlukan sebagai persediaan memasuki pasaran pekerjaan sebenar.



Selain itu, UM juga menganjurkan empat (4) sesi webinar bertemakan “Adapting and Thriving in the Pandemic and Post-Pandemic Era for University Students” yang telah diadakan pada bulan Julai dan Disember 2020. Lebih daripada 800 peserta mengikuti webinar ini yang dihadiri oleh empat (4) penceramah terkemuka dari pelbagai industri.



### 2.3.10 Penganjuran Webinar melalui Program Face to Face With China Leading Enterprises [18 Jun 2020]

Dalam memenuhi tanggungjawab sosial terutamanya kepada para graduan yang berhadapan dengan cabaran mendapatkan pekerjaan, satu usaha sama telah dibuat dengan mengadakan webinar khas *Face to Face With China Leading Enterprises* yang merupakan inisiatif antara Institut Kong Zi UM (IKZUM), Dewan Perniagaan dan Perusahaan China di Malaysia dan COSCO Shipping Lines (Malaysia) Sdn. Bhd. Tujuan utama webinar ini adalah untuk membantu perkembangan kerjaya pelajar terutamanya graduan yang sedang mencari pekerjaan atau sedang merancang perkembangan kerjaya dengan lebih baik terutamanya dalam menghadapi situasi pandemik yang sememangnya sukar dalam mencari pekerjaan. Penganjuran webinar yang berlangsung pada 18 Jun 2020 telah berjaya

menarik seramai 150 peserta kebanyakannya adalah pelajar Universiti Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta seluruh Malaysia. Forum ini disampaikan sendiri oleh Henry Tian yang merupakan Pengarah Urusan COSCO Shipping Lines (Malaysia) Sdn. Bhd. Selain berkongsi pendapat dan pengalaman, COSCO juga membuka peluang latihan industri serta peluang pekerjaan terutamanya kepada graduan Universiti Malaya. Kerjasama bersama COSCO merupakan satu titik permulaan kerana pada masa akan datang, lebih banyak lagi perkongsian dari pelbagai industri di China yang boleh diketengahkan seterusnya akan memberi peluang pekerjaan kepada para graduan di Malaysia.



### 2.3.11 Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin [20 Jun 2020]



Bagi memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin di Malaysia, UM

juga telah mengadakan dua sesi bengkel secara dalam talian. Bengkel ini berjaya menarik seramai 500 pensyarah dan guru Bahasa Cina di seluruh Malaysia. Dua pakar bahasa dari China telah diundang sebagai penceramah iaitu Profesor Madya Dr. Li Guoshun dari Nanjing Art University dan Profesor Madya Dr. Shi Huimin dari Shanghai Normal University. Bengkel ini menekankan pengucapan initial, vokal, perubahan nada serta kesalahan fonetik. Bengkel ini turut merangkumi pengajaran serta aplikasi khusus audiovisual. Latihan sebegini ini amat jarang dianjurkan oleh mana-mana pihak di Malaysia. UM terus komited untuk merancang lebih banyak bengkel dan latihan dalam memastikan kualiti pengajaran bahasa Mandarin di negara ini dapat dipertingkatkan.

### **2.3.12 Forum *Global up-to-date Progress of 5G Industry* [21 Julai 2020]**



Selaras dengan perkembangan teknologi rangkaian 5G di peringkat global, UM terus mengorak langkah untuk bekerjsama dengan *ZTE Education Management Co. Ltd.* untuk menawarkan kursus kemahiran vokasional, di bawah program Chinese plus(+) di Institut Kongzi UM (IKZUM). Tujuan forum ini diadakan adalah untuk memberi penerangan kepentingan serta senario aplikasi 5G dalam industri, perbezaan rangkaian fiber 4G dan 5G serta perkembangan 5G di pelbagai negara. Ia merupakan kursus pengenalan sebelum penawaran kursus secara sepenuh masa yang akan dianjurkan pada 2021.

Forum ini telah disertai oleh 100 peserta di bawah tema '*Global Up-to-date Progress of 5G Industry*'. Xu Wei, Ketua Pegawai Teknologi, ZTE Education merupakan penceramah jemputan yang mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam pembinaan komunikasi di China, Afrika Selatan, Algeria dan Arab Saudi. Institut Kong Zi merupakan Confucius Institute pertama di Asia Tenggara yang bekerjasama dengan ZTE Education dalam mempromosikan latihan *Chinese plus(+) vocational training* serta menawarkan biasiswa '*ZTE Silk Road*' kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mempelajari kemahiran vokasional di kolej vokasional terpilih di China.

# 03 PENYELIDIKAN DAN INOVASI

1. PENGENALAN	69
2. PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN	70
3. PENCAPAIAN	71
4. KOMUNITI DAN KELESTARIAN	79





### 3.1 PENGENALAN

Keterlihatan global dan kepercayaan terhadap jenama pendidikan tinggi oleh UM telah melonjakkan Universiti Malaya (UM) di persada antarabangsa dengan kejayaannya mencetus kecemerlangan dengan menduduki tempat dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia dan satu peratus teratas dalam laporan dikeluarkan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2021.

Kejayaan ini adalah selaras dengan keberhasilan penyelidikan dan inovasi berkualiti oleh para penyelidik (UM) kekal menyerlah sepanjang tahun 2020 walaupun dalam kekangan pandemik COVID-19. Para penyelidik mampu mengekalkan prestasi membanggakan dengan 80 orang penyelidik tersenarai dalam 2% kelompok penyelidik dunia paling banyak dirujuk oleh Stanford University.

Penularan wabak ini amat terasa kepahitannya namun secara tidak langsung ia memberi impak terhadap kewibawaan bidang penyelidikan dan usaha mendepani cabaran untuk mewujudkan ekosistem penyelidikan kondusif dan berdaya saing serta mampu dimanfaatkan oleh masyarakat. Inisiatif Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) menjalankan kajian

melalui kepakaran saintis tempatan bagi mencari penawar COVID-19 melalui kaedah terapeutik di samping menjadi pusat saringan COVID-19 yang mampu melaksanakan eksperimen menggunakan virus berpatogenik tinggi. Adalah diharapkan dengan usaha ini UM mampu memberi alternatif dan tidak bergantung kepada pembangunan vaksin antarabangsa dan mampu untuk terus berbakti kepada masyarakat dan negara.

COVID-19 juga memberi iktibar tentang keperluan pengurusan data penyelidikan secara digital kerana data penyelidikan adalah aset terbesar membantu membuat keputusan dengan cepat dan tepat serta membangunkan inovasi teknologi yang lebih baik pada masa akan datang. Bagi maksud tersebut UM telah mewujudkan Polisi Pengurusan Data Penyelidikan sebagai

platform yang mengangkat prinsip-prinsip “*making research data Findable, Accessible, Interoperable and Reusable (FAIR)*” dan selaras dengan pelan tindakan yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030, Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB). Pada tahun-tahun mendatang UM akan sentiasa berusaha melonjakkan prestasi dengan memastikan transdisiplin atau kesatuan ilmu menjadi asas utama dalam memastikan kesihatan dan kelestarian manusia dan alam.


## 3.2 PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN

Usaha UM untuk memastikan kakitangan akademik dan penyelidik menempatkan diri mereka setanding dengan para penyelidik di peringkat antarabangsa juga telah memperlihatkan hasil. Hebatnya secara meluas dijalankan dengan kaedah “*Search and Find*” melalui pelbagai laman sesawang dan hubungan kerjasama sebelum ini bagi memastikan penyelidik UM mendapat maklumat terkini serta input yang tepat bagi membantu mereka menyediakan kertas cadangan yang menepati kriteria penaja. Penyelidik kini juga telah menggunakan peluang yang diberikan oleh pihak Kerajaan melalui geran penyelidikan yang disediakan bagi meluaskan hubungan kerjasama bukan sahaja di peringkat nasional malah dengan institusi antarabangsa. Geran yang disediakan oleh Kerajaan merupakan peluang untuk projek di fasa seterusnya bagi meluaskan skop penyelidikan dan seterusnya memberi impak yang berpanjangan kepada masyarakat dan negara khususnya. Jadual 3.1 dan Rajah 3.2 menunjukkan sumber geran penyelidikan di UM dan perbandingan pencapaian bagi tahun 2019 dan 2020.

Jadual 3.1: Jumlah Peruntukan yang Diterima Mengikut Jenis Geran Penyelidikan Bagi Tahun 2019-2020

SUMBER GERAN PENYELIDIKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	
	2019	2020
Geran Dalaman (RU)	25,071,284.66	26,795,783.01
Lain-lain Agensi Kerajaan, GLC	65,736,705.70	28,599,509.46
Industri	2,009,656.15	2,699,645.83
Swasta	1,811,958.80	1,662,381.25
Antarabangsa	6,770,551.26	12,315,968.53
<b>JUMLAH</b>	<b>101,400,156.57</b>	<b>72,073,288.08</b>

Rajah 3.2: Jumlah Peruntukan yang Diterima Mengikut Sumber Geran Penyelidikan Bagi Tahun 2019-2020



Projek penyelidikan di bawah geran universiti berasaskan Peruntukan Universiti Penyelidikan (PUP) 2020 telah memperuntukkan sebanyak RM26,795,783.01 bagi 598 projek dengan peningkatan sebanyak 6.88% berbanding tahun 2019 yang memperuntukkan sejumlah RM25,071,284.66. Sebahagian besar jumlah tersebut di bawah PUP 2020 telah diperuntukkan kepada Impact Oriented Interdisciplinary Research Grant (IIRG) dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM2,556,879.25 bagi 58 projek dan diikuti Geran Penyelidikan Khas yang ditawarkan melalui Geran Penyelidikan Fakulti Program dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM5,017,837.15 bagi 208 projek yang diluluskan. Sebahagian pula ditawarkan melalui geran RU dengan melibatkan sebanyak RM5,109,926.95 bagi 35 projek.

Pada tahun 2020, Universiti turut menerima peruntukan penyelidikan daripada agensi kerajaan yang lain sebanyak 224 projek dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM28,599,509.46. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 56.49% berbanding tahun 2019 yang telah menerima sebanyak RM65,736,705.70. Antara geran agensi kerajaan yang diterima oleh UM adalah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui geran Long Term Research Grant Scheme (LRGS), Unit Akaun Amanah Industri Bekalan

Elektrik, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (AAIBE, KETSA) dan SMARTFUND di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan lain-lain lagi.

Universiti Malaya telah menerima dana geran penyelidikan daripada badan industri dan swasta bagi tahun 2020 sebanyak RM4,362,027.08 yang melibatkan 81 projek iaitu berlaku peningkatan sebanyak 26.08% berbanding tahun 2019 (RM3,821,614.95). Antara geran badan industri dan swasta yang diterima oleh UM adalah Fwd Takaful, Kuala Lumpur, Karex Industries Sdn. Bhd., Collaborative Research in Engineering, Science & Technology Center (CREST), Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM), Kerjaya Jutamas Sdn. Bhd., Pahang, dan lain-lain lagi.

Bagi geran antarabangsa pula, jumlah peruntukan yang diterima meningkat sebanyak RM5,545,417.27 (81.90%) iaitu secara keseluruhannya menerima peruntukan berjumlah RM12,315,968.53 yang melibatkan 103 projek. Antara geran penyelidikan antarabangsa yang berjaya diterima oleh penyelidik UM adalah Yale University, Scottish Association for Marine Science (SAMS), Vysnova Partners Inc., European Commission, Alcon Research Institute, The Micheal J. Fox Foundation, Natural Environment Research Council (NERC) dan lain-lain lagi.

## 3.3 PENCAPAIAN

### 3.3.1 Penerbitan

Jadual 3.3: Pencapaian Keseluruhan Penerbitan UM Bagi Tahun 2016 – 2020

KATEGORI	2016	2017	2018	2019	2020
Penerbitan dalam <i>ISI Web of Science</i> (*)	3,502	3,075	2790	2,509	2677
Penerbitan dalam Scopus (*)	4,050	3,699	3,367	2,978	3182
Penerbitan buku penyelidikan dan bab dalam buku (**)	310	410	240	352	440
Kertas polisi (**)	1	2	0	0	1
Lain-lain Penerbitan (kajian kes, laporan teknikal, artikel dalam majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan daripada persidangan, digital atau media cetak) (**)	874	826	1104	1552	1275

(Sumber daripada Perpustakaan (\*) dan Pelaporan MyRA Tahun 2020 (\*\*). Data adalah sehingga 31 Disember 2020).

**Jadual 3.4: Bilangan Penerbitan berimpak tinggi yang diterbitkan dalam Tahun 2020**

KATEGORI	2020
Penerbitan dalam Tier Q1	973
Penerbitan dalam Tier Q2	851
Peratusan bagi penerbitan Q1 & Q2	68.1%

(\*Data 2020 adalah sehingga 31 Disember 2020. Peratusan bagi penerbitan Q1 & Q2 adalah 68.1% bagi keseluruhan penerbitan daripada staf akademik UM. [(1824/2677) \*100 = 68.1%]).

**Jadual 3.5: Kualiti Penerbitan Berdasarkan Jumlah Sitasi yang Diterima Pada Tahun Semasa**

KATEGORI	2019	2020
<i>ISI-WoS Index</i>		
Jumlah penerbitan pada tahun semasa	2,509	2677
Jumlah sitasi yang diterima pada tahun semasa	2,828	4,165
Sitasi per penerbitan	1.13	1.56
<i>SCOPUS Index</i>		
Jumlah penerbitan pada tahun semasa	2,978	3,182
Jumlah sitasi yang diterima pada tahun semasa	3,961	5,466
Sitasi per penerbitan	1.33	1.72

(Berdasarkan Data Perpustakaan sehingga 31 Disember 2020. Sumber: UM Portal).

### 3.3.2 Anugerah

Selain daripada penerbitan, pencapaian dalam bentuk anugerah turut diterima oleh para penyelidik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti pada Jadual 3.6 hingga Jadual 3.9

**Jadual 3.6: Senarai Anugerah Peringkat Kebangsaan Tahun 2020**

BIL	NAMA	PTJ	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH
1.	Profesor Madya Dr. Norhayati Binti Ab Rahman	Akademi Pengajian Melayu	Anugerah Sastera Negeri Kelantan 2019/2020 (Hadiah Sastera, Kategori B: Karya (Eceran Esei/Kritikan))	Kerajaan Negeri Kelantan, Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)
2.	Dr. Samsul Farid Bin Samsuddin	Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	Hadiah Penulisan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) 2018/2019	Persatuan Pustakawan Malaysia
3.	Dr. Siti Amalina Binti Inche Zainal Abidin	Fakulti Pergigian	Cancer Research Award 2020	Majlis Kanser Nasional (MAKNA); Akademi Sains Malaysia (ASM)
4.	Profesor Ir. Dr. Fatimah Binti Ibrahim	Fakulti Kejuruteraan	<i>IEEE EMBS Malaysia Chapter Academic Achievement Award 2019</i>	<i>IEEE Engineering in Medicine and Biology Society (IEEE-EMBS), Malaysia Chapter</i>

BIL	NAMA	PTJ	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH
5.	Dr. Chew Shin Yi	Fakulti Bahasa & Linguistik	<i>MELTA Excellence in Research Award (Master Category): Gold Award</i>	<i>English Language Teaching Centre, Ministry of Education (MOE); Malaysian English Language Teaching Association (MELTA)</i>
6.	Dr. Nadhratul Wardah Binti Hj. Salman	Fakulti Undang-Undang	Anugerah Tokoh Silat	Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia
7.	Profesor Datuk Dr. Looi Lai Meng	Fakulti Perubatan	<i>Lifetime Achievement Award 2020</i>	<i>College of Pathologists, Academy of Medicine of Malaysia (CPATHAMM)</i>
8.	Dr. Puah Suat Moi	Fakulti Perubatan	<i>MSIDC - Institut Merieux Young Investigator Award 2020</i>	<i>Institut Merieux; Malaysian Society of Infectious Diseases and Chemotherapy (MSIDC)</i>
9.	Dr. Zaridatul Aini Binti Ibrahim	Fakulti Perubatan	<i>Cancer Research Award 2020</i>	<i>Majlis Kanser Nasional (MAKNA); Akademi Sains Malaysia (ASM)</i>
10.	Profesor Dr. Lau Yee Ling	Fakulti Perubatan	<i>MTSF Science &amp; Technology Award 2020</i>	<i>Malaysia Toray Science Foundation (MTSF)</i>
11.	Profesor Dr. Ng Kwan Hoong	Fakulti Perubatan	<i>The Merdeka Award - Outstanding Scholastic Achievement</i>	<i>Merdeka Award Trust (MAT); PETRONAS, Exxonmobil and Shell</i>

Jadual 3.7: Senarai Anugerah Peringkat Antarabangsa Tahun 2020

BIL	NAMA STAF	PTJ	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH
1.	Profesor Madya Dr. Asmak Binti Ab Rahman	Akademi Pengajian Islam	<i>AUA Scholars Award</i>	<i>Asian Universities Alliance (AUA)</i>
2.	Profesor Madya Dr. Wendy Yee Mei Tien	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	<i>KAICIID International Fellow Programme 2020</i>	<i>King Abdullah bin Abdulaziz International Centre for Interreligious and Intercultural Dialogue (KAICIID)</i>
3.	Profesor Madya Dr. Jeyraj A/L Selvaraj	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award</i>	<i>Asian Universities Alliance (AUA)</i>
4.	Profesor Madya Dr. Md. Hasanuzzaman	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>International Research Awards on New Science Inventions 2020: Best Research Award</i>	<i>ScienceFather; Scifax Information and Analytics Pvt. Ltd</i>
5.	Profesor Madya Dr. Rozalina Binti Zakaria	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award</i>	<i>Asian Universities Alliance (AUA)</i>

BIL	NAMA STAF	PTJ	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH
6.	Profesor Madya Ir. Dr. Lim Kok Sing	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>ICO/ICTP Gallieno Denardo Award</i>	<i>International Commission for Optics (ICO); International Centre for Theoretical Physics (ICTP)</i>
7.	Profesor Madya Dr. Lim Po Teen	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>MEL Visiting Fellowship</i>	<i>State Key Lab of Marine Environmental Science (MEL), Xiang'an Campus of Xiamen University, China</i>
8.	Dr. Cheah Wee	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award</i>	<i>Asian Universities Alliance (AUA)</i>
9.	Dr. Lee Hwei Voon	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award</i>	<i>Asian Universities Alliance (AUA)</i>
10.	Dr. Zaira Zaman Chowdhury	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>IMRF Berzelius Best Researcher Award (Nano Technology &amp; Catalysis)</i>	<i>International Multidisciplinary Research Foundation (IMRF)</i>
11.	Dr. Zaira Zaman Chowdhury	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>IMRF Excellence Award (Carbon Chemistry &amp; Water Treatment)</i>	<i>International Multidisciplinary Research Foundation (IMRF)</i>
12.	Profesor Dr. Sumiani Binti Yusoff	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	<i>ESD Okayama Award 2020</i>	<i>ESD Okayama Award Secretariat; Okayama City Office, Japan</i>
13.	Dr. Seng Yan Chuan	Fakulti Sastera & Sains Sosial	<i>International "First Miluo River Literature Award" : Excellent Prize</i>	<i>People's Government of Miluo City, China</i>
14.	Dr. Ismail Bin Ahmedy	Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	<i>Huawei ICT Competition 2019-2020 Global Final: Grand Prize (Category of the Practice Competition, Network Track)</i>	<i>Huawei Technologies Co., Ltd.</i>
15.	Dr. Kathreena Binti Masnah @ Kadir	Fakulti Pergigian	<i>Oral and Maxillofacial Oncology and Reconstructive Surgery Fellowship</i>	<i>Shanghai Ninth People's Hospital, Shanghai Jiao Tong University, School of Medicine</i>
16.	Dr. Diana Binti Abdul Wahab	Fakulti Ekonomi & Pentadbiran	<i>Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award</i>	<i>Asian Universities Alliance (AUA)</i>
17.	Profesor Dr. Evelyn Shyamala A/P Paul Devadason	Fakulti Ekonomi & Pentadbiran	<i>Fellowship</i>	<i>ISEAS ASEAN Studies Centre, Singapore</i>
18.	Profesor Madya Dr. Dorothy Dewitt	Fakulti Pendidikan	<i>Lifetime Achievement in Humanities and Social Sciences</i>	<i>Venus International Foundation</i>

BIL	NAMA STAF	PTJ	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH
19.	Dr. Mohammad Ismath Ramzy Mohammad Ismail	Fakulti Pendidikan	<i>KAICIID South and Southeast Asia Fellows Programme 2020</i>	<i>King Abdullah Bin Abdulaziz International Centre for Interreligious and Intercultural Dialogue (KAICIID)</i>
20.	Profesor Madya Ir. Dr. Wong Yew Hoong	Fakulti Kejuruteraan	<i>Outstanding Young Engineer Award 2020</i>	<i>IEEE Electronics Packaging Society</i>
21.	Dr. Sharifah Ayesah Binti Syed Mohd Noori	Fakulti Bahasa & Linguistik	<i>The Candlin Researcher Award 2019</i>	<i>International and Interdisciplinary Conference on Applied Linguistics and Professional Practice (ALAPP)</i>
22.	Profesor Dr. Azirah Binti Hashim	Fakulti Bahasa & Linguistik	<i>Alexander von Humboldt Foundation Research Fellowship</i>	<i>Alexander von Humboldt-Stiftung/ Foundation</i>
23.	Dr. Pardis Moslemzadeh Tehrani	Fakulti Undang-Undang	<i>OeAD-GmbH Travel Scholarship 2020</i>	<i>Austrian Agency for International Cooperation in Education &amp; Research (OeAD-GmbH), Centre for International Cooperation &amp; Mobility (ICM)</i>
24.	Profesor Madya Dr. Chan Yoke Fun	Fakulti Perubatan	<i>The BrandLaureate Awards-Brandleadership Awards</i>	<i>The World Brands Foundation (TWBF)</i>
25.	Profesor Madya Dr. Khairul Azmi Bin Abd Kadir	Fakulti Perubatan	<i>Asian Hospital Management Awards (AHMA) 2020 - Gold Award (Patient Safety Category)</i>	<i>Hospital Management Asia</i>
26.	Profesor Madya Dr. Lim Lee Ling	Fakulti Perubatan	<i>Albert Renold Travel Fellowship Programme 2020</i>	<i>European Foundation for the Study of Diabetes (EFSD)</i>
27.	Profesor Madya Dr. Nirmala A/P Bhoo Pathy	Fakulti Perubatan	<i>UICC Technical Fellowships</i>	<i>Union for International Cancer Control (UICC)</i>
28.	Dr. Chan Wai Yee	Fakulti Perubatan	<i>2020 KSR International Fellowship Program</i>	<i>The Korean Society of Radiology</i>
29.	Dr. Giribabu Nelli	Fakulti Perubatan	<i>Outstanding Scientist Award</i>	<i>VDGOOD Professional Association, India</i>
30.	Dr. Jaime Jacqueline A/P Jayapalan	Fakulti Perubatan	<i>Outstanding Woman in Health and Medical Sciences</i>	<i>Venus International Foundation</i>
31.	Dr. Lim Jasmine	Fakulti Perubatan	<i>Leaders in Innovation Fellowships 2019/2020</i>	<i>Newton-Ungku Omar, MiGHT, Royal Academy of Engineering</i>
32.	Dr. Nurshamimi Bte Nor Rashid	Fakulti Perubatan	<i>Bill &amp; Melinda Gates Foundation - Young Investigator Award</i>	<i>Bill &amp; Melinda Gates Foundation, International Society for Infectious Diseases (SID)</i>

BIL	NAMA STAF	PTJ	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH
33.	Profesor Dr. Sasheela A/P Sri La Sri Ponnapalavanar	Fakulti Perubatan	<i>Asia Pacific Society of Infection Control (APSIC) Safe Surgery Award</i>	<i>Asia Pacific Society of Infection Control (APSIC)</i>
34.	Profesor Madya Dr. Vengadesh A/L Periasamy	Fakulti Sains	<i>Leaders in Innovation Fellowship 2019/2020</i>	<i>Newton-Ungku Omar, MiGHT, Royal Academy of Engineering</i>
35.	Dr. Amizah Binti Malip	Fakulti Sains	<i>AUA Scholars Award</i>	<i>Asian Universities Alliance (AUA)</i>
36.	Dr. Goh Boon Tong	Fakulti Sains	<i>Outstanding Researcher in Materials</i>	<i>Venus International Foundation</i>
37.	Dr. Juan Carlos Algaba Marcos	Fakulti Sains	<i>Nelson P. Jackson Award</i>	<i>The National Space Club &amp; Foundation, USA</i>
38.	Dr. Juan Carlos Algaba Marcos	Fakulti Sains	<i>AAS Bruno Rossi Prize 2020</i>	<i>American Astronomical Society (AAS), USA</i>
39.	Dr. Juan Carlos Algaba Marcos	Fakulti Sains	<i>Einstein Medal 2020</i>	<i>Albert Einstein Society</i>
40.	Dr. Ng Boon Kwee	Fakulti Sains	<i>AUA Scholars Award</i>	<i>Asian Universities Alliance (AUA)</i>

Jadual 3.8: Ringkasan Pencapaian Anugerah Penyertaan Ekspo dan Pameran Penyelidikan Tahun 2020

PAMERAN / EKSPO	EMAS	PERAK	GANGSA	ANUGERAH KHAS
Malaysian Technology Expo (MTE 2020)	6	0	3	2
International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2020)	2	0	0	0
Karnival Inovasi UMT 2020	0	1	0	0
Indonesia Inventors Day (IID) 2020	2	1	0	1
<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>3</b>

(Sumber Data: Pusat Perkhidmatan Penyelidikan (PPP)

Jadual 3.9: Senarai Anugerah dalam Pameran Penyelidikan dan Ekspo Tahun 2020.

BIL	PENYELIDIK	ANUGERAH	TAJUK PENYELIDIKAN	PAMERAN/ EKSPO
1.	Prof. Dr. Ramesh T. Subramaniam Prof. Madya Dr. Ramesh Kasi Dr. Vengadaesvaran Balakrishnan Dr. Shahid Bashir Baig Mariam Hina Nur Khuzaimah Farhana Abd Aziz Surender Gunalan Mohd Zieauddin Kufian Prof. Madya Dr. Ezra Morris Abraham Gnanamuthu Prof. Dr. Ramesh Singh Elizer Nithiya Rachagan Goh Zhi Ling	• GOLD • SPECIAL AWARD (Invention and Innovation Awards 2020)	Flexible and Self-Standing Electrolytes for Next Generation Lithium Ion Batteries (LIB)	Malaysian Technology Expo (MTE 2020) 20-22 Feb 2020


BIL	PENYELIDIK	ANUGERAH	TAJUK PENYELIDIKAN	PAMERAN/EKSPO
2.	Dr. Vengadaesvaran a/l Balakrishnan Amirul Syafiq bin Abdul Jaafar Muhammad Zulhadi Iskandar Nurul Hidayah Rased Prof. Ir. Dr. Nasrudin Abdul Rahim Prof. Dr. Ramesh T. Subramaniam Prof. Madya Dr. Ramesh Kasi	• GOLD  • SPECIAL AWARD (Invention and Innovation Awards 2020)	Smart Self-cleaning Building Glass	Malaysian Technology Expo (MTE 2020) 20-22 Feb 2020
3.	Dr. Rosazlin Binti Abdullah Nur Sa'adah Binti Abdul Halim Noor Sharina binti Mohd Rosli Pravin A/L Vejan Aaron Avit Ajeng	• GOLD	Biorenewable Resource Biochar Kiln	Malaysian Technology Expo (MTE 2020) 20-22 Feb 2020
4.	Prof. Madya Dr. Ubagaram Johnson Alengaram	• GOLD  • GOLD	Structural Grade Bricks, Lightweight Zero-Cement Pavement Blocks and Blast-resistant Lightweight Concrete using Industrial Wastes  Low Carbon Footprint Precast Concrete Products for an Energy-Efficient Built Environment (Lowcoprecon)	Malaysian Technology Expo (MTE 2020) 20-22 Feb 2020
5.	Dr. Wong Kah Hui Prof. Madya Dr. Lim Lee Wei Cheng Poh Guat Ms. Lew Sze Yuen Dr. Lim Siew Huah Mr. Mong Yih Kong	• GOLD	NevGro® Offers Hope For Treating Inherited Neuromuscular Disorders: Our Understanding of Friedreich's Ataxia	Malaysian Technology Expo (MTE 2020) 20-22 Feb 2020
6.	Prof. Dr. Misni Misran	• BRONZE  • BRONZE	Powdered Tocotrienol Microlipid  Nanostructured Lipid Carrier (NLC) for the Delivery of Active Ingredients	Malaysian Technology Expo (MTE 2020) 20-22 Feb 2020
7.	Prof. Madya Dr. Poo Balan a/l Ganesan	• BRONZE  • MERIT	System of Micro-buble Generator of Aquaculture  Lightweight Biomimicry Micro Air Vehicle (BMAV) – Flapping Drone	Malaysian Technology Expo (MTE 2020) 20-22 Feb 2020
8.	Dr. Adeeb Hayyan Dr. Hanee Farzana Hizaddin Prof. Dr. Mohd Ali Hashim Prof. Dr. Yatimah Alias Prof. Ir. Dr. Ngoh Gek Cheng Dr. Ahmaad K. Aldeehani Dr. Fadhil Mukhlif	• GOLD	Green Solvents for Palm Oil Processing, Extraction Technology, Halal Authentication and Destruction of Hazardous Materials	International Invention, Innovation Technology Exhibition (ITEX 2020) 20-21 Nov 2020

BIL	PENYELIDIK	ANUGERAH	TAJUK PENYELIDIKAN	PAMERAN/EKSPO
9.	Prof. Dr. Suresh Kumar a/l Govin	• GOLD	4th Wave Execution Integrity Software	International Invention, Innovation Technology Exhibition (ITEX 2020) 20-21 Nov 2020
10.	Dr. Raja Jamilah Raja Yusof Dr. Hazrina Sofian Dr. Asmiza Abdul Sani Dr. Nazean Jomhari Prof. Madya Dr. Siti Hafizah Ab Hamid Prof. Dr. Siti Salwah Salim Prof. Madya Dr. Aishah Abu Bakar	• SILVER	Technology Enabled Learning Space for Active Learning in Software Engineering	Karnival Inovasi UMT 2020 29 Nov – 3 Dis 2020
11.	Prof. Dr. Loo Chu Kiong Prof. Madya Dr. Rodiana Ahmad Lian Suhaibing	• GRAND PRIZE PAPER • GOLD	A Smart System for Monitoring Hand Hygiene Compliance	Indonesia Inventors Day (IID) 2020 23 Nov 2020
12.	Prof. Madya Dr. Vimala Balakrishnan Shahzaib Khan Ng Kee Seong Hamid Arabnia	• GOLD	Sentiment and Personality Based Cyberbullying Detection Model	Indonesia Inventors Day (IID) 2020 23 Nov 2020
13.	Prof. Madya. Dr. Rafidah Md Noor Muhammad Umair Dr. Ismail Ahmedy Prof. Madya Dr. Mohd Yamani Idna Idris	• SILVER	Promoting Sustainable Transportation for University Campus: UM Share Ride	Indonesia Inventors Day (IID) 2020 23 Nov 2020

## 3.4 KOMUNITI DAN KELESTARIAN

Selaras dengan misi dan hasrat Universiti Malaya untuk mendekati dan membantu masyarakat, Pusat Komuniti dan Kelestarian UM atau lebih dikenali sebagai UMCares sebagai unit yang bertanggungjawab terus mengorak langkah dalam tahun 2020 melalui aktiviti pemindahan ilmu dan hasil penyelidikan yang diterajui oleh ahli akademik universiti.

Berikut adalah antara aktiviti jalinan masyarakat dan pencapaian yang berkaitan di bawah tadbir urus UMCares bagi tahun 2020:



### 3.4.1 Projek Jalinan Masyarakat (Community Engagement (CE))

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar kepada dunia dan khususnya negara Malaysia berikutan pandemik COVID-19 yang melanda. Kesannya bukan sahaja kepada kesihatan, malahan perkembangan ekonomi, sosial dan kehidupan masyarakat dunia secara keseluruhan. Dalam perkara ini, UMCares telah membuka pelawaan dana khas projek komuniti-Pasca Covid kepada penyelidik UM yang berminat. Hasilnya, sebanyak 16 projek dengan peruntukan sebanyak RM 168,800.00 telah diluluskan bagi tujuan ini merangkumi bidang Kesihatan dan

Kesejahteraan, Ekonomi dan Kewangan serta Pendidikan dan Pembelajaran. Projek-projek ini turut melibatkan kerjasama dari pihak luar yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Permbudayaan norma baharu menyebabkan penyelidik UM mengamalkan pendekatan berbeza bagi memastikan kelangsungan projek dan hubungan bersama komuniti dapat diteruskan. Platform dalam talian dan media sosial telah digunakan dengan semaksimum mungkin untuk menyampaikan informasi di samping melatih komuniti secara maya. Ini secara tidak langsung dapat memperkasakan komuniti itu sendiri.

Selain daripada dana dalaman, UMCares turut memperoleh dana luar sebanyak RM325 ribu untuk 4 projek daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Tajaan daripada dana luar menunjukkan peningkatan sebanyak 50% dan sangat membanggakan terutama dalam keadaan pandemik yang sedang melanda. UMCares juga menerima sumbangan tunai dan ihsan melalui pelbagai program kerjasama antara UMCares dengan pihak luar seperti Mr. DIY Trading Sdn Bhd, Johnson & Johnson Sdn Bhd dan Unilever (Malaysia) Holdings Sdn. Bhd.

### **3.4.2 Program Berprofil Tinggi (*High Impact*)**

#### **(a) UM Nadi Lembah Pantai**

Program “UM- Nadi Lembah Pantai” merupakan inisiatif UM melalui UMCares untuk mendekati dan memanfaatkan masyarakat melalui pemindahan ilmu dan hasil penyelidikan di kawasan sekitar dengan UM. Program yang dilancarkan secara rasminya pada 30 September 2019 ini antara lain bertujuan untuk menghubungkan UM dengan komuniti setempat, di samping sebagai platform untuk jalinan kerjasama jangka masa panjang antara UM dengan pihak luar khususnya kerajaan, industri dan masyarakat setempat atau lebih dikenali sebagai “quadruple-helix collaboration” (kerjasama empat-hala). Program ini juga menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melalui inisiatif “University for Society”.

Program “UM- Nadi Lembah Pantai” menggunakan pendekatan berbeza iaitu berhubung secara langsung dengan ketua komuniti, mengenal pasti masalah dan pihak berkepentingan (seperti sekolah dan pihak industri), dan seterusnya pemadanan penyelidikan (*research mapping*). Program ini memberi keutamaan kepada tiga (3) bidang utama iaitu kesihatan, pendidikan dan alam sekitar melibatkan sebanyak 14 projek komuniti. Lokasi projek yang berdekatan dengan kampus UM juga memudahkan pemantauan dan penilaian impak projek dari semasa ke semasa. Sebagai usaha mempromosikan dan mendapatkan

kerjasama daripada rakan industri, UMCares telah bekerjasama dengan Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat UM dalam siri “townhall” yang diadakan secara dalam talian.

Selepas Lembah Pantai, ekosistem yang lengkap ini akan diaplikasikan kepada komuniti terdekat lain sekitar kampus satelit UM seperti di Negeri Sembilan (melalui Pusat Penyelidikan Bioteknologi Glami Lemii), Kelantan (melalui Stesen Penyelidikan Marin Bachok IOES) dan Johor (melalui UM Plantation Kota Tinggi). Program “UM- Nadi Lembah Pantai” adalah program holistik melibatkan komuniti UM (staf akademik dan pentadbiran, serta pelajar) dari pelbagai peringkat dan Pusat Tanggungjawab (PT) menggunakan jenama yang sama, iaitu UM.



- ① Program bersama komuniti dilaksanakan dengan mematuhi SOP dan arahan yang ditetapkan
- ② Projek Yusof
- ③ SAFE SCHOOL, SAFE SURROUNDING FOR A SAFE CITY



### **(b) Inisiatif Kesihatan Mental UM**

“Inisiatif Kesihatan Mental UM” merupakan sebuah inisiatif oleh UMCares dengan kerjasama Pusat Kaunseling Pelajar, Pusat Kesihatan Pelajar, Sekretariat Kelestarian & Living Labs Universiti Malaya, dan Fakulti Perubatan UM yang dilancarkan pada 20 Februari 2020. Inisiatif ini mendapat sokongan strategik dan penyertaan aktif daripada Johnson and Johnson Sdn. Bhd. yang membawa kepada pemeteraian Memorandum Persefahaman (MOU) antara UM dengan syarikat yang sama. Inisiatif ini mendapat maklum balas positif dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana keunikannya yang melibatkan kerjasama antara entiti awam dengan swasta untuk meningkatkan kesedaran dan perkhidmatan penjagaan kesihatan mental.

#UMeJomChat yang dibawa oleh inisiatif ini menyokong inisiatif oleh KKM melalui program nasional #Letstalkmindasihat untuk kesedaran kesihatan mental, dan Kementerian Pendidikan (MoE) melalui program “University for Society (U4S)”. Diharapkan inisiatif ini dapat membantu agenda nasional untuk mengurangkan stigma kesihatan mental dan meningkatkan kesihatan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.




Majlis Pelancaran “Inisiatif Kesihatan Mental UM” pada 20 Februari 2020 di DTC, UM.

### **3.4.3 Persidangan Akademia-Komuniti Universiti Malaya (UM Academia Community Engagement (UMACE) Conference)**

UM Academia-Community Engagement (UMACE) yang merupakan program berbentuk persidangan

anjuran UMCares tetap diadakan pada tahun 2020, walaupun situasi pandemik yang melanda negara. Menariknya, pada tahun ini ia diadakan secara hibrid dan bersempena dengan penganjuran persidangan antarabangsa “University for Society” (U4SIC). U4SIC mengintegrasikan 3 persidangan anjuran 3 universiti iaitu UKM, USM dan UM dan dilaksanakan pada 18 November 2020 secara dalam talian. Persidangan ini dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang telah menarik 200 pembentang dari seluruh dunia termasuk Jepun, Pakistan, Jerman, Poland, Kanada, Belanda dan 30 ahli ASEAN University Network serta 470 peserta Program Kesukarelawanan Belia ASEAN dari negara-negara ASEAN.

Simposium UMACE anjuran UMCares melibatkan 1 penyampaian ucaptama, 1 plenari dan 2 forum oleh 10 panel dari dalam dan luar negara. Prof. Dr. Rofina Yasmin Othman (PNC (Jaringan Industri dan Masyarakat) telah menyampaikan ucaptama bertajuk “UM Response to COVID-19”. Selain UMCares, Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC) turut terlibat sama dengan Profesor Emeritus Datuk Dr Norma Mansor memberikan ucapan plenari berkenaan topik yang sangat kritikal dalam tempoh pandemik iaitu “Financial Impact of COVID-19”.



UMACE x U4SIC 2020 diadakan secara hibrid melibatkan panel dari dalam dan luar negara

Secara keseluruhan, penganjuran simposium UMACE telah dilaksanakan dengan jayanya walaupun dalam situasi norma baharu yang dihadapi ketika ini. Penganjuran program secara dalam talian merupakan suatu pendekatan baru buat UMCares, dan banyak pengetahuan serta pengalaman yang diperoleh semasa tempoh persediaan dan semasa simposium berlangsung.

### 3.4.4 Program Pemerkasaan Pelajar

Anugerah UMCares 2019/2020 diperkenalkan sebagai penjenamaan semula Pertandingan UMCares atau sebelum ini dikenali sebagai Pertandingan Alam Sekitar UMCares. Anugerah bersifat tahunan ini terbuka kepada semua sukarelawan UMCares atau lebih dikenali sebagai

“UMCares Squad” dalam kalangan pelajar-pelajar di setiap kolej kediaman. Pertandingan pada tahun ini telah ditambah baik dengan penglibatan bersama Sekretariat Kelestarian & Living Labs Universiti Malaya, menjadikan pertandingan ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu (i) “UMCares Squad Community Award” yang memfokuskan projek atau aktiviti bersama komuniti, dan (ii) “UM Eco Challenge” yang memfokuskan program kehijauan kampus. Selain daripada mengiktiraf inisiatif yang dilaksanakan oleh pelajar di kolej kediaman, rasional terhadap penganjuran pertandingan ini adalah dapat menyumbang kepada data audit kelestarian kampus yang dinilai melalui UI GreenMetric World University Ranking.

Anugerah UMCares 2019/2020 yang dilancarkan pada 2 Oktober 2019 telah menerima



8 penyertaan daripada 11 Kolej Kediaman dan melibatkan hampir 100 orang pelajar UM. Walaupun terdapat kekangan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan pandemik COVID-19, pertandingan ini telah dilaksanakan dengan jayanya dengan beberapa penyesuaian. Menariknya, sesi penjurian bagi pertandingan kali ini melibatkan juri dari pihak luar bagi mendapatkan input yang lebih luas. Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah dilangsungkan dengan mematuhi SOP dan amalan norma baharu pada 23 Jun 2020. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

### **UM Eco Challenge**

Kategori	Nama Kolej Kediaman (KK)
Anugerah Emas	KK 1
Anugerah Perak	KK 12
Anugerah Gangsa	KK 5
Kategori Khas:	
1. Penerima Penghargaan “Gold Contribution”	KK 4, KK3, KK 9, KK 12
2. Penerima Penghargaan “Silver Contribution”	KK 1
3. Penerima Penghargaan “Bronze Contribution”	KK 5, KK 7
4. Pembentang Terbaik	Lim Zheng Yau (KK12)

### **UMCares Squad Community Award**

Kategori	Nama Kolej Kediaman (KK)
Anugerah Emas	KK 12
Anugerah Perak	KK 6
Anugerah Gangsa	KK 5

UMCares turut mengumumkan berkenaan program baru iaitu Program Pembangunan Pelajar untuk Komuniti. Program hasil kerjasama dengan Pusat Kebolehpasaran Graduan, Keusahawanan & Pembangunan Pelajar ini bertujuan untuk menambah baik program kokurikulum pelajar dan membantu pelajar melaksanakan projek komuniti yang lebih komprehensif dengan

bimbingan penyelidik UM. Pelajar boleh memilih mana-mana projek jalinan masyarakat UMCares dan Ketua Projek akan memberi arahan dan memantau prestasi pelajar terlibat. Melalui program pemadanan ini, pelajar UM dapat mempelajari pengetahuan baru di samping memperbaiki kemahiran diri.

### **3.4.5 Publisiti dan Visibiliti**

Penularan pandemik COVID-19 menyebabkan kita melalui suatu keadaan yang belum pernah terjadi sebelum ini. Hampir semua aktiviti tidak boleh dilakukan seperti biasa sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan wabak ini menular dengan lebih teruk. Sebagai panduan kepada semua terhadap penyesuaian norma baharu, UMCares telah mengeluarkan beberapa buletin khas hasil input daripada penyelidik dan staf UM. Antara topik yang diutarakan adalah seperti berikut:

- Tips Menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- Tips Bekerja dari Rumah
- Penyesuaian dengan Norma Baharu dan Panduan Kewangan
- Mesyuarat Maya

E-buletin ini boleh dirujuk di laman web UMCares <https://myumcares.um.edu.my/news/index>




Perkembangan situasi semasa dan lanjutan daripada pandemik COVID-19 telah mendorong UMCares mengambil inisiatif lain bagi mendekati dan menyampaikan informasi kepada komuniti. Bermula Julai 2020, UMCares telah mengadakan

siri bual bicara secara dalam talian dikenali sebagai “PODCares” menggunakan platform media sosial YouTube. Program ini berkonsep santai yang melibatkan warga UM dan pihak luar sebagai Panel bagi membincangkan topik semasa dan dekat dengan golongan muda. Pengetahuan dan pengalaman Panel dari latar belakang yang berbeza membincangkan dan memberikan input yang berguna serta bermanfaat kepada peserta. Program ini dijalankan pada setiap bulan dan akan diteruskan pada tahun 2021. Sehingga kini, maklum balas yang diterima sangat positif dan bilangan peserta juga semakin meningkat untuk setiap siri.



Poster siri PodCares yang dianjurkan oleh UMCares bermula Julai 2020



Statistik peserta dalam talian sehingga penghujung Disember 2020.

Secara ringkasnya, topik perbincangan mempengaruhi minat peserta untuk mengikuti siri PodCares yang dianjurkan.

### 3.4.6 Pengiktirafan

“DIY Made Simple” merupakan program berbentuk pertandingan anjuran UMCares melibatkan kerjasama strategik antara UM, kementerian, industri serta komuniti dan merupakan contoh terbaik bagi kerjasama empat hala (*quadruple helix collaboration*). Program yang mendapat tajaan Mr D.I.Y Sdn. Bhd sejak tahun 2017 ini akan terus mendapat sokongan daripada syarikat berkewaan sehingga tahun 2022 dengan temeterainya MOA pada 6 Februari 2020. Pada tahun ini, program ini telah mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa melalui penganugerahan “RCE 2020 Awards for Innovative Projects on Education for Sustainable Development” oleh “Regional Centre of Excellence (RCE) Global”. Anugerah yang diterima

membuktikan bahawa projek komuniti UM bukan sekadar projek picisan, tetapi mempunyai impak yang nyata dan diiktiraf peringkat antarabangsa.



### Pusat Kecemerlangan UM (HICoE dan UMCoE)

Jadual berikut menunjukkan pencapaian Pusat Kecemerlangan Universiti Malaya (UMCoE) bagi penjanaan geran penyelidikan dan penerbitan hasil penyelidikan 2020. Di bawah UMCoE terdapat empat (4) buah pusat penyelidikan dalam bidang nic yang mendapat penarafan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (*Higher Institution Centres of Excellence*) oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi seperti berikut:

- (a) Pusat Pengkhususan Tenaga Kuasa Termaju UM (UMPEDAC)
- (b) Pusat Penyelidikan Fotonik (PRC)
- (c) Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES)
- (d) Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC)

Jadual 3.10: Pencapaian HICOE dan UMCOE bagi tahun 2020 dengan tahun 2019

HICOE/UMCOE	PENERBITAN HASIL PENYELIDIKAH (ISI-WoS Index)		GERAN PENYELIDIKAH (RM)	
	2019	2020	2019	2020
Pusat Pengkhususan Tenaga Kuasa Termaju UM (UMPEDAC)	36	38	1,831,777.00	2,198,068.00
Pusat Penyelidikan Fotonik (PRC)	111	73	3,876,923.00	3,409,962.00
Institute of Ocean and Earth Sciences (IOES)	80	106	2,001,238.26	3,578,245.13
Tropical Infectious Diseases Research & Education Centre (TIDREC)	34	21	1,159,664.91	424,763.61
Pusat Penyelidikan Bioteknologi Pertanian (CEBAR)	56	51	3,455,922.76	4,863,325.43
Pusat Penyelidikan Nanoteknologi dan Pemangkinan (NANOCAT)	177	187	9,723,766.00	4,655,697.36

**Jadual 3.11: Pengiktirafan / Anugerah yang Diterima oleh HICoE/UMCoE Bagi Tahun 2020**

BIL	PENERIMA	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH	PUSAT PENYELIDIKAN	PERINGKAT
1	Profesor Dr Mohd Rafie Johan	Sijil Penghargaan JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia	NANOCAT	Kebangsaan
2	Profesor Dr Mohd Rafie Johan	Artikel Penyelidikan Terbaik: 160th International Conference in Physics, Electronics & Chemical Sciences, Sir Cr Reddy University, Dhra Pradesh, India	NANOCAT	Antarabangsa
3	Profesor D. Mohd Rafie Johan	Pembentangan Terbaik: 160th International Conference in Physics, Electronics & Chemical Sciences, Sir Cr Reddy University, Dhra Pradesh, India	NANOCAT	Antarabangsa
4	Profesor Dr Wan Jefrey Basirun	World's Top 2% Scientists 2019, Stanford University, 2020	NANOCAT	Antarabangsa
5	Profesor Madya Dr Juan Joon Ching	Ten Outstanding Young Malaysians (Academic Leadership and/or Accomplishment)	NANOCAT	Kebangsaan
6	Profesor Madya Dr Juan Joon Ching	World's Top 2% Scientists 2019, Stanford University, 2020	NANOCAT	Antarabangsa
7	Profesor Madya Dr Juan Joon Ching	Top downloaded paper 2018-2019 in International Journal of Energy Research, Wiley	NANOCAT	Antarabangsa
8	Profesor Madya Dr Yarub Kahtan Abdul Rahman Al-Douri	World's Top 2% Scientists 2019, Stanford University, 2020	NANOCAT	Antarabangsa
9	Profesor Madya Dr Yarub Kahtan Abdul Rahman Al-Douri	Artikel Penyelidikan Terbaik: 160th International Conference in Physics, Electronics & Chemical Sciences, Sir Cr Reddy University, Dhra Pradesh, India	NANOCAT	Antarabangsa
10	Ir. Dr Lai Chin Wei	Top downloaded paper 2018-2019 in International Journal of Energy Research, Wiley	NANOCAT	Antarabangsa
11	Ir. Dr Lai Chin Wei	World's Top 2% Scientists 2019, Stanford University, 2020	NANOCAT	Antarabangsa
12	Dr Nader Ghaffari Khaligh	World's Top 2% Scientists 2019, Stanford University, 2020	NANOCAT	Antarabangsa
13	Dr Nurhidayatullaili Muhd Julkapli	Top downloaded paper 2018-2019 in Polymers Advanced Technologies, Wiley	NANOCAT	Antarabangsa
14	Dr Suresh Sagadevan	World's Top 2% Scientists 2019, Stanford University, 2020	NANOCAT	Antarabangsa
15	Dr Wageeh Abdulhadi Yehya Dabdawb	Top downloaded paper 2018-2019 in Polymers Advanced Technologies, Wiley	NANOCAT	Antarabangsa
16	Dr Zaira Zaman Chowdhury	Penyelidik Terbaik IMRF Berzelius: Nanotechnology and Catalysis, 155th International Conference on Application of Physics, Chemistry and Engineering Science, Taman Botani, Universiti Malaya, Malaysia	NANOCAT	Antarabangsa

BIL	PENERIMA	PENGIFTIRAFAN / ANUGERAH	PUSAT PENYELIDIKAN	PERINGKAT
17	Dr Zaira Zaman Chowdhury	Artikel Penyelidikan Terbaik: 160th International Conference in Physics, Electronics & Chemical Sciences, Sir Cr Reddy University, Dhra Pradesh, India	NANOCAT	Antarabangsa
18	Dr Zaira Zaman Chowdhury	Pembentangan Terbaik: 160th International Conference in Physics, Electronics & Chemical Sciences, Sir Cr Reddy University, Dhra Pradesh, India	NANOCAT	Antarabangsa
19	Dr Zaira Zaman Chowdhury	Excellence Award in Carbon Chemistry and Water Treatment, 160th International Conference in Physics, Electronics & Chemical Sciences, Sir Cr Reddy University, Dhra Pradesh, India	NANOCAT	Antarabangsa
20	Profesor Hiroyuki Takaoka	World's Top 2% Scientists by Stanford University 2020	TIDREC	Antarabangsa
21	Profesor Ir. Dr Nasrudin Abd Rahim	Highly Cited Researchers 2020, Clarivate	UMPEDAC	Antarabangsa
22	Dr Aamir Amir Solangi	Outstanding Contribution in Reviewing, Solar Energy, Solar Energy Journal, Elsevier	UMPEDAC	Antarabangsa
23	Dr Aamir Amir Solangi	Outstanding Contribution in Reviewing, Renewable and Sustainable Energy Reviews Journal, Elsevier	UMPEDAC	Antarabangsa
24	Dr Jeyraj Selvaraj	Asian Universities Alliance (AUA) Scholars Award, 2000 USD, 28 May 2020 - 27 May 2021, Asian Universities Alliance (AUA)	UMPEDAC	Antarabangsa
25	Profesor Madya Dr Md. Hasanuzzaman	Best Research Award, International Research Awards on New Science Inventions, NESIN 2020 Award, ScienceFather (SF) Scifax Company, Ministry of Corporate Affairs (MCA), Government of India	UMPEDAC	Antarabangsa

BIL	PENERIMA	PENGIFTIRAFAN / ANUGERAH	PUSAT PENYELIDIKAN	PERINGKAT
26	Profesor Dr. Ramesh T Subramaniam, Profesor Madya Dr Ramesh Kasi, Dr. Vengadaesvaran Balakrishnan Dr. Shahid Bashir Baig Mariam Hina Nur Khuzaimah Farhana Abd Aziz Surender Gunalan Mohd Zieauddin Kufian Profesor Madya Dr Ezra Morris Abraham Gnanamuthu, Profesor Dr. Ramesh Singh Elizer Nithiya Rachagan Goh Zhi Ling	Special Award: Invention & Innovation, Category: Aviation and Transportation, Flexible and Self-Standing Electrolytes for Next Generation Lithium Ion Batteries (LIB), Croatia Inova International Invention Show & MTE 2020, Malaysia Technology Expo, The 19th International Expo on Inventions and Innovations	UMPEDAC	Kebangsaan
27	Dr. Vengadaesvaran Balakrishnan, Amirul Syafiq Bin Abdul Jaafar Muhammad Zulhadi Iskandar Nurul Hidayah Rased Prof. Ir. Dr. Nasrudin Abd Rahim Prof. Dr. Ramesh T Subramaniam, Profesor Madya Dr Ramesh Kasi	Republic of Croatia, International Award of Merit, Smart Self Cleaning Building Glass, Invention and Innovation Awards 2020 at MTE 2020, Malaysia Technology Expo, The 19th International Expo on Inventions and Innovations	UMPEDAC	Kebangsaan
28	Profesor Dr. Ramesh T Subramaniam, Profesor Madya Dr Ramesh Kasi Dr. Vengadaesvaran Balakrishnan Dr. Shahid Bashir Baig Mariam Hina Nur Khuzaimah Farhana Abd Aziz Surender Gunalan Mohd Zieauddin Kufian Profesor Madya Dr Ezra Morris Abraham Gnanamuthu Prof. Dr. Ramesh Singh Elizer Nithiya Rachagan Goh Zhi Ling	Republic of Croatia, International Award of Merit, Flexible and Self-Standing Electrolytes for Next Generation Lithium Ion Batteries (LIB), Invention and Innovation Awards 2020 at MTE 2020, Malaysia Technology Expo, The 19th International Expo on Inventions and Innovations	UMPEDAC	Kebangsaan

BIL	PENERIMA	PENGIFTIRAFAN / ANUGERAH	PUSAT PENYELIDIKAN	PERINGKAT
29	Dr. Vengadaesvaran Balakrishnan, Amirul Syafiq Bin Abdul Jaafar, Muhammad Zulhadi Iskandar, Nurul Hidayah Rased, Prof. Ir. Dr. Nasrudin Abd Rahim Prof. Dr. Ramesh T Subramaniam, Profesor Madya Dr. Ramesh Kasi	Invention and Innovation Awards: Gold Award, Category: Building, Smart Self Cleaning Building Glass, Malaysia Technology Expo, The 19th International Expo on Inventions and Innovations	UMPEDAC	Kebangsaan
30	Profesor Ir. Dr. Nasrudin Abd Rahim	Visiting Research Professor Queen's, University Belfast, United Kingdom	UMPEDAC	Antarabangsa
31	Dr. Tan Chia Kwang	Distinguished Visiting Senior Lecturer, Kyoto University (February 1, 2020 - January 31, 2020)	UMPEDAC	Antarabangsa
32	Profesor Dr Jennifer Ann Harikrishna	Honorary Fellow of College of Life Sciences University of Leicester	CEBAR	Antarabangsa
33	Profesor Dr Rofina Yasmine Othman	Honorary Fellow Institute of Strategic Leadership, University College of Yayasan Pahang	CEBAR	Kebangsaan
34	Profesor Madya Dr Chandran Somasundram	Certificate of Excellence in Reviewing, Journal of Experimental Agriculture International,	CEBAR	Antarabangsa
35	Dr. Jamilah Syafawati Yaacob	Silver Award for the project "Synthetic Seed Production of Talinum Fruticosum (L.) Juss.", during the Virtual Innovation Competition 2020 (VIC2020)	CEBAR	Kebangsaan
36	Dr. Purabi Mazumdar	Best Oral Presentation Silver Award IECBBB 2020 (International E-Conference on Biotechnology, Bioinformatics, and Biomedicine 2020)	CEBAR	Antarabangsa
37	Prof Emeritus Dr Phang Siew Moi	World's Top 2% Scientists 2019, Stanford University, 2020	IOES	Antarabangsa
38	Profesor Dr Sumiani Yusoff & Dr Ng Chee Guan	Education for Sustainable Development (ESD) Okayama Award 2020	IOES	Antarabangsa
39	Dr Cheah Wee	AUA Scholars Award	IOES	Antarabangsa
40	Prof Emeritus Dr Phang Siew Moi	Assistant Editor, Journal of Applied Phycology, Springer Nature B.V.	IOES	Antarabangsa
41	Prof Emeritus Dr Phang Siew Moi	Associate Editor, Fisheries and Aquatic Sciences journal, (BioMed Central)	IOES	Antarabangsa
42	Prof Emeritus Dr Phang Siew Moi	Editorial Board Member, Maritime Technology and Research, Kasetsart University.	IOES	Antarabangsa

BIL	PENERIMA	PENGIFTIRAFAN / ANUGERAH	PUSAT PENYELIDIKAN	PERINGKAT
43	Prof Emeritus Dr Phang Siew Moi	Advisory Committee, Asian-Pacific Phycological Association	IOES	Antarabangsa
44	Prof Emeritus Dr Phang Siew Moi	Executive Committee Member, International Association for Biological Oceanography (IABO)	IOES	Antarabangsa
45	Prof Emeritus Dr Phang Siew Moi	Fellow, Marine Biological Association, United Kingdom	IOES	Antarabangsa
46	Profesor Dr Sumiani Yusoff	Advisory Committee, International Sustainable Campus Network (ISCN)	IOES	Antarabangsa
47	Profesor Dr Sumiani Yusoff	Member of Jury, L'Oreal-UNESCO for Women in Science Award 2020	IOES	Antarabangsa
48	Profesor Dr Sumiani Yusoff	Network Member, Asia Pacific Women Inventors & Innovators Network (APWIIN)	IOES	Antarabangsa
49	Profesor Dr Sumiani Yusoff	Board Member, Board of Egypt Centre of Research and Applied Studies on Climate Change and Sustainable Development (C3SD-NRC), Egypt	IOES	Antarabangsa
50	Profesor Dr Sumiani Yusoff	Guest Editor, Journal of Frontiers in Built Environment	IOES	Antarabangsa
51	Profesor Dr Lim Phaik Eem	Council member, Asian Pacific Phycological Association (APPA)	IOES	Antarabangsa
52	Profesor Dr Lim Phaik Eem	Editorial Board, Journal of Maritime Technology and Research, Kasesart University, Thailand;	IOES	Antarabangsa
53	Profesor Dato' Dr Azizan Abu Samah	Regional Editor, The Polar Journal (ISSN: 2154-896X (Print); 2154-8978 (Online))	IOES	Antarabangsa
54	Profesor Dato' Dr Azizan Abu Samah	International Scientific Advisory Committee, Asian Network on Climate Science and Technology (ANCST)	IOES	Antarabangsa
55	Profesor Madya Dr Bong Chui Wei	Editorial Review Board, Frontiers Environmental Chemistry	IOES	Antarabangsa
56	Profesor Madya Dr Leaw Chui Pin	Associate Editor, Plant Gene Journal (ISSN: 2352-4073)	IOES	Antarabangsa
57	Profesor Madya Dr Leaw Chui Pin	Associate Editor, Gene Journal (ISSN: 0378-1119)	IOES	Antarabangsa
58	Profesor Madya Dr Leaw Chui Pin	Committee member of UNESCO IOC WESTPAC Project of Toxic Marine Organisms (TMO), UNESCO IOC WESTPAC	IOES	Antarabangsa
59	Profesor Madya Dr Lim Po Teen	WESTPAC Project Leader on Marine Toxins and Seafood Safety (WESTPAC-TMO), Intergovernmental Oceanographic Commission, UNESCO	IOES	Antarabangsa

BIL	PENERIMA	PENGIFTIRAFAN / ANUGERAH	PUSAT PENYELIDIKAN	PERINGKAT
60	Profesor Madya Dr Lim Po Teen	Task Force of UNESCO IOC Intergovernmental Panel of Harmful Algal Blooms (IPHAB) on Harmful Algae and Fish kills, UNESCO IOC Intergovernmental Panel of Harmful Algal Blooms (IPHAB)	IOES	Antarabangsa
61	Profesor Madya Dr Lim Po Teen	Editorial Board, The Plankton Society of Japan, (ISSN: 1880-8247; e ISSN: 1882-627X)	IOES	Antarabangsa
62	Profesor Madya Dr Lim Po Teen	Vice President, International Society for the Study of Harmful Algae (ISSHA)	IOES	Antarabangsa
63	Profesor Madya Dr Siti Aisah Alias	Coordinator for Malaysia, Asian Foundation on Polar Science (AFoPS)	IOES	Antarabangsa
64	Profesor Madya Dr Siti Aisah Alias	Member, ARC Special Research Initiative In Excellence In Antarctic Science	IOES	Antarabangsa
65	Profesor Madya Dr Siti Aisah Alias	Honorary Advisory Board Member, Universal Scientific Education and Research Network (USERN)	IOES	Antarabangsa
66	Dr Cheah Wee	Deputy Chairman, China-Aid Alumni Association Malaysia	IOES	Antarabangsa
67	Dr Loh Kar Hoe	Commission Member, International Union for Conservation of Nature (IUCN), Species Survival Commission (SSC), Sciaenid Red List Authority 2017-2020	IOES	Antarabangsa
68	Dr Sahadev Sharma	Editorial Board Member, International Journal of Natural Resource Ecology and Management (IJNREM), ISSN: 2575-3088 (Print) ISSN: 2575-3061 (Online)	IOES	Antarabangsa
69	Dr Sahadev Sharma	Editorial Board Member, Journal of Sustainable Forestry (ISSN: 1054-9811)	IOES	Antarabangsa
70	Dr Sahadev Sharma	Editorial Board Member, The Indian Botanical Society	IOES	Antarabangsa
71	Dr Sahadev Sharma	Associate Editorial Board Members, The Open Environmental Research Journal (ISSN: 2590-2776)	IOES	Antarabangsa
72	Dr Sahadev Sharma	Topic Editor, Forests Journal - Mdpi, Switzerland	IOES	Antarabangsa
73	Profesor Madya Dr Rozalina Zakaria	Asean University Award, Tsinghua University	PRC	Antarabangsa
74	Profesor Madya Dr Lim Kok Sing	Ico/Ictp Gallieno Denardo Award, Ico / Ictp	PRC	Antarabangsa
75	Dr Norazriena Yusoff	Honorary Rosalind Member of London Journals Press	PRC	Antarabangsa

Aktiviti utama Pusat Kecemerlangan Universiti Malaya adalah seperti berikut:

### **(1) Pusat Pengkhususan Tenaga Kuasa Termaju UM (UMPEDAC)**

Penarafan sebagai HICoE Bertauliah *Batch 2010* pada 21 Disember 2020 merupakan penarafan tertinggi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi kepada HICoE UMPEDAC atas pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan *nic* sepanjang tempoh penilaian sebagai HICoE. Melalui penarafan ini, HICoE UMPEDAC telah menerima dana insentif untuk meneruskan kelestarian aktiviti penyelidikan dalam bidang penyelidikan *nic* serta meningkatkan keterlibatan sebagai pakar rujuk di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam cabaran pandemik COVID-19, aktiviti penyelidikan dan perundingan masih terus dijalankan, namun terbatas kepada aktiviti komuniti. Program antarabangsa Collaborative Education Program (CEP 2019) bagi program Japan ASEAN Collaborative Education Program (JACEP) melibatkan negara-negara ASEAN Myanmar, Laos, Cambodia, Vietnam dan Brunei memberi peluang kepada HICoE UMPEDAC untuk meneruskan jaringan kolaborasi di antara ASEAN dengan negara-negara Asia Selatan. Dana antarabangsa berjumlah USD 10,292.50 bagi projek penyelidikan “Thermal-Analysis of Designed Solar Thermal / Photovoltaic Hybrid Collector System for Air / Water Heating and Electrification of Building Applications”. Melalui program ini juga, seramai lapan (8) orang pelajar antarabangsa telah berjaya mengikuti program Double Degree Master of Renewable Energy menerusi kolaborasi dengan Kyoto University, Jepun.

Aktiviti perundingan bersama beberapa rakan industri yang masih aktif antaranya NanoMalaysia Sdn Bhd, Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC), MIMOS Sdn Bhd dan TNB Research Sdn Bhd. MGTC telah melantik HICoE UMPEDAC untuk menghasilkan polisi pembangunan “EV Roadmap” bagi tempoh 2021 hingga 2030 bagi kendaraan penumpang dan motosikal. Usahasama menerusi jaringan MoU dengan NanoMalaysia bagi projek model kereta HYPER EV. HICoE UMPEDAC memberikan khidmat kepakaran teknikal proses integrasi elektrikal *EV drive train* bagi memastikan HyPER EV mampu

beroperasi dengan lancar menggunakan pelbagai peranti simpanan tenaga.

TNB Research Sdn Bhd telah melantik HICoE UMPEDAC sebagai perunding bagi projek “Engagement of Specialist Collaborator to Conduct the Life Cycle Assessment (LCA) and Economic Benefit Analysis of Electric Vehicles in Malaysia”. Kepakaran penyelidik diperlukan dalam menganalisis anggaran pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan sumber pencemaran lain mengikut pendekatan *life cycle assessment* (LCA) bagi beberapa senario kajian serta mengkaji faedah kesan kepada ekonomi berikutan penembusan pasaran kenderaan elektrik di Malaysia.



Penglibatan pelajar program JACEP dalam bidang *nic* meluaskan jaringan kolaborasi penyeliaan di peringkat ASEAN




Jaringan Kolaborasi menerusi MoU dengan NanoMalaysia menjadi titik tolak perkhidmatan perundingan dalam kendaraan elektrik.

### **(2) Pusat Penyelidikan Fotonik (PRC)**

Pada tahun 2020, Pusat Penyelidikan Fotonik telah mengadakan kolaborasi penyelidikan dengan pelbagai institusi dari dalam dan luar negara. Antara kolaborasi penyelidikan utama adalah bersama dengan School of Mathematics, Computer Science and Engineering, City University of London dan Optoelectronic Research Centre, University of Southampton dalam projek yang dibiayai melalui Geran Newton Impact Fund – British Council dan MIGHT. Projek yang bertajuk “Innovative Landslide Detection Using Distributed Optical Sensors” menerima pembiayaan berjumlah

hampir RM850,000 untuk tempoh dua (2) tahun ini bertujuan untuk membangunkan teknologi penderiaan optikal bagi menangani masalah amaran awal kejadian tanah runtuh di cerun-cerun di Malaysia. Pusat Penyelidikan Fotonik juga terlibat dengan pelbagai projek penyelidikan di peringkat antarabangsa dan telah menghasilkan sejumlah artikel di jurnal-jurnal di peringkat antarabangsa antaranya bersama Airlangga Universitiy (Indonesia), Council of Scientific Industrial Research (India), Australian National University, Northwestern University dan Tianjin University (China).



Selain daripada itu, Pusat Penyelidikan Fotonik juga giat menjalankan beberapa kerja perundingan untuk syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana (SME) dan syarikat antarabangsa (Wuhan Fiberhome International) yang kebanyakannya merupakan pembekal kepada beberapa syarikat telekomunikasi seperti Telekom Malaysia, Maxis dan Celcom.

Antara kepakaran yang telah ditawarkan adalah kalibrasi peralatan pengukuran dan pengujian kabel gentian optik.

Antara pencapaian yang membanggakan pada tahun 2020 adalah salah seorang daripada kakitangan akademik dari Pusat Penyelidikan Fotonik, iaitu Prof. Madya Dr. Lim Kok Sing telah berjaya merangkul pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang berprestij apabila dianugerahkan ICO/ICTP Gallieno Award oleh International Centre of Theoretical Physics yang bertempat di Itali. Anugerah itu diberikan kerana sumbangan beliau dalam bidang penyelidikan *optical fiber sensing* dan komunikasi optik.

### (3) Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES)

Pada tahun 2020, Institut Sains Samudera dan Bumi atau *Institute Ocean and Earth Sciences* (IOES) meneruskan kecemerlangan sebagai pusat penyelidikan terukur dengan pemantapan pencapaian sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) Fasa II, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam bidang nic Interaksi Udara – Laut – Darat.

IOES telah berjaya menganjurkan Bengkel *GlobalSeaweedSTAR Capacity Building Workshop for the Bioinformatic Analysis of Seaweed Microbiomes* bersama-sama dengan konsortium GlobalSeaweedSTAR pada 6 - 15 Februari 2020 di Universiti Malaya. GCRF GlobalSeaweedSTAR adalah program multidisiplin yang bertujuan untuk mengembangkan keupayaan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan negara-negara membangun yang terlibat dalam pengkulturan rumpair laut. Pakar penyelidik dari Scottish Association for Marine Science; Natural History Museum, London; Centre for the Environment, Fisheries and Aquaculture Sciences dan University of the Philippines Visayas, Filipina bersama-sama penyelidik dan pelajar pascasiswazah IOES, Universiti Malaya telah menyertai bengkel ini serta berjaya menjalani latihan penjanaan data penjujukan kualiti tinggi yang diekstrak dari sampel masing-masing; menganalisis komposisi mikrobioma daripada data mentah yang dihasilkan dari NGS yang dijalankan melalui penggunaan alat bioinformatik dan sebagainya. Bengkel ini berfungsi sebagai salah satu program peningkatan kapasiti

di bawah konsortium GCRF GlobalSeaweed STAR untuk melatih penyelidik awal kerjaya dari negara-negara membangun.



Di samping itu, pelbagai aktiviti penyelidikan/siri seminar IOES/mesyuarat kolaborasi penyelidikan/bengkel/lawatan penyelidikan telah dilaksanakan pada tahun 2020 dalam usaha memantapkan pencapaian penyelidikan IOES di peringkat global. Ini termasuklah Siri Seminar Saintifik IOES pada 24 Januari 2020 yang disampaikan oleh Dr Gnanakumar George Peter dari Madurai Kamaraj University, India yang juga merupakan Penyelidik Pelawat UM yang membentangkan hasil kerjasama bersama penyelidik IOES dengan tajuk “*Our journey in the design and development of 3D electrodes for high performances fuel cells*”; lawatan dan mesyuarat kolaborasi bersama kumpulan penyelidik Warwick Water, University of Warwick; Xiamen University, Xiamen, dan pelbagai institusi penyelidikan/universiti tempatan dan antarabangsa.

#### (4) Pusat Penyelidikan Bioteknologi Pertanian (CEBAR)

Selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara (2005 - 2020) yang telah diperkenalkan untuk menjadikan bioteknologi sebagai enjin ekonomi baharu untuk Malaysia, Universiti Malaya sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang terkemuka di negara ini tidak ketinggalan untuk menjadi antara peneraju utama bidang penyelidikan bioteknologi pertanian di negara ini. Penubuhan Pusat Penyelidikan Bioteknologi Pertanian atau *Centre for Research in Biotechnology for Agriculture* (CEBAR) pada

tahun 2005 adalah selari dengan hasrat UM untuk menggalakkan perkembangan skop penyelidikan dalam bidang penyelidikan bioteknologi.

UM adalah institusi pengajian tinggi pertama di Malaysia yang memiliki fasiliti tanaman yang mematuhi pensijilan biokeselamatan tahap-2 (BSL-2) yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pembinaan Fasiliti Tanaman Biotek (PBF) ini membuktikan komitmen pihak Universiti untuk membina persekitaran yang kondusif bagi R&D dan pembangunan bidang bioteknologi khususnya dalam bidang pertanian dan teknologi berkaitan sambil memanfaatkan kekuatan dan kelebihan sedia ada.



① Gambar di hadapan pintu masuk PBF bersama staf CEBAR, pelajar dan guru dari SMK Taman Tasik yang terlibat selepas program *PBF Community Outreach* berakhir.

② Penerangan berkenaan *Plant Biosafety & Biosecurity* daripada salah seorang penyelidik CEBAR kepada pelajar sekolah.

Tanggungjawab dan komitmen pihak CEBAR dalam memberi pendedahan kepada komuniti dan pihak awam berkenaan kepentingan bidang bioteknologi pertanian sentiasa dititikberatkan dalam usaha mendukung matlamat UM untuk memberikan

sumbangan dan impak ke arah pembangunan rakyat secara lestari. Program *PBF Community Outreach* yang dijalankan dengan kumpulan sasar yang telah dikenal pasti adalah melibatkan seramai 29 pelajar dan 4 guru pengiring daripada SMK Taman Tasik, Ampang. Sepanjang program separuh hari yang dilaksanakan, para pelajar diberi peluang untuk melihat sendiri fasiliti ini dengan lebih dekat dan memahami bagaimana penyelidikan berkaitan pertanian ini dijalankan.

Skop penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik di CEBAR juga mendapat perhatian dan terpilih untuk diterbitkan dalam program Dokumentari Astro AEC bertajuk “Stay Hungry Stay Foolish”. Dokumentari tersebut memfokuskan kepada isu *food security* dan aplikasi bioteknologi moden secara pengubahsuaian genetik yang digunakan secara meluas sebagai penyelesaian untuk kekurangan makanan.



Sesi penggambaran Dokumentari Astro AEC bertajuk “Stay Hungry Stay Foolish”. Dr Teo Chee How, penyelidik CEBAR membuat demonstrasi eksperimen melibatkan kajian berkaitan padi menggunakan aplikasi bioteknologi moden secara pengubahsuaian genetik sebagai penyelesaian untuk kekurangan makanan pada masa akan datang.

## (5) Pusat Penyelidikan Nanoteknologi dan Pemangkinan (NANOCAT)

Pusat Penyelidikan Nanoteknologi & Pemangkinan atau Nanotechnology & Catalysis Research Centre (NANOCAT) mempunyai pelbagai jenis makmal pencirian untuk menyokong kerja penyelidikan khususnya dalam bidang pemangkinan dan teknologi nano apabila NANOCAT telah berjaya mendapat penarafan ISO 17025 bagi instrumen Raman Spektroskopi pada tahun 2020. NANOCAT juga mendapat pengiktirafan daripada industri bertaraf antarabangsa melalui MoA dengan Thai Kiwa Chemical Co. Ltd dalam usaha menghasilkan *Self-cleaning Air Purifying Curtain (Fresh Air Curtain)* untuk memperbaiki kualiti udara dalam bangunan. Selain itu, Pusat Penyelidikan NANOCAT telah ditemu duga dalam salah satu Program TV tempatan (Nano Teknologi Gloves EP10) oleh RTM untuk produk nanoMAG melalui kolaborasi dengan Hartalega Research Sdn Bhd. Projek tersebut berdasarkan perkembangan teknologi semasa untuk menghasilkan sarung tangan yang dapat dikesan di medan elektromagnetik dengan menggabungkan sarung tangan nitril dengan zarah nano besi oksida super magnetik (nanoMAG). Aplikasi yang berpotensi untuk penggunaan nanoMAG tidak hanya pada sarung tangan, malahan juga meliputi MRI, cat, dan pelincir (petroleum).



## (6) Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC)



Tahun 2020 merupakan tahun yang penuh dengan peristiwa iaitu akibat pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia. Apabila pandemik COVID-19 melanda Malaysia, TIDREC terlibat secara langsung dalam Pasukan Khas Saringan COVID-19 MOSTI-KPT, bagi membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dalam pelaksanaan ujian saringan COVID-19.

Di samping itu, Makmal Bergerak BSL3 TIDREC yang ditempatkan di Malaysia Genome Institute (MGI), Bangi turut digerakkan ke Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, Sg. Buloh pada 29 Mac 2020 bagi meningkatkan kapasiti ujian pengesahan dan membantu dalam pengujian COVID-19 daripada sampel pesakit.



Program latihan pengurusan biorisiko dan biokeselamatan turut dianjurkan TIDREC pada 22-26 Mac 2020, khususnya kepada staf dari MGI yang akan ditugaskan untuk bekerja dalam Makmal Bergerak BSL3 TIDREC dalam usaha pengesahan COVID-19 daripada sampel pesakit.



Kerjasama kolaborasi bersama syarikat Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP) (MoA ditandatangani pada Disember 2019) untuk membangun dan menghasilkan vaksin bagi virus Tembusu yang menyerang industri ternakan itik di Malaysia. Virus Tembusu merupakan penyakit bawaan nyamuk. Di samping itu, TIDREC, Institute for Medical Research (IMR) dan MVP juga dalam proses menguji vaksin sedia ada bagi mengawal penyakit COVID-19.



Bengkel latihan teknik kultur sel sengkenit diadakan pada 6-10 Mac 2020 di TIDREC, UM. Bengkel ini mengumpulkan ramai penyelidik dari rantau Asia Tenggara yang berminat dengan topik penyakit bawaan sengkenit dan teknik kultur sel sengkenit yang dapat membantu dalam penyelidikan mereka.



Projek surveilan penyakit bawaan sengkenit dijalankan di Kampung Orang Asli Tumboh Hangat, Perak. Haiwan seperti kucing, anjing dan tikus ditangkap dan diperiksa bagi pengumpulan kutu dan sengkenit. Tambahan lagi, tikus yang ditangkap akan dibunuh dan organ dalaman diuji dalam makmal bagi mengesan penyakit bawaan kutu dan sengkenit.



Penduduk di Kampung Baru Air Kuning, Perak mengalami sakit sendi dan demam yang berpanjangan pada penghujung tahun 2019 sehingga awal 2020. Seorang doktor tempatan menghubungi TIDREC untuk menyiasat punca penyakit tersebut. Pasukan TIDREC dikerahkan

ke kampung tersebut dan menjalankan ujian pengesanan penyakit bawaan vektor ke atas penduduk yang mempunyai simptom dan mengadakan seminar bagi meningkatkan kesedaran penduduk terhadap penyakit bawaan vektor. Hasil ujian mendapati bahawa kampung tersebut dilanda wabak chikungunya dan perkara ini dilaporkan kepada pihak berkuasa tempatan.



Projek yang ditaja KIRIN Company Ltd, Japan (*Impact of Diet Supplemented with Lactococcus lactis JCM 5805 on Incidence of Dengue Virus Infection in Selected Community*) ini mengkaji kesan makanan tambahan (*supplement*) ke atas komuniti yang berisiko tinggi menghidap demam dengegi.



# 04 HAL EHWAL PELAJAR

4.1. PENGENALAN	101
4.2. PEMBANGUNAN PELAJAR	106
4.3. PERKHIDMATAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR	116
4.4. KECEMERLANGAN PELAJAR	122
4.5. PERKARA LAIN YANG RELEVAN	123





## 4.1 PENGENALAN

Secara amnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau singkatannya BHEP adalah berperanan untuk melahirkan graduan yang holistik melalui aktiviti/program yang dianjurkan serta memberi perkhidmatan dari segi infrastruktur, kemudahan, nasihat kewangan dan kebajikan pelajar.

Di universiti, Bahagian ini berfungsi menguatkuasakan Statut Universiti Malaya (Badan-Badan Pelajar) 1979 dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 1999 di samping beberapa peruntukan lain di bawah Akta Universiti 1971 yang berkaitan dengan pelajar.

Bahagian ini diketuai oleh Timbalan Naib Canselor dan dibantu oleh seorang Timbalan Pendaftar serta beberapa orang pegawai kanan yang bertanggungjawab sebagai Ketua Pusat/Seksyen/Unit dan pegawai pentadbir selain enam belas (16) orang Pengetua Kolej Kediaman (15 orang Pengetua Kolej Kediaman, 1 orang Pengurus Rumah Antarabangsa dan Apartmen Jepun) dan enam puluh lapan (68) orang Felo bagi menguruskan pengurusan di Kolej Kediaman.

Untuk tahun 2020, Bahagian Hal Ehwal Pelajar berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 dalam menguruskan urusan perkhidmatan, pembangunan, kebajikan dan program/aktiviti pelajar. Pelbagai aktiviti/program yang telah dirangka untuk mempertingkatkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepada di peringkat HEP dan Kolej Kediaman terpaksa ditangguhkan dan diadakan secara dalam talian bagi melandaikan rangkaian pandemik ini. Bermula dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh pihak kerajaan pada 18 Mac 2020, HEP mula bersiap sedia merangka dan merancang program/aktiviti pelajar yang bersesuaian dengan keadaan semasa selain memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi keperluan dan kebajikan pelajar secara menyeluruh.

Berikut adalah antara pencapaian secara keseluruhan untuk BHEP bagi tahun 2020:




## Cabaran Pandemik COVID-19

### (1) Ops Penghantaran Pulang Pelajar

Selaras dengan makluman pergerakan pulang pelajar Universiti Awam, Swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti yang diumumkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi mulai 27 April 2020, HEP sedaya upaya merancang pergerakan pulang ini agar berjalan dengan baik dan lancar. Dengan kerjasama dan bantuan staf bersama-sama pihak yang berkaitan, Ops Penghantaran pulang ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Bilik gerakan COVID-19 BHEP juga diwujudkan bagi melancarkan urusan Ops Penghantaran Pulang ini.

Ops Penghantaran Pulang Pelajar ini dibahagiakan kepada beberapa zon negeri bagi memudahkan urusan pergerakan yang telah dirancang. Antaranya:



## (2) Bantuan Khas Makanan

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh kerajaan mulai 18 Mac 2020, HEP membuat perancangan rapi dan bertindak memastikan keperluan dan kebajikan pelajar diutamakan. Ia bersesuaian dengan slogan “Student First” yang menjadi teras utama HEP. Sehubungan dengan itu, mulai 21 Mac 2020 hingga 12 Mei 2020 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, pihak BHEP telah menyediakan dan mengedarkan makanan percuma sebanyak tiga kali dengan nilai RM15 sehari (sarapan, makan tengah hari dan makan malam) kepada semua pelajar UM yang menginap di kolej kediaman.

Selain bantuan makanan kepada pelajar di kolej kediaman, pemberian kit bekalan makanan luar kampus turut diberikan kepada pelajar Luar Kampus.



## Pelantikan Timbalan Pengarah Pusat Kebolehpasaran Graduan, Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar

Seiring dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan yang dikeluarkan oleh IPTA dan melahirkan insan yang berkreatif, inovatif bagi memacu transformasi ekonomi tinggi serta aktiviti pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT, Timbalan Pengarah Pusat Kebolehpasaran Graduan, Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar telah dilantik mulai 6 Julai 2020.

Dengan pelantikan ini agenda kebolehpasaran dan pembangunan graduan Universiti untuk melahirkan graduan holistik dengan kemahiran insaniah yang tinggi dan bercirikan keusahawanan dapat dipenuhi.




## Penganjuran Universiti Malaya Week of Welcome (UM-WOW)

Mulai sesi 2019/2020, Universiti Malaya Week of Welcome atau singkatannya UM-WOW menjadi jenama utama diikuti oleh nama asal program yang masih dikenakan sebagai subjenama untuk memelihara nostalgia program tradisi ini:

1. Minggu Haluansiswa (MHS)
2. Majlis Meraikan Calon Baharu Pascasiswa (WCNPC)
3. Minggu Suai Kenal Pelajar Asasi Sains (MSKP)

Untuk tahun 2020, UM-WOW dirancang dan dijadualkan berlangsung pada 3 Oktober 2020 hingga 9 Oktober 2020. Namun, penangguhan pendaftaran secara bersemuka terpaksa dibuat berikutan kes positif COVID-19 yang meningkat. Dengan itu, program yang berjalan tidak semeriah seperti tahun-tahun sebelumnya lebih-lebih lagi penekanan kepada amalan norma baru. Pendaftaran pelajar ke Kolej kediaman dilakukan mengikut zon negeri.





## 4.2 PEMBANGUNAN PELAJAR

### Aktiviti Pelajar

#### (1) Pilihan raya kampus

Untuk tahun 2020, tradisi pelaksanaan Pilihan Raya Kampus sesi 2019/2020 masih diuruskan sepenuhnya oleh pelajar. Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya (JPRKUM) atau lebih dikenali dengan CEC UM telah ditubuhkan dan diberikan autonomi untuk menganjurkan pilihan raya kampus tanpa sebarang campur tangan pihak pentadbiran atau pengurusan universiti. Pilihan raya kampus telah diadakan dengan jayanya pada 12 Mac 2020.

Berikut adalah maklumat pilihan raya kampus bagi tahun 2020:



## (2) UM@Komuniti

### (a) Program Sekolahku Universitiku

Pada tahun 2020, program di bawah UM @ Komuniti masih diteruskan dengan norma baru berikutan penularan wabak COVID-19 yang memberi kesan tidak langsung kepada perjalanan program yang dirancang.

Program yang berjaya dilaksanakan adalah Program Sekolahku Universitiku. Program ini merupakan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Universiti Awam bagi membantu sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah daif. Universiti Malaya diberikan tanggungjawab menjayakan program berkenaan untuk tempoh dua (2) tahun bermula dari tahun 2019 hingga 2020, dengan dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai (SKBP) dan Sekolah Kebangsaan Kampung Selayang (SKKS) untuk program Sekolahku Universitiku.

Objektif program ini adalah untuk membangunkan karakter insaniah pelajar dan membantu penambahbaikan infrastruktur sekolah. Untuk tahun 2020, UM telah merancang bagi menggerakkan program ini di SKBP dan SKKS bermula bulan Februari hingga bulan Jun 2020. Walau bagaimanapun, demi penularan wabak COVID-19, beberapa projek berkaitan terpaksa ditunda kepada bulan Oktober 2020.

Pensyarah, pegawai dan staf sokongan dari Universiti Malaya telah bekerjasama dengan guru dari Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai, Bangsar dan Sekolah Kebangsaan Kg Selayang, Kuala Lumpur bagi melaksanakan projek ini seperti berikut:

1. Program Penguasaan Bahasa Inggeris di SK Bukit Pantai, Bangsar dan SK Kg Selayang, K. Lumpur

Tempat: *Online*  
Tarikh: 20 Oktober – 7 November 2020

Kaedah pelaksanaan: Online.

Perkongsian bersama Guru Bahasa Inggeris.

Status: **Projek berjaya dilaksanakan**

dengan kaedah ini. Tiada kontak dengan murid sekolah.



2. Projek Hentian Komuniti, Penambahbaikan Tandas Sekolah



Program yang dirancang: Renovasi Tandas dan Karnival Kebersihan

Tempat: SK Bukit Pantai, Bangsar

Tarikh: 8 Oktober – 30 Oktober 2020

Kaedah pelaksanaan: Pembelian barang untuk kecerian tandas dan membuat mural. Karnival tidak dapat dilaksanakan.

Status: **Projek berjaya dilaksanakan** dengan kaedah ini. Tiada kontak dengan murid sekolah.

### 3. Mentor Mentee STEM

Program ini diadakan pada 27 Februari 2021, 5 Mac 2021 dan 12 Mac 2021 bertempat di Sekolah Kebangsaan Kampung Selayang. Kumpulan sasaran peserta adalah seramai empat puluh (40) pelajar Tahap 1.

Objektif Program Mentor Mentee Stem adalah:

- (i) Meningkatkan minat pelajar dalam pendidikan berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).
- (ii) Aktiviti STEM dijalankan secara berkumpulan berdasarkan konsep Mentor-Mentee. Pengajaran lebih berfokus dan peluang pelajar untuk bertanya untuk meningkatkan kefahaman.
- (iii) Memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari pendidikan STEM di Universiti Malaya.

Program Mentor Mentee STEM dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk mendalami pendidikan STEM melalui modul dan aktiviti yang telah dirancang agar pelajar dapat memahami konsep STEM dengan lebih baik. Selain itu, pelajar dapat diberi pendedahan awal pengajian di universiti melalui lawatan di UM atau yang seumpamanya.



## **Program Kaunseling & Kerjaya**

Bersetujuan dengan fungsi Seksyen Pengurusan Psikologi dan Kaunseling dalam meningkatkan kesejahteraan pelajar dalam mendepani cabaran pengajian dan cabaran pandemik COVID-19, pelbagai program kesedaran dan intervensi saringan minda sihat bagi isu kesihatan mental di UM telah diadakan pada tahun 2020. Sepanjang tahun 2020, program yang terlibat meliputi dua aspek pelaksanaan iaitu Program Perkembangan, Program Kesedaran dan Intervensi Kaunseling seperti berikut:

### **(1) Program Perkembangan**

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM/AKTIVITI</b>
1	Program Pembimbing Pelajar (Staf) Fakulti Sains
2	Study Strategy Skills And Time Management Skills Worksop
3	Lawatan Sosial Kolej Kediaman oleh Pegawai Psikologi (Kaunselor @ Kolej)
4	Program Kesaksamaan Gender - Langkah Ke Hadapan - Gender Equality
5	CAREER TALK : Kerjaya vs. Norma Baru

### **(2) Program Kesedaran dan Intervensi Kaunseling**

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM/AKTIVITI</b>
1	Program Kesedaran: Bual Psikologi – “Pengurusan Diri”
2	Program Kesedaran: Bual Psikologi – “Stress, Jom Urus”
3.	Program Santai @ SPPsK Siri (3 siri)
4.	Program Kesedaran: Bual Psikologi – “Am I Psychology Healthy”
5.	Program Kesedaran: Bual Psikologi – “Intervensi Krisis”
6.	Lawatan Sosial Kolej Kediaman oleh Pegawai Psikologi (Kaunselor @ Kolej)

## **Program Keusahawanan**

Seiring dengan matlamat kerajaan untuk malahirkan insan yang berkreatif, inovatif bagi memacu transformasi ekonomi tinggi dan seterusnya mencapai status negara maju, pendidikan dan program serta aktiviti pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT perlu diperkuuhkan secara holistik. Sehubungan dengan itu, BHEP turut mempersiapkan keperluan ini kepada pelajar dengan merancang pelbagai program/aktiviti yang bersesuaian. Untuk tahun 2020, kekangan penganjuran program/aktiviti disebabkan pandemik COVID-19, HEP turut menganjurkan program/aktiviti yang bersesuaian seperti berikut secara dalam talian:

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>NAMA PROGRAM</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>SINOPSIS PROGRAM</b>
1.	31 Oktober 2020 & 1 November 2020	Kursus Pemasaran Dalam E-Marketplace - Platform Shopee & Lazada	Dalam Talian	Kursus anjuran INSKEN ini memberi pendedahan kepada pelajar mempelajari serta meningkatkan kefahaman untuk memasarkan produk mereka menggunakan teknologi marketplace seperti shopee, lazada dan My Bazar.
2.	19 Oktober 2020	Kursus Celcom Siswaprenuer - Google Bootcamp	Dalam Talian	Kursus anjuran Celcom ini memberi pendedahan kepada pelajar mempelajari serta meningkatkan kefahaman untuk menggunakan produk google dalam talian.
3.	19 November 2020	Kursus Global Online Workforce (Glo) - How To Kickstart Freelancing Career	Dalam Talian	Kursus anjuran Mdec ini membantu pelajar mendapat pendapatan sampingan secara dalam talian menerusi khidmat freelance.

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
4.	20 November 2020	Kursus Magic Spark	Dalam Talian	Kursus Spark anjuran Magic bertujuan untuk memberi inspirasi kepada para belia Malaysia untuk mengubah sikap mereka, mengubah minda dan melengkapkan diri dengan set kemahiran yang diperlukan untuk revolusi industri keempat.
5.	26 November 2020	Siri Idealab@Hep-The Sky Is The Limit	Dalam Talian	Idealab@Businessdevelopment
6.	3 Disember 2020	Siri Idealab@Hep-Building A Resilient Business	Dalam Talian	Idealab@Businessdevelopment
7.	10 Disember 2020	Siri idealab@hep- be my own boss	Dalam Talian	Idealab@Selfdevelopment
8.	11 Disember 2020	Program celcom siswaprenuer - bebozz engagement	Dalam Talian	Program anjuran Celcom ini memberi pendedahan kepada pelajar mempelajari serta meningkatkan kefahaman untuk menjana pendapatan sampingan menerusi produk Celcom Bebozz.

## Program Kebolehpasaran

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan yang dikeluarkan oleh IPTA, pelbagai program/aktiviti telah diadakan di bawah Urusan Kebolehpasaran Graduan dan Kerjaya untuk tahun 2020. Berikut adalah antara program yang telah diadakan pada tahun 2020:

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
1.	30 April 2020	Program Kerjaya Anjuran UKK, BHEP	Microsoft Teams (Online Session)	<p>Program ‘Corporate Maturity Career Clinic’ oleh Habib Learning Sdn. Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Corporate Maturity Talk</i>: menyentuh isu berkenaan jangkaan majikan dan kriteria yang dicari pada seorang graduan. Turut mempelajari cara mengendalikan rakan sekerja dan majikan pelbagai personaliti dan generasi</li> <li>• <i>Dress for success</i>: Mempelajari tips berpakaian secara profesional.</li> <li>• <i>Resume Do’s and Don’ts</i>: Mempelajari cara menulis resume secara berkesan.</li> <li>• Pihak UKK telah menghebahkan maklumat kepada pelajar jemputan program berkenaan melalui siswamail</li> <li>• Seramai 32 orang pelajar telah menghadiri program ini.</li> </ul>

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
2.	30 April 2020	Program Kerjaya Anjuran UKK, BHEP	Google Meet (Online Session)	<p>Program IdeaLab@HEP: Becoming A Fearless Leader – How Driving Change Needs To Be Done Together oleh Low Ngai Yuen, WCIT2020 Sdn. Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cik Yuen telah berkongsi tips dan memberikan motivasi untuk menjadi pemimpin yang berani dan berkeyakinan dalam melaksanakan tugas serta perubahan itu perlu bagi beroleh kejayaan dengan menggunakan pendekatan ‘decide, act, maintain’.</li> <li>• Pihak UKK telah menghebahkan maklumat kepada pelajar jemputan program berkenaan melalui siswamail.</li> <li>• Seramai 75 orang pelajar telah menghadiri program ini.</li> </ul>
3.	8 Mei 2020	Program Kerjaya Anjuran UKK, BHEP	Google Meet (Online Session)	<p>Program IdeaLab@HEP: Are You Future Ready? oleh Sophia Ang, Maybank.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara isi penting perkongsian oleh Cik Sophia: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Perubahan landskap perbankan terutama di Maybank ke arah digitalisasi.</li> <li>(b) Perkongsian berkenaan pendekatan yang digunakan pihak Maybank untuk memilih individu bekerja di Maybank mengikut kesesuaian semasa.</li> <li>(c) Program-program yang diadakan Maybank seperti Maybank Go Ahead Challenge dan Career Fair.</li> </ul> </li> <li>• Peserta memberikan maklum balas positif berkenaan program.</li> <li>• Pihak UKK telah menghebahkan maklumat kepada pelajar jemputan program berkenaan melalui siswamail.</li> <li>• Seramai 53 orang pelajar telah menghadiri program ini.</li> </ul>

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
4.	15 Mei 2020	Program Keusahawanan Anjuran UKK, BHEP	Google Meet (Online Session)	<p>Program IdeaLab@HEP: Exploring The North America Marketplace Through E-commerce Platforms oleh En. Norizan Sharif, Enerscorp International LLC</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara isi penting perkongsian oleh En. Norizan: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pengalaman kerja dan pengalaman beliau selama 2 tahun menjalankan perniagaan di New Jersey, USA.</li> <li>(b) Penerangan ringkas mengenai USA khususnya mengenai North America seperti etnik, geografi dan populasi.</li> <li>(c) ‘Online marketplaces’ dan keperluan peraturan asas.</li> <li>(d) Cara menggunakan ‘fulfilment services’ di USA.</li> </ul> </li> <li>• Sesi dijalankan secara dalam talian dengan soal jawab menggunakan panel ‘chat’. Sesi berlangsung hampir 30 minit dengan rata-rata peserta ingin mengetahui lebih lanjut terutama berkenaan peluang dropship’, ‘fulfilment services’ oleh En. Norizan serta landskap perniagaan di USA sepanjang tempoh wabak COVID-19.</li> <li>• Peserta memberikan maklum balas positif berkenaan program.</li> <li>• Pihak UKK telah menghebahkan maklumat kepada pelajar jemputan program berkenaan melalui siswamail.</li> <li>• Seramai 70 orang pelajar telah menghadiri program ini.</li> </ul>
5.	10 Jun 2020	Program Kerjaya Anjuran UKK, BHEP	Google Meet (Online Session)	<p>Program IdeaLab@HEP: Mindset Shift for Success! oleh Cik Dewi Dahlia Rani</p> <p>Tips untuk berjaya.</p> <p>Program yang ditawarkan UMW.</p> <p>Pihak UKK telah menghebahkan maklumat kepada pelajar jemputan program berkenaan melalui siswamail.</p> <p>Seramai 34 orang pelajar telah menghadiri program ini.</p>

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
6.	12 Jun 2020	Program Kerjaya Anjuran UKK, BHEP	Google Meet (Online Session)	<p>Program IdeaLab@HEP: Life's a Pitch Lah oleh Zikry Kholil, Incitemment Global</p> <p>Pihak UKK telah menghebahkan maklumat kepada pelajar jemputan program berkenaan melalui siswamail.</p> <p>Seramai 41 orang pelajar telah menghadiri program ini.</p>
7.	23 & 28 Dis 2020	Latihan Meningkatkan Kemahiran Kepada Graduan Bagi Tahun 2020: Excel Popular Tools	Google Meet (Online Session)	<p>Program ini disasarkan kepada graduan 2020 yang berstatus “<b>Belum Bekerja</b>” seperti yang tersenarai dalam Sistem Kajian Pengesahanan Graduan (SKPG) bagi tujuan “Meningkatkan Kemahiran” sebagai salah satu elemen ke arah kebolehpasaran graduan.</p> <p><i>Graduate Upskilling Training</i> adalah siri latihan bagi meningkatkan kemahiran graduan. Excel Popular Tools membantu graduan meningkatkan kemahiran penggunaan Microsoft Excel yang akan membantu dari segi pelaksanaan kerja.</p>
8.	Ogos – Dis 2020	Program Pembangunan Siswa (PPS)	Pusat Tanggungjawab (PTI), Universiti Malaya	Program Program Pembangunan Siswa (PPS) telah diwujudkan semenjak tahun 2009 oleh UM sebagai salah satu usaha untuk membantu pelajar memperoleh kemahiran dan pengalaman kerja di samping memberi pendedahan dan praktikal mengenai pengurusan pejabat dan dinamika dunia pekerjaan di dalam Universiti Malaya.
9.	7 – 10 Ogos 2020	<i>Be\$mart Financial Literacy Programme</i>	Zoom (Online Session)	<p>Program ini adalah bertujuan untuk melatih dan memberi kesedaran pengurusan kewangan kepada pelajar-pelajar Universiti Malaya.</p> <p>Program ini merupakan kerjasama dengan pihak CIMB Foundation.</p>
10.	11 – 14 Ogos 2020 (Selasa - Jumaat)	<i>Be\$mart Financial Literacy Programme</i>	Zoom (Online Session)	
11.	01 – 04 Sept 2020	<i>Be\$mart Financial Literacy Programme</i>	Zoom (Online Session)	
12.	04 Nov 2020	Japan Career Talk – ASEAN Career Fair with Japan	Zoom (Online Session)	<p>Taklimat “Japan Career Talk” dianjurkan oleh pihak Energize Inc dengan matlamat utama untuk memperkenalkan “ASEAN Career Fair with Japan”.</p> <p>“ASEAN Career Fair with Japan” bermatlamat untuk membuka peluang pekerjaan kepada graduan UM bagi bekerja dengan syarikat milikan Jepun.</p>

## Inklusiviti Pelajar Orang Kelainan Upaya

Unit Pengurusan Siswa OKU, Seksyen Pengurusan Psikologi & Kaunseling BHEP memainkan peranan utama dalam mengkoordinasi segala keperluan siswa OKU di UM. Fungsi unit tersebut adalah seperti berikut:



Untuk sesi 2020/2021, bilangan siswa OKU yang berdaftar di UM adalah 77 orang dengan butiran seperti berikut:

JENIS KECACATAN	JUMLAH	PERATUSAN (%)
Fizikal	28	36%
Penglihatan	27	35%
Pendengaran	15	20%
Pembelajaran	6	8%
Pertuturan	1	1%

Dalam mendepani masalah penularan COVID-19, unit ini berusaha merancang dan mengadakan pelbagai program/aktiviti untuk siswa OKU untuk tahun 2020 seperti berikut:



BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
1.	17/2/2020 - 19/4/2020	Video Amalan Positif Pengurusan & Perkhidmatan Kepada Siswa OKU Universiti Malaya	Bilik Mesyuarat SPPsK	Memperkenalkan bentuk kesedaran terhadap OKU melalui rakaman video
2.	25/2/2020	Aktiviti Sukan dan Rekreasi OKU	Pusat Sukan	Menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi kepada OKU
3.	2/6/2020	Kursus Kesedaran Inklusif Keperluan Pengajaran & Pembelajaran Siswa OKU Secara Atas Talian.	Aplikasi Google Meet	Meningkatkan kesedaran peserta tentang isu-isu yang melibatkan ketidakupayaan.
4.	3/8/2020- 31/10/2020	Pertandingan Video Pendek Motivator Ikon Oku Intervarsiti (Vokuv) 2020	Universiti Malaya (rakaman video)	Meningkatkan tahap keyakinan, keberanian dan mengasah bakat siswa OKU dalam aktiviti yang melibatkan pengucapan awam/motivasi melalui rakaman video pendek.
5.	23/10/2020	Taklimat Pengurusan & Perkhidmatan Unit Pengurusan Siswa OKU Bersama Siswa OKU Baru Sesi Kemasukan Semester I, 2020/2021	Aplikasi Google Meet	Sesi perkongsian secara dalam talian mengenai topik kesihatan mental, cabaran dan sokongan, terutamanya kesan terhadap kesejahteraan emosi dan kesihatan mental pelajar.
6.	6/11/2020	Program Perkembangan Potensi OKU Melalui: Bual Santai Bersama Pakar Siri 1 OKU & E-Commerce	Aplikasi Google Meet/ facebook live	Mengadakan sesi soal jawab bersama pakar dalam setiap tajuk yang akan dibincangkan dalam meningkatkan perkembangan dan potensi diri siswa OKU yang terlibat.
7.	11/11/2020	Program Perkembangan Potensi OKU Melalui: Bual Santai Bersama Pakar Siri 2 Betul ke OKU Susah Dapat Kerja?	Google Meet/ facebook live	Mengadakan sesi soal jawab bersama pakar dalam setiap tajuk yang akan dibincangkan dalam meningkatkan perkembangan dan potensi diri siswa OKU yang terlibat.
8.	18/11/2020	Program Kesedaran Inklusif siri 7: Keperluan Pengajaran & Pembelajaran Siswa OKU Secara Dalam Talian.	Microsoft Team	Meningkatkan kesedaran peserta tentang isu-isu yang melibatkan ketidakupayaan.
9.	20/11/2020	Program Perkembangan Potensi OKU Melalui: Bual Santai Bersama Pakar Siri 3 OKU Hebat Atau Lemah?	Google Meet/ facebook live	Mengadakan sesi soal jawab bersama pakar dalam setiap tajuk yang akan dibincangkan dalam meningkatkan perkembangan dan potensi diri siswa OKU yang terlibat.
10.	27/11/2020	Program Perkembangan Potensi OKU Melalui: Bual Santai Bersama Pakar Siri 4 Macam Mana Nak Jadi Usahawan Berjaya?	Google Meet/ facebook live	Mengadakan sesi soal jawab bersama pakar dalam setiap tajuk yang akan dibincangkan dalam meningkatkan perkembangan dan potensi diri siswa OKU yang terlibat.

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
11.	4/12/2020	Bual Santai ‘Kau Sumber Inspirasi’ 2020	Google Meet	Memperkasa bakat dan potensi tokoh OKU yang berjaya dalam bidang kerjaya yang ditempuhi
12.	19/12/2020	Penyesuaian Kendiri 4 Dimensi untuk pelajar OKU	Google Meet	Memberi pendedahan dan kaedah penyesuaian kendiri dalam mengembangkan potensi diri sepanjang pengajian di universiti.

## 4.3 PERKHIDMATAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR

### Penginapan (Kolej Kediaman)

UM mempunyai 13 buah kolej kediaman di dalam Kampus Universiti Malaya, 1 buah di Kampus Nilam Puri atau kini dikenali sebagai Pusat Pendidikan UM Bachok, Kelantan & 2 buah penginapan khas (berkonseptan rumah) iaitu Rumah Antarabangsa (IH) yang terletak di Seksyen 17 & Apartmen Jepun (AJ) yang terletak di Seksyen 16 (sekitar Rumah Kediaman Universiti). Untuk tahun 2020, agihan penempatan pelajar sesi 2020/2021 adalah seperti berikut:



Penyusunan semula penempatan kolej kediaman juga dilakukan untuk tahun 2020 sepetimana berikut:

1. Kolej Kediaman Antarabangsa: Kolej Kediaman dijadikan tempat penginapan bagi semua pelajar antarabangsa & Ijazah Tinggi.
2. Kolej Kediaman Ijazah Pertama (senior): KK6 dan KK9 menempatkan Ijazah Pertama (senior) sahaja.
3. Palapes & SUKSIS: Semua pelajar Palapes & SUKSIS ditempatkan di KK12
4. Ijazah Pertama (baru): Ditempatkan di kolej selain yang dinyatakan.
  - (a) Kolej Kediaman ke-13  
Kolej Kediaman ke-13 terletak di Seksyen 17, Petaling Jaya, Selangor. Kolej kediaman ini terdiri daripada tiga (3) blok yang dapat menyediakan kapasiti penempatan kepada 3,048 pelajar seperti berikut:
    - (i) Blok Abu Bakar: 1,584 orang
    - (ii) Blok Umar: 640 orang
    - (iii) Blok Zainab: 824 orang

Fasiliti di KK13 terbahagi kepada 2 bahagian utama iaitu Ruang Pengajian (Kampus UMCed) & Ruang Penginapan (Kolej Kediaman UG & Diploma).

- (b) Kampus Nilam Puri atau kini dikenali sebagai Pusat Pendidikan UM Bachok, Kelantan

Pengurusan UM telah bersetuju agar fasiliti Kompleks Madinatul Ilmi yang disewa diberikan nama sebagai Pusat Pendidikan Universiti Malaya Bachok, Kelantan bagi menggantikan Kampus Akademi Pengajian Islam Nilam Puri yang mula digunakan oleh UM pada tahun 1981. Tempoh sewaan fasiliti di Kompleks Madinatul Ilmi ialah selama 30 tahun iaitu sehingga 2050.

## Pengurusan Pelajar Luar Kampus

Terdapat 9,710 orang pelajar (Ijazah Pertama) yang menginap di Luar Kampus. Sehubungan dengan itu, dua (2) perkara utama yang perlu diberikan tumpuan dalam memastikan hala tuju Luar Kampus dapat ditambah baik pada masa akan datang adalah:

- 1. Penyediaan pangkalan data pelajar luar kampus** bertujuan mengenal pasti jumlah & lokasi penempatan semasa pelajar yang berada di Luar Kampus selain memudahkan perancangan sama ada untuk tujuan aktiviti, kebajikan atau keselamatan. Untuk itu, Sistem Pangkalan Data Pelajar LK akan dibangunkan dengan kerjasama PTM & AASC melalui aplikasi UMTouch.
- 2. Website khas** sebagai medium rasmi untuk berkomunikasi dengan pelajar Luar Kampus, penyediaan maklumat terkini berkaitan pengurusan pelajar Luar Kampus dan pangkalan data rumah sewa.

## Kemudahan Perubatan

Bagi melengkapkan perkhidmatan berteraskan kesejahteraan kepada pelajar UM, Klinik Kesihatan Pelajar (KKP) turut menyediakan fasiliti perubatan dan penjagaan kesihatan di bawah fungsi dan tanggungjawab utama berikut:



Pada tahun 2020, peranan penting Klinik Kesihatan Pelajar adalah dalam Pengurusan COVID-19. Antaranya penyediaan SOP dan Carta Alir, saringan suhu dan kesihatan, amalan norma baru, JK Taskforce COVID-19 UM/BHEP dan sebagainya. Garis panduan pengurusan pelajar semasa COVID-19 turut dibangunkan sepanjang tempoh PKP, Mac 2020 hingga November 2020. Antaranya:

### Garis Panduan Pengurusan Pelajar (Wabak COVID-19) BHEP

Diguna pakai sepanjang PKP (Mac – Jun 2020). Tarikh berkuat kuasa pada 14 April 2020

### Garis Panduan Pergerakan Pulang Pelajar & Penyediaan Pusat Penempatan Sementara Ketika PKP

Diguna pakai sepanjang PKP (Mac – Jun 2020). Tarikh berkuatkuasa pada 10 April 2020.

### Garis Panduan Berkaitan PKPP di bawah Tadbir Urus TNC HEP

Diguna pakai sepanjang PKPP (Jun – Okt 2020). Tarikh berkuatkuasa pada 9 Jun 2020

Selain menyediakan fasiliti perubatan dan penjagaan kesihatan, Klinik Kesihatan Pelajar juga merancang dan mengadakan pelbagai aktiviti/program pada tahun 2020 seperti di bawah:

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS
1.	Pemeriksaan Kesihatan COVID-19	Klinik Kesihatan Pelajar, Universiti Malaya	Aktiviti pemeriksaan kesihatan di ruang parkir Klinik Kesihatan Pelajar bagi COVID-19 untuk pelajar antarabangsa yang baru sampai di Malaysia dan pelajar tempatan yang baru pulang dari luar negara.
2.	Pemeriksaan Kesihatan COVID-19	Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi (KK10) Universiti Malaya	Aktiviti pemeriksaan kesihatan di Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi (KK10) bagi COVID-19 untuk pelajar antarabangsa yang baru sampai di Malaysia dan pelajar tempatan yang baru pulang dari luar negara.
3.	Majlis Pelancaran Program Kesihatan Mental Universiti Malaya	Foyer Dewan Tunku Cancellor, Universiti Malaya	Pameran Booth Kesihatan Mental bersama Unit Kaunseling dan Kerjaya, HEP. Program Kesihatan Mental ini telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad. Program ini memberikan pengetahuan mengenai kesihatan mental terutamanya berkaitan stress dan kemurungan kepada pelajar-pelajar dan orang awam. Melalui program ini ia dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan dalam menjaga kesihatan mental.
4.	Joghathon Pasum	Pusat Asasi Sains (Mengelilingi Lingkaran Wawasan) Universiti Malaya	Aktiviti standby Pasukan Perubatan semasa program dijalankan.
5.	Morning Walk At Taman Tugu	Taman Tugu Negara, Kuala Lumpur	Aktiviti riadah diadakan untuk staf Klinik Kesihatan Pelajar bagi tujuan memupuk amalan gaya hidup yang sihat di samping dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara staf.
6.	Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19	Kolej Kediaman Dayasari (KK5) Universiti Malaya	Aktiviti derma darah dijalankan bagi Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19 di Kolej Kediaman Dayasari (KK5). Program ini melibatkan Klinik Kesihatan Pelajar (KKP), kolej-kolej kediaman UM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Jabatan Perubatan Transfusi, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).
7.	Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19	Kolej Kediaman Za'ba (KK7) Universiti Malaya	Aktiviti derma darah dijalankan bagi Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19 di Kolej Kediaman Za'ba (KK7). Program ini melibatkan Klinik Kesihatan Pelajar (KKP), kolej-kolej kediaman UM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Jabatan Perubatan Transfusi, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).
8.	Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19	Kolej Kediaman Kinabalu (KK8) Universiti Malaya	Aktiviti derma darah dijalankan bagi Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19 di Kolej Kediaman Kinabalu (KK8). Program ini melibatkan Klinik Kesihatan Pelajar (KKP), kolej-kolej kediaman UM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Jabatan Perubatan Transfusi, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS
9.	Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19	Kolej Kediaman Raja Dr. Nazrin Shah (KK12) Universiti Malaya	Aktiviti derma darah dijalankan bagi Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19 di Kolej Kediaman Raja Dr. Nazrin Shah (KK12). Program ini melibatkan Klinik Kesihatan Pelajar (KKP), kolej - kolej kediaman UM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Jabatan Perubatan Transfusi, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).
10.	Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19	Kolej Kediaman Bestari (KK4) Universiti Malaya	Aktiviti derma darah dijalankan bagi Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19 di Kolej Kediaman Keempat (KK4). Program ini melibatkan Klinik Kesihatan Pelajar (KKP), kolej-kolej kediaman UM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Jabatan Perubatan Transfusi, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).
11.	Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19	Kolej Kediaman ASTAR (KK1) Universiti Malaya	Aktiviti derma darah dijalankan bagi Program Derma Darah Kecemasan Pandemik COVID-19 di Kolej Kediaman ASTAR (KK1). Program ini melibatkan Klinik Kesihatan Pelajar (KKP), kolej-kolej kediaman UM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Jabatan Perubatan Transfusi, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Sebanyak 146 pek darah berjaya disumbangkan sepanjang tempoh program ini dilaksanakan bermula 30.03.2020 hingga 10.04.2020.
12.	Pengendalian dan Pencegahan Penularan COVID-19 di TASKUM/TADIKUM	TASKUM/TADIKUM, Universiti Malaya	Sesi memberi penerangan dan latihan mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk pembukaan semula TASKUM/TADIKUM. Sesi tersebut disampaikan oleh Dr. Zuraidah Mohamed dan Dr. Muhammad Zaid Abu Bakar serta dibantu oleh SN Latifah Md. Yasin bersama SN Yvonne Ngoo Yit Wang.

Mulai 6 Oktober 2020, Pengurusan Universiti Malaya bersetuju penjenamaan semula Klinik Kesihatan Pelajar kepada Klinik Kesihatan UM dengan perkhidmatan kesihatan turut diberikan kepada staf UM.



## Bantuan kewangan/tajaan bagi pelajar

Kebajikan dan kesejahteraan pelajar terus menjadi fokus utama dan agenda tetap HEP. Tidak dapat dinafikan lagi, kemudahan lengkap, perkhidmatan berkualiti dan bantuan bersasar adalah penting untuk menyokong perkembangan pelajar dan meningkatkan pengalaman pembelajaran semasa pengajian di kampus. Justeru , Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) sentiasa konsisten dalam mengkaji pendekatan dan kaedah baharu untuk menyediakan perkhidmatan sokongan dan menyalurkan bantuan kepada pelajar.

Perincian sumbangan dan agihan bantuan adalah seperti berikut:

### (1) Sumbangan Zakat

BIL	SUMBER BANTUAN	JUMLAH PENERIMA (MUSLIM SAHAJA)	JUMLAH AGIHAN
1	<b>TABUNG ZAKAT UM</b> Jumlah bantuan yang diterima adalah tertakluk kepada kriteria yg ditetapkan. <b>Agihan Berkala</b> <b>Bantuan Khas PKP</b> (Khusus untuk pelajar luar kampus)	648 54	RM 569,625.00 RM 38,450.00
2	<b>TABUNG HAJI</b> RM1,500.00 setiap penerima	500	RM750,000.00
3	<b>SURUHAN JAYA SYARIKAT MALAYSIA</b> RM 500.00 setiap penerima	200	RM 100,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>1,438</b>	<b>RM 1,458,075.00</b>

### (2) Program Khas Pelajar B40 (dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan)

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH AGIHAN
1	<b>UM MEALS SCHOLARSHIP</b> Bantuan berupa elaun makan minum RM15/hari. Setiap penerima memperoleh RM1,800.00	Muslim: 773 Bukan Muslim: 166 Jumlah: 939	RM 1,657,800.00
2	<b>UM LODGING SCHOLARSHIP</b> Bantuan ini khas untuk pelajar luar kampus. Bantuan berupa elaun sewa rumah/bilik sebanyak RM100/bulan. Setiap penerima memperoleh RM600.00	Muslim: 806 Bukan Muslim: 92 Jumlah: 898	RM 369,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>1,837</b>	<b>RM 2,026,800.00</b>

### (3) Bantuan Tabung Kebajikan

BIL	ASPEK BANTUAN	JUMLAH PENERIMA (MUSLIM SAHAJA)	JUMLAH AGIHAN
1	<b>KHAS PERUBATAN</b> Bantuan ini untuk membayar kos ubat/ peralatan/ prosedur yang tidak termasuk dalam perlindungan Surat Jaminan (GL) Klinik Kesihatan Pelajar.	49	RM 577,548.40
2	<b>KEMATIAN PELAJAR</b> Keluarga pelajar akan menerima wang takziah RM3,000.00	2	RM 6,000.00
3	<b>KEMATIAN IBU/BAPA/PENJAGA</b> Pelajar akan menerima wang takziah RM2,000.00	6	RM 12,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>57</b>	<b>RM 595,548.40</b>

### (4) Bantuan Khas Komputer Riba

BIL	SUMBER BANTUAN	JUMLAH PENERIMA
Usaha kerjasama dengan syarikat bagi membantu para pelajar B40 tahun pertama sesi kemasukan 2020/2021 yang tidak berkemampuan untuk memiliki komputer riba.		
1	<b>UOB Malaysia</b>	30
<b>JUMLAH</b>		<b>30</b>

### (5) Foodbank Siswa UM

Merupakan satu inisiatif untuk menyalurkan bantuan makanan kering dan keperluan peribadi kepada pelajar. Semua barang adalah hasil daripada sumbangan pihak luar. Sehingga 10 Nov. 2020, jumlah pelajar yang mendapat manfaat daripada inisiatif ini ialah seramai 4,068 orang

## 4.4 KECEMERLANGAN PELAJAR

### Pengiktirafan/Pencapaian pelajar

Sepanjang tahun 2020, berikut adalah antara pengiktirafan/pencapaian pelajar:

BIL.	ANUGERAH	PERINGKAT
1.	Juara ujian pemilihan kebangsaan Olimpiad Matematik Imonst 2020	Kebangsaan
2.	Juara The Rhodes Scolar-Elect 2021 (Malaysia): The Rhodes Scholarship University of Oxford -	Antarabangsa
3.	Naib juara ujian pemilihan kebangsaan Olimpiad Matematik Imonst 2020	Kebangsaan
4.	Naib juara IPSF Online Inter-Regional Industry Skills Event	Kebangsaan
5.	Peserta terbaik Anugerah Ikon Siswa Johor 2020	Kebangsaan
6.	Tempat ketiga Monstar Awards 2020 - top 50 Malaysia Young Talent Awards	Antarabangsa

Selain daripada itu, tujuh (7) orang pelajar berikut juga telah dipilih untuk terlibat dalam Program Felo Perdana yang membolehkan pelajar didedahkan dengan tadbir urus kerajaan. Pelajar yang terpilih adalah

1. Mohd Nurhakim bin Abd Aziz dari Akademi Pengajian Islam dilantik menjadi Felo Perdana di Kementerian Wilayah Persekutuan;
2. Nur Syahirah binti Khalid dari Fakulti Sastera & Sains Sosial dilantik menjadi Felo Perdana di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
3. Siti Nurul Aisyah binti Zulzaidi dari Fakulti Sastera & Sains Sosial dilantik menjadi Felo Perdana di Kementerian Pendidikan Malaysia;
4. Mohamad Nor Ikhmal Hakim Bin Irwansyah dari Fakulti Ekonomi & Pentadbiran dilantik menjadi Felo Perdana di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi);
5. Lt. M. Muhammad Daniel Bin Mohamad Rashid dari Fakulti Sains dilantik menjadi Felo Perdana di Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi;
6. Muhammad Danial Bin Dasris dari Fakulti Sastera & Sains Sosial dilantik menjadi Felo Perdana di Kementerian Kerja Raya;
7. PK Musa Bin Mahmud Zaim dari Fakulti Ekonomi & Pentadbiran dilantik menjadi Felo Perdana di Kementerian Sumber Manusia.

## 4.5 PERKARA LAIN YANG RELEVAN

### (a) Kor Sukarelawan Polis Siswa/i UM (Kor SUKSIS UM)

Kor SUKSIS UM ditubuhkan pada sesi 2004/2005. Objektif penubuhan adalah berdasarkan teras berikut:

1. Melahirkan mahasiswa yang mempunyai semangat jati diri dan disiplin yang tinggi serta mempunyai asas pengetahuan undang-undang
2. Membentuk mahasiswa yang intelektual dan berkarisma dalam kepimpinan
3. Mempunyai ketahanan fizikal, mental serta personaliti bersesuaian dengan peranan sebagai seorang Pegawai Kor Sukarelawan Polis.

Jumlah anggota Kor SUKSIS UM sedia ada adalah seramai seratus tiga puluh sembilan (139) orang dengan butiran seperti di bawah:

SKUAD	JUMLAH
Inter	71 (lelaki 35 orang, wanita 36 orang)
Senior	68 (lelaki 33 orang, wanita 35 orang)



Untuk tahun 2020, Universiti Malaya telah dilantik sebagai Sekretariat Kor SUKSIS Universiti Awam untuk tempoh 2020 hingga 2021 selain berjaya menganjurkan pelbagai program/aktiviti walaupun berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19. Berikut adalah antara program/aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2020:

BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
1.	3/2/2020 & 4/2/2020	Kelas pengenalan senjata skuad junior	Dataran Gazebo	Cara-cara mengendalikan senjata sebelum menjalani latihan menembak
2.	3/2/2020 hingga 6/2/2020	Latihan kawad skuad senior	Padang kawad Palapes	Latihan persiapan menjalani tamat latihan kor suksis
3.	8/02/2020 hingga 9/02/2020	Program khidmat masyarakat bersama anak yatim bagi skuad inter	Asrama Darul Falah Perkim (Asdaf) di no. 10, Changkat Persekutuan, Kuala Lumpur	Program bersama Anak-anak yatim
4.	10/02/2020 hingga 15/02/2020	Kursus etika dan pengurusan integriti di Pusat Penyelidikan Glami, Jelebu, Negeri Sembilan	Pusat Penyelidikan Ulu Gelemi, Jelebu, Negeri Sembilan	Membina jati diri dan pengurusan integriti dalam kalangan anggota Kor SUKSIS
5.	10/02/2020 hingga 15/02/2020	Kursus pertolongan cemas bagi skuad senior	Pusat Penyelidikan Ulu Gelemi, Jelebu, Negeri Sembilan	Mempelajari teori dan praktikal pertolongan cemas yang dikendalikan oleh bomba/ JPAM
6.	05/03/2020	Jemputan bersama Pengarah JPJKK Bukit Aman	Dewan Thearette Bukit Aman	Sesi Dialog Kor Suksis Zon Tengah Bersama Pengarah JPJKK Bukit Aman <ul style="list-style-type: none"> <li>• UM, UKM, UPM, UIAM, UITM, USIM, UTEM</li> </ul>
7.	07/03/2020 08/03/2020	Ujian kawad <ul style="list-style-type: none"> <li>• Junior</li> <li>• Inter</li> <li>• Senior</li> </ul>	Padang Kawad Palapes	Menilai prestasi latihan kawad mengikut skuad
8.	14/03/2020	Latihan sukan	Kolej kediaman Ke-12	Persiapan menjalani Program Sukat Zon Tengah
9.	25/09/2020	Perjumpaan / Taklimat Kemasukan Pelajar Baru dan Minggu Haluansiswa Kor SUKSIS Universiti Malaya Kuala Lumpur	Hadapan Pejabat Kor SUKSIS Universiti Malaya, Kuala Lumpur	Persiapan untuk Minggu Haluansiswa dan pengagihan tugas semasa program yang akan dijalankan pada 8 - 9/10/2020  Mengadakan fitik di Pejabat dan Stor untuk memperkemasukan kelengkapan uniform

BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
10.	30.09.2020	Perjumpaan Komandan Kor Suksis UM Bersama Anggota Kor SUKSIS	Hadapan Pejabat Kor SUKSIS Universiti Malaya, Kuala Lumpur	<p>Untuk memastikan setiap anggota sentiasa berdisiplin tinggi.</p> <p>Menyampaikan arahan-arahan terkini dari pucuk pimpinan.</p> <p>Memastikan semua anggota berada dalam keadaan siap siaga sekiranya diperluakan.</p> <p>Dan menasihatkan semua anggota Kor SUKSIS UM antaranya supaya menjaga kesihatan dan disiplin kendiri untuk mencuci tangan dengan kerap, pemakaian mask apabila berada di tempat awam.</p>
11.	01/10/ 2020	Latihan Jasmani Kor SUKSIS Universiti Malaya Kuala Lumpur Dan Senamrobik	Hadapan Pejabat Kor SUKSIS Universiti Malaya, Kuala Lumpur	<p>Meningkatkan tahap kecerdasan pelatih-pelatih Kor SUKSIS</p> <p>Memastikan pelatih-pelatih berada dalam tahap kesihatan yang terbaik.</p> <p>Memberi peringatan kepada pelatih-pelatih untuk sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Universiti.</p>
12.	17/10/2020	Pembelajaran Undang-Undang (Kanun Keseksaan dan Pengenalan PDRM) Secara Atas Talian Kor SUKSIS Universiti Malaya Tahap II dan Tahap III	Pejabat Kor SUKSIS Universiti Malaya, Kuala Lumpur	<p>Melengkapkan silibus yang telah ditetapkan.</p> <p>Mendedahkan pengetahuan undang-undang dan pengetahuan mengenai Kepolisian dan Kenegaraan.</p>



BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
13.	07/11/2020	Kelas Akademik Kenegaraan (Online)	Zoom (Dalam Talian)	<p>Memberi peluang kepada anggota suksis bersemuka bersama-sama Komandan, Pegawai Kehormat dan Pegawai Penyelaras.</p> <p>Mengadakan proses percambahan minda serta tahu akan peranan sebagai anggota Kor Suksis terhadap masyarakat, organisasi dan diri sendiri</p>
14.	08/11/2020	Pembelajaran Undang-Undang (Kanun Prosedur Jenayah (Akta 574) dan Akta Polis 1967) Secara dalam Talian Kor SUKSIS Universiti Malaya Tahap II dan Tahap III	Pejabat Kor SUKSIS Universiti Malaya, Kuala Lumpur	<p>Melengkapkan silibus yang telah ditetapkan.</p> <p>Kelas Online menggunakan aplikasi Google Meet.</p> <p>Pelatih-pelatih diingatkan agar sentiasa mematuhi SOP dalam tempoh PKPB.</p>
15.	21/11/2020	Pembelajaran Undang-Undang - Kanun Prosedur Jenayah (Akta 574) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) Secara Dalam Talian Kor SUKSIS Universiti Malaya Tahap II dan Tahap III	Pejabat Kor SUKSIS Universiti Malaya, Kuala Lumpur	<p>Melengkapkan silibus yang telah ditetapkan.</p> <p>Kelas Online menggunakan aplikasi Google Meet.</p> <p>Pelatih-pelatih diingatkan agar sentiasa mematuhi SOP dalam tempoh PKPB.</p> <p>Senior</p> <p>Pembelajaran Undang-Undang - Kanun Prosedur Jenayah : Seksyen - 107, 107A, 109, 110, 111, 112, 113 &amp; 117</p>



## (b) Program/aktiviti pelajar di Kolej Kediaman

Selain aktiviti/program pelajar di HEP, Kolej Kediaman juga merancang pelbagai program/aktiviti pelajar untuk tahun 2020 meskipun berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19. Program/aktiviti yang dirancang meliputi aspek akademik, kemasyarakatan/kebajikan, sosial, sukan, keagamaan/kerohanian, latihan, kebudayaan/kesenian, keusahawanan dan hobi/rekreasi.

Berikut adalah antara program/aktiviti pelajar di kolej kediaman:

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
1.	Projek Delegasi Kesenian ASTAR (DELSTAR)	Universiti Thammasat, Tha Phra Chan Campus, Bangkok, Thailand	<p>Projek Delegasi Kesenian ASTAR (DELSTAR) ditubuhkan pada tahun 2017 dan telah pun menjayakan lawatan pertama ke Medan, Indonesia pada November 2018.</p> <p>Ahli Delstar terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Malaya yang menetap di Kolej Kediaman Pertama (KK1-ASTAR). Mereka yang terlibat ialah Pelajar-Pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti pengajian dalam bidang:- i. Undang-Undang ii. Kejuruteraan Awam iii. Kejuruteraan Mekanikal iv. Kejuruteraan Elektrikal v. Alam Bina vi. Ukur bahan vii. Sains viii. Perakaunan ix. Pergigian yang menetap di kolej kediaman Pertama, Universiti Malaya. Visi projek tersebut adalah untuk meluaskan pengetahuan mahasiswa tentang budaya dan adat di Asia Tenggara seterusnya mengaplikasikannya dalam kehidupan pelajar di kolej kediaman. Selain itu, projek tersebut pelajar dapat memupuk hubungan akrab antara universiti-universiti di Asia Tenggara melalui program kesenian dan kebudayaan. Projek ini juga ditubuhkan untuk menjadi salah satu platform bagi meluaskan jaringan antara mahasiswa di Universiti Malaya dan mahasiswa universiti lain di Asia Tenggara</p> <p>Peserta yang terlibat seramai 40 Orang (Universiti Malaya) manakala 16 Orang Universiti Thammasat.</p>	-

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
2.	Debat Terbuka ASTAR (DTA)	KK1-ASTAR dan Balai Ungku Aziz (BUA).	<p>Debat Terbuka ASTAR telah berlangsung dari 7 hingga 10 Februari 2020 di KK1-ASTAR dan Balai Ungku Aziz (BUA). Sebanyak 41 pasukan dari 20 institusi pengajian tinggi seluruh tanah air telah mengambil bahagian dalam edisi ke-23 ini.</p> <p>Perasmian pembukaan telah berlangsung di Dewan Tun Perak pada malam 7 Februari 2020 manakala Majlis Perasmian Penutupan telah diadakan pada malam 10 Februari 2020 di Balai Ungku Aziz.</p> <p>Secara umumnya DTA kali ini telah berjaya mencapai objektifnya.</p>	<p>Pasukan UM Utama (B) telah dinobatkan sebagai johan dalam Kategori Utama.</p> <p>Bagi kategori Muda, pasukan UM Muda (B) telah layak ke peringkat separuh akhir.</p> <p>Pendebat UM, Saudari Zulaika Zamaluddin telah muncul sebagai Pendebat Terbaik Pusingan Akhir Kategori Utama.</p> <p>Di peringkat liga, 2 pendebat UM Kategori Utama telah muncul sebagai 10 pendebat terbaik</p>
3.	Jelajah Adat di Indonesia (JADI) 6.0	Pandang Panjang, Indonesia	Projek ini adalah untuk mempelajari adat dan budaya di Pandang Panjang, Indonesia.	40 orang penghuni kolej kediaman dan 2 orang penyelia
4.	Grand Asian Chess Challenge (GACC)	Dewan Tunku Canselor (DTC), UM	KK2 dengan kerjasama Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, Kementerian Pendidikan Malaysia, Persekutuan Catur Malaysia (MCF) dan Persatuan Catur Kuala Lumpur (KLCA) telah menganjurkan Kejohanan Catur atau dikenali sebagai GACC. Program ini adalah untuk menggalakkan mahasiswa dan mahasiswi serta pelajar-pelajar sekolah untuk menjadikan permainan catur sebagai salah satu hobi.	97 orang penghuni kolej
5.	Balai Islam: Tuanku Bahiyah Outreach Volunteerism (TBOM) @ Kg Wira Damai	Kampung Wira Damai	Program ini adalah di bawah projek Balai Islam dan dijalankan dengan kerjasama penduduk Kampung Melayu Wira Damai, Batu Caves. Program TBOM adalah untuk menjalinkan hubungan masyarakat antara Balai Islam dan komuniti luar. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti bengkel pengurusan jenazah, sukaneka dan sebagainya. Sebanyak 40 orang penduduk juga telah dipilih untuk menerima sumbangan berupa barang asas.	60 orang ahli jawatankuasa

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
6.	Tadabbur Alam: Hiking	Denai Tiga Puteri, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor	Tadabbur Alam merupakan satu-satunya aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Pengurusan Surau Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah. Program ini dijalankan pada 29 Februari 2020 merupakan satu program yang melibatkan aktiviti ‘hiking’ di Denai Tiga Puteri. Program ini menyasarkan 80 orang peserta dan mereka berpeluang untuk merasai keindahan alam selain daripada mengeratkan silaturahim. Objektif utama dalam program ini ialah untuk memupuk rasa syukur terhadap ciptaan Tuhan.	Peringkat Kolej-Anjuran Kelab Surau di bawah JKP KEP
7.	Bestari UMCares: Zoo-Rangers (National Zoo Volunteer)	Zoo Negara	Zoo-Rangers adalah aktiviti kesukarelawan di Zoo Negara yang dimulakan pada tahun 2019 dan diteruskan pada tahun ini dengan aspirasi berbakti kepada haiwan. Penjagaan alam sekitar bukan sahaja khusus kepada flora dan fauna yang berada di dalam ekosistem utama tetapi juga di Zoo Negara. Membersihkan kandang haiwan merupakan antara aktiviti yang menuntut kesabaran, empati dan sikap prihatin.	Seramai 20 AJK Bestari UMCares dan 10 pelajar dari kolej kediaman lain turut ikut serta dalam aktiviti ini.
8.	Revisit Bestari 4th Residential College by Alumni of 1980s	Kolej Kediaman Bestari, UM	Program Alumni ini melibatkan sesi forum mengenai kejayaan karier alumni sebagai aspirasi pelajar mencorak karier masa hadapan, sesi sumbangan kepada 10 pelajar daripada kalangan B40 dan lawatan sekitar Kolej Kediaman Bestari sebagai mengimbau nostalgia era 1980-an.	Seramai 30 alumni bersama ahli keluarga yang hadir. Penyampaian sumbangan oleh TNC HEP kepada 10 pelajar yang bernilai RM500 bagi setiap sumbangan. Penyertaan 50 pelajar KK4 bagi program ini.
9.	Borderless Aid Volunteer Project Universiti Malaya (BRAVO)	Palu, Indonesia	Merupakan projek sukarelawan bertaraf antarabangsa yang menjadi tradisi anjuran kolej. Merupakan tahun ketiga penganjurannya. Misi ini banyak mengetengahkan elemen kemanusiaan dan kemasyarakatan serta pengantarabangsaan.	
10.	Fifth Education Talk (FedTalk)	Rumah Kelab PAUM	Merupakan program perkongsian intelektual daripada Ybhg Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang yang berkisarkan tentang 2050: Kemusnahan Global Tanpa Matlamat Pembangunan Mapan?	
11.	Jelajah Ilmu Octacares	Kampung Tekir, Labu, Negeri Sembilan	Program ini bertujuan untuk berinteraksi dengan penduduk orang asli dan memperkenalkan pendidikan berasaskan STEM kepada kanak-kanak di sana.	Melibatkan seramai 38 pelajar Kelab Octacares, Kolej Kediaman Kinabalu dan 50 kanak-kanak dan penduduk kampung orang asli

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
12.	Interaksi Mahasiswa Kinaschool Pusat GENIUS@ Pintar Negara	Pusat GENIUS@ Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor	Program ini bertujuan untuk berinteraksi dengan pelajar sekolah melalui aktiviti berasaskan kerjasama, kepimpinan dan keberanian.	Melibatkan seramai 30 pelajar Kelab Kinaschool, Kolej Kediaman Kinabalu dan 70 pelajar Pusat Pintar Negara
13.	Khidmat Siswa Sembilan (KISS)	FELDA Bukit Puchong, Triang, Pahang	Para pelajar pelbagai bangsa telah berinteraksi dan tinggal bersama warga FELDA Bukit Puchong sebagai anak angkat selama 2 malam. Pelbagai program kemasyarakatan dan sukan rakyat telah dijalankan.	48 orang pelajar dan 12 keluarga FELDA
14.	Blood HERO Day	Dewan Pendeta KUAZ	Program Blood Hero Day dijalankan supaya dapat meningkatkan kesedaran sosial selain melahirkan insan yang menghargai sesama sendiri dan tolol menolong antara satu sama lain.	Melibatkan lebih kurang 500 pelajar.
15.	War of Words dan Perang Perkataan	Microsoft Teams	Pertandingan debat untuk melahirkan golongan muda yang mampu berhujah di khalayak ramai. Pertandingan ini meningkatkan kefahaman dan kesedaran peserta dan penonton tentang isu-isu semasa.	Sebanyak 24 tetamu kehormat, 36 hakim jemputan dan 33 orang peserta.
16.	Projek Yusuf	Bilik Penyelia, Kolej 12	Memberikan tuisyen percuma kepada kanak-kanak sekolah rendah yang kecinciran dari sudut akademik, daripada keluarga kurang berkemampuan di PPR Pantai Ria	Seramai 15 orang kanak-kanak memperoleh peningkatan dalam kemahiran asas bagi subjek Matematik, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sebelum itu, Memperoleh Geran Penyelidikan di bawah UM Cares
17.	Jelajah Seni Royal	Bau dan Lundu, Sarawak	Program Jelajah Seni Royal ini memberikan peluang kepada pelajar Universiti Malaya untuk mempelajari gaya hidup dan adat istiadat kaum Bidayuh Salako di Sarawak. Pada masa yang sama, menyediakan medium kepada warga Kolej 12 untuk menekankan kepentingan pelajaran tahap tinggi kepada masyarakat di kawasan tersebut.	Penglibatan yang amat memberangsangkan dari masyarakat Lundu. Berjaya menyampaikan informasi penting keperluan untuk menyambung pengajian dan juga kelebihan melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya kepada lebih daripada 100 pelajar di SMK Lundu.

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
18.	Royal Fitness Squad	Kolej Kediaman Ke-12  Dewan Gemilang  Perkarangan Frenster	Projek ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecergasan dan kesihatan dalam kalangan pelajar dan pengunjung melalui kaedah senamrobik .Selain itu, projek ini juga bertujuan untuk menyebarkan idea senamrobik sebagai satu kaedah yang menarik untuk bersenam.	Sambutan daripada mahasiswa tempatan dan asing tidak kurang daripada 60 orang sehingga 300 peserta setiap sesi. Jumlah ini tidak merangkumi ahli jawatankuasa yang seramai 44 orang yang menyumbang dalam kejayaan setiap sesi yang dianjurkan oleh Royal Fitness Squad.
19.	Jejak Inspirasi	Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, MAIS, Sabak Bernam	Di Jejak Inspirasi, kami membantu wanita di rumah perlindungan wanita dengan menganjurkan beberapa aktiviti untuk memberi inspirasi serta motivasi kepada mereka apabila kembali kepada masyarakat kelak.	Mendapat penyertaan yang sangat memberangsangkan dengan kehadiran kesemua pelatih pusat perlindungan wanita tersebut. Selain itu, mendapat sokongan dan sambutan daripada pihak MAIS dan MAIWP.



# 05 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

5.1 PERJAWATAN	135
5.2 KENAIKAN PANGKAT	137
5.3 LATIHAN, KURSUS DAN PEMBANGUNAN KAKITANGAN	138
5.4 TANGGUNGJAWAB KHIDMAT SOSIAL	143





Jabatan Pendaftar melalui Bahagian Sumber Manusia memainkan peranan sangat penting dalam memacu pelbagai agenda bagi memastikan warga Universiti mempunyai budaya kerja yang mengikut keperluan dan arus semasa. Pembudayaan menganalisis data sumber manusia menjadi satu keperluan bagi penyediaan dokumen yang akan membantu pengurusan universiti membuat keputusan yang memberi impak kepada warga universiti.

Penekanan terhadap pengurusan bakat juga menjadi keutamaan dengan kajian secara menyeluruh dilaksanakan bagi melihat strategi keperluan sumber manusia, penarikan dan pengekalan bakat, pembudayaan kerja cemerlang, kebijakan staf dan sebagainya.

Walaupun tahun 2020 dilihat sebagai tahun yang mencabar dalam pengurusan sumber manusia apabila pandemik COVID-19 melanda dunia lebih-lebih lagi apabila Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, operasi Jabatan Pendaftar kekal berjalan seperti biasa. Pelaksanaan Bekerja dari Rumah (*Work From Home*) telah diperkenalkan bagi membolehkan warga Universiti melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka mengikut norma baharu.

## 5.1 PERJAWATAN

Statistik keseluruhan staf UM pada tahun 2020 adalah seramai 5,884 orang manakala bagi tahun 2019 adalah seramai 6,076 orang. Bilangan ini meliputi 2,331 staf akademik dan 3,553 staf pentadbiran. Daripada jumlah keseluruhan staf akademik tersebut, seramai 309 orang iaitu 13.2% merupakan staf antarabangsa. Manakala bagi staf pentadbiran, seramai 702 orang atau kira-kira 29% merupakan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan selebihnya iaitu 2398 orang (71%) merupakan Kumpulan Pelaksana.

**Jadual 5.1: Statistik Kakitangan Akademik Bagi Tahun 2020**

JAWATAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH	PERATUS
PROFESOR ULUNG	-	3	3	0.1%
PROFESOR KEHORMAT	-	60	60	3%
PROFESOR	208	36	244	10%
PROFESOR MADYA	419	41	460	20%
PENSYARAH UNIVERSITI (GRED DS 45/51/52)	763	196	959	41%
PENSYARAH PERUBATAN (GRED DU 51/52/53/54)	175	21	196	8%
PENSYARAH PERGIGIAN (GRED DUG 51/52/53/54)	45	10	55	2%
PENSYARAH FARMASI (GRED DUF 41/51/52/53/54)	7	5	12	1%
PENSYARAH PELATIH	28	-	28	1.2%
FELO PENYELIDIK PRINSIPAL	-	5	5	0.2%
FELO PENYELIDIK KANAN	-	7	7	0.3%
FELO PENYELIDIK	-	17	17	1%
FELO PENYELIDIK PASCA DOKTORAL	-	132	132	5.7%
PENYELIDIK BERSEKUTU	-	10	10	0.4%
FULBRIGHT SCHOLAR	-	1	1	0.04%
PAKAR	-	2	2	0.1%
GURU BAHASA	64	56	120	5%
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN	20	-	20	1%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,729</b>	<b>602</b>	<b>2,331</b>	<b>100%</b>

\* Kontrak termasuk Kontrak Lepas Bersara, Pelawat dan Sementara

**Jadual 5.2: Statistik Kakitangan Pentadbiran Bagi Tahun 2020**

KUMPULAN JAWATAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH	PERATUS
PENGURUSAN & PROFESIONAL	459	243	702	20%
PELAKSANA	2,641	210	2,851	80%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,100</b>	<b>453</b>	<b>3,553</b>	<b>100%</b>

**Jadual 5.3: Statistik Penamatan Perkhidmatan Staf Bagi Tahun 2020**

JENIS PENAMATAN	BILANGAN	PERATUS
BERSARA PAKSA	141	58%
PELETAKAN JAWATAN	90	37%
PELEPASAN DENGAN IZIN	4	2%
MENINGGAL DUNIA	7	3%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>242</b>	<b>100%</b>


## 5.2 KENAIKAN PANGKAT

Pada tahun 2020, UM telah meluluskan sebanyak 289 kenaikan pangkat meliputi kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik), kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) dan kumpulan Pelaksana.

**Jadual 5.4: Bilangan Kenaikan Pangkat Mengikut Kumpulan Jawatan**

Kumpulan Jawatan	Jumlah	Peratus (%)
Pengurusan dan Profesional (Akademik)	124	42.9
Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)	54	18.7
Pelaksana	111	38.4
<b>Jumlah</b>	<b>289</b>	<b>100</b>


**Rajah 7.1: Bilangan Kenaikan Pangkat Mengikut Kumpulan Jawatan**



**Jadual 5.5: Bilangan Kenaikan Pangkat Mengikut Pecahan Staf Akademik**

Kumpulan Jawatan	Jumlah	Peratus
Profesor	24	19.4%
Profesor Madya	39	31.5%
Pensyarah Perubatan/ Pensyarah Pergigian/ Pensyarah Farmasi	55	44.4%
Pensyarah Kanan	3	2.4%
Guru Bahasa	3	2.4%
<b>Jumlah</b>	<b>124</b>	<b>100%</b>


**Rajah 7.1: Pecahan Staf Akademik**



**Jadual 5.6: Bilangan Kenaikan Pangkat Staf Akademik Mengikut Disiplin**

Disiplin	Jumlah	Peratus
Sains	17	13.7%
Sains Sosial	25	20.2%
Klinikal	82	66.1%
<b>Jumlah</b>	<b>124</b>	<b>100%</b>

**Rajah 7.2: Bilangan Kenaikan Pangkat Mengikut Disiplin**



## 5.3 LATIHAN, KURSUS DAN PEMBANGUNAN KAKITANGAN

Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) adalah Skim Latihan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang diwujudkan untuk membantu Universiti membuat perancangan bagi keperluan tenaga pengajar berdasarkan disiplin di Pusat Tanggungjawab. Program Sub Kepakaran/Pasca Kedoktoran memberi peluang kepada staf akademik yang telah mempunyai kelayakan PhD atau setaraf untuk menjalani latihan lanjutan berkaitan dengan aktiviti pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan selaras dengan bidang pengajaran/kepakaran masing-masing.

Di bawah SLAB/ SLAI terdapat 128 pelajar aktif sedang melanjutkan pengajaran di peringkat Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Klinikal di dalam dan luar negara. Manakala seramai 75 orang staf yang terdiri daripada staf akademik, bukan akademik dan *fellowship* mengikuti pengajaran di bawah program Cuti Belajar dan 4 staf di bawah program Hadiah Latihan Cuti Belajar (HLCB).

**Jadual 5.7: Statistik Staf/ Felo HLCB/ SLAB/ SLAI Sedang dalam Pengajaran**

Bil	Kategori Hadiah Latihan	Jumlah
1	Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)	86
2	Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI)	42
3	Hadiah Latihan Cuti Belajar/ SLAI (staf Tetap)	4
4	Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa	48
5	Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa	22
6	Cuti Belajar Tanpa Gaji	2
7	Cuti Belajar Separuh Gaji	1
8	<i>Fellowship</i> UM	2
<b>Jumlah</b>		<b>207</b>

Perancangan latihan dan pembangunan staf tahun 2020 dijalankan melalui kaedah *Training Needs Identification and Analysis* (TNI/TNA) yang dilaksanakan pada tahun 2018 dengan memberi penekanan terhadap tiga aspek utama pembangunan iaitu *Knowledge, Skills & Attitude* (KSA). Ia merangkumi kursus dan latihan penyeliaan dan kepimpinan, pengurusan dan perancangan strategik, kemahiran teknologi maklumat (IT), kemahiran bahasa, komunikasi, kreativiti dan inovasi, *work-life balance* kerohanian dan beberapa kategori di bawah kumpulan kursus generik.


Peruntukan Latihan berjumlah RM700,000.00 disalurkan kepada Jabatan Pendaftar melalui Seksyen Pembangunan Bakat (SPB) bagi melaksanakan pelbagai Kursus Anjuran Jabatan Pendaftar bagi tahun 2020. Sebanyak 95 atau 79.2% daripada 120 kursus yang telah dirancang berjaya dilaksanakan bagi tahun 2020 dengan 32.6% daripadanya merupakan kursus fungsian manakala 67.4% lagi adalah kursus generik. Berdasarkan sasaran yang ditetapkan iaitu keperluan menghadiri 3 hari kursus oleh staf bukan akademik pada tahun 2020, pencapaian adalah sebanyak 52.30%.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan COVID-19 di seluruh negara oleh pihak Kerajaan bermula 18 Mac 2020 telah mengubah pelaksanaan latihan/ kursus. Daripada 95 kursus yang telah dilaksanakan, 25.3% adalah secara bersemuka (*face to face*) manakala selebihnya iaitu 74.7% dijalankan secara maya (*online*). Peratus yang tinggi bagi pelaksanaan kursus secara maya telah menyaksikan platform digital sebagai pilihan yang tepat bagi meneruskan aktiviti pembangunan staf dijalankan seperti biasa mengikut norma baharu di saat dunia dilanda pandemik COVID-19.


SPB turut memanfaatkan 60 staf yang terdiri daripada 12 skim perkhidmatan di Universiti Malaya yang telah dilatih sebagai Jurulatih Dalaman melalui kursus *Train The Trainers* (TTT) yang diadakan pada tahun 2017 dan 2018. Penganjuran kursus fungsian pada tahun 2020 dikendalikan sepenuhnya oleh Jurulatih Dalaman dan ia memfokuskan kepada

peningkatan pengetahuan dan kemahiran berdasarkan kompetensi yang diperlukan oleh staf. Penglibatan Jurulatih Dalaman ini secara tidak langsung telah membantu mereka meningkatkan kompetensi kepimpinan dan kepakaran dalam bidang perkhidmatan masing-masing.

Selain kursus yang dianjurkan oleh pihak SPB, warga universiti juga diberi peluang untuk mengikuti kursus anjuran luar yang dilihat memberi impak kepada peningkatan diri dan manfaat kepada universiti. Pada tahun 2020, sebanyak 287 permohonan staf untuk mengikuti kursus anjuran luar telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 58.2% adalah kursus secara bersemuka manakala 41.8% adalah secara maya. Pecahan kursus anjuran luar yang dijalankan menerusi dua kaedah pengajaran di dalam dan luar negara dengan bantuan kewangan daripada Peruntukan Latihan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.3 dan 5.4. Dalam hal ini, sebanyak RM72,950.91 telah diluluskan oleh Universiti bagi menanggung kos untuk kursus anjuran luar ini.



**Rajah 5.3: Kursus Anjuran Luar Secara Bersemuka yang Diluluskan di Peringkat Dalam dan Luar Negara 2020**



**Rajah 5.4 : Kursus Anjuran Luar Secara Online yang Diluluskan di Peringkat Dalam dan Luar Negara 2020**

Selain penganjuran kursus bagi peningkatan kerjaya staf, pihak SPB juga mengendalikan 4 siri Kursus Program Transformasi Minda (PTM) yang merupakan salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Kursus PTM pada tahun 2020 melibatkan 213 staf yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik dan Bukan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana.

SPB juga telah mengadakan sesi *Leadership Café* (LC) dan *Individual Leadership Advancement Plan* (IleAP) dengan kerjasama pihak Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (ACEPT). Sesi ini diadakan pada 4 Februari 2020 di Galeri Seni, Universiti Malaya yang melibatkan Pengurusan Tertinggi Universiti Malaya dan Dekan/ Pengarah PTj. Melalui Program ini Laporan Penilaian Tahap Kompetensi telah diserahkan kepada 17 calon himpunan bakat (Akademik) UM. Program ini memfokuskan kepada mekanisme yang digunakan ACEPT dalam memprofil kepimpinan tinggi dan berkongsi hasil profil bagi pemerkasaan kompetensi kepimpinan individu. Melalui hasil profil ini, individu

yang terlibat dapat mengenal pasti kekuatan dan penambahbaikan kompetensi kepimpinan masing-masing dan seterusnya ditawarkan untuk mengikuti program-program pembangunan kepimpinan yang disediakan oleh ACEPT.

Dalam memastikan pembangunan staf sentiasa dipertingkatkan seiring dengan keperluan semasa, pihak Pengurusan UM menetapkan sasaran dengan mengambil kira pelan strategik Universiti. Justeru, berdasarkan perancangan latihan tahun 2020, SPB telah melaksanakan kursus berdasarkan fungsi jawatan mengikut gred bagi meningkatkan kompetensi staf. Pelaksanaan ini juga selaras dengan hasrat universiti dalam memacu kecemerlangan seiring untuk menjadi antara 100 universiti terbaik dunia. Cabaran utama pembangunan modal insan adalah dengan menyediakan latihan yang mampu mentransformasikan staf sejajar dengan hala tuju organisasi seterusnya dapat meningkatkan kompetensi staf berdasarkan keupayaan sahsiah dan intelektualiti.

**Jadual 5.8: Kursus Dalaman Universiti Malaya 2020**

Bil.	Kursus	Tarikh
1	Resource Description and Access (RDA) Perpustakaan	15 Januari 2020
2	Pengurusan Masa Efektif Menerusi Teknik 1-3-5	15 &16 Januari 2020
3	Risiko Peribadi dan Pekerjaan: Waspada Kepada Aktiviti Scammer Ugutan dan Penipuan	20 Januari 2020
4	Analisis dan Penulisan Laporan	21 Januari 2020
5	Pengurusan Buangan Terjadual Universiti Malaya (Umpama Memerah Nyiur, Santan Diambil Hampas Dibuang)	21 & 22 Januari 2020
6	Kemahiran Penggunaan Gmail	22 & 23 Januari 2020
7	Penulisan Minit Mesyuarat dan Kertas Tindakan	29 & 30 Januari 2020
8	Asas GPS Untuk Tugasan Pemandu	4 Februari 2020
9	Penyelenggaraan Kenderaan	11 Februari 2020
10	Keselamatan Sinaran	11 Februari 2020
11	Teknik Mengurus Tekanan di Tempat Kerja	12 & 13 Februari 2020
12	Pengurusan Sistem Fail	17 & 18 Februari 2020
13	Penyelesaian Masalah Secara Kreatif & Kritis	17 & 18 Februari 2020
14	Big Pictures of Laboratory Management	19 & 20 Februari 2020
15	Pengurusan Imej dan Penjenamaan Universiti	19 & 20 Februari 2020
16	Kesedaran Keselamatan ICT	24 & 25 Februari 2020
17	Managing People - Leadership and Effective Supervision	24 & 25 Februari 2020
18	Microsoft Word – Asas & Pertengahan	24 & 25 Februari 2020

Bil.	Kursus	Tarikh
19	Asas Pertukangan Paip	3 Mac 2020
20	Pengurusan Perpustakaan MS ISO 9001 - 2015	10 Mac 2020
21	Perolehan Perkhidmatan Perunding	10 Mac 2020
22	Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti	16 Mac 2020
23	Pengenalan Punca Kuasa dan Pentadbiran Universiti	16 Mac 2020
24	Kursus Online Google Hangouts Meets, Zoom & Microsoft Teams	9 April 2020
25	Kursus Online Google Hangouts Meets, Zoom & Microsoft Teams	10 April 2020
26	Kursus Online Google Hangouts Meets, Zoom & Microsoft Teams	11 Mei 2020
27	Kursus Online Google Hangouts Meets, Zoom & Microsoft Teams	12 Mei 2020
28	Kursus Online Google Hangouts Meets, Zoom & Microsoft Teams	15 Jun 2020
29	Microsoft Word 2016 (Asas & Pertengahan)	16 Jun 2020
30	Microsoft Excel 2016 (Asas & Pertengahan)	17 Jun 2020
31	Microsoft Power Point 2016 (Asas & Pertengahan)	18 Jun 2020
32	Microsoft Office 2016 - Tips And Tricks	19 Jun 2020
33	Meningkat Prestasi Kerja Menerusi Pendekatan SEFT (Spiritual Emotional Freedom Technique)	24 Jun 2020
34	Teknik Pengurusan Konflik Dan Masalah Di Tempat Kerja	24 Jun 2020
35	Membina Personaliti Diri Menerusi Pendekatan DISC (Dominance, Influence, Steadiness, Conscientiousness)	29 Jun 2020
36	Kepimpinan Diri: Mengenal KSA (Knowledge, Skill, Attitude) Anda	30 Jun 2020
37	Analisis Data Dan Dashboard Menggunakan Pivot Table	6 Julai 2020
38	Microsoft Excel 2016	13 Julai 2020
39	Kuasa Kepimpinan 4E	20 Julai 2020
40	Setiausaha Profesionalisme Cemerlang	21 Julai 2020
41	Hazardous Chemicals: Are You Protected?- Keep Calm & Learn CHRA	21 & 22 Julai 2020
42	Suntingan Grafik Menggunakan Adobe Photoshop	22 Julai 2020
43	Strategic Human Resource Management	27 Julai 2020
44	Transformational Leadership And Organizational Management	28 Julai 2020
45	Penyelenggaraan & Penguahan Komputer	28 Julai 2020
46	Pembinaan Newsletter Menggunakan Microsoft Publisher	28 Julai 2020
47	Management And Planning Tools, The Strategic Application	4 Ogos 2020
48	Leadership And Strategic Management	5 Ogos 2020
49	Asas Penggunaan Adobe Illustrator	5 Ogos 2020
50	Pembentangan Berkesan Melalui MS Powerpoint	6 Ogos 2020
51	Managing Research Grants And Programmes	13 Ogos 2020
52	Pengendalian Emosi Melalui Terapi Seni	13 Ogos 2020
53	Penyelenggaraan & Pebaikan Sistem PABX & Audio Visual	19 Ogos 2020
54	Change Management And Futuristic Thinking (Leading Change)	24 Ogos 2020
55	Building An Effective Teams	26 Ogos 2020
56	Kesedaran Radiasi - Di Manakah Risiko Kita?	27 Ogos 2020
57	Microsoft Word 2016 (Lanjutan)	4 September 2020
58	Sterilisation, Disinfection And Antiseptic	14 September 2020

<b>Bil.</b>	<b>Kursus</b>	<b>Tarikh</b>
59	Microsoft Office 2016 - Tips And Tricks	17 September 2020
60	Leading With Impact	22 September 2020
61	Communicative Success: Basic Grammar	23 September 2020
62	Strategi Perhubungan Awam Melalui Media	24 September 2020
63	Memperkasa Kepimpinan Dan Profesional Pendidikan Tinggi	1 October 2020
64	Kursus Pemantapan Profesional Jurufotografi Universiti Malaya	6 Oktober 2020
65	Infografik Menggunakan Picktochart	9 Oktober 2020
66	Strategic Thinking, Planning And Management	13 Oktober 2020
67	Communicating Your Research Enhancing Research Visibility	14 Oktober 2020
68	Kursus Online Google Hangouts Meets, Zoom & Microsoft Teams.	16 Oktober 2020
69	Microsoft Excel 2016	19 Oktober 2020
70	Kuasai Kewangan Anda Pasca COVID-19 & Perintah Kawalan Pergerakan	20 Oktober 2020
71	Tingkat Imej Organisasi Menerusi Pendekatan 7S	21 Oktober 2020
72	Komunikasi Positif: Memupuk Sikap Dan Tingkah Laku Yang Betul Di Tempat Kerja	21 Oktober 2020
73	English Communication At Work	30 Oktober 2020
74	Keutuhan Integriti Penjawat Awam	11 November 2020
75	Kenali Personaliti Anda Melalui Pengujian Psikologi	12 November 2020
76	Pembentangan Berkesan Melalui MS Powerpoint	13 November 2020
77	Effective Coaching, Counselling And Mentoring To Develop Others	17 November 2020
78	Kemahiran Penggunaan Video Kamera Dan Suntingan	18 November 2020
79	Protokol, Etiket Sosial Dan Pengurusan Majlis	19 November 2020
80	Microsoft Word 2016 (Asas & Pertengahan)	20 November 2020
81	Kuasai Kewangan Anda Pasca COVID-19 & Perintah Kawalan Pergerakan	25 November 2020
82	Teknik Pembuatan Keputusan Yang Luar Biasa	26 November 2020
83	Microsoft Excel 2016 (Asas & Pertengahan)	30 November 2020
84	Norma Baharu: Adakah Anda Bersedia?	30 November 2020
85	Microsoft Power Point 2016 (Asas & Pertengahan)	7 Disember 2020
86	Microsoft Word 2016 (Lanjutan)	8 Disember 2020
87	Meningkatkan Kemahiran Komunikasi Interpersonal – Disukai, Dihormati Dan Dihargai	9 Disember 2020
88	Teknik Komposisi Ketika Melukis	10 Disember 2020
89	Kursus Online Google Hangouts Meets, Zoom & Microsoft Teams.	11 Disember 2020
90	Kekal Menjadi Pekerja Cemerlang Era Norma Baharu	16 Disember 2020
91	How To Stay Healthy During MCO	18 Disember 2020
92	Kursus Online Google Hangouts Meets, Zoom & Microsoft Teams.	18 Disember 2020
93	Prestasi VS Produktiviti	21 Disember 2020
94	Pengurusan Kewangan Peribadi Berkesan: Ringgit Sentap, Kasi Mantap	22 Disember 2020
95	Asas Kawalan Jangkitan Silang	30 Disember 2020

## 7.4 TANGGUNGJAWAB KHIDMAT SOSIAL

Seksyen Perkhidmatan (SP) Jabatan Pendaftar telah melaksanakan beberapa program khidmat sosial kepada staf UM dan masyarakat setempat yang berbentuk kebajikan untuk semua. Antara program khidmat sosial yang merangkumi kaunseling dan kebajikan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Bantuan Zakat kepada Staf Terjejas Keperluan Asas Semasa Tempoh PKP Pengurusan UM pada Mei 2020 bersetuju untuk memberikan bantuan khas kepada 168 orang staf Pelaksana dalam kategori B40 yang terjejas dengan pendapatan kasar isi rumah di bawah RM3860.00 sebulan dengan kadar seperti berikut:
- (i) RM500.00 diperuntukkan kepada 146 staf Pelaksana yang berstatus berkahwin, duda, janda dan ibu tunggal; dan
  - (ii) RM200.00 diperuntukkan kepada 22 orang staf Pelaksana yang berstatus bujang.
- Bantuan menggunakan Tabung Zakat turut diberikan kepada seramai 151 orang staf beragama Islam yang keseluruhannya berjumlah RM69,200.00. Manakala bagi staf yang bukan beragama Islam, seramai 17 orang menerima bantuan yang menggunakan Tabung COVID-19 yang keseluruhannya berjumlah RM8,200.00.
- (b) Program *Total Debt Solution* (TDS)
- Empat (4) siri Program *Total Debt Solution* (TDS) iaitu bagi menangani keberhutangan serius dalam kalangan staf UM telah diadakan untuk 134 orang staf UM yang mempunyai baki gaji bersih di bawah RM1000.00 dan program TDS secara terbuka kepada warga kampus dan disertai seramai 200 orang peserta dari pelbagai kategori staf.

Program ini akan diteruskan dan diperluaskan skopnya kepada staf yang mempunyai masalah hutang dengan pemberi pinjaman wang (*Ahlong*). Perbincangan bagi memperkemas dan menyelaras program ini antara SP bersama Jawatankuasa Zakat UM dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) telah diadakan dalam usaha meneruskan program ini pada masa akan datang.

- (c) Saringan Kognitif kepada Staf UM yang telah dikenal pasti
- SP bekerjasama dengan Klinik Psikologi Kesihatan, Pusat Pengajian Sains Jagaan Kesihatan, Fakulti Sains Kesihatan UKM untuk menjalankan saringan kognitif kepada staf UM yang telah dikenal pasti. Kerjasama ini telah diwujudkan pada tahun 2020 dan diteruskan ke tahun 2021.
- (d) Bantuan Zakat Sara Hidup kepada Staf
- Pada tahun 2020, Jawatankuasa zakat telah meluluskan bantuan zakat sara hidup kepada staf asnaf dengan bayaran berjumlah RM192,000.00 bermula tahun 2021.

Selain daripada program di atas, Jabatan Pendaftar turut menganjurkan program yang memberi pendedahan kepada staf UM berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan seperti berikut:

- (a) Program Kesedaran Kesihatan Mental Sedunia 2020
- Program Kesihatan Mental Sedunia 2020 bertemakan *Year Of The Nurse* telah diadakan secara siaran langsung pada 16 Disember 2020 di Galeri Seni Universiti Malaya. Siaran langsung program ini juga disiarkan melalui *facebook* rasmi Universiti Malaya. Program ini diadakan sebagai suatu usaha Universiti memberi penghargaan kepada pekerja barisan hadapan (*frontliners*) yang terlibat menangani Pandemik COVID-19.

Antara program yang diadakan ialah sesi perkongsian bersama jururawat yang terlibat secara langsung dalam memberi rawatan kepada pesakit COVID-19 yang membincangkan topik berikut:

- (i) Keberadaan Pelajar di Kampus dalam tempoh PKP dan kesan PKP ke atas Pelajar dari segi PdPR;
- (ii) *Becoming Resilient Worker*; dan
- (iii) Norma dan Gaya Hidup Baharu.

Manakala panel jemputan untuk sesi perkongsian ini terdiri daripada:

- (a) Prof. Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Raman (Pemangku, TNC HEPA);
- (b) Dr Rafidah Aga (Pensyarah Kanan, Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling UM);
- (c) Encik Afandi Sutrisno Tanjung (Pegawai Psikologi KKM); dan
- (d) Pegawai Psikologi UM.

Program ini turut melibatkan pameran fotografi virtual iaitu koleksi gambar daripada warga kampus sewaktu menjalani kehidupan dalam tempoh PKP. Program ini turut dicadangkan untuk tahun 2021 di bawah payung Program *Wellness* UM dengan kerjasama pihak lain seperti Fakulti Perubatan, Jabatan Pendaftar dan beberapa pihak yang lain.

# 06 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

6.1 PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR	148
6.2 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ICT	159
6.3 TABUNG-TABUNG KEWANGAN	178
6.4 LAPORAN KEWANGAN	179
6.5 SUMBANGAN SOSIAL ORGANISASI	181
6.6 PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN	181





**Selaras dengan misi Universiti Malaya untuk menjadi universiti yang berimpak tinggi di peringkat global, maka Universiti Malaya sentiasa mengambil langkah yang produktif dalam merancang dan melaksanakan strategi pembangunan khasnya dalam aspek infrastruktur dan kemudahan ICT.**

Justeru, PTJ Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan infrastruktur dan kemudahan ICT sentiasa berada pada tahap yang terbaik bagi seluruh warga Universiti. Pelbagai strategi telah dilaksanakan dengan memfokuskan usaha menaik taraf dan menambah baik infrastruktur dan kemudahan ICT di dalam kampus secara berterusan. Pembangunan dan peningkatan infrastruktur dan kemudahan ICT ini melibatkan dua pusat tanggungjawab iaitu Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB).

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar apabila berlakunya pandemik COVID-19 yang telah menggugat aktiviti ekonomi negara serta cabaran kebiasaan baharu yang telah mewujudkan norma baharu dalam melaksanakan tugas dan kehidupan harian kita. Di antara norma-norma baharu yang memberikan impak yang besar kepada

operasi lazim Universiti ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Selain itu, kaedah bekerja dari rumah (WFH) telah dilaksanakan oleh seluruh staf Universiti dan keberkesanan pelaksanaan kaedah ini telah dinilai dan dipantau dengan teliti. Pusat Teknologi Maklumat merupakan tunjang utama Universiti dalam memastikan norma baharu ini dapat dilaksanakan dengan terancang dan sempurna. Meskipun pelbagai cabaran telah wujud dalam melaksanakan norma baharu ini, PTM telah berjaya mengekalkan momentumnya dalam memberikan servis yang terbaik secara berterusan.

Pencapaian utama PTM bagi tahun 2020 memfokuskan kepada tujuh (7) aktiviti utama iaitu peningkatan kapasiti dan prestasi infrastruktur ICT, peningkatan tahap keselamatan siber, penaiktarafan dan peningkatan kemudahan sistem aplikasi Universiti, penaiktarafan infrastruktur pengajaran dan pembelajaran dalam talian, peningkatan

pelbagai aktiviti inovasi dalam aspek penjimatan tenaga elektrik, mewujudkan perkhidmatan guna sama dalam kemudahan ICT serta pelaksanaan aktiviti pengukuran prestasi dan penganalisisan pencapaian secara berterusan.

Pencapaian utama JPPHB dalam aspek pembangunan infrastruktur di seluruh kampus melibatkan pelaksanaan beberapa projek di bawah peruntukan RMKe-11 yang merangkumi aktiviti menyelenggara dan menaik taraf infrastruktur awam, sistem pembahagian elektrik dan sistem mekanikal. Pembangunan infrastruktur turut mengambil kira penyediaan fasiliti dan akses penuh bagi golongan kelainan upaya (OKU). Tidak ketinggalan juga kemajuan projek pembinaan stor berpusat bagi sisa buangan terjadual dan sanitari di dalam kampus yang dijangka siap pada tahun 2022. Selain itu, bermula pada tahun 2020 juga, JPPHB telah memantau pelaksanaan aktiviti pembersihan luar dan dalam bangunan yang melibatkan sebanyak 13 zon di seluruh kampus. Sebanyak sepuluh (10) projek fizikal telah siap sepenuhnya pada tahun 2020 manakala empat (4) projek fizikal sedang giat dijalankan. Sepuluh (10) cadangan projek telah dibentangkan yang memfokuskan kepada aktiviti menaik taraf bangunan dan fasiliti di seluruh kampus. Secara keseluruhannya, sebanyak RM 21.7 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan fasiliti dan kemudahan kampus.

Selain PTM, Bahagian Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE) juga turut memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan sistem pengurusan COVID-19 di seluruh kampus Universiti Malaya. Pelbagai strategi telah dilaksanakan bagi mengawal dan memantau penularan wabak COVID-19 dalam kalangan seluruh warga Universiti Malaya. Di antara strategi yang telah dilaksanakan ialah penyaringan tahap kesihatan pelajar antarabangsa, pemusatan pemantauan kesihatan atau prosedur pengasingan, penyediaan Prosedur Operasi Piawai bagi aktiviti kolej kediaman, membangunkan sistem kawalan *Point of Entry* di semua PTJ bagi proses saringan suhu dan tahap kesihatan serta membangunkan aplikasi *UMTouch* bersama PTM bagi pengisytiharan status kesihatan dan pemantauan pergerakan di dalam kampus.

Kesimpulannya, seluruh pusat tanggungjawab di bawah *portfolio* Timbalan Naib Canselor Pembangunan telah memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan persekitaran yang kondusif bagi seluruh warga Universiti Malaya, lebih-lebih lagi pada masa seluruh negara sedang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

## 6.1 PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam memastikan prasarana dan kemudahan di kampus universiti sentiasa berada di tahap terbaik dan boleh diguna pakai sepanjang masa oleh setiap warga universiti dan pihak luar.


Pada tahun 2020, seperti sedia maklum, seluruh negara telah dilanda pandemik COVID-19. Penularan wabak ini telah menyebabkan ekonomi negara terjejas dan memberi implikasi yang sangat ketara terhadap industri-industri di Malaysia. Justeru, kerajaan telah mewujudkan Paket Rangsangan Ekonomi kepada agensi-agensi kerajaan sebagai inisiatif untuk meningkatkan semula ekonomi negara. Universiti Malaya tergolong sebagai salah satu agensi yang menerima peruntukan daripada projek Paket Rangsangan Ekonomi ini bagi kegunaan menguruskan pelbagai kerja penyelenggaraan infrastruktur bangunan di kampus. Inisiatif kerajaan menerusi pakej ini telah meningkatkan semula ekonomi negara dan secara tidak langsung membantu menambah baik infrastruktur kampus.

### 6.1.1 Pembangunan Projek Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) - Rolling Plan 4 Sedia Ada & Baharu 2020


Sebagaimana sedia maklum, kerajaan dalam persiapan untuk pelaksanaan projek RMKe-12 bagi tahun 2021-2025. Oleh yang demikian, 2020 merupakan tahun terakhir bagi tempoh RMKe-11 yang telah bermula dari tahun 2015.

Siling peruntukan yang telah diluluskan bagi membiayai keseluruhan projek RMKe-11 kepada Universiti Malaya ialah sebanyak RM99.8 juta. Sebahagiannya, bagi tahun 2020, Universiti Malaya telah menerima peruntukan sebanyak RM4.2 juta melalui *Rolling Plan Keempat* (RP4) 2020 Sedia Ada, dan RM1 juta melalui *Rolling Plan Keempat* (RP4) 2020 Baharu dengan prestasi perbelanjaan sebanyak RM3.3 juta bersamaan 63.5%. Berdasarkan Laporan Bulanan Prestasi perbelanjaan mengikut projek sehingga 31 Disember 2020, jumlah perbelanjaan RMKe-11 (RP1, RP2, RP3 dan RP4 – Sedia Ada & Baharu) adalah sebanyak RM75 juta bersamaan 75.2% daripada keseluruhan peruntukan. Rajah 6.1 dan Rajah 6.2 masing-masing menunjukkan maklumat perbelanjaan keseluruhan RMKe-11 dan perbelanjaan RMKe-11 RP4 Sedia Ada & Baharu bagi tahun 2020. Jadual 6.1 menunjukkan maklumat peruntukan RP4 2020 bagi pelaksanaan projek pembangunan dan penambahbaikan fasiliti dan infrastruktur kampus.

**Rajah 6.1: Perbelanjaan Keseluruhan RMKe-11**



**Rajah 6.2: Perbelanjaan RMKe-11 RP4 2020 (Sedia Ada & Baharu)**



**Jadual 6.1: Penggunaan peruntukan RP4 2020**

Bil.	Nama Projek / Program	Peruntukan 2020 (RM)
1	UM - Mengganti Dan Menaik Taraf Kemudahan Infrastruktur Awam, Sistem Mekanikal dan Elektrikal dan Penggunaan Teknologi Lestari di Seluruh Kampus Universiti Malaya	4,200,000.00
2	UM - Menaik Taraf Sistem Perkakasan Sistem Voltan Tinggi di Pencawang Pembahagi Utama 33KV dan Pencawang Elektrik 11KV, Sistem Janakuasa Tunggu Sedia dan Sistem / Peranti Perlindungan Elektrik di Kampus Utama	1,000,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>5,200,000.00</b>

## 6.1.2 Pengurusan Pelupusan Buangan Terjadual & Sanitari

Bagi aspek pengurusan pelupusan buangan terjadual secara berpusat di dalam kampus, stor berpusat buangan terjadual sedang dibina dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) menggunakan peruntukan RMKe-11 dan dijangka siap pada tahun 2022. Selain itu, projek cadangan membaik pulih sistem perparitan dan sistem paip pembetungan serta menaik taraf fasiliti pengurusan buangan terjadual dan pepejal di seluruh kawasan kampus Universiti Malaya telah diluluskan di bawah skop pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Infrastruktur ini perlu dibaik pulih kepada sistem yang terkini, mesra alam dan memenuhi keperluan semasa dengan lebih cekap dan menguntungkan Universiti Malaya.

Sejak tahun 2019, pengurusan buangan terjadual Universiti Malaya telah dibantu dengan penubuhan jawatankuasa yang terdiri daripada Pegawai Sains, Penolong Pegawai Sains, Penolong Jurutera dan Pembantu Makmal yang dilantik di setiap PTj yang menghasilkan buangan terjadual untuk membantu dalam melancarkan pengurusan pelupusan buangan terjadual.

Staf yang bertanggungjawab dalam aspek pengurusan buangan terjadual Universiti Malaya juga telah diwajibkan untuk menghadiri kursus kompetensi CEPSWAM yang merupakan salah satu keperluan dalam *Environmental Quality Act (Scheduled Waste) 2005* bagi memastikan pengurusan buangan terjadual dilakukan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Malaysia. Pengurusan buangan terjadual terbahagi kepada buangan terjadual kimia dan buangan terjadual klinikal. Pelupusan buangan terjadual kimia dilakukan mengikut perancangan setiap 1-3 bulan manakala buangan terjadual klinikal dilupuskan pada setiap minggu sebanyak 2 kali seminggu.

Skop kerja pengurusan pelupusan buangan terjadual dan sanitari merangkumi:


- (i) Perancangan jadual pentafsiran, pengutipan dan pelupusan buangan terjadual (kimia dan klinikal) seluruh UM.
- (ii) Pemeriksaan berkala ke tapak stor penyimpanan sementara buangan terjadual (kimia dan klinikal) di PTj.
- (iii) Pemantauan kerja-kerja pentafsiran, pengutipan dan pelupusan buangan terjadual (kimia dan klinikal) di seluruh UM.
- (iv) Memastikan buangan terjadual yang dijadualkan untuk pengutipan dan pelupusan mematuhi keperluan Akta Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan tidak dilupuskan secara haram.
- (v) Merekod dan mengemas kini dokumen berkaitan pengurusan buangan terjadual (kimia dan klinikal) dengan Jabatan Alam Sekitar, Malaysia melalui platform eSWIS.
- (vi) Penyediaan kontrak bagi pelupusan buangan terjadual (kimia dan klinikal) dan sanitari.
- (vii) Pemeriksaan berkala bagi stor penyimpanan buangan terjadual (bunker berpusat sementara) untuk memastikan faktor keselamatan sentiasa diutamakan.
- (viii) Pemantauan kutipan dan pelupusan sisa sanitari di seluruh UM.

Peruntukan OCAR telah digunakan untuk perkhidmatan pelupusan buangan terjadual kimia dan klinikal. Pada tahun 2020, sebanyak RM128,135.70 dan RM245,541.06 telah digunakan masing-masing untuk pelupusan buangan terjadual kimia dan buangan terjadual klinikal. Analisis bagi tahun 2020 menunjukkan bahawa jumlah pelupusan buangan terjadual klinikal bertambah sebanyak 43.8% berbanding tahun 2019. Pelupusan buangan terjadual klinikal diteruskan seperti biasa sepanjang tahun 2020. Walau bagaimanapun, pelupusan buangan terjadual kimia telah terjejas semasa dalam tempoh PKP disebabkankekangan kelulusan daripada premis pelupusan berlesen. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pengurangan pelupusan buangan terjadual kimia sebanyak 37.8%. Manakala, sebanyak RM28,844.55 telah digunakan untuk tujuan pelupusan sanitari bagi tahun 2020 dengan pengurangan sebanyak 1.4% berbanding tahun 2019. Secara keseluruhan, sebanyak RM402,521.31 telah dibelanjakan untuk tujuan pelupusan buangan terjadual dan sanitari pada tahun 2020. Jadual 6.2 dan Rajah 6.3 menunjukkan maklumat perbelanjaan bagi pelupusan buangan terjadual (kimia dan klinikal) dan sanitari.

**Jadual 6.2: Perbelanjaan bagi pelupusan buangan terjadual dan sanitari**

Perkara	2020 (RM)	2019 (RM)	Kenaikan / Penurunan (%)
Pelupusan Buangan Terjadual (kimia)	128,135.70	205,811.80	-37.74
Pelupusan Buangan Terjadual (klinikal)	245,541.06	170,776.43	43.78
Pelupusan sanitari	28,844.55	31,528.35	-8.51
<b>Jumlah</b>	<b>402,521.31</b>	<b>408,116.58</b>	<b>-1.37</b>


**Rajah 6.3: Perbelanjaan bagi pelupusan buangan terjadual dan sanitari**



### 6.1.3 Zero Waste Campaign (ZWC)

Pada tahun 2020 sejumlah 102,821.40 kg sisa dapat dikumpulkan untuk dikitar semula. Sisa kitar semula terbahagi kepada beberapa kategori iaitu sisa makanan yang dikompos, sisa makanan yang dicerna, sisa tanaman yang dikompos, sisa tekstil yang dikitar semula, sisa kayu untuk penjanaan tenaga dan barang lain yang boleh dikitar semula. Rajah 6.4 menunjukkan maklumat sisa yang dikitar semula di dalam kampus.


**Rajah 6.4: Jumlah sisa kitar semula mengikut kategori**



#### **6.1.4 Pembersihan Dalam dan Luar Bangunan**

Pada tahun 2020, terdapat 13 zon pembersihan yang berada di bawah pemantauan JPPHB dengan nilai peruntukan sebanyak RM 7,907,432.00 yang melibatkan pengurusan pembersihan dalam dan luar bangunan di kawasan kampus Universiti Malaya. Sebanyak lapan belas (18) tender dan sebut harga telah dikeluarkan bagi memastikan tahap kebersihan kampus UM berada dalam keadaan baik. Rajah 6.5 menunjukkan perbelanjaan bulanan bagi pengurusan pembersihan.

**Rajah 6.5: Perbelanjaan bagi pengurusan pembersihan**



#### **6.1.5 Penyelenggaraan Infrastruktur Kampus**

JPPHB menyediakan sokongan infrastruktur dan kejuruteraan, alam sekitar, perumahan, penyelenggaraan aset dan staf mahir untuk mereka bentuk kerja-kerja pengubahsuaian/ peningkatan kemudahan, membina dan menyenggara kemudahan Universiti Malaya dan memastikan semua infrastruktur utiliti berada dalam keadaan operasi yang baik dan selamat. Antara skop tugas utama adalah seperti berikut:

- Struktur utama bangunan.
- Sistem bekalan air pusat kampus (8 buah tangki utama berkapasiti 16.3 juta liter).
- Sistem pembetungan dan rawatan kumbahan.
- Penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan raya (11 km jalan raya utama, 22km saliran utama, 1km laluan berbumbung, 14 buah perhentian bas), cerun dan sebagainya.
- Perabot, kemasan dan kelengkapan ruang bangunan.
- Kerja-kerja pengubahsuaian dan renovasi.

Penyelenggaraan infrastruktur awam terbahagi kepada tiga kategori iaitu penyelenggaraan, pemulihian, penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kecemasan.

Berikut adalah sebahagian daripada kerja-kerja penyelenggaraan dan projek yang dilakukan pada tahun 2020 oleh Bahagian Kejuruteraan Awam:

Senarai projek menggunakan Peruntukan Paket Rangsangan Ekonomi 2.0 (PRE 2.0):

- Cadangan Kerja-kerja Kalis Air Bumbung Konkrit Dewan Kuliah H11 di Fakulti Ekonomi & Pentadbiran Serta Kerja-Kerja Penggantian Kepingan Tebar Layar Termasuk Kalis Air Pada Gutter di Akademi Pengajian Melayu dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Universiti Malaya.
- Cadangan Kerja-kerja Penggantian Bumbung Jenis Metaldeck Baru dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Blok D, Fakulti Pergigian, Universiti Malaya.
- Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih Bumbung Bagi Laluan Pejalan Kaki Berbumbung dari Simpang Fakulti Bahasa & Linguistik ke Kolej Kediaman 3, 4 dan 7, Universiti Malaya.


Senarai projek menggunakan Peruntukan Dalaman Universiti.

1. Kerja-kerja Membaik pulih Longkang yang Rosak/ Pecah dan Perkara Berkaitan di Jalan Masuk Fakulti Ekonomi Tambahan, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran.
2. Kerja-kerja Menyelenggara Serta Membaiki Kebocoran Bumbung Aras 1 Bangunan Klinik Pelajar, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
3. Cadangan Kerja Membaiki Kebocoran Bumbung di Kompleks Dewan Kuliah, Fakulti Perniagaan Dan Perakaunan.

Senarai projek menggunakan Peruntukan One Off Kolej DAA:

1. Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Bilik Pelajar, Studio Muzik, *Mock Up*, Bilik Pelajar dan Bilik OKU di Sebahagian Kolej Kediaman, Universiti Malaya.
2. Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Tandas-Tandas Kolej Kediaman
  - (i) Tandas Awam KK1
  - (ii) Tandas Blok E KK2
  - (iii) Laluan Blok A KK3
  - (iv) Tandas Blok E dan Longkang KK5
  - (v) Tandas Blok D dan F KK6
  - (vi) Lain-lain yang Berkaitan di Universiti Malaya

**Antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan dengan menggunakan khidmat tukang dan pekerja am rendah secara *in-house*.**



## **6.1.6 Penyelenggaraan dan Naik Taraf Elektrikal**

Sepanjang tahun 2020, untuk penyelenggaraan sistem pembahagian elektrik, JPPHB bertanggungjawab untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang melibatkan perkakasan dan pemasangan elektrik termasuklah membaik pulih kerosakan yang melibatkan pencawang-pencawang elektrik hingga ke litar akhir elektrik. Begitu juga dengan kerja-kerja telekomunikasi seperti kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan PABX yang ada, pengaktifan PABX baru di beberapa bangunan baru, penambahan dan pendawaian kabel-kabel yang berkaitan akibat kerja-kerja renovasi dan naik taraf.

JPPHB juga bertanggungjawab dan terlibat dalam menyediakan perkhidmatan mereka bentuk, khidmat perundingan teknikal, penyediaan tawaran kerja melalui sebut harga/ tender, penyediaan kontrak dan menyelia kerja-kerja elektrik dan telefon bagi kerja-kerja pengubahsuaian, renovasi dan projek pembangunan di kampus utama dan cawangan luar kampus. Ini juga termasuk meneliti dan mengesahkan kerja-kerja kecil pembaikan dan pengubahsuaian pendawaian untuk peralatan elektrik dan telefon serta memantau dan mengesahkan kerja-kerja tersebut yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik.

Pada tahun 2020, terdapat beberapa projek penting yang diurus dan telah siap sepenuhnya. Senarai projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Kerja-kerja di Bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) RP4 2019
  - (i) Kerja-Kerja Menaik taraf dan Menjamin Selama Dua Belas Bulan (12) Sistem Elektrik dan Sistem Komunikasi di Universiti Malaya.
  - (ii) Kerja-Kerja Menyelenggara Sistem Elektrik Voltan Tinggi dan Sistem Elektrik Voltan Rendah i Universiti Malaya.
  - (iii) Kerja-kerja pendawaian elektrik bagi penggantian dan menaik taraf sistem penyaman udara di Fakulti Sains,

Fakulti Pergigian, Fakulti Undang-Undang dan Panggung Eksperimen.

- (iv) Kerja-kerja pendawaian elektrik bagi penggantian dan menaik taraf sistem lif Fakulti Perubatan, Fakulti Undang-Undang dan Fakulti Kejuruteraan.
- (b) Kerja-kerja Projek One Off Peruntukan Dewan Asrama-Asrama 2019
  - (i) Kerja-kerja membekal, memasang, menguji dan mentauliah sistem audio untuk Kolej Kediaman ke-12, Kolej Kediaman ke-7 dan Dewan Umarak Kolej Kediaman ke-2, Universiti Malaya.
  - (ii) Kerja-Kerja Elektrik Pemasangan Lampu Kawasan dan Papan Agihan di Kolej Kediaman Keempat dan Kolej Kediaman Kelapan, Universiti Malaya

JPPHB juga menguruskan beberapa projek yang sedang berjalan sepanjang tahun 2020 yang melibatkan RMKe-11 iaitu:

- (a) Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Perkakasan Sistem Voltan Tinggi di Pencawang Pembahagi Utama 33KV dan Pencawang Elektrik 11KV Sistem Janakuasa Tungku Sedia dan Sistem / Peranti Perlindungan Elektrik di Kampus Utama (Fasa 1)
- (b) Kerja-Kerja Menaik taraf dan Menjamin Selama Dua Belas (12) Bulan Sistem Elektrik Voltan Rendah dan Voltan Tinggi, Universiti Malaya (Fasa 2)

JPPHB juga telah melaksanakan beberapa aktiviti penjimatan tenaga elektrik di seluruh kampus Universiti Malaya. Secara tidak langsung, aktiviti yang dijalankan ini dapat mewujudkan budaya penjimatan tenaga elektrik dalam kalangan komuniti kampus dengan menyokong serta menguatkan dasar penjimatan elektrik secara berkesan oleh semua PTj/ Fakulti. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah:

- (a) Memantau penggunaan tenaga elektrik di peringkat PTj/ Fakulti berdasarkan kepada bacaan meter-meter elektrik yang ada dalam kampus universiti dan juga bil-bil utiliti dari Tenaga Nasional Berhad.

- (b) Menjalankan kerja-kerja pengujian dan pelarasan semula terhadap perkakasan-perkakasan elektrik dan pada sistem mekanikal seperti sistem penyaman udara.
- (c) Melaporkan jumlah penggunaan tenaga elektrik kepada PTj/ Fakulti dan warga kampus dari semasa ke semasa.

Penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2020 telah menurun dengan ketara bermula pada bulan Mac 2020 apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara akibat penularan pandemik COVID-19. Jadual 6.6 menunjukkan perbandingan penggunaan tenaga elektrik dan caj semasa bagi tahun 2020, 2019 dan *Baseline*.

**Jadual 6.6: Perbandingan penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2019 dan 2020**

	Tahun		
	Baseline	2019	2020
Penggunaan Tenaga, kWh	85,800,00	79,027,390	57,405,050
Kehendak Maksimum, kW	246,00	230,324	175,143
Bil TNB, RM	36,000,000.00	34,439,597.00	24,311,328.00

Berdasarkan maklumat tersebut, Universiti Malaya telah berjaya memperoleh penjimatan tenaga sebanyak 28,394,950 kWh bersamaan dengan RM11,688,672.00. Jadual penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2020 berbanding *Baseline* adalah seperti berikut:

**Jadual 6.7: Perbandingan penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2020 dengan Baseline**

	Tahun		Penjimatan	
	Baseline	2020	%	Jumlah Penjimatan
Penggunaan Tenaga, kWh	85,800,00	57,405,050	-33.09	28,394,950
Kehendak Maksimum, kW	246,00	175,143	-28.80	70,857
Bil TNB, RM	36,000,000.00	24,311,328.00	-32.47	11,688,672.00

Pada keseluruhannya, JPPHB telah berjaya mencapai objektif dan membantu pihak universiti dalam menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekali gus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan oleh warga Universiti Malaya.

### 6.1.7 Projek Pembangunan dan Naik Taraf Sistem Mekanikal

Pada tahun 2020, terdapat beberapa projek berskala besar yang telah ditadbir urus dengan berkesan seperti berikut:

- (a) Kerja-kerja di Bawah Peruntukan RMKe-11 (RP4 Baru 2019 & RP4 Sedia Ada 2020)

Di bawah peruntukan RMKe-11 yang diterima, terdapat 7 skop kerja penggantian dan naik taraf sistem mekanikal yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 iaitu 4 skop kerja adalah sambungan dari tahun 2019 di bawah RP4 Baru 2019 dan 3


skop kerja di bawah RP4 Sedia Ada 2020. Senarai kerja terlibat adalah seperti berikut:

- RP4 Baru 2019:
  - 1) Kerja-kerja Pemasangan Baru, Menaik taraf, Penambahbaikan dan Menjamin Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan Sistem Pencegah Kebakaran dan Kerja-kerja Berkaitan Notis daripada Pihak Bomba di Pelbagai Fakulti dan Jabatan, Universiti Malaya.
  - 2) Kerja-kerja Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah dan Menjamin Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan

- Sistem Lif Penumpang dan Kerja-kerja Berkaitan di Fakulti Pergigian, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Kolej Kediaman Kedua Belas, Universiti Malaya.
- 3) Kerja-kerja Pemasangan Baru, Menaik taraf, Penambahbaikan dan Menjamin Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan Sistem Penyamanan Udara dan Kerja-kerja Elektrik di Bangunan Peperiksaan, Institut Pengajian Siswazah, Akademi Pengajian Melayu dan Lain-lain Fakulti/ PTj yang Berkaitan di Universiti Malaya.
  - 4) Selain itu, terdapat 3 kerja fizikal mekanikal yang menggunakan baki lebihan RP4 Baru 2019 iaitu:
    - a. Cadangan kerja penggantian *dumbwaiter* jenis *goods hoist* di Bilik Mayat, Jabatan Anatomi, Fakulti Perubatan.
    - b. Cadangan kerja-kerja penyelenggaraan menaik taraf sistem perpaipan (GI Jacketing) bagi sistem penyamanan udara jenis VRF di Bangunan Makmal Kimia Baru, Jabatan Kimia, Fakulti Sains.
    - c. Kerja-kerja pembaikan 2 unit lif penumpang berjenama *Dover Elevator* di Fakulti Ekonomi & Pentadbiran dan Pusat Asasi Sains (PASUM).
  - RP4 Sedia Ada 2020:
    - 1) Kerja-kerja Pemasangan Baru, Menaik taraf, Penambahbaikan dan Menjamin Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan Sistem Penyamanan Udara dan Kerja-kerja Elektrik di Bangunan PASUM, Kompleks PerdanaSiswa dan Fakulti Perniagaan & Perakaunan, Universiti Malaya.
    - 2) Kerja-kerja Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah dan Menjamin Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan Sistem Lif Penumpang dan Kerja-kerja Berkaitan di Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Blok Y, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya.
- (b) Kerja-kerja Projek One-Off DAA Asrama
- Di bawah peruntukan One-Off DAA Asrama, terdapat 1 skop kerja yang telah dilaksanakan bagi menaik taraf sistem mekanikal seperti berikut:
- (i) Kerja-Kerja Pemasangan Baru, Menaik taraf, Penambahbaikan dan Menjamin Tempoh 12 Bulan (12) Sistem Pam Kumbahan dan Kerja-Kerja Berkaitan dengan Sistem Pam Domestik di Kolej Kediaman Ibnu Sina (6), Kolej Kediaman Tun Syed Zahiruddin (9) dan Apartment Jepun, Universiti Malaya.
  - (ii) Kerja-kerja Projek Renovasi
- Di bawah skop kerja-kerja Projek Renovasi, terdapat 6 skop kerja yang sedang dilaksanakan berkaitan sistem mekanikal bagi tujuan renovasi seperti berikut:
- Kerja-kerja renovasi Bangunan LAKIM (Kolej ke-13)
  - Kerja-kerja renovasi Bangunan Madinatul Ilmi (KIST), Bachok Kelantan
  - Kerja-kerja renovasi Kantin & Bengkel Kenderaan JPPHB
  - Kerja-kerja renovasi Anjung Ilmu Sastera
  - Kerja-kerja renovasi Blok I, Fakulti Perubatan
  - Kerja-kerja renovasi Auditorium Kompleks Perdana Siswa

## 6.1.8 Baik Pulih Fasiliti Kemudahan Sukan

Pada tahun 2020, sebanyak RM129,000.00 telah dibelanjakan untuk membaik pulih kemudahan dan fasiliti sukan. Penggunaan fasiliti sukan pada tahun 2020 telah berkurangan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membendung penularan wabak COVID-19. Antara kerja-kerja baik pulih yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:



① Servis water cooler di Tasik Varsiti

② Membaih pulih tayar *lawn mower* pancit

③ Ganti bumbung rumah tasik dari bahaya menimpa pengguna

④ Ganti paip rosak

⑤ Tukar tong gas kolam renang (kawalan kebakaran)

⑥ Kerja-kerja membaja rumput di UM Arena

⑦ Baik pulih *outdoor gym* di sekitar kampus

## 6.1.9 Perancangan Pembangunan dan Pelaksanaan Projek

Pada tahun 2020, terdapat 10 projek fizikal yang telah siap dengan jumlah kos sebanyak RM6,615,808.71. Kebanyakan projek fizikal tersebut adalah projek naik taraf ruang sedia ada, kawasan sekitar, pembinaan struktur kontena, renovasi dan sebagainya. Manakala terdapat 4 projek fizikal sedang dijalankan pada tahun 2020 dengan kos sebanyak RM 4,445,536.00. Projek yang terlibat adalah naik taraf bengkel kendaraan sedia ada, projek renovasi, naik taraf auditorium dan ubah suai bilik seminar.

Terdapat 10 cadangan projek dalam perancangan yang akan dilaksanakan seperti menaik taraf dewan kuliah, mengecat luar bangunan Perpustakaan Utama, membina gelanggang futsal, projek-projek renovasi dan sebagainya.

## 6.1.10 Pengurusan Tender dan Kontrak

Pada tahun 2020, sebanyak 7 sebut harga dan 3 tender kerja dan bekalan telah dipanggil oleh Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JPPHB yang berjumlah RM 5.86 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada peruntukan JPPHB, RMKe-11 dan PTJ lain di UM. Skop utama yang terlibat adalah kerja-kerja membaik pulih, renovasi dalaman, menaik taraf kemudahan infrastruktur awam dan pembekalan perabot di dalam UM. Jadual 6.8 menunjukkan maklumat tender dan kontrak bagi tahun 2020.

**Jadual 6.8: Tender dan kontrak bagi tahun 2020**

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Tender	4,590,405.00
2.	Sebut harga	1,265,590.50
<b>Jumlah (RM)</b>		<b>5,855,995.50</b>

## 6.1.11 Pengurusan Harta dan Pelupusan Aset

Dari segi pengurusan pelupusan aset/ harta Universiti Malaya, nilai harta Universiti yang telah dilupuskan pada tahun 2020 adalah sejumlah RM13,941,513.34. Jadual 6.9 menunjukkan

perincian pelupusan aset/ harta, manakala Jadual 6.10 menunjukkan jualan aset/ inventori lopus pada tahun 2020.

**Jadual 6.9: Pelupusan harta/ aset bagi tahun 2020**

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1	Pelupusan aset alih Universiti	10,511,155.75
2	Pelupusan aset tak alih Universiti	3,430,357.59
<b>Jumlah</b>		<b>13,941,513.34</b>

**Jadual 6.10: Jualan aset/ inventori lopus bagi tahun 2020**

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1	E-Waste	5,470.00
2	Lain-lain peralatan secara sisa besi	10,692.00
<b>Jumlah</b>		<b>16,162.00</b>

JPPHB turut menjana pendapatan Universiti Malaya melalui penyewaan tapak/ ruang kepada pihak dalam mahupun pihak luar Universiti bagi tahun 2020 yang dinyatakan dalam Jadual 6.11.


**Jadual 6.11: Penyewaan tapak/ ruang bagi tahun 2020**

Bil.	Perkara	Jumlah Sewa/Tahun (RM)
1	Telekomunikasi	1,118,566.00
2	Mesin Automatik	29,560.00
3	Bank / Mesin ATM / Komersial	286,751.50
4	Papan Iklan	622,996.00
5	Bangunan	2,692,800.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4,750,673.50</b>

## 6.1.12 Kos Penyelenggaraan Infrastruktur Fizikal Universiti

Pada tahun 2020, JPPHB telah membelanjakan sebanyak RM 21.7 juta bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan fasiliti dan kemudahan kampus dapat dilaksanakan. Butiran kos penyelenggaraan dinyatakan di dalam Jadual 6.12 manakala Rajah 6.6 menunjukkan pecahan perbelanjaan penyelenggaraan.

Rajah 6.6: Pecahan Perbelanjaan Penyelenggaraan bagi tahun 2020



Jadual 6.12: Kos Penyelenggaraan Infrastruktur Fizikal Universiti bagi tahun 2020

Bil.	Perkara	Perbelanjaan (RM)
1.	Selenggara kawasan dan landskap	10,475,102.01
2.	Perolehan bekalan dan bahan-bahan nurseri, pencucian dan peralatan landskap dan pembersihan.	340,638.95
3.	Selenggara struktur bangunan, pembetungan, kerja pengubahsuaian dan renovasi.	1,145,228.63
4.	Selenggara sistem mekanikal (lift, penyaman udara, dumbwaiter, pam, sistem pencegah kebakaran dan gas LPG)	7,111,616.36
5.	Selenggara kenderaan.	993,164.07
6.	Selenggara sistem pembahagian elektrik dan sistem telekomunikasi.	1,409,056.25
7.	Selenggara peralatan, mesin, alat kelengkapan dan pelbagai.	242,898.18
<b>JUMLAH</b>		<b>21,717,704.45</b>

## 6.2 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ICT

Seluruh dunia telah terkesan dengan penularan pandemik COVID-19 yang telah mengubah landskap sosial dan ekonomi terutamanya. Di samping pelbagai cabaran yang timbul, situasi ini juga telah mencipta peluang dan gaya hidup baru. Batasan pertemuan secara fizikal telah mendorong kepada penggunaan teknologi sehingga transformasi digital kelihatan berlaku secara semula jadi di pelbagai peringkat masyarakat.

Penularan pandemik COVID-19 telah memberikan pelbagai pengalaman dan kesan yang

ketara terhadap aktiviti kehidupan sehari-hari. Antara kesan-kesan tersebut adalah:

- (a) Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) beberapa kali sejak dari bulan Mac 2020 telah menyebabkan aktiviti pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian dan urusan pentadbiran pejabat dilaksanakan dari rumah atau *work from home (WFH)*.
- (b) Kekangan ketersediaan peranti mudah alih (seperti komputer riba atau telefon pintar) untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian bagi pelajar dan


- WFH bagi golongan staf akademik dan pentadbiran.
- (c) Masalah rangkaian internet yang tidak stabil mengikut lokasi masing-masing.
  - (d) Keperluan menyediakan infrastruktur pelayan yang mencukupi yang turut melibatkan pelbagai proses seperti:
    - (i) *Performance tuning* setiap sistem dan perkakasan yang terlibat - *Server, storage, database, load balancer* dan kesesuaian versi setiap sistem pengoperasian yang digunakan.
    - (ii) Kompetensi teknikal bagi penyelesaian masalah *end-to-end* (E2E) memerlukan kefahaman yang jelas terhadap persekitaran operasi ICT.
    - (iii) Kaedah perolehan yang menyokong persekitaran *agile*.
  - (e) Pemantauan berterusan (24x7) bagi penggunaan platform pembelajaran dalam talian SPeCTRUM:
    - (i) Mengurangkan isu operasi.  
Platform *e-learning* beroperasi secara berintegrasi dengan pelbagai sistem lain seperti *University Malaya Student Information System (UMSItS)*, *Central Authentication System (CAS)* dan juga peranti-peranti lain. Sebarang kejadian seperti kesesakan trafik rangkaian boleh melumpuhkan keseluruhan sistem serta mengganggu aktiviti utama universiti.
    - (ii) Mengurangkan risiko keselamatan siber.
  - (f) Keperluan sokongan bagi penggunaan aplikasi *video conferencing* seperti *Microsoft Teams, Zoom* dan lain-lain.
  - (g) Keperluan menyediakan akses terkawal kepada perisian berlesen terhad (*statistical software, Adobe* dan sebagainya).

Di peringkat agensi pengajian tinggi awam juga, Pengarah-Pengarah Pusat IT, menerusi Majlis Pengarah ICT IPTA (MAPITA), telah memberikan input dan cadangan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berkaitan isu-isu yang dihadapi dalam menyediakan prasarana untuk menyokong keperluan ‘norma baharu’ dalam pendidikan tinggi negara. Isu-isu yang telah dibangkitkan merangkumi keperluan seperti berikut:

- (a) Infrastruktur ICT dan *bandwidth* setiap Universiti Awam (UA) bagi menampung operasi PdP dalam talian.
- (b) Kadar perkhidmatan *Cloud* yang berpatutan untuk sektor pendidikan negara.
- (c) Rundingan kadar pelan data yang berpatutan untuk semua pelajar bagi meneruskan proses pembelajaran secara dalam talian.
- (d) Polisi, dasar dan proses kerja bagi pelaksanaan penilaian secara dalam talian (peperiksaan dan penilaian berterusan)
- (e) Rundingan kadar kos penyediaan perkhidmatan perisian berlesen dalam talian.


Norma baharu dalam pendigitalan proses pembelajaran di UM menyaksikan pertambahan ketara dalam pola penggunaan platform pembelajaran secara dalam talian. Rajah 6.7 menunjukkan rekod penggunaan tertinggi apabila lebih daripada 18,000 pengguna dengan 1.5 juta transaksi ketika minggu kuliah pada semester 1 sesi 2020/2021.

Rajah 6.7: Rekod penggunaan SPeCTRUM tertinggi sejak PKP dikuatkuasakan pada April 2020




Taburan penggunaan platform tersebut juga dapat dilihat berdasarkan Rajah 6.8 berikut:

Rajah 6.8: Taburan pengguna SPeCTRUM (Dalam dan Luar Negara)



Agenda Inisiatif Kampus Pintar yang merupakan intipati Pelan Strategik ICT 2020-2030, diteruskan dalam tahun 2020. Rajah 6.9 menunjukkan Kronologi Inisiatif Kampus Pintar UM.

Rajah 6.9: Kronologi Inisiatif Kampus Pintar UM



Antara projek-projek yang terlibat melibatkan projek pemantapan infrastruktur ICT yang merupakan komponen asas dalam menyokong pembangunan kampus pintar.

Selain daripada itu, tahun 2020 juga turut menyaksikan pelancaran Sistem Maklumat Pelajar Universiti Malaya (UMSItS) bagi menggantikan sistem legasi yang telah berusia lebih 20 tahun. Pembangunan UMSItS mengambil masa selama 3 tahun dan ia terbina hasil dari sesi percambahan idea pelbagai pihak bagi menambah baik proses dan mengadaptasi amalan baik dalam pengurusan pelajar/ akademik.

Salah satu aspek penting dalam pelaksanaan kampus pintar adalah aspek keselamatan ICT. Maka, PTM telah mula melaksanakan pemantauan keselamatan melalui *Security Operation Center* (SOC) secara (24x7).

Perbelanjaan secara berhemah terus diamalkan dalam situasi kewangan yang terhad. Namun begitu, ia tidak menghalang aktiviti inovasi dalam perkhidmatan yang diberikan. Antaranya penambahaikan sistem *e-Procurement* (kini dikenali sebagai F1R\$T) dan UMExpert.

Penerapan budaya *root cause analysis* dimantapkan lagi iaitu insiden-insiden keselamatan ICT direkodkan, siasatan dilaksanakan bagi mengenal pasti punca serta tindakan pembetulan dan pencegahan untuk tujuan penambahbaikan.

PTM juga terus memupuk semangat bekerjasama di antara staf dengan menggalakkan perbincangan yang melibatkan pelbagai bahagian dan seksyen dalam menyelesaikan sesuatu isu. Strategi ini membolehkan siasatan dilaksanakan dari pelbagai sudut dengan idea-idea disampaikan oleh pelbagai pihak yang akhirnya membolehkan pengenalpastian punca dan tindakan penambahbaikan ke atas perkhidmatan ICT dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Selain daripada itu, pendedahan kepada aktiviti perbincangan dan tindakan secara berpasukan dapat meningkatkan kemahiran insaniah staf.

## 6.2.1 Pencapaian Utama

Tujuh kategori aktiviti yang telah dilaksanakan oleh PTM di sepanjang tahun 2020 seperti yang dinyatakan di bawah merupakan fokus utama dalam persediaan prasarana secara berperingkat bagi menyokong falsafah pembangunan kampus pintar.

1. Peningkatan kapasiti dan prestasi infrastruktur ICT.
2. Perkhidmatan ICT yang mapan dan berdaya tahan.
3. Penaiktarafan dan peningkatan kemudahan sistem penyampaian perkhidmatan.
4. Penaiktarafan infrastruktur pengajaran dan pembelajaran dalam talian.
5. Peningkatan aktiviti inovasi bagi tujuan menambah baik kaedah pengurusan sumber.
6. Perkhidmatan guna sama dan nilai tambah.
7. Pelaksanaan berterusan aktiviti pengukuran prestasi dan penganalisisan tahap perkhidmatan.

## 6.2.2 Aktiviti Utama yang Telah Dijayakan

Tujuh kategori aktiviti utama yang telah dijajakan oleh PTM dalam tahun 2020 adalah seperti berikut:

### (1) Peningkatan kapasiti dan prestasi infrastruktur ICT

- (a) Penambahbaikan berterusan infrastruktur ICT dan keselamatan siber  
Pada tahun 2020, PTM telah melaksanakan aktiviti penaiktarafan infrastruktur bagi menyokong inisiatif Kampus Pintar yang bernilai RM 3.7 juta dan dibiayai oleh peruntukan RMKe-11. Penaiktarafan ini melibatkan perkakasan-perkakasan seperti yang disenaraikan di dalam Jadual 6.13.

**Jadual 6.13: Penaiktarafan infrastruktur ICT bagi menyokong Inisiatif Kampus Pintar**

Bil.	Perkakasan	Unit
1.	Storage Unity XT berkapasiti 34 TB	1
2.	Server untuk menyokong pangkalan data sistem MAYA	2
3.	Server untuk infrastruktur virtual	3
4.	Server untuk pemantauan log secara berpusat bagi menyokong fungsi analitik	3
5.	Kelengkapan ( <i>appliance</i> ) Domain Name Service (DNS)	3
6.	Server untuk sistem backup berpusat	3
7.	Web Application Firewall	1
8.	Kelengkapan ( <i>appliance</i> ) Intelligence Managed Security Operation Center (SOC)	1
9.	Pemasangan fiber optik multimode ke singlemode untuk menyokong rangkaian 10Gbps	-
10.	Router	1
11.	Spine switch	2
12.	Rak untuk DC1 dan DC2	40

Pusat Data ke-2 yang terletak di aras 2 Bangunan PTM telah siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2020 dan menempatkan 30 unit rak 42U. Objektif utama pembangunan Pusat Data ini adalah bertujuan menjana pendapatan melalui sewaan rak rangkaian kepada pihak luar.

- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan pelanggan pertama yang telah menyewa rak rangkaian di Pusat Data 2 PTM bermula pada bulan Januari 2021.

- Kemudahan tersebut juga akan digunakan untuk menempatkan komputer pelayan para penyelidik di persekitaran Pusat Data yang kondusif dan selamat.

Pada tahun 2020 juga, PTM telah menaik taraf perkakasan *switch* rangkaian yang berkelajuan 1000 Mbps di beberapa PTj antaranya Bangunan Perdanasiswa, Fakulti Ekonomi dan beberapa kolej kediaman. Penaiktarafan ini adalah bagi memastikan pengguna rangkaian dapat menggunakan kemudahan rangkaian termasuk *wireless* dengan lebih baik.

- (b) Penambahbaikan dan kajian pelaksanaan (*Data Recovery/ DRC*)

PTM, selaras dengan keperluan pelaksanaan PdP secara dalam talian dan perubahan cara kerja ke arah kampus maya, telah melaksanakan pelbagai kajian *proof of concept* (POC) bersama beberapa *Cloud provider* (Google, AWS, Azure) mengikut skop-skop berikut:

- SPeCTRUM (*e-learning*) – Hybrid / total Cloud.
- Sistem-sistem yang terlibat dengan fungsi kewangan UM.
- Disaster Recovery* menggunakan perkhidmatan *Cloud* (*Cloud based DR*).

Hasil daripada kajian tersebut, Universiti Malaya telah memilih untuk bekerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk menempatkan server kritikal di Pusat Data Sektor Awam (PDSA) di Bandar Enstek. Kaedah yang digunakan adalah secara *co-location* server fizikal dan menggunakan perkhidmatan PDSA *Cloud* untuk mewujudkan server pendua.

## (2) Perkhidmatan ICT yang mapan dan berdaya tahan

Ancaman serangan siber merupakan kenyataan pahit yang perlu dihadapi oleh mana-mana organisasi yang menyediakan perkhidmatan dalam talian. Infrastruktur, infostruktur dan aset ICT perlu sentiasa diawasi dan dipantau secara berterusan bagi memastikan kerahsiaan ((C)onfidentiality), integriti ((I)ntegrity) dan kebolehcapaian ((A)vailability) maklumat dan perkhidmatan sentiasa berada di tahap yang tinggi.

Pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada peningkatan capaian akses rangkaian terutama capaian secara jarak jauh. Oleh sebab itu, aktiviti pemantauan keselamatan ICT dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun 2020 mencakupi aktiviti berikut:


- (i) Pemantauan berterusan ke atas aktiviti serangan siber dan *malware*.
- (ii) Pemantauan trafik rangkaian untuk mengesan aktiviti muat turun fail bersaiz

besar yang boleh menganggu *bandwidth* rangkaian.

- (iii) Audit keselamatan teknologi maklumat untuk mengurangkan risiko aset ICT dikompromi yang akan mengakibatkan pendedahan maklumat secara tidak sah, kehilangan data atau gangguan aset ICT.
- (iv) Pengendalian, pelaporan dan analisis *root-cause* insiden keselamatan ICT bagi memastikan tindakan susulan dan penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pemantauan berterusan yang dijalankan membantu mengenal pasti anomalai dan ancaman. Tindakan susulan seterusnya telah dilaksanakan bagi mengurangkan risiko insiden keselamatan ICT yang lebih serius. Berikut adalah hasil daripada pemantauan berterusan yang telah dilaksanakan. Rajah 6.10 menunjukkan pengurangan jumlah ancaman sehingga 100% pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2015.

Rajah 6.10: Jumlah Ancaman Siber di Gateway Rangkaian (2015-2020)




Rajah 6.11 menunjukkan purata 50,000 sebulan serangan web dapat dihalang oleh *Web Application Firewall* (WAF) yang diperoleh secara darurat pasca insiden ketirisan data 2019.

**Rajah 6.11: Jumlah Serangan Web dikekang oleh WAF bagi tahun 2020**



Rajah 6.12 menunjukkan purata 190,000 serangan DDOS sebulan dapat dihalang oleh peranti Anti DDoS.

**Rajah 6.12: Jumlah serangan DDoS yang disekat pada tahun 2020**




Pasca insiden ketirisan data 2019 juga, PTM telah memperoleh perkhidmatan *Managed Services Security Operation Centre* (SOC) untuk memantau 100 aset ICT UM secara berterusan (24x7x365). Perkhidmatan ini telah membantu mempercepatkan proses mengenal pasti log ancaman yang sah ke atas 100 aset ICT di Pusat Data. Daripada keseluruhan jumlah log yang diproses setiap bulan, purata 12% daripadanya adalah cubaan serangan yang dikenal pasti dan sekitar purata 8% daripadanya adalah cubaan serangan yang perlu diambil tindakan susulan. Ini dapat membantu menjimatkan masa pengesahan dan memendekkan masa tindak balas. Sejumlah 466 kes ancaman yang sah (*valid threats*) yang dilaporkan telah berjaya diselesaikan sepanjang tahun 2020.

**Rajah 6.13: Jumlah log diterima dan dianalisis oleh SOC**



Rajah 6.14 mengilustrasikan contoh proses normalisasi dan optimisasi log ancaman keselamatan untuk mempercepatkan masa pengesahan dan tindak balas.

**Rajah 6.14: Contoh proses normalisasi dan optimisasi log ancaman keselamatan**



Beberapa aktiviti *proof-of-concept* (POC) berkaitan teknologi pemantauan keselamatan siber turut dilaksanakan pada tahun 2020. Kajian POC ini adalah berkaitan tindakan penambahbaikan yang dicadangkan oleh pihak National Cyber Security Agency (NACSA) dan Cyber Security Malaysia (CSM) juga diteruskan secara perbincangan dalam talian dengan pembekal teknologi:

- Microsoft Cybersecurity Assessment Tool (CSAT)
- Palo Alto Cortex Extended Detection and Response (XDR) + User Entity Behaviour Analysis (UEBA) + Network Traffic Analysis (NTA) + Security Orchestration, Automation and Response (SOAR)
- Genian Next Gen Network Access Control (NAC)
- TrendMicro Deep Discovery Inspector (DDI)


### (3) Penaiktarafan dan peningkatan kemudahan sistem penyampaian perkhidmatan

Pembangunan baru, penambahbaikan dan naik taraf pelbagai sistem aplikasi Universiti yang dilaksanakan dalam tahun 2020 meliputi sistem-sistem berikut:

PrInTIS - Projek penggantian Sistem Maklumat Pelajar

- (a) UMSItS merupakan *off the shelf product SITS Vision*. Projek UMSItS telah bermula pada Jun 2017 dan dilancarkan secara berperingkat mulai Januari 2020. Dibangunkan dengan pendekatan *minimum viable product* (MVP) iaitu dengan keutamaan pelaksanaan berpaksikan fungsi utama dan penambahbaikan berterusan dilaksanakan kemudian. Projek UMSItS meliputi keseluruhan program akademik di UM termasuk peringkat Asasi/ Bachelor (Semester/ Klinikal/ Eksternal)/ Sarjana/ PhD dan DPLI. Pasukan PTM sedang dalam penyediaan Dashboard bagi tujuan analitik.


Rajah 6.15: 13 Modul Akademik dalam UMSItS




(b) Naik taraf Sistem UMExpert versi ke-3

Projek penambahanbaikan Sistem UMExpert versi ke-3 ini adalah bagi tujuan mewujudkan repositori berpusat maklumat aktiviti dan penilaian prestasi staf akademik. Projek kali ini dilaksanakan dengan penglibatan dan perbincangan semula pemilik-pemilik proses iaitu HR, AASC, CIC-PPUM, PPSG dan Perpustakaan bagi memastikan pengautomasian proses yang lebih menyeluruh dan efektif.

Rajah 6.16: Fungsi-fungsi sistem UMExpert



Rajah 6.17: Modul-modul sistem UMExpert



(c) Penaiktarafan sistem-sistem Kewangan

(i) Sistem F1R\$T

F1R\$T adalah salah satu projek penambahbaikan sistem ePerolehan & pembayaran yang mula dilaksanakan pada tahun 2020. Ia bertujuan untuk menyatukan semua jenis penerimaan/ pembayaran di UM dalam satu portal. Berikut adalah modul-modul yang terdapat dalam Sistem F1R\$T. Modul Pengurusan Bajet telah siap dan dilancarkan pada Oktober 2020.

Rajah 6.18: Modul-modul F1R\$T



- Pembangunan sistem HEBAT (Penjualan Nombor Kenderaan)
- Migrasi SAP ORACLE kepada SAP HANA
- Module Tunai (*Cash Collection*)
- UMPoint - Penjanaan pendapatan melalui sewaan ruang, sewaan peralatan dan perkhidmatan
- Penyatuan platform sistem-sistem kewangan
- SAGA Compliance
- ePay - *1 stop portal for Cashless Collections*
- UMEvent - Penjanaan melalui acara yang dijalankan

(d) Penambahbaikan lain-lain sistem utama UM


- (i) SPeCTRUM merupakan platform e-learning rasmi yang digunakan untuk aktiviti pembelajaran dalam talian. Ekoran dari penguatkuasaan pelaksanaan 100% PdP dalam talian sepanjang tahun 2020, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan ke atas platform SPeCTRUM seperti berikut:
- Turnitin Library dalam SPeCTRUM
  - Integrasi Digital Resource Willey
  - Integrasi Digital Resource Kortext
  - Tuning Webserver dan DB Server serta tambahan RAM pelayan SPeCTRUM
  - Naik taraf sistem pengoperasian Pelayan Web yang menempatkan SPeCTRUM
  - Pembangunan integrasi *fetch on demand* antara SPeCTRUM dan Sistem Maklumat Pelajar (UMSItS)

- (ii) UMTouch (Aplikasi Mobil) - Kadar penggunaan platform aplikasi mobil juga meningkat ekoran daripada penguatkuasaan PdP dalam talian dan WFH.

**Rajah 6.19: Muat turun daripada aplikasi UMTouch mengikut kategori pengguna**



**Rajah 6.20: Perbandingan jumlah muat turun daripada aplikasi UM Touch (2019 & 2020)**



Beberapa naik taraf dan penambahan fungsi UMTouch telah dilaksanakan, antaranya seperti:

- Penambahbaikan UI/UX
- Kehadiran (log masuk-keluar) & log kerja untuk WFH
- Pengisyntiharan kesihatan untuk pelajar dan staf
- Integrasi QRCode dengan fungsi Attendance/ Health Declaration/ Check-In/ Contact Tracing
- Profil pelawat.

(iii) e-Zakat: Bantuan

Melancarkan pengurusan Zakat UM dari permohonan sehingga pembayaran kepada asnaf yang layak.

(iv) e-Tuntutan

Rawatan pergigian atau kaca mata

- (v) iHRIS bagi Menyokong Keperluan COVID-19
- Sistem Kehadiran  
Mewujudkan elemen log kerja harian, *work on-site (WOS)* dan WFH serta membuka akses sistem ke luar kampus.
  - Modul Latihan  
Mewujudkan mod dalam talian dan *face-to-face* dengan pemberian mata kursus yang berbeza bagi setiap satunya.
  - Modul Cuti Persidangan  
Mewujudkan mod dalam talian dan *face-to-face*.
- (vi) Penambahbaikan portal pelajar MYUM
- MYUM telah dipindahkan ke platform UMCMS sepenuhnya
  - Modul-modul ISIS lama yang sebelum ini berada di dalam MYUM telah dipindahkan ke platform MySIS yang merupakan koleksi ISIS lama
  - Modul Permohonan Pelekat dan Aduan Kad Metrik (Modul Pejabat Keselamatan) juga dipindahkan ke MySIS
  - Modul *Research* di bawah IPPP masih kekal di server yang lama dengan capaian/diakses melalui platform MySIS menggunakan teknologi *iframe*
- (vii) Aktiviti Pelajar  
Menguruskan aktiviti anjuran persatuan pelajar dan kolej kediaman selaras dengan perubahan tadbir urus Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP).

- (e) Laman web UM
- Laman-laman web di UM terdiri daripada dua (2) kategori utama iaitu:
- (i) Laman web utama  
Laman web utama ini berjumlah 497 buah laman. Kesemuanya kini ditempatkan di *Cloud Azure* sebagai strategi bagi memastikan *uptime* yang tinggi. Laman web ini juga menggunakan platform UMCMS sama seperti laman web kategori 2 di bawah.
- (ii) Laman-laman web Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Terdapat 239 buah laman dari kategori ini. Kesemuanya menggunakan platform UMCMS dan lokasi *hosting* adalah dalaman. Pecahan kategori ini adalah seperti berikut:
- Akademik - 71 (Laman web Fakulti, Akademi, MRC dan lain-lain)
  - Penyelidikan - 64
  - Bukan Akademik - 62 (PTM, JPPHB dan lain-lain)
  - Aktiviti Staf - 13 (PEKAUM, PEKERTI dan lain-lain)
  - Kolej - 8 (Kolej Pertama, Kedua dan lain-lain)
- PTM juga telah melaksanakan inisiatif memantau *visibiliti* laman web UM melalui *Webometric Rankings* semenjak dari 2009. Penarafan tersebut adalah penarafan untuk laman web institusi pendidikan dari seluruh dunia. Tujuan pemantauan adalah bagi memastikan laman web UM di tanda aras secara *independent* oleh pihak berkecuali. UM berada di tangga teratas dalam penarafan tersebut berbanding dengan semua UA lain semenjak Julai 2015 sehingga Julai 2020.

**Rajah 6.21: Kedudukan UM dalam penarafan Webometric Rankings**


JULY 2020							
World Rank	Asia Rank	University	Presence	Impact	Openness	Excellence	
381	74	University of Malaya	634	990	412	179	
548	115	Universiti Teknologi Malaysia	259	1311	435	384	
608	122	Universiti Sains Malaysia	377	993	423	578	
629	130	Universiti Putra Malaysia	214	1223	363	528	
748	176	Universiti Kebangsaan Malaysia	338	1743	1816	549	
783	214	Universiti Teknologi MARA	710	1634	724	1018	

#### (4) Penaiktaraf infrastruktur pengajaran dan pembelajaran dalam talian

##### (a) e-Learning


Di awal pelaksanaan PdP sepenuhnya secara dalam talian, PTM sebagai penyedia perkhidmatan ICT ketika itu berdepan dengan cabaran dalam memastikan kesediaan infrastruktur berkaitan e-Learning berjalan lancar. Namun kerjasama mantap dari pelbagai pihak telah berjaya menyelesaikan pelbagai isu dan memastikan proses berjalan dengan baik. Rajah 6.22 menunjukkan pertambahan kapasiti server semasa PdP dalam talian 2020.

**Rajah 6.22: Peningkatan kapasiti server semasa PdP dalam talian pada tahun 2020**



PdP dilaksanakan 100% secara dalam talian sejak PKP bermula pada bulan Mac 2020 sehingga kini menerusi sistem SPeCTRUM. SPeCTRUM dikuasakan oleh 10 buah server, telah menampung 18,000 pelajar dalam sehari.

Rajah 6.23: Statistik penggunaan SPeCTRUM semasa krisis COVID-19



## (5) Peningkatan aktiviti inovasi bagi tujuan menambah baik kaedah pengurusan sumber


- (a) Projek *Smart Energy Monitoring* adalah projek dari kategori *Internet of Things* (IoT) yang dilaksanakan bagi tujuan:
- mengumpul maklumat penggunaan sumber utiliti
  - mempelajari keperluan infra server, tatacara korelasi data dan pengintegrasian antara platform.
  - mempelajari isu-isu berkaitan pengendalian perkakasan IoT dan juga isu keselamatan siber yang berkaitan.

**Fasa 1:** Projek pemantauan penggunaan elektrik aras 4, Bangunan PTM telah lengkap dipasang.


Kesemua DB yang sedia ada untuk aras 4 telah dilengkapi dengan DPM seperti berikut:

- DB semua lampu
- DB semua unit penyaman udara
- 3 unit DB *chiller* penyaman udara
- 2 unit DB soket elektrik.

**Rajah 6.24: Penggunaan elektrik (KwH) di aras 4, Bangunan PTM tahun 2020**



**Rajah 6.25: Penggunaan elektrik di aras 4, Bangunan PTM tahun 2020 (tarif B-Low Voltage Commercial Tariff Diguna oleh JPPHB)**




Fasa 2: Pemasangan DPM ke seluruh DB mengikut aras di Bangunan PTM

- (i) menggunakan peruntukan dari RMK-11 RP-4 (RM 150K)
- (ii) melibatkan pemasangan berjumlah 33 unit DPM (bagi keseluruhan aras di Bangunan PTM kecuali Meter di dalam Bilik Pelayan aras 2)
- (iii) kini dalam proses penganugerahan tender kepada pembekal

## (6) Perkhidmatan guna sama dan nilai tambah

### (a) Aktiviti Multimedia

Rajah 6.26: Aktiviti perkhidmatan Multimedia



- Penyediaan perkhidmatan rakaman webcast syarahan perdana dan umum
- Perkhidmatan *multi-camera production* (MCP) untuk istiadat konvokesyen, seminar/ forum dan aktiviti persembahan pelajar seperti KAVITER dan FESENI
- Perkhidmatan pembangunan kandungan pengajaran dan pembelajaran dalam format video
- Perkhidmatan rakaman studio dan rakaman video PdP di dalam Dewan Kuliah, Bilik Pemeriksaan Klinik dan Dewan Bedah.
- Perkhidmatan *video conferencing* e-Kuliah dan siaran langsung Persidangan Perubatan;
- Bantuan teknikal, latihan dan khidmat nasihat penggunaan peralatan Multimedia kepada staf-staf di PTj.

Rajah 6.27: Aktiviti perkhidmatan Multimedia sepanjang tahun 2020



**Nota:** Perintah Kawalan Pergerakan, 18 Mac 2020 – 14 April 2020 menyaksikan peningkatan penggunaan aplikasi PdP secara dalam talian.

- (b) Perisian untuk pengajaran dan pembelajaran - 7 jenis perisian
  - SPSS (Advance Statistics & Basic Module)
  - Matlab
  - SAS Academic & JMP
  - Turnitin
  - Mathematica
  - E-Views
  - Endnote
- (c) Aktiviti perkongsian teknologi terkini (*technology update*) / kursus
  - Team Coach Program Universiti Malaya - Microsoft/ Fedelis (16 April-22 Mei 2020)
  - Topic: Examedia - VMware Webinar: Bekerja dari Rumah (BDR) dengan Virtual Desktop Infrastructure (VDI) (22 Oktober 2020)
  - BINTARA -Transforming Higher Education with Zoom – (4 November 2020)
  - Empowering Your Foundation of College Mathematics (8, 15, 22 dan 29 Julai 2020)
  - Webinar Wolfram Knowledge-based Engine for College Student (19 dan 23 Jun 2020).
  - Webinar - Essential of Designing Experiments using JMP (10 Disember 2020)

## **(7) Pelaksanaan berterusan aktiviti pengukuran prestasi dan penganalisisan pencapaian**

- (a) Analisis Aduan ICT  
Aduan ICT yang diterima melalui *Sistem Helpdesk* pada tahun 2020 telah dianalisis bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan. Berikut adalah antara hasil analisis:
- (i) Analisis kecapaian/ketidakcapaian objektif kualiti iaitu 'Memastikan 80% aduan yang didaftarkan ke dalam *Sistem Helpdesk* ICT diselesaikan dalam masa 4 hari bekerja (tidak termasuk aduan pengaturcaraan)'.

Bagi kategori ini purata pencapaian objektif kualiti PTM sepanjang tahun 2020 adalah 83.17% iaitu melebihi sasaran 80% yang ditetapkan tetapi menurun sedikit berbanding tahun 2019 (iaitu 89.52%).

- (ii) Analisis bilangan aduan sepanjang tahun Kategori perkhidmatan ICT telah dikenal pasti menerima 3 aduan tertinggi pada tahun 2020 adalah sistem aplikasi (16,205 aduan), perisian (2,557 aduan) dan perkhidmatan rangkaian (1,607 aduan).

- Sistem Aplikasi

Dalam kalangan sistem aplikasi, sistem yang menerima aduan tertinggi sepanjang 2020 ialah UMSItS-Enrolment (4,533 aduan). Sistem UMSItS buat pertama kalinya telah diguna pakai bermula 7 Januari 2020 melalui *online application*. Sistem ini adalah sistem maklumat pelajar yang menggantikan sistem legasi iaitu UMISIS yang telah digunakan sejak era 90-an. Sistem baru ini mengautomasi semua proses berkaitan pelajar dari permohonan sehingga graduasi dan seterusnya alumni.

Bilangan aduan tertinggi pada Februari 2020 (2,768 aduan) disebabkan pada bulan tersebut Sistem MAYA (iaitu portal pelajar) mula dibuka kepada pelajar. MAYA telah dibuka lebih awal iaitu pada 3 Februari 2020 untuk memberi peluang kepada pelajar menyemak jadual dan pada masa yang sama menyelesaikan isu berkaitan *login* ke sistem lebih awal (sekiranya ada). Pendaftaran pelajar Ijazah Dasar bermula seperti yang dijadualkan iaitu pada 10 Februari 2020 (mengikut tahap pengajian). Manakala pendaftaran pelajar Ijazah Tinggi sedia ada bermula pada 17 Februari 2020.

- Perisian

Perisian Microsoft Office 365 menerima aduan tertinggi pada tahun 2020 iaitu sebanyak 1,937 aduan iaitu hampir 76% daripada aduan di bawah kategori Perisian.

Aduan yang paling banyak diterima ialah berkaitan *Incorrect password* (31%) dan *Account does not exist* (20%). Ini berpunca kerana sebelum itu sumber rekod di sync dari pangkalan data UMISIS. Menjelang pembukaan MAYA, rekod pelajar di sync dari CAMS telah menimbulkan masalah. Hal ini disebabkan rekod pelajar baharu tiada/tidak wujud dalam pangkalan data UMISIS. Bagi menyelesaikan masalah ini, semua rekod pelajar baru telah dirujuk kepada pangkalan data UMSItS menggunakan API.

- Perkhidmatan Rangkaian

Aduan tertinggi adalah berkaitan perkhidmatan WiFi bagi pelajar iaitu sebanyak 925 aduan diikuti oleh *Datapoint* sebanyak 285 aduan. Aduan tertinggi di bawah *Wireless Student*

berpunca daripada *blackout (power trip)*. Ini menyebabkan peralatan rangkaian terputus bekalan elektrik. Isu ini diselesaikan setelah peralatan rangkaian yang terlibat di ‘up’ semula apabila bekalan elektrik kembali pulih.

Antara punca-punca kepada masalah terputus bekalan elektrik kerana kabel UTP telah dipotong atau terpotong secara tidak sengaja oleh pihak kontraktor luar semasa kerja-kerja renovasi dilaksanakan tanpa sebarang notis kepada jabatan atau PTM, kabel dalam keadaan usang/telah reput dan rosak akibat serangan haiwan perosak seperti tikus.

(b) Analisis Kajian Kepuasan Pelanggan

Dapatan kajian adalah berdasarkan senarai di Jadual 6.14, mengambil kira rating 3 (Fair) hingga 5 (Very good). Tiga (3) daripada sepuluh (10) perkhidmatan tersebut iaitu UMSItS, UM Touch dan Staff/Student Portal eNews (Informations/ Messages/ Tips/ Announcement/ New Updates) disenarai buat pertama kali untuk dinilai pada tahun 2020.


**Jadual 6.14: Perkhidmatan ICT utama PTM yang dinilai oleh staf dan pelajar**

NO.	PERKHIDMATAN ICT UTAMA	STAF RATING 3-5		PELAJAR RATING 3-5	
		JUM	%	JUM	%
1.	UM Network	549	91		
2.	UMMail / SiswaMail	651	99	793	95
3.	Staff / Student Portal	633	97	695	91
4.	UM Touch	595	96	630	95
5.	SPeCTRUM	328	85	652	80
6.	E-PAY@UM	256	97	433	91
7.	UMPOINT	237	96	316	92
8.	UMSItS	235	70	601	89
9.	Staff/ Student Portal eNews (Informations/ Messages/ Tips/ Announcement/ New Updates)	430	98	414	90
10.	PTM response towards helpdesk reports logged via <a href="https://helpdesk.um.edu.my">https://helpdesk.um.edu.my</a>	481	93	453	87
<b>Overall ICT services provided by PTM</b>		<b>592</b>	<b>96</b>	<b>667</b>	<b>90</b>

Perkhidmatan UMSItS dan SPeCTRUM merupakan perkhidmatan yang memperoleh peratusan terendah dari staf dan pelajar, masing-masing memberikan peratusan kepuasan terendah iaitu 70% dan 80%. PTM telah pun mengenal pasti punca yang menyumbang kepada peratusan terendah tersebut dan melaksanakan aktiviti penambahbaikan.

Secara keseluruhan, tahap kepuasan kedua-dua responden pada tahun 2020 boleh dilihat melalui dapatan “*Overall ICT services provided by PTM*” dengan peratusan Staf (96%) dan Pelajar (90%). Sungguhpun begitu, pencapaian ini menunjukkan sedikit penurunan berbanding pencapaian pada tahun 2019 seperti ditunjukkan dalam Rajah 6.28 berikut. PTM sentiasa berusaha mempertingkatkan perkhidmatan semasa agar memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh.

Rajah 6.28: Tahap kepuasan perkhidmatan ICT utama (2017-2020)



## 6.3 TABUNG-TABUNG KEWANGAN

Tabung Komersialisasi telah diwujudkan sejak tahun 2014 bagi menerima hasil yang dijana oleh PTM melalui aktiviti komersialisasi. Tabung Komersialisasi ini adalah usaha berterusan yang dilaksanakan oleh PTM dalam mencari penyelesaian untuk mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan asas. Hasil daripada tabung ini digunakan untuk menampung keperluan perkakasan, latihan dan aktiviti pembangunan staf. Tabung ini menjadi pemangkin bagi pelbagai aktiviti inovasi di PTM dalam membangunkan penyelesaian inovatif sama ada untuk diguna pakai secara dalaman maupun berpotensi untuk dipasarkan keluar.

Projek komersial *Research Management System Taylor's University* (RMS TU) telah dimulakan pada tahun 2017 dengan nilai asal RM 280,000.00. Kini, mengambil kira faktor semasa, nilai projek RMS TU telah meningkat kepada RM 386,872.80. Peningkatan ini berlandaskan termeterainya 38% kontrak tambahan daripada *change request* dan kontrak tahunan bagi penyelenggaraan sistem. Pembangunan projek telah siap sepenuhnya pada Januari 2021 dan kontrak penyelenggaraan adalah secara berterusan mengikut permintaan pihak TU.

Tabung Yuran ICT pada dasarnya bukanlah tabung penjanaan pendapatan. Tabung tersebut telah diwujudkan bagi menampung kos penyelenggaraan dan penambahbaikan

perkhidmatan ICT kampus meliputi kemudahan WiFi tanpa had, perisian Microsoft, lesen-lesen pelbagai perisian pembelajaran juga pelbagai aplikasi dalam talian yang disediakan oleh Universiti untuk kemudahan pelajar dan pengurusan berkaitan pelajar. Caj yuran ICT yang dikenakan adalah sangat rendah berbanding kos sebenar/ kos pasaran setiap kemudahan yang disediakan.


Hasil daripada kedua-dua tabung tersebut telah digunakan untuk menampung ketidakcukupan peruntukan Belanja Mengurus (OCAR) tahunan, yang telah berkurangan sekitar 50% semenjak tahun 2016.

## 6.4 LAPORAN KEWANGAN

Berikut adalah rekod perbelanjaan bagi penyediaan dan penambahbaikan teknologi maklumat untuk Universiti Malaya yang dibiayai menggunakan Peruntukan OCAR, Tabung Yuran ICT dan RMK-11.

Perbelanjaan PTM menggunakan peruntukan dalaman iaitu OCAR adalah berjumlah RM 6,666,749.54 manakala perbelanjaan menggunakan Tabung Yuran ICT pula berjumlah RM 4,480,714.71. Selain itu, perbelanjaan PTM turut ditampung oleh peruntukan RMK-11 sebanyak RM 6,692,492.60. Ini menjadikan kos keseluruhan perbelanjaan bagi menyokong operasi ICT pada tahun 2020 berjumlah RM 17,839,956.85. Perbelanjaan ini meningkat sebanyak 55% daripada perbelanjaan tahun 2019 berjumlah RM 12,484,370.70.

Rajah 6.29: Trend penurunan OCAR PTM (2011-2020)



Rajah 6.30: Perbelanjaan OCAR PTM (2015-2020)



Jadual 6.15: Perbelanjaan PTM menggunakan peruntukan OCAR, Tabung Yuran ICT & RMK-11 tahun 2020

Jenis perolehan/ perbelanjaan	Peruntukan		
	Mengurus (RM)	Tabung Yuran ICT (RM)	RMKe-11 (RM)
Penyelenggaraan rangkaian internet kampus utama	960,000.00	90,000.00	
Penyelenggaraan rangkaian internet kampus cawangan	250,315.38		
Menaik taraf dan penyelenggaraan rangkaian ( <i>Network Access Switch, Tranceiver, Fibre Optic</i> & naik taraf rak rangkaian)	948,390.20	120,000.00	298,000.00
Penyelenggaraan lesen perkakasan rangkaian	550,000.00		
Menaik taraf kelengkapan dan penyelenggaraan, waranti dan sokongan Pusat Data (Pelayan, <i>Hard disk Pelayan</i> )	92,968.00	442,110.00	
Penyelenggaraan lesen-lesen Pusat Data	738,605.15	1,184,744.95	
Keselamatan ICT (langganan lesen)	1,773,382.36		423,990.00
Lesen-lesen Perisian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	949,814.80		
Alat ganti PC, komputer riba, peralatan multimedia	20,168.00		
Penggantian CCTV di 17 lokasi penting	85,960.00		
Menaik taraf infrastruktur ICT bagi menyokong inisiatif kampus pintar			5,970,502.60
Lesen & sokongan menaik taraf Sistem Maklumat Pelajar.	238,512.00	1,678,297.28	
Emolumen 15 staf kontrak pelbagai projek		965,562.48	
Perbelanjaan lain-lain (eDMS, lesen secara <i>online</i> , bengkel dan latihan)	58,633.17		
<b>Jumlah mengikut peruntukan (RM)</b>	<b>6,666,749.54</b>	<b>4,480,714.71</b>	<b>6,692,492.60</b>
<b>Jumlah keseluruhan (RM)</b>	<b>17,839,956.85</b>		
<b>Peratusan perbelanjaan dari jumlah keseluruhan (%)</b>	<b>37.37</b>	<b>25.12</b>	<b>37.51</b>

## 6.5 SUMBANGAN SOSIAL ORGANISASI

Program *internship* adalah salah satu daripada tanggungjawab sosial organisasi dalam menyediakan ruang bagi membantu persediaan para pelajar yang bakal memasuki alam pekerjaan. Sungguhpun negara berada dalam situasi PKP akibat pandemik COVID-19 pada hampir sepanjang tahun 2020, PTM masih meneruskan tanggungjawab sosialnya dengan menerima para pelajar menjalani latihan industri sama ada secara WFH atau WOS dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Antara bidang latihan yang diberikan kepada pelajar *internship* ini adalah berkaitan pembangunan (web/sistem), multimedia dan rangkaian. PTM sentiasa memastikan skop latihan yang didedahkan kepada pelajar-pelajar adalah dari kategori yang tidak menjelaskan keselamatan maklumat Universiti.

**Jadual 6.16: Statistik pelajar latihan industri di PTM pada tahun 2020**

Bil.	Institusi Pengajian	Bilangan
1.	Universiti Malaya	6
2.	Universiti Teknologi MARA	18
3.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	1
4.	Universiti Tenaga Nasional	1
5.	Universiti Utara Malaysia	3
6.	Universiti Teknologi Malaysia	1
7.	Kolej Poly-Tech MARA	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>31</b>

**Jadual 6.17: Statistik penempatan pelajar latihan industri mengikut Bahagian di PTM**

Bil.	Institusi Pengajian	Bilangan
1.	Seksyen Laman Web	6
2.	Bahagian Pengurusan Sistem Maklumat	8
3.	Bahagian Infrastruktur Rangkaian	2
4.	Bahagian Inovasi Komersialisasi	8
5.	Bahagian Operasi Sokongan ICT	6
6.	Bahagian Governan & Pentadbiran	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>31</b>

## 6.6 PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KKPAS) merupakan aspek terpenting yang sentiasa ditekankan dan menjadi salah satu agenda utama pihak pengurusan Universiti Malaya bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan setiap warga universiti. Antara langkah-langkah utama yang diambil oleh pihak pengurusan sejajar dengan peruntukan undang-undang dan peraturan KKP dan AS sebagai organisasi Badan Berkanun adalah dengan penstrukturkan semula serta penubuhan Bahagian Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE) yang lebih efektif dan efisien. Selain itu Unit Perkhidmatan Perlindungan Sinaran (UPPS) juga telah disatukan bersama OSHE.

Bagi mempertingkatkan keberkesanan peranan dan tanggungjawab KKP, struktur Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah disusun semula dengan pembentukan tiga (3) peringkat JKKP, iaitu JKKP Induk diketuai oleh Naib Canselor dan dianggotai oleh Pengurusan Tertinggi Universiti untuk merangka hala tuju dan polisi aspek KKPAS yang berkaitan, JKKP Pusat yang dipengerusikan oleh Pengarah OSHE dengan dianggotai oleh wakil pengurusan dan pekerja di setiap PTJ yang merupakan nadi penggerak kepada perancangan dan penguatkuasaan KKPAS dan JKKP Kecil (PTJ) dipengerusikan oleh Ketua PTJ dengan melaksanakan aktiviti dan program KKPAS yang telah digariskan.

Bagi menentukan kompetensi dan pengetahuan ahli JKKP dan staf yang berkaitan, beberapa latihan dan kursus kompetensi KKPAS seperti yang termaktub di dalam Akta KKP 1994 dan AKAS 1974 telah dilaksanakan agar mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih efektif. Program *Safety Pledge* juga diperkenalkan dan ditandatangani oleh semua ahli JKKP Pusat malah kepada semua pelajar baru agar mereka lebih komited dalam memainkan peranan mereka.

Dalam menentukan kampus sentiasa bebas dan terkawal daripada bahaya keselamatan dan kesihatan, sistem pengurusan risiko dan pencegahan kemalangan serta penguatkuasaan


dijalankan melalui program HIRARC (*Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control*), sistem PTW (*Permit to Work, Hot Work, Working At Height*), *Contract Management*, prosedur *Stop Work Order*, dan sebagainya telah dilaksanakan secara bersepada antara pihak OSHE dan PTj. Pemantauan pematuhan KKPAS juga dijalankan melalui pemeriksaan KKPAS di semua PTj, audit KKP secara berkala, dan pemeriksaan secara *walkabout* oleh staf OSHE dan ahli JKPP Kecil setiap minggu. Pemantauan kebersihan dan keselamatan makanan turut dijalankan secara berkala sepanjang tahun ke atas semua pengusaha makanan termasuk kafeteria dan kiosk yang beroperasi di dalam kampus.

Bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga kampus dalam pematuhan kepada aspek KKPAS, beberapa program telah dijalankan melalui pelbagai media komunikasi, seperti penubuhan *Safety Corner* di setiap PTj, mengedarkan risalah dan pengumuman melalui *e-Bulletin*, *myOSHE*, taklimat dan induksi keselamatan kepada kontraktor, sesi dialog antara PTj dan Pengarah OSHE, bengkel, seminar, latihan dan sebagainya. Peningkatan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dijalankan melalui beberapa program, seperti pelaksanaan program CHRA (*Chemical and Health Risk Assessment*) di makmal-makmal, program pemeriksaan LEV (*Local Exhaust Ventilation*), program *personal*

*exposure dust monitoring* dan *noise monitoring*, pelaksanaan projek *Sick Bay & First Aid Room* di semua PTj. Bagi menangani keadaan kecemasan dan pengurusan bencana di kampus, pasukan ERT (*Emergency Response Team*) telah dibentuk di semua PTj dan latihan pengungsian dan *fire drill* bersama pihak BOMBA dan *first aid responder* turut dijalankan setiap tahun. Projek permohonan *Fire Certificate* untuk bangunan juga telah dimulakan bersama dengan pihak JPPHB.

Pengurusan alam sekitar merupakan dalam fungsi baru OSHE, dan sebagai permulaan, ECA (*Environmental Compliance Audit*) telah dijalankan dengan jayanya bagi mengenal pasti aspek alam sekitar yang perlu dipatuhi oleh universiti bagi mewujudkan alam sekeliling yang selamat dan bersih. Ini meliputi aspek pengurusan buangan sisa terjadual (seperti sisa bahan kimia dan klinikal), bahan kumbahan serta udara bersih akan mula dijalankan. Kelestarian alam sekeliling juga diberi penekanan seperti larangan penggunaan *stryofoam*, *single-use plastic* dan pengasingan makanan di punca telah dimasukkan ke dalam kontrak pengusaha premis makanan.

OSHE dengan jaya telah menjalankan *gap analysis* dan merancang program-program untuk memantapkan aspek KKP di universiti serta meningkatkan kesedaran warga kampus dalam keperluan dan pematuhan KKPAS di UM.



**07 PEMBANGUNAN  
KOLEKSI**





Tahun 2020 menyaksikan Perpustakaan menawarkan perkhidmatan rujukan secara maya sepenuhnya semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sebanyak 17,340 pertanyaan melalui perkhidmatan LiveChat telah diterima untuk tempoh Januari hingga Disember 2020 seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.1. Pertanyaan yang paling banyak diterima adalah pada bulan November iaitu sebanyak 2,991 (17.2%). Pertanyaan melalui LiveChat merupakan pilihan utama pengguna Perpustakaan untuk berkomunikasi dengan Pustakawan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Peratusan pertanyaan untuk bulan Januari dan Februari hanya 4.0% dan 3.5% manakala semasa tempoh PKP bilangan pertanyaan meningkat di antara 4.8% hingga 17.2% daripada jumlah keseluruhan LiveChat 2020.

Jadual 7.1: Statistik Pertanyaan Melalui LiveChat 2020

Tarikh	Chats	Tickets	Chat & Tickets	% Chat & Tickets
2020-01	556	137	693	4.0%
2020-02	497	103	600	3.5%
<b>Jumlah</b>	<b>13,729</b>	<b>3,611</b>	<b>17,340</b>	

Tarikh	Chats	Tickets	Chat & Tickets	% Chat & Tickets
2020-03	1,040	164	1,204	6.9%
2020-04	1,337	319	1,656	9.6%
2020-05	794	299	1,093	6.3%
2020-06	1,329	357	1,686	9.7%
2020-07	1,093	279	1,372	7.9%
2020-08	661	177	838	4.8%
2020-09	705	171	876	5.1%
2020-10	1,823	499	2,322	13.4%
2020-11	2,263	728	2,991	17.2%
2020-12	1,631	378	2,009	11.6%
<b>Jumlah</b>	<b>13,729</b>	<b>3,611</b>	<b>17,340</b>	

Perpustakaan turut berkolaborasi dengan Fakulti Perubatan membangunkan dua (2) platform berkenaan COVID-19 yang membantu pakar perubatan memperoleh maklumat tepat tentang COVID-19 (<https://umlibguides.um.edu.my/covid19>). Panduan etika mengurus data

berkaitan COVID (<https://umlibguides.um.edu.my/covid19ethics>) juga telah disediakan. Kursus Literasi Maklumat (GIG1004) yang merupakan kursus wajib Universiti turut dilaksanakan secara maya sepenuhnya untuk menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bagi pelajar Tahun Satu dengan menggunakan aplikasi MS Teams, Google Meet, Skype dan Zoom dengan bilangan kelas berjumlah 41 kumpulan pada Semester 2, Sesi 2019/2020 dan 45 kumpulan pada Semester 1, Sesi 2020/2021. Manakala, sejumlah 132 Bengkel/Sesi Kemahiran Maklumat untuk pelajar pascasiswazah pula telah dilaksanakan secara maya.

Koleksi perpustakaan ditambah sebanyak 2,732 judul (13,453 naskhah) berbanding 16,263 judul (21,008 naskhah) pada tahun 2019. Rajah 7.1 menunjukkan pecahan koleksi Perpustakaan yang terkini. Pertambahan koleksi disumbang oleh bahan bercetak dan bahan digital menjadikan jumlah keseluruhan koleksi meningkat sebanyak 0.9% kepada 2.4 juta daripada tahun 2019 (2.3 juta) iaitu perbezaan sebanyak 7.73% berbanding tahun lalu. Sejumlah 13,359 naskhah bahan bercetak terdiri daripada buku, jurnal, kertas persidangan, buletin, tesis dan piawaian telah ditambah ke dalam koleksi bahan bercetak. Manakala 14,491 naskhah

cakera padat audio, cakera padat video, buku elektronik, *digital library* dan jurnal elektronik telah ditambah ke dalam koleksi digital. Perbandingan kumulatif bahan bercetak, bahan bukan bercetak dan bahan digital bagi tahun 2019 – 2020 adalah seperti yang dipaparkan di Jadual 7.2. Hampir RM9 juta (RM8,975,715.44) telah dibelanjakan bagi menampung kos langganan pangkalan data (RM8,509,710.78) dan perolehan buku (RM466,004.66) untuk tahun 2020.

**Rajah 7.1: Koleksi Perpustakaan pada 31 Disember 2020**




**Jadual 7.2: Perbandingan Kumulatif Koleksi Bercetak, Bukan Bercetak dan Bahan Digital Tahun 2019 - 2020**

<b>Bercetak</b>		<b>Bukan Bercetak</b>		<b>Digital</b>	
2020	2019	2020	2019	2020	2019
1,623,482	1,610,240	485,901	485,901	291,580	277,089

Repositori institusi menambah 5,807 objek digital pada tahun 2020. Sehingga kini, terdapat 51,632 objek digital berbanding 45,825 objek digital pada tahun 2019 (kenaikan sebanyak 0.13%). Rajah 7.2 menunjukkan bilangan objek digital mengikut repositori yang dibangun dan disenggarakan oleh Perpustakaan. *Research Repository* mengandungi karya penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik Universiti Malaya. *Student's Repository* mengarkib hasil karya pelajar seperti tesis, disertasi dan kertas projek, manakala *Common Repository* menyimpan salinan digital bahan lama seperti warta kerajaan, majalah dan buku yang memudahkan capaian dan aksesibiliti manakala UM Memory menyimpan gambar bersejarah Universiti Malaya. Capaian kepada *Student Repository* dan *Research Repository* merekodkan sesi tertinggi iaitu masing-masing pada 32,241 sesi dan 10,241 sesi.

**Rajah 7.2: Statistik penambahan objek digital ke Repositori Institusi Perpustakaan pada 31 Disember 2020**



Platform baru untuk Kertas Peperiksaan telah dibangunkan semula selepas diserang penggodam dan boleh dicapai di <https://exampaper-um-edu-my.ezproxy.um.edu.my/>. Sejak September 2020, sebanyak 13,872 kertas peperiksaan telah diarkibkan. Sistem perpustakaan juga telah dinaik taraf kepada versi cloud SirsiDynix SaaS dengan pihak pembekal sistem memberikan perkhidmatan melalui internet berdasarkan langganan. Keselamatan capaian kepada langganan sumber elektronik juga telah dipertingkatkan dengan menukar akses kepada platform A – Z Online Databases. Platform ini boleh dicapai di <https://umlibguides.um.edu.my/az.php>. Kaedah ini memastikan pengguna yang sah sahaja mengakses sumber elektronik perpustakaan. Proses login juga diperkemaskan daripada *single-tier authentication* kepada *double-tier authentication* iaitu pengguna perlu memasukkan *username* dan *password* sebelum boleh mengakses sumber elektronik perpustakaan.

**Rajah 7.3: Paparan muka *username* dan *password* untuk mengakses sumber elektronik perpustakaan**



Muzium Seni Asia telah melaksanakan tiga (3) pameran sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada tahun 2020. Pameran yang berjaya dilaksanakan adalah *Pameran Seni di Sebalik Tirai* yang diusahakan bersama pelajar Jabatan Pengajaran Budaya Visual, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Puncak Alam pada 11-31 Januari 2020, *Pameran Khas Koleksi Malcom MacDonald* sempena menyambut delegasi dari Durham University pada 15 Januari 2020 dan terakhir, *Pameran Seni Ukiran Kayu* yang dijayakan bersama Akademi Pengajaran Melayu pada 10 Februari – 10 April 2020.



# 08 PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

8.1 PERISTIWA-PERISTIWA PENTING 2020	192
8.2 CABARAN YANG DIHADAPI	193
8.3 PETUNJUK PRESTASI UTAMA PPUM	193
8.4 TERAS UTAMA PPUM	194
8.5 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	205
8.6 KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN PPUM 2020	209
8.7 DIARI AKTIVITI PPUM 2020	213
8.8 PERISTIWA KHAS	221






Pusat Perubatan Universiti Malaya yang ditubuhkan pada tahun 1968 adalah sebuah hospital pengajaran dan Pihak Berkuasa di bawah Universiti Malaya yang juga merupakan sebuah badan berkanun. Antara fungsi utama penubuhan PPUM adalah untuk:

- (a) Menyumbang sebagai hospital pengajar dan rujukan yang cemerlang dengan perkhidmatan berkualiti dan berteknologi terkini.
- (b) Mengadakan perhubungan dan penyelarasan dalam menyokong aktiviti-aktiviti pembelajaran dan penyelidikan di Pusat Perubatan Universiti Malaya, lain-lain PTJ di Universiti Malaya serta agensi lain.
- (c) Mengadakan perhubungan dan penyelarasan di antara hospital dengan perkhidmatan perubatan dan kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam isu-isu kepentingan bersama.


## 8.1 PERISTIWA-PERISTIWA PENTING 2020

### 8.1.1 PERALIHAN KEAHLIAN PENGURUSAN TERTINGGI PPUM

Pengurusan Tertinggi PPUM sehingga 11 Ogos 2020



Pengurusan Tertinggi PPUM terkini



### 8.1.2 PERASMIAN PLAZA PPUM

Pada 10 Ogos 2020, Plaza PPUM telah dirasmikan oleh YBhg. Ar. Saifuddin bin Ahmad, Pengurus Lembaga Pengurusan PPUM. Objektif utama Plaza ini adalah untuk menambah baik aliran trafik di PPUM serta berfungsi sebagai pintu utama kemasukan pesakit dan pelawat ke PPUM. Seni bina plaza berkonsepkan garisan organik berteraskan pergerakan dan peredaran yang menjadi laluan penghubung utama ke bangunan-bangunan lain yang terdapat di PPUM. Bangunan Plaza ini juga akan menyediakan kemudahan mesra pesakit dan pelawat serta keperluan komersial.



## 8.2 CABARAN YANG DIHADAPI

Tahun 2020 adalah tahun yang mencabar kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya kerana seluruh dunia dilanda pandemik COVID-19 telah memberi kesan secara langsung kepada PPUM sebagai salah sebuah hospital pengajar universiti yang terlibat sebagai hospital merawat pesakit COVID-19.

Pelbagai kaedah penyesuaian dan perubahan perlu dilakukan sepanjang 2020 bagi memastikan setiap operasi PPUM berjalan lancar.

## 8.3 PETUNJUK PRESTASI UTAMA PPUM

Petunjuk Prestasi Utama	Standard	2019	2020
<i>To achieve and sustain certifications and accreditations</i>	<i>Yearly / As per requirement</i>	<i>MS ISO 9001:2015 recertification</i>	<i>MS ISO 9001:2015 recertification</i>
<i>Achievement of hospital performance and quality indicator</i>	$\geq 80\%$	97.6%	92.9%
<i>Hand hygiene compliance</i>	$\geq 80\%$	90.6%	91.6%
<i>Incidence rate of MRSA</i>	$\leq 0.3\%$	0.1%	0.1%
<i>Elective surgery cancellation rate</i>	$<10\%$	4.2%	5.7%

Petunjuk Prestasi Utama	Standard	2019	2020
<i>Patient satisfaction</i>	$\geq 80\%$	86.4%	89.1%
<i>Discharge summary given to patient on discharge</i>	100%	100%	100%
<i>Percentage of audit queries where response or action had been taken</i>	100%	100%	100%
<i>Attainment of set standards for waiting time (WT) to consult doctor or specialist at selected clinics: WT <math>\leq 120</math> minutes for at least <math>\geq 80\%</math> of patients for Medicine, Surgery &amp; Gynecology Clinics</i>	90%	90.8%	96.2%
<i>UMMC as partner in providing facilities for research activity</i>	<i>Minimal 1 Million per year</i>	<i>Total Grant: RM21,801,358.80</i>	<i>Total Grant: RM20,225,348.85</i>
<i>Percentage of CME attendance for individual houseman comply to mandatory training requirement</i>	100%	100%	100%


## 8.4 TERAS UTAMA PPUM




### 8.4.1 PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

Fungsi utama Pusat Perubatan Universiti Malaya adalah sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran seperti yang dinyatakan dalam statut iaitu bekerjasama dengan Fakulti dalam mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pendidikan, latihan penyelidikan, pensiswazahan dan perundingan perubatan.

#### 8.4.1.1 PROGRAM PENDIDIKAN YANG DIJALANKAN DI PPUM



#### 8.4.1.2 BILANGAN PELAJAR YANG MENJALANI LATIHAN DI PPUM



#### 8.4.2 PENYELIDIKAN

Bagi menyokong dan memperkuatkukuhkan bidang penyelidikan kesihatan yang merupakan teras utama PPUM, sebuah jabatan baru telah ditubuhkan pada 1 Disember 2019. Jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (JPPI) ini mempunyai 3 bahagian/unit iaitu Bahagian Penyelidikan Klinikal, Bahagian Penyelidikan Kesihatan dan Casemix serta Unit Pengurusan Data.

##### Objektif dan Fungsi Utama JPPI



Bahagian Penyelidikan Klinikal atau lebih dikenali sebagai *Clinical Investigation Centre* (CIC) bertanggungjawab mengendalikan perkhidmatan penyelidikan klinikal dan merupakan *one stop centre* bagi penyelidikan klinikal yang dijalankan di bawah Pusat Perubatan Universiti Malaya.

#### 8.4.2.1 PEKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH CLINICAL INVESTIGATION CENTRE



Jumlah keseluruhan geran yang diterima bagi aktiviti penyelidikan pada tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 7.23% berbanding 2019. Penurunan ini disebabkan aktiviti penyelidikan yang agak perlana kerana kesan pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia.

2019	2020
<b>RM 21,801,358.80</b>	<b>RM 20,225,348.85</b>

Jumlah Geran Penyelidikan

Jumlah penyelidikan klinikal dan perjanjian penyelidikan klinikal pada tahun 2020 adalah seperti perincian berikut



#### 8.4.2.2 BILANGAN PENYELIDIKAN INDUSTRY SPONSORED TRIALS (ISR) DAN INVESTIGATED INITIATED RESEARCH (IIR) YANG DIJALANKAN

JENIS KAJIAN	2019	2020	PERBEZAAN
<i>Investigator Initiated Research (IIR)</i>	8	19	+ 137.5%
<i>Industry Sponsored Research (ISR)</i>	52	44	- 15.38%
<b>JUMLAH</b>	<b>60</b>	<b>63</b>	<b>+ 5%</b>

Bahagian Penyelidikan Klinikal telah berjaya memperoleh beberapa pengiktirafan dan anugerah dari peringkat kebangsaan hingga peringkat dunia sepanjang 2020. Sebanyak lima (5) pengiktirafan penaja juga telah diperoleh seperti di bawah.

1

##### *The INSPIRE Program*

Diiktiraf oleh Pfizer Inc. sebagai INSPIRE Site (Investigator Networks, Site Partnership and Infrastructure for Research Excellence) sejak 4 Jun 2013 sehingga kini

2

##### *PAREXEL Site Alliances*

Dipilih sebagai Site Alliance yang **pertama di Malaysia** bermula tahun 2016 sehingga kini oleh Parexel International.

3

##### *IQVIA Prime Site*

Mengekalkan status Prime Site Quintiles selama sepuluh (10) tahun secara berturut-turut sejak tahun 2010 sehingga kini.

4

##### *Novotech (Malaysia) Partner Site 2020*

Partner Site kepada Novotech sejak tahun 2019

5

##### *Novo Nordisk (First Strategic Site)*

Merupakan Partner Site kepada Novo Nordisk sejak tahun 2019

#### 8.4.2.3 PENCAPAIAN PENYELIDIKAN 2020

3

Kejayaan Global Pesakit Pertama di dunia

5

Kejayaan Kebangsaan Pesakit Pertama di Malaysia

333

Penaja dalam dan luar negara

1

Memorandum Persefahaman


Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC) adalah Jawatankuasa Bebas yang dianggotai Ahli Profesional Perubatan/ Saintifik dan Anggota Bukan Perubatan/ Bukan Saintifik yang mengkaji, meluluskan dan melakukan kajian berterusan terhadap protokol dan pindaan penyelidikan manusia/ percubaan, dan kaedah serta bahan yang digunakan dalam mendapatkan persetujuan subjek kajian manusia.

Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 506 kajian *Investigator Initiated Trial* (IIT) dan 46 kajian *Investigator Sponsored Research* (ISR) telah diluluskan oleh Jawatankuasa MREC PPUM. Daripada kesemua jumlah itu, 128 kajian telah berjaya memperoleh geran penyelidikan sebaik sahaja mendapat kelulusan.

KATEGORI PENYELIDIKAN	IIT	ISR
Diploma/Ijazah Dasar/ Pascasiswazah	278	2
Klinikal	321	35
Bukan Klinikal	185	3
COVID-19	78	

### 8.4.3 PERKHIDMATAN PERAWATAN PESAKIT

#### 8.4.3.1 STATISTIK KEHADIRAN PESAKIT



#### PESAKIT LUAR

↓ 25.6%

#### PESAKIT DALAM

↓ 21.2%

#### JUMLAH KEHADIRAN PESAKIT


↓ 25.4%

Jumlah kehadiran pesakit ke PPUM pada tahun 2020 menunjukkan penurunan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya. Penurunan ketara ini berpunca dari pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak Januari 2020.


PPUM merupakan hospital universiti pertama yang dilantik menjadi hospital perawatan COVID-19. Pada fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diwartakan oleh kerajaan pada 18 Mac 2020, kuota janji temu pesakit luar di klinik-klinik pakar telah diubahsuai bagi mengurangkan kehadiran pesakit selaras usaha mengekang penularan COVID-19 di kawasan hospital. Beberapa wad dan katil telah diselaraskan semula fungsinya khusus bagi perawatan pesakit COVID-19. Penempatan semula staf klinikal dilaksanakan di wad-wad yang menjalankan perkhidmatan perawatan COVID-19. Kehadiran pelawat ke kawasan hospital dan wad juga dihadkan untuk mengelakkan berlaku penularan jangkitan kepada orang awam, kecuali bagi kes-kes kecemasan.

#### 8.4.3.2 DEMOGRAFIK PESAKIT

Peratusan Kehadiran Pesakit Mengikut Kumpulan Umur



Peratusan Kehadiran Pesakit Mengikut Kewarganegaraan



#### 8.4.3.3 PENCAPAIAN PERKHIDMATAN


Perkara	2019	2020	Perbezaan
Jumlah Kemasukan	55,756	43,957	-21.2%
Jumlah Kehadiran Pesakit di Jabatan Perubatan Kecemasan	106,487	70,031	-34.2%
Kadar Guna Katil (BOR)	69.22%	59.20%	-14.5%
Purata Tempoh Tinggal (ALOS)	4.92 hari	5.19 hari	+ 0.27 hari
Turnover Interval (TOI) days	2.1 hari	3.6 hari	+ 1.5 hari
Jumlah Hari Katil	402,660	396,782	-1.5%

Jumlah kemasukan, kehadiran pesakit di Jabatan Perubatan Kecemasan, kadar guna katil (BOR) dan Jumlah Hari Katil menunjukkan penurunan ketara sepanjang 2020, berbanding tahun 2019. Penurunan ketara ini adalah impak langsung daripada pandemik COVID-19.


Fasiliti Klinikal DI PPUM




#### 8.4.3.4 BILANGAN KATIL



#### 5 SEBAB UTAMA KEMASUKAN (43,957 PESAKIT)




#### 5 SEBAB UTAMA KEMATIAN



Daripada 1,588 jumlah kematian yang dilaporkan sepanjang tahun 2020, lima (5) punca utama kematian dinyatakan seperti di atas.

#### 8.4.3.5 PENDERMAAN DARAH



Jumlah pendermaan darah pada 2020 menunjukkan penurunan berbanding 2019. Penurunan pendermaan darah ini berpunca program-program menderma darah yang dibatalkan dan ditangguhkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan yang dijalankan untuk mengekang penularan wabak COVID-19.


#### 8.4.3.6 KADAR KEMATIAN

Indikator	2019	2020
Nisbah Kematian Ibu (per 100,000 kelahiran hidup) <sup>1</sup>	17.18	101.93
Kadar Kematian Neonatal (per 1,000 kelahiran hidup) <sup>1</sup>	5.83	7.13
Kadar Kelahiran Mati (per 1,000 kelahiran) <sup>1</sup>	7.7	6.11

#### 8.4.3.7 KELAHIRAN

Mod Kelahiran	2019	2020
Breech delivery	11	8
Elective caesarean section	667	538
Emergency caesarean section	1,394	1,074
Assisted Forceps delivery	99	79
Spontaneous Vaginal Delivery (SVD)	3,217	1,993
Assisted Vacuum delivery	355	191
Born before arrival	19	9
Born at home	50	32
<b>Jumlah Kelahiran (Hidup)</b>	<b>5,822</b>	<b>3,924</b>
Purata kelahiran sehari	15.9	10.75

#### 8.4.3.8 STATISTIK PEMBEDAHAN



Sepanjang 2020, sebanyak 17,541 jumlah pembedahan telah dijalankan di PPUM dengan 69.3% adalah pembedahan elektif manakala 30.7% merupakan pembedahan kecemasan.

#### 8.4.3.9 MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS (MPSG)

Keselamatan perawatan pesakit merupakan salah satu elemen penting dalam perkhidmatan kesihatan yang berkualiti bagi memastikan rawatan yang diberikan adalah selamat dan mengelakkan daripada berlakunya sebarang kesilapan yang memudaratkan pesakit.

Sebagai komitmen Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam keselamatan perawatan pesakit, Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia telah ditubuhkan dengan dua fungsi iaitu menggariskan fokus utama dan menilai aspek keselamatan pesakit di negara ini. Bagi memastikan keselamatan pesakit dijadikan agenda utama di semua fasiliti kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewajibkan *Malaysian Patient Safety Goals* (MPSG) dilaksanakan di seluruh negara.

Objektif *Malaysian Patient Safety Goals* (MPSG):

1. Mempertingkatkan keselamatan rawatan pesakit di Malaysia.
2. Menggariskan aspek keselamatan rawatan pesakit yang perlu diberi keutamaan.
3. Memantau dan menilai status keselamatan rawatan pesakit secara lebih sistematis.
4. Merancang tindakan khusus sama ada di peringkat fasiliti kesihatan tersebut.

**PENCAPAIAN PETUNJUK KLINIKAL MALAYSIAN PATIENTS SAFETY GOALS (MPSG)**

No.	Indikator	Sasaran	2019	2020
1	<i>Implementation of Clinical Governance(CG)</i>	<i>CG Implemented</i>	Yes	Yes
2	<i>Hand hygiene compliance rate</i>	$\geq 75\% \text{ at each audit}$	90.60%	91.60%
3	<i>Number of “wrong surgery” performed</i>	<i>Zero (0)</i>	0	0
	<i>Number of cases of unintended “retained foreign body”</i>	<i>Zero (0)</i>	0	0.17
4	<i>Incidence rate of MRSA infection</i>	$\leq 0.4\%$	0.10%	0.10%
	<i>Incidence rate of Extended Spectrum Beta-Lactamases (ESBL) – Klebsiella pneumonia infection</i>	$\leq 0.3\%$	0.20%	0.29%
	<i>Incidence rate of ESBL – E.coli infection</i>	$\leq 0.2\%$	0.10%	0.12%
5	<i>Compliance rate for “at least 2 identifiers implemented”</i>	<i>100%</i>	99.84%	99.80%
6	<i>Number of transfusion error (actual)</i>	<i>Zero (0)</i>	1	0
	<i>Number of transfusion error (near miss)</i>	<i>N/A</i>	30	30
7	<i>Medication errors (actual)</i>	<i>Zero (0)</i>	61	40
	<i>Medication error (near miss)</i>	<i>N/A</i>	38	37
8	<i>% of critical value notified within 30 minutes</i>	<i>100%</i>	95.10%	96.35%
9	<i>% reduction in the number of falls (adult)</i>	*	(-) 0.78%	(-) 26.77%
	<i>% reduction in the number of falls (paediatric)</i>	*	(+) 42.9%	(+) 30%
10	<i>Incidence rate of pressure ulcers</i>	$\leq 3\%$	1.70%	0.77%
11	<i>Rate of Catheter-Related Bloodstream Infection( CRBSI)</i>	$<5 \text{ per } 1000 \text{ catheter days}$	3.40	1.81
12	<i>Rate of Ventilator-Associated Pneumonia (VAP)</i>	$<10 \text{ per } 1000 \text{ ventilator days}$	7.50	3.26
13	<i>Implementation of Incident Reporting or other methods to investigate incidents</i>	<i>System Implemented</i>	Yes	Yes


\*Nilai negatif menunjukkan penurunan kes jatuh manakala nilai positif menunjukkan peningkatan kes jatuh

## 8.5 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### 8.5.1 Statistik Perjawatan

KUMPULAN PERKHIDMATAN	WARAN PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pengurusan Tertinggi	8	7 (87.5%)	1 (12.5%)
Pengurusan & Profesional	612	547 (89.4%)	65 (10.6%)
Pelaksana	5,273	5,143 (97.5%)	130 (2.5%)
<b>Jumlah</b>	<b>5,893</b>	<b>5,697 (96.7%)</b>	<b>196 (3.3%)</b>

\*Statistik Perjawatan berakhir 31 Disember 2020



Terdapat peningkatan sebanyak 5.74% waran perjawatan pada 2020. Berlaku pertambahan sebanyak 320 perjawatan selaras dengan kelulusan perjawatan baharu di bawah Anggaran Belanja Mengurus (ABM), dengan majoriti waran melibatkan jawatan Jururawat, Juru X-ray dan Juruteknologi Makmal Perubatan. Pertambahan waran perjawatan ini adalah selari dengan keperluan perkhidmatan yang semakin bertambah.





Daripada 480 staf akademik di bawah lantikan Fakulti Perubatan UM, 430 staf klinikal akademik juga turut bertugas di Pusat Perubatan Universiti Malaya dalam memberi perkhidmatan kepada perawatan pesakit.

## 8.5.2 Kemajuan Kerjaya




Rajah berikut menunjukkan maklumat staf yang menghadiri kursus jangka pendek anjuran PPUM, agensi kerajaan dan swasta. Tahun 2020 menunjukkan penurunan ketara dari segi bilangan kursus dan jumlah penyertaan staf disebabkan kursus dibatalkan dan ditangguhkan akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengelak penularan wabak COVID-19.






### 8.5.3 Meninggalkan / Tamat Perkhidmatan



Sepanjang 2020, sebanyak 253 orang staf telah meninggalkan atau tamat perkhidmatan dengan PPUM atas pelbagai sebab yang dinyatakan seperti di atas. Purata Pusing Ganti (*Turnover Rate*) juga menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2019.



#### 8.5.4 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Pada tahun 2020, bilangan staf yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang meningkat sebanyak 1.06% berbanding 379 orang penerima pada tahun 2019.

## 8.6 KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN PPUM 2020

### (1) Anugerah Emas 19th Annual Asian Hospital Management Awards

Pasukan Projek Penambahbaikan Kualiti (QIT), CTwarriors telah menerima Anugerah Emas "Patient Safety" dengan tajuk "Computed Tomography (CT) Chest Abdomen Pelvis: Optimising Contrast Media Based on Body Weight and Bolus Tracking Method" daripada Asian Hospital Management Awards.



### (2) Tempat Kedua dalam Pembentangan E-poster di International Online Conference on Pharmacovigilance and Clinical Research

Encik Mohd Firdaus B. Abdullah, Pegawai Farmasi, Jabatan Farmasi telah memenangi tempat kedua dalam persembahan poster di *International Online Conference on Pharmacovigilance and Clinical Research* yang telah berlangsung secara dalam talian pada 1 hingga 2 Ogos 2020.



### **(3) Anugerah APSIC Safe Surgery Award**

Jabatan Kawalan Jangkitan telah menerima *Anugerah APSIC Surgery Award* daripada Asia Pacific Society of Infection Control dalam “Delivering High Level of Patient Safety in Surgical Procedure”.



### **(4) Sijil Penghargaan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia**

Jabatan Oftalmologi, Unit Rawatan Rapi dan *Transplant and Organ Procurement (TOP) Team PPUM* menerima penghargaan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia kerana telah bekerjasama dan memberi sumbangan dalam pembedahan pendermaan organ/tisu di Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 14 Ogos 2020.



**(5) Certificate of Completion of the WHO Influenza EQAP Panel 19 (2020)**

Jabatan Mikrobiologi Perubataan telah menerima pengiktirafan dari *Centre of Health Protection, Department of Health, The Government of Hong Kong Special Administrative Region* dalam program *External Quality Assessment (EQA) For The Detection of Influenza Viruses by RT-PCR*.



**(6) Pensijilan semula MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (2020)**

Pusat Perubatan Universiti Malaya telah menerima pensijilan semula MS ISO 9001:2015 *Quality Management System* di bawah skop pensijilan “*Provision of healthcare services including clinical and non-clinical support services*” mulai 12 April 2020 hingga 2 Mei 2023.



**(7) Pengiktirafan oleh  
Strategic Initiative for  
Developing Capacity in  
Ethical Review (SIDCER)  
dan Forum for Ethical  
Review Committees in  
Asia and the Western  
Pacific (FERCAP)**

Medical Research Ethics Committee (MREC) PPUM telah dianugerahkan pengiktirafan oleh *Strategic Initiative for Developing Capacity in Ethical Review* (SIDCER) dan Forum for Ethical Review Committees in Asia and the Western Pacific (FERCAP) di Perhimpunan Antarabangsa. Pada persidangan dalam talian FERCAP 2020, dua (2) kajian berkaitan COVID-19 telah dibentangkan iaitu:

- (i) “*Ethics Preparedness during the COVID-19 Pandemic: Perspective from a COVID-19 Designated Tertiary Medical Centre in Malaysia*” oleh Profesor Ulung Datuk Dr. Looi Lai Meng, Profesor Dr. Ng Chirk Jenn dan Dr. Phang Kean Chang.
- (ii) “*Doing Research with Refugees the Ethical Way – Virtual Training during the COVID-19 Pandemic*” oleh Cik Grazele Jenarun, Sekretariat MREC PPUM.

The Strategic Initiative for Developing Capacity in Ethical Review



in collaboration with the



Forum for Ethical Review Committees in Asia and the Western Pacific Region

hereby renews recognition of the

**University of Malaya Medical Centre (UMMC)  
Medical Research Ethics Committee (MREC)  
(Kuala Lumpur, Malaysia)**

for its compliance with the

Declaration of Helsinki, International Council for Harmonisation (ICH) Guidelines, Good Clinical Practice (GCP) Standards, Council for International Organizations of Medical Sciences (CIOMS) Guidelines, World Health Organization (WHO) Standards and Operational Guidance for Ethics Review of Health-Related Research and Surveying and Evaluating Ethical Review Practices, EC/IRB Standard Operating Procedures (SOPs), and Local Regulations and Standards in Ethical Review

Awarded during the 19<sup>th</sup> FERCAP General Assembly  
in Penang, Malaysia on November 27, 2019

JUNTRA KARBWANG  
SIDCER Coordinator

KENJI HIRAYAMA  
FERCAP Chair

## 8.7 DIARI AKTIVITI PPUM 2020

### Rabu, 8 Januari 2020

1- Lawatan Lions Club of Selangor Community ke Wad 8PA, 8PB dan 7PA, Jabatan Pediatric.



### Selasa, 9 Januari 2020

2- Bengkel 'Live Surgery: Lipofilling Symposium  
- Fat Transfer in Modern Era: From Research to Clinical Applications



**Sabtu, 11 Januari 2020**

3- Majlis Jamuan Teh Unit “*Paediatric Pain & Palliative Care*”, Jabatan Pediatrik dan Perasmian program “*MyStarfish*” oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad.

**Rabu, 29 Jan 2020**

4- Majlis Amanat Pengarah PPUM Bagi Tahun 2020



### **Khamis, 20 Februari 2020**

5- Majlis Perasmian UMMC *International Nursing and Healthcare Conference 2020* bertempat di Hotel Everly, Putrajaya.



### **Selasa, 3 Mac 2020**

6- Lawatan kerja delegasi *International Islamic University Malaysia Medical Centre (IIUMMC)* ke PPUM



**Selasa, 3 Mac 2020**

7- Majlis Sambutan *World Hearing Day* Peringkat PPUM Tahun 2020



**Khamis, 6 Ogos 2020**

8- Majlis Penghargaan Perkhidmatan Tahun 2020



**Isnin, 10 Ogos 2020**

9- Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) di antara PPUM dan Beyond4 Sdn. Bhd



**Isnin, 10 Ogos 2020**

10- Majlis Pelancaran Bangunan Plaza PPUM



**Khamis, 13 Ogos 2020**

11- Majlis Penyerahan ‘The Zone’ Tingkat 1,  
Bangunan Rawatan Utama PPUM sumbangan oleh  
syarikat Mr. DIY Trading Sdn. Bhd.



**Selasa, 18 Ogos 2020**

12- Majlis Penyampaian Sumbangan Oleh  
Persatuan Palang Merah Singapura kepada PPUM



**Khamis, 27 Ogos 2020**

13- Majlis Penghargaan Pengarah PPUM



**Sabtu, 5 September 2020**

14- Majlis Program Saringan Mata Katarak  
Sempena Hari Penglihatan Sedunia 2020  
dirasmikan oleh Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB  
Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil



**Isnin, 23 September 2020**

15- Majlis Penghargaan kepada Barisan Hadapan Menangani Pandemik Covid-19 oleh CUEPACS Malaysia

**Rabu, 23 September 2020**

16- Majlis Sambutan Hari Sepsis Sedunia peringkat PPUM



**Isnin, 5 Oktober 2020**

17- Majlis Perasmian Hari Pink Oktober 2020  
Peringkat PPUM



## 8.8 PERISTIWA KHAS


### 8.8.1 PANDEMIK COVID-19.

8.8.1.1 Pusat Perubatan Universiti Malaysia merupakan hospital bukan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia pertama yang berfungsi sebagai hospital rujukan bagi mengendalikan kes-kes yang disyaki (PUI) dan sahif bagi COVID-19. PPUM mula menerima pesakit pertama COVID-19 pada 26 Februari 2020. Bagi memastikan pengurusan dan perancangan perawatan terbaik dalam menangani COVID-19, satu (1) Jawatankuasa Task Force COVID-19 telah ditubuhkan secara rasmi pada 13 Mac 2020.

**Jawatankuasa Task Force COVID-19 PPUM**




- 8.8.1.2 Beberapa langkah penyesuaian perkhidmatan telah dilakukan bagi memastikan semua aktiviti PUM berjalan lancar.




- 8.8.1.3 Pihak pengurusan PPUM telah mewajibkan sijil elektronik *COVID-19 Preparedness Certificate* atau CPC untuk memastikan kesiapsiagaan dan kepatuhan semua individu terhadap *Standard Operating Procedure* (SOP) terkini dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing ketika berada di premis PPUM.
- 8.8.1.4 Bagi memastikan kadar penularan jangkit COVID-19 dalam kalangan staf PPUM sentiasa terkawal, pihak pengurusan juga telah menubuhkan Pasukan Pencegah COVID-19 (PPC). Pasukan Pencegah COVID-19 ini bertanggungjawab memastikan segala langkah kawalan pencegahan jangkitan dipatuhi oleh semua staf dengan mengadakan audit dan rondaan ke setiap kawasan.



#### 8.8.1.5 Statistik COVID-19 (berakhir 31 Disember 2020)



#### 8.8.1.6 Fasiliti Saringan COVID-19



#### 8.8.1.7 Fasiliti Kuarantin

Pusat Perubatan Universiti Malaya turut menyediakan fasiliti kuarantin bagi staf yang perlu menjalani sesi kuarantin.



Wad Lavender  
**5 katil**



Wad Kasturi  
**3 Katil**



Anjung Penyayang  
**60 Katil**  
17 bilik yang dibuka kepada pelawat/orang awam dijadikan sebagai fasiliti tambahan bagi keperluan kuarantin staf

#### 8.8.1.8 Program Sokongan Psikososial Oleh Unit Pengurusan Psikologi dan Kaunseling

Sewaktu tempoh pandemik COVID-19 yang berlaku, Unit Pengurusan Psikologi dan Kaunseling dengan kerjasama Jabatan Perubatan Psikologi serta Jabatan Kerja Sosial Perubatan telah menubuhkan Pasukan Bantuan Awal Sokongan Psikososial. Pasukan ini ditubuhkan bagi memberi sokongan moral kepada pesakit dalam kalangan staf yang terkesan dalam menghadapi pandemik COVID-19. Program ini telah mula dilaksanakan sejak 30 Mac 2020 sehingga kini.



# 09 KEWANGAN

9.1 LAPORAN KEWANGAN UM 2020	227
9.2 LAPORAN KEWANGAN BAGI PENYATA KEWANGAN PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (PPUM) BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020	311





## 9.1 Laporan Kewangan UM 2020

### 9.1.1 Pendahuluan

Penyata Kewangan Universiti bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2020, adalah merupakan penyata kewangan pertama yang disediakan menggunakan Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) dan MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama bagi Asas Akruan MPSAS. Sebelum ini penyata Kewangan Universiti telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (“MPERS”).

Penyata Kewangan UM adalah merupakan penyatuan dua entiti iaitu UM dan UM Holding Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat milik penuh UM. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang telah menggariskan kemampunan kewangan sebagai salah satu lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Penyata Kewangan yang berakhir 31 Disember 2020 menunjukkan UM kini terarah kepada pengurangan kebergantungan kepada sumber kerajaan dengan cara meningkatkan hasil dari sumber-sumber lain.

Inisiatif pengurangan kebergantungan kepada sumber kerajaan adalah selaras dengan Pelan Strategik UM 2016 – 2020 yang menyasarkan kemampunan kewangan UM menjelang tahun 2025 dengan penekanan kepada penjanaan pendapatan daripada sumber dalaman serta pendanaan yang mencukupi bagi menampung belanja operasi Universiti.

## **9.1.2 Prestasi Dan Keupayaan Kewangan**

Secara keseluruhannya, UM telah menguruskan operasi 2020 seperti yang dirancang dengan merekodkan lebih pendapatan bersih bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019. Pengurusan kewangan yang strategik dan penjanaan pendapatan yang pelbagai telah diteruskan bagi memastikan kelestarian kewangan UM dengan peningkatan kualiti perkhidmatan yang memberangsangkan bagi tahun 2020. Dalam hal ini, penelitian semula kepada usaha penjanaan pendapatan telah dilakukan bagi mengurangkan kebergantungan kewangan Universiti kepada sumber luar.

Universiti telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima Sijil Bersih daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Malaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Pengurusan belanjawan merupakan perancangan kewangan yang bertujuan untuk melaksanakan dasar tertentu dan telah dirangka agar berupaya menampung keperluan atas operasi tahunan meliputi pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran Universiti disamping untuk memastikan tahap penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan baik. Perbelanjaan dijeniskan mengikut kategori seperti emolumen, perkhidmatan & bekalan, pemberian & bayaran kenaan tetap serta perbelanjaan lain untuk mencapai objektif UM.


Bagi memastikan strategi pengurusan belanjawan ini kekal selari dengan hasrat Kerajaan dalam memastikan perbelanjaan awam dilakukan secara berhemah dan penggunaan sumber secara optimum, fokus bagi peningkatan sumber-sumber dana tambahan kepada Universiti dan langkah-langkah penjimatan telah diberikan penekanan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Namun begitu, berikutan perisytiharan Wabak Coronavirus (COVID-19) sebagai wabak pandemik oleh Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020. Berikutan penularan wabak ini telah memberi impak secara keseluruhan terhadap pengurusan belanjawan 2020. Lebih-lebih lagi apabila terdapat beberapa perbelanjaan luar jangka yang terpaksa dilakukan dan pengurangan perolehan kewangan bagi Universiti bagi memastikan urusan Universiti pada semua peringkat tidak terjejas teruk.

Rekod terimaan Geran Kerajaan bagi Perbelanjaan Mengurus tahun 2020 mengalami penurunan sebanyak RM45,100,195 (8.6%) berbanding tahun 2019. Penurunan Geran Kerajaan tahun 2020 memecahkan trend menaik sejak tahun 2017.

Dengan rekod penerimaan Geran Kerajaan yang terhad, belanjawan Universiti dirangka supaya penjanaan dana daripada sumber dalaman dapat menjadi keutamaan bagi urusan perbelanjaan selain Gaji dan Emolumen. Universiti menjangkakan penurunan kebergantungan terhadap Geran Kerajaan dalam jangka panjang. Malahan, telah berlaku sekatan waran Geran Kerajaan pada tahun 2020, menyebabkan jumlah yang diterima ialah RM33,552,400 (6.5%) lebih rendah berbanding jumlah sebenar yang patut diterima.

### KEDUDUKAN TERIMAAN GERAN MENGURUS KERAJAAN 2015 - 2020



CARTA 1: Kedudukan terimaan Geran Mengurus Kerajaan daripada tahun 2015 hingga 2020


#### 9.1.3 Kedudukan Kewangan UM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Universiti Malaya telah merekodkan akaun bagi tahun berakhir 2020 dengan lebahan bersih sebanyak RM31,254,359 berbanding lebahan bersih sebanyak RM53,275,987 yang direkodkan pada tahun 2019. Jumlah lebahan bersih ini telah menunjukkan penurunan sebanyak RM22,021,628 (41%) daripada lebahan bersih pada tahun sebelumnya. Dengan mengambil kira beberapa faktor yang memberi kesan kepada operasi Universiti sepanjang tahun 2020 terutamanya kesan COVID-19 kepada pendapatan dan perbelanjaan Universiti secara umum, kebolehan Universiti mengekalkan lebahan pendapatan merupakan satu pencapaian yang amat baik.

### 9.1.3.1 Pendapatan


Universiti menyedari akan kepentingan kepelbagaiannya sumber kewangan yang lestari bagi memastikan agenda universiti dapat dijalankan seperti yang dirancang. UM kini bergerak aktif dan kreatif dalam meneroka sumber pendapatan baru demi kelangsungan universiti. Projek janaan pendapatan tambahan ini dijangka dapat mengurangkan kebergantungan UM kepada geran Kerajaan serta secara langsung dapat memastikan peningkatan jumlah pendapatan universiti selain dapat meningkatkan lagi nama UM di mata masyarakat. Wang terkumpul akan dilaburkan untuk memperolehi kelestarian pulangan dan digunakan dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pelajar.

Bagi tahun 2020 universiti telah merekodkan pendapatan sebanyak RM1,191,097,117 berbanding RM1,210,536,989 bagi tahun 2019. Ini menunjukkan telah berlaku pengurangan sebanyak RM19,439,872 (1.6%) pada hasil yang diperoleh oleh UM pada tahun 2019. Sumber pendapatan yang diperoleh UM termasuklah geran kerajaan, pelaburan, hasil yuran, dividen anak syarikat dan juga pendapatan lain. Peratusan terbesar pendapatan yang diterima UM adalah daripada geran kerajaan iaitu sebanyak RM583,643,541 (49.0%) daripada jumlah keseluruhan pendapatan yang direkodkan. Pun begitu, kebergantungan pendapatan daripada geran tersebut semakin berkurangan pada tahun 2020 berbanding 52.1% daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2019, hasil daripada peningkatan pendapatan daripada sumber dalaman sebanyak RM27,211,652 (4.7%).



CARTA 2: Pendapatan UM pada tahun 2020 (mengikut kategori)

## PENDAPATAN UM 2019 - 2020 (MENGIKUT KATEGORI)



CARTA 3: Perbandingan pendapatan UM (mengikut kategori) bagi tahun 2019 dan 2020


### 9.1.3.2 Perbelanjaan

Amalan perbelanjaan yang berhemah dan pengurusan kewangan yang baik telah diteruskan dengan penggunaan sumber yang cermat bagi memastikan pembaziran dapat dielakkan dan aset yang sedia ada dapat digunakan secara optimum tanpa menjelaskan aktiviti dan operasi universiti.

Sebanyak RM1,154,289,061 telah dibelanjakan oleh UM tidak termasuk cukai, agihan syarikat bersekutu dan kepentingan bukan kawalan pada tahun 2020 berbanding RM1,152,419,523 pada tahun 2019 di mana peningkatan sebanyak RM1,869,538 (0.2%) telah direkodkan.


Perbelanjaan tertinggi adalah daripada kategori gaji dan elaun, sebanyak RM544,865,725 (47.2%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pada tahun 2020 bagi membayar gaji dan elaun staf yang berkhidmat di UM. Jenis perbelanjaan lain adalah seperti perjalanan, bekalan dan bahan-bahan, penyelenggaraan dan pembaikan, lain-lain perkhidmatan yang dibeli dan perbelanjaan lain.

## PERBELANJAAN UM 2020 (MENGIKUT KATEGORI)




CARTA 4: Perbelanjaan UM pada tahun 2020 (mengikut kategori)

Perbelanjaan tertinggi bagi tahun 2020 ialah Gaji dan Elaun iaitu sebanyak RM544,865,725 (47.2%) diikuti dengan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM299,509,786 (25.9%). Sebanyak RM81,903,408 (7.1%) telah dibelanjakan bagi urusan Penyelenggaraan dan Pembaikan manakala RM45,704,984 (4.0%) dibelanjakan untuk urusan Perjalanan dan Perhubungan. Susutnilai dan lain-lain perbelanjaan seperti sewaan, pemberian dan bayaran tetap, kerugian rosot nilai, kerugian nilai saksama dan kerugian atas penjualan/pelupusan hartanah, loji dan peralatan serta kerugian daripada pelaburan melibatkan belanja sebanyak RM182,305,158 (15.8%). Secara keseluruhan, perbelanjaan pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak RM1,869,538 (0.2%) berbanding tahun 2019.



CARTA 5: Perbandingan perbelanjaan UM (mengikut kategori) bagi tahun 2019 dan 2020

UM berjaya mengekalkan rekod lebihan pendapatan bersih pada tahun 2020 sebanyak RM31,254,359. Namun begitu, lebihan pendapatan tahun 2020 menurun sebanyak RM22,021,628 (41.3%) berbanding tahun 2019. Hal ini berikutan penurunan pendapatan sebanyak RM19,439,872 (1.6%) dan peningkatan perbelanjaan sebanyak RM1,869,538 (0.2%) berbanding tahun 2019. Namun begitu, berdasarkan rekod prestasi selama 6 tahun (2015 – 2020), UM pada tahun 2020 masih berjaya mengekalkan hasil pendapatan atas purata dan perbelanjaan bawah purata sepanjang 6 tahun tersebut sekaligus membuktikan perancangan kewangan UM pada tahun 2020 berjaya mengekalkan prestasi yang baik terutama dalam memastikan impak negatif daripada penularan COVID-19 tidak menjaskan operasi dan prestasi kewangan Universiti.



CARTA 6: Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UM daripada tahun 2015 hingga 2020


### 9.1.3.3 Aset dan Liabiliti

Jumlah Aset Semasa tahun 2020 adalah sebanyak RM1,583,676,876 berbanding dengan RM1,366,845,665 pada tahun 2019, peningkatan sebanyak RM216,831,211 (15.9%). Jumlah Aset Bukan Semasa tahun 2020 adalah sebanyak RM1,353,253,463 berbanding dengan RM1,563,250,629 iaitu penurunan sebanyak RM209,997,166 (13.4%) berbanding 2019. Ini menjadikan Jumlah Aset tahun 2020 sebanyak RM2,936,930,339.

Jumlah Liabiliti Semasa tahun 2020 adalah sebanyak RM433,359,411 berbanding dengan RM432,029,327 pada tahun 2019, peningkatan sebanyak RM1,330,084 (0.3%)

Jumlah Liabiliti Jangka Panjang tahun 2020 adalah sebanyak RM35,060,482 berbanding dengan RM35,686,350 pada tahun 2019, penurunan sebanyak RM625,868 (1.8%). Ini menjadikan Jumlah Liabiliti sebanyak RM468,419,893 pada tahun 2020.

Secara keseluruhannya, Aset Bersih Universiti pada tahun 2020 mencatatkan peningkatan sebanyak RM6,129,829 (0.2%) berbanding 2019.




CARTA 7: Kedudukan Aset & Liabiliti UM bagi tahun 2019 dan 2020

#### 9.1.3.4 Ekuiti

Segala perbelanjaan operasi UM dibayai oleh Kumpulanwang yang berjumlah RM2,469,603,365. Tahun 2020 merekodkan peningkatan sebanyak RM6,081,616 (0.2%) berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM2,463,521,749.

Terdapat 10 Kumpulanwang yang mempunyai fungsi tertentu yang terdiri daripada Kumpulanwang Mengurus, Pembangunan Modal, Pinjaman, Biasiswa dan Hadiah, Bantuan Terus, Bangunan, Derma, Penyelidikan Asrama dan Amanah seperti di Carta 8.



CARTA 8: Pecahan Kumpulanwang UM pada tahun 2020

Terdapat 7 Kumpulanwang yang mengalami peningkatan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 iaitu KW Pinjaman (RM816,395 (1.2%)), KW Biasiswa dan Hadiah (RM82,137 (1.3%)), KW Bangunan (RM75,024,838 (25.9%)), KW Derma (RM7,950,099 (16.4%)), KW Penyelidikan (RM6,287,096 (4.7%)) dan KW Amanah (RM55,676,626 (6.9%)). KW Pembangunan Modal mengalami penurunan terbesar berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak RM117,933,854 (10.2%). Kumpulanwang lain yang mengalami penurunan ialah KW Mengurus (RM3,603,985 (48.1%)), KW Bantuan Terus (RM8,052,373 (4.3%)) dan KW Asrama (RM10,165,363 (36.2%)). Hanya KW Penyelidikan merekodkan ketidakcukupan pada tahun 2020 (-RM128,071,078).

#### 9.1.4 Impak COVID-19 Kepada Kewangan UM

Pada 11 Mac 2020, Organisasi Kesihatan Sedunia (“WHO”) telah mengisyiharkan Wabak Coronavirus (“COVID-19”) sebagai wabak pandemik disebabkan oleh penyebaran wabak yang cepat di seluruh dunia. Pada 16 Mac 2020, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) bermula pada 18 Mac 2020 untuk mengekang

penyebaran Wabak COVID-19 di Malaysia. PKP ini dikenakan sehingga 12 Mei 2020 diikuti oleh PKP Bersyarat sehingga 9 Jun 2020 dan kemudiannya, PKP Pemulihan dilaksanakan sehingga 31 Disember 2020.

Pelbagai langkah pencegahan telah dilaksanakan termasuk penutupan premis, sekatan perjalanan dan penutupan jalan bagi menangani wabak COVID-19. Langkah-langkah yang dilaksanakan di seluruh negara ini telah memberi kesan kepada pengurusan/operasi Universiti dan secara langsung memberi impak kepada pendapatan dan perbelanjaan Universiti pada tahun 2020.

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB) 3.1 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan, semua perbelanjaan bagi tujuan pengurusan pandemik COVID-19 dipastikan dilaksanakan secara berhemat bagi mengawal perbelanjaan, mengelakkan pembaziran dan melakukan penjimatan.

Sehingga 31 Disember 2020 sebanyak RM1,460,743.60 telah dibelanjakan untuk pengurusan keselamatan dan kesihatan. Perbelanjaan bagi tujuan ini melibatkan pembelian bekalan pakai buang alat pelindung diri dari

jangkitan wabak COVID-19 bagi kegunaan seluruh kampus, bekalan bahan pencucian dan sanitasi serta peralatan saringan kesihatan bagi menangani penularan wabak COVID-19 dalam kampus.

Sebanyak RM1,401,677 telah dibelanjakan bagi urusan kebijakan pelajar yang melibatkan tuntutan tiket penerbangan dan pengangkutan awam oleh pelajar dan bagi keperluan menampung kos makanan pelajar yang kuarantin dan berada di kolej kediaman. Perbelanjaan ini juga bagi memastikan pembelajaran E-Learning (pembelajaran dalam talian) dapat dijalankan sepanjang tempoh tersebut. Perbelanjaan bagi tujuan ini melibatkan perkhidmatan langganan paket pelan data kepada pelajar, pembelian peralatan-peralatan ICT bagi tujuan perekodan dan siaran lansung oleh pengajar serta pembelian server dan langganan fasiliti dalam talian untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dibuat secara dalam talian dan tidak tergendala sepanjang tempoh tersebut.

Penularan wabak COVID-19 meninggalkan impak negatif kepada penjanaan pendapatan Universiti. Sekatan Geran Kerajaan bagi suku keempat tahun 2020 menyebabkan Universiti perlu menggunakan sumber dalaman bagi menampung ketidakcukupan. Berikutan penutupan kampus, kebanyakan fasiliti tidak dapat disewakan. Ketiadaan pelajar dalam kampus juga menyebabkan kebanyakan operasi tidak dapat dijalankan dan bagi mengurangkan beban penyewa ruang-ruang dalam kampus seperti perkhidmatan kafe, koperasi dan perkhidmatan-perkhidmatan lain, diskauan dan pengecualian pembayaran sewa telah diberikan menyebabkan lebih pengurangan pendapatan pada tahun 2020. Pengurangan yuran pengajian dan penginapan pelajar sebanyak RM26,378,296 juga memberi kesan kepada hasil pendapatan UM tahun 2020.

Pengurangan sumber-sumber pendapatan Universiti serta peningkatan perbelanjaan lebih-lebih lagi yang berkaitan pengurusan keselamatan dan kesihatan kampus dalam tempoh wabak COVID-19 menyebabkan berlakunya ketidakcukupan pendapatan yang menyebabkan penggunaan rizab yang semakin terhakis.

Universiti akan terus memantau kesan wabak COVID-19, dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai dengan waktu yang telah ditetapkan bagi meminimumkan kesan wabak tersebut terhadap operasi Universiti.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

